Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji

Kitab Fikah Mazhab Syafie

Menghuraikan Bab:
Bersuci dan Sembahyang

PUSTAKA SALAM

Kitab Fikah Mazhab Syafie

Sidang Penterjemah Jilid 1-8

Ustaz Ridzuan bin Hashim, Ustaz Juanda bin Jaya,
Ustaz Azizi bin Ismail, Ustaz Mohd Asri bin Hashim,
Ustaz Salehan bin Ayub

Sidang Penyemak Jilid 1-8

Ustaz Anwar Fakhri bin Omar, Ustaz Mohd Asri bin Hashim,
Ustaz Hasan Basri bin Samion, Ustaz Abdul Halim bin Ismail,
Ustaz Ahmad Tarmidzi al-Muttaqi bin Mahmood,
Ustaz Wan Mohd Nasir bin Wan Abd Wahab,
Ustaz Engku Omar Amiruddin bin Engku Ali

SURAT KEIZINAN MENTERJEMAH, MENCETAK DAN MENGEDAR

دار المصـــــطفى
للطباعة والنشر والتوزيع
سوريا - دمشق
تلفاكس : 2250982 - ص.ب : 11392
E-mail:anasbugha@hotmail.com

بسم الله الرحمن الرحيم

إذن بالترجمة والطباعة والتوزيع

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه إلى يوم الدين . أما بعد :

نحن دار المصطفى أصحاب كتاب (الفقه المنهجي على مذهب الإمام الشافعي ، بكافة أشكاله وأجزائه) للمؤلفين (د. مصطفى البغا – د. مصطفى الخن – الشيخ علي الشربجي)

فقد أذننا لصاحب مكتبة (فوستاك سلام سندرين برحد 223960-D) في ماليزيا ، والتي تتمثل بصاحبها ومديرها الشيخ محمد عصري بن هاشم ونور الرشيد بن حسين ، بطباعة وترجمة الكتاب المذكور وتوزيعه في كافة أنحاء العالم باللغة الماليزية ، وتعتبر هذه الطبعة والتي تعود لمكتبة (فوستاك سلام – سندرين برحد) هي طبعة شرعية موافق عليها من قبل أصحاب الكتاب ، كما يحق لدار (فوستاك سلام سندرين برحد) ملاحقة أي طبعة مزورة لهذا الكتاب .

والله ولي التوفيق

2014 - 9 – 12

دار المصطفى
للطباعة والنشر والتوزيع
د. أنس مصطفى البغا

DARUL MUSTOFA
(Mencetak, Menerbit dan Mengedar)
Damsyik, Syria
Fax: 2250982, P.O.Box: 11392.
Emel: anasbugha@hotmail.com

Dengan nama Allah Yang Maha Merahmati lagi Maha Mengasihani.

KEIZINAN MENTERJEMAH, MENCETAK DAN MENGEDAR

Segala pujian milik Allah; Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh makhluk. Semoga rahmat, keampunan, keselamatan dan kesejahteraan dicurahkan oleh Allah s.w.t. ke atas Rasulullah s.a.w. serta ke atas ahli keluarga dan para sahabatnya sehingga Hari Perhitungan dan Pembalasan (iaitu Hari Kiamat).

Seterusnya;

Kami, Darul Mustofa, para pemilik sah kepada buku ***al-Fiqhul Manhaji 'ala Mazhabil Imam asy-Syafi'i,*** dengan segala bentuk dan juzuknya, karangan Dr. Mustofa al-Bugha, Dr. Mustofa al-Khiṇ dan Syeikh Ali asy-Syarbaji memberi keizinan kepada pemilik Pustaka Salam Sdn. Bhd. (223960-D) di Malaysia, yang diwakili oleh pemilik dan pengurusnya, Encik Mohd Asri bin Hashim dan Encik Noor Rashid bin Hussain, untuk mencetak, menterjemah dan mengedar buku yang dinyatakan di atas di seluruh dunia dalam Bahasa Malaysia.

Dengan itu, cetakan yang menjadi hak milik Pustaka Salam Sdn. Bhd. ini ialah cetakan yang sah yang dipersetujui oleh para pemilik buku yang dinyatakan di atas. Oleh itu, pemilik Pustaka Salam Sdn. Bhd. mempunyai hak untuk menghalang dan mendakwa mana-mana cetakan palsu yang tidak sah bagi buku tersebut.

Allah jualah Pemilik dan Pengurnia taufik (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya).

Dr. Anas Mustofa al-Bugha
DARUL MUSTOFA
(Mencetak, Menerbit dan Mengedar)

Tarikh: 12 September 2014

KANDUNGAN JILID 1 - 8

KANDUNGAN JILID 1

KANDUNGAN JILID 2

KANDUNGAN JILID 3

KANDUNGAN JILID 4

KANDUNGAN JILID 5

KANDUNGAN JILID 6

KANDUNGAN JILID 7

KANDUNGAN JILID 8

الفقه المنهجي
على مذهب الإمام الشافعي
Kitab Fikah
Mazhab
Syafie
1

KANDUNGAN JILID 1

BAB 2 : SEMBAHYANG

DARIPADA PENERBIT

Bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah rahmat-Nya kami dapat menyiapkan dan menerbitkan terjemahan lengkap buku '*Fiqhul Manhaji 'Ala Mazhabil Imam as-Syafie*' jilid 1 - 8 karangan Dr. Mistofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugha dan Ali asy-Syarbaji. Disini kami kemukan jilid dua buku '*Fiqhul Manhaji: Kitab Fikah Mazhab Syafie*' untuk tatapan dan kajian pembaca yang budiman.

Kitab ini menghuraikan persoalan fikah berdasarkan pandangan yang ada dalam mazhab Syafie. Di samping perbincangannya yang menyeluruh; meliputi hampir keseluruhan tajuk dalam bab fikah, ia tetap istimewa dari segi perbincangannya yang tidak meleret; terus kepada apa yang ingin disampaikan dan mudah difahami, disusun berdasarkan tajuk-tajuk kecil yang mudah dicari, serta pelbagai keistimewaan lain yang hanya dapat dirasai oleh pembacanya.

Kebanyakan hadis dan doa yang dibariskan dalam buku ini adalah diambil daripada CD *Ensaiklopedia Hadith Sunan Tis'ah*. Ia juga dirujuk kepada buku asal berbahasa Arab (Kebanyakan hadis dan doa di dalamnya telah dibariskan).

Kami tidak menafikan kemungkinan berlaku kesilapan dalam penterjemahan dan penerbitan buku ini, walaupun terjemahannya telah disemak oleh sidang penyemak. Oleh itu, sebarang teguran membina amat diharapkan. Keampunan dan rahmat Allah saya doakan. Segala kesempurnaan adalah milik-Nya.

Di sini kami ini ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Ustaz Ridzuan bin Hashim selaku penterjemah dan, Ustaz Anwar Fakhri bin Omar dan Ustaz Mohd Asri bin Hashim selaku penyemak buku *Kitab Fikah Mazhab Syafie* jilid satu ini.

Buat akhirnya, semoga usaha yang sedikit ini memberikan manfaat yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha yang kerdil ini, serta pembaca. Semoga Allah menjadikan segala amalan kita ikhlas kerana-Nya. Amin.

MUKADIMAH

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam yang telah berfirman dalam kitab-Nya yang nyata:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا۟ فِى ٱلدِّينِ

Maka hendaklah keluar dari tiap-tiap golongan antara mereka, beberapa orang untuk mendalami ilmu agama.

Selawat dan salam ke atas Penghulu kita Nabi Muhammad s.a.w. Rasul yang bersifat amanah, ketua golongan masyhur lagi mempunyai keberkatan yang telah menjelaskan dalam sabdanya:

مَنْ يُرِدِ اللّٰهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّيْنِ

Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah akan kebaikan, Allah akan menjadikannya orang yang faham (fakih) dalam urusan agama.

Selawat dan salam juga ke atas keluarganya yang suci bersih, dan para sahabatnya yang telah berperanan menyebarkan Agama ini, dengan mengemukakan hujah serta dalil yang terang dan nyata.

Sesungguhnya sebaik-baik perkara yang menyibukkan manusia ialah usahanya untuk mengetahui hukum-hukum berkenaan dengan halal dan haram, mengetahui amalan-amalan yang sah dan rosak (batal). Ilmu yang memainkan peranan untuk menjelaskan perkara tersebut ialah ilmu fikah.

Ramai di kalangan ulama' kita yang terdahulu telah mengarang kitab-kitab dalam bidang ini dengan jumlah yang tidak terhitung banyaknya. Tidak diragukan lagi bahawa setiap pengarang mendapati bahawa di sana ada kekurangan-kekurangan (dari segi penjelasan terhadap hukum-hakam) yang agama menuntutnya supaya menutup (menyempurnakan) kekurangan tersebut dan

terdapat juga beberapa keperluan yang semestinya digembelingkan segala usaha bagi menunaikan keperluan tersebut.

Oleh itu kita dapati di kalangan mereka, ada yang melihat keperluan tersebut perlu dijelaskan dengan panjang lebar, dan yang melihat ia perlu dijelaskan dalam bentuk yang ringkas, serta ada yang menjelaskan dalam bentuk-bentuk syair dan prosa.

Di kalangan mereka, ada yang membahaskan masalah-masalah pokok dan hukum-hukum furu' yang berkait dengannya dan ada juga yang hanya membahaskan masalah-masalah pokok tanpa mendedahkan perkara-perkara furu' (pecahan-pecahan masalah atau perkara-perkara cabang).

Semuanya bertujuan memenuhi ruang-ruang kosong yang mesti dipenuhi dan juga kekosongan di perpustakaan-perpustakaan Islam.

Mudah-mudahan Allah meredhai apa yang telah dilakukan dan mencatatkan amalan-amalan tersebut sebagai sedekah jariah, serta ilmu yang bermanfaat; pahalanya tidak akan putus-putus hingga hari kiamat.

Kami dapati terdapat keperluan kepada satu siri atau salsilah ilmu fikah yang menjelaskan tentang masalah-masalah pokok yang disertai dengan dalil-dalil Al-Quran dan As-Sunnah, disamping menjelaskan hikmat-hikmat hukum tersebut disyariatkan, yang mampu difikirkan oleh akal dengan menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami dan memperbanyakkan tajuk yang membincangkan masalah yang berkaitan.

Kami meyakini bahawa kami belum sampai ke tahap yang telah dicapai oleh ulama'-ulama' agong kita yang telah lalu, tetapi kami merasakan bahawa kewajipan ini perlu ditunaikan sekadar termampu, dengan memohon pertolongan daripada Allah s.w.t. sambil mengharapkan kepada para alim ulama' yang berkemampuan dan kelayakan agar menyempurnakan apa yang kurang, memperbaiki apa yang tidak betul dan membetulkan apa yang silap. Kerana kami tidak mengaku dan tidak sekali-kali mengaku bahawa kami telah mencapai tahap atau matlamat yang sebenar, walaupun telah menggembelingkan segala tenaga dan usaha yang ada.

Dengan itu, di sini kami kemukakan bahagian pertama daripada beberapa siri, di bawah tajuk *"bersuci"* dan *"sembahyang"* yang wajib ke atas setiap muslim mengetahuinya. Kami namakan salsilah atau

siri buku ini dengan ***Al-Fiqhul Manhaji*; Kitab Fikah Mazhab Syafie.**

Menjadi kewajipan saudara sekalian yang ingin sampai ke tahap yang lebih mulia, janganlah semata-mata mencari dan melihat kekurangan yang ada, malah hendaklah menunjukkan kepada kami perkara-perkara yang boleh menggagalkan matlamat kami tersebut.

Ya Allah Ya Tuhanku, jadikanlah niat dan amalan kami ini ikhlas semata-mata kerana-Mu, berilah taufik kepada kami ke arah melakukan perkara-perkara yang engkau suka dan redhai serta jadikanlah orang-orang Islam boleh mengambil manfaat daripada kerja-kerja kami dan tunjukkanlah kami ke jalan yang lurus dan betul.

Sidang Pengarang

PENDAHULUAN
(TAKRIF ILMU FIKAH, SUMBER DAN ISTILAHNYA)

Makna Fikah

Fikah mempunyai dua makna. Pertama: dari segi bahasa. Kedua: dari segi Istilah.

Dari segi **bahasa**: Fikah bermakna faham.

Firman Allah Taala:

فَمَالِ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلۡقَوۡمِ لَا يَكَادُونَ يَفۡقَهُونَ حَدِيثٗا ﴿٧٨﴾

Maka mengapa orang-orang itu (golongan munafik) hampir tidak memahami perbicaraan (pengajaran-pengajaran dan nasihat-nasihat yang diberikan kepada mereka).

(An-Nisa': 78)

Firman Allah Taala:

وَلَٰكِن لَّا تَفۡقَهُونَ تَسۡبِيحَهُمۡۚ

Tetapi kamu tidak dapat memahami tasbih mereka.

(Al-Isra': 44)

Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّ طُولَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقِصَرَ خُطْبَتِهِ مَئِنَّةٌ مِنْ فِقْهِهِ

Sesungguhnya seseorang yang sembahyangnya lama (sembahyang Jumaat) dan khutbahnya pendek adalah petanda kefahamannya.

(Muslim: 869)

Mengikut **istilah fikah**, kalimah fikah mempunyai dua makna:

Pertama: Mengetahui hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan dan perkataan orang-orang mukallaf yang diambil daripada dalil-dalil yang nyata dan jelas iaitu al-Quran, as-Sunnah dan pecahan daripada keduanya seperti ijmak dan ijtihad.

Contohnya: Kita mengetahui bahawa niat ketika berwudhuk adalah wajib berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Sesungguhnya segala amalan itu hanya (dikira) dengan niat.

(Al-Bukhari dan Muslim: 1907)

Contohnya lagi ialah seperti kita mengetahui bahawa niat pada waktu malam adalah syarat sah puasa berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ لَمْ يُبَيِّتِ الصِّيَامَ قَبْلَ الفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ

Sesiapa yang bermalam tanpa berniat untuk berpuasa sebelum terbit fajar maka tidak ada puasa baginya pada hari tersebut.

(Al-Baihaqi (4/202) dan Al-Daruqotni (2/172).
Beliau menyatakan kesemua rawinya adalah thiqah)

Contohnya lagi ialah seperti kita mengetahui bahawa sembahyang witir adalah sunat berdasarkan hadis yang menceritakan tentang seorang badwi yang bertanya Rasulullah s.a.w tentang sembahyang fardhu. Kemudian dia bertanya lagi, adakah masih ada sembahyang yang diwajibkan ke atasku? Jawab Rasulullah s.a.w:

Tidak. Melainkan kamu melakukan yang sunat.

(Al-Bukhari: 1792, dan Muslim: 11)

Contohnya lagi ialah seperti kita mengetahui bahawa sembahyang selepas Asar adalah makruh berdalilkan larangan Rasulullah s.a.w daripada melakukan sembahyang selepas selesai sembahyang Asar sehingga terbenam matahari sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (561) dan Muslim (827).

Contohnya lagi ialah seperti kita mengetahui bahawa menyapu sebahagian kepala (ketika berwudhuk) adalah wajib berdasarkan firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan sapulah kepala kamu.

Kesimpulannya: Semua hukum-hukum syarak yang kita ketahui di atas (yang berdasarkan kepada dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah) dinamakan dengan fikah dari segi istilah.

Kedua: Hukum-hukum syarak itu sendiri. Oleh itu, apabila kita berkata: Anda mempelajari Fikah. Ia bermakna anda mempelajari hukum syarak yang ada dalam kitab-kitab fikah yang bersandarkan kepada al-Quran, as-Sunnah, ijmak ulama' dan ijtihad mereka.

Contohnya: Hukum-hukum mengambil air sembahyang, hukum-hukum sembahyang, hukum-hukum jual beli, hukum-hukum perkahwinan dan penyusuan, hukum-hukum perang dan jihad, dan lain-lain.

Kesemua hukum-hukum syarak ini dinamakan dengan Fikah dari segi Istilah.

Oleh itu perbezaan antara kedua-dua istilah di atas ialah:

Istilah pertama digunakan pada "mengetahui hukum hakam" dan istilah kedua digunakan pada "hukum-hukum syarak itu sendiri".

Hubungan antara Fikah dengan Aqidah Islam

Di antara keistimewaan Fikah Islam (hukum-hukum syarak yang berkait dengan perbuatan dan perkataan orang mukallaf sebagaimana yang telah kita nyatakan) ialah ia mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan iman kepada Allah Taala dan mempunyai kaitan rapat dengan rukun-rukun aqidah Islamiyah terutamanya yang berkait dengan kepercayaan atau keimanan kepada hari akhirat.

Ini kerana keimanan kepada Allah akan menjadikan seseorang itu muslim berpegang teguh dengan hukum-hukum agama serta berjiwa sejati untuk mempraktikkannya dengan penuh ketaatan dan kerelaan.

Juga kerana orang yang tidak beriman kepada Allah tidak terikat dengan sembahyang, puasa dan akan bertindak tanpa mengambil kira halal dan haram. Dengan itu beriltizam dengan hukum-hukum syarak merupakan satu cabang daripada beriman kepada Allah yang telah menurunkan syariat kepada hamba-hamba-Nya.

Dalam Al-Quran terdapat banyak ayat yang menjelaskan hubungan antara hukum dengan iman serta hubungan antara ayariat dan aqidah. Di sini kami akan menyebut sebahagian daripadanya:

1. Allah Taala yang telah memerintahkan bersuci dan menjadikannya sebahagian daripada tuntutan iman kepada-Nya. Firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا قُمْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغْسِلُوا۟ وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى ٱلْمَرَافِقِ

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah muka kamu dan tangan-tangan kamu hingga ke siku...

(Al-Maidah: 6)

2. Allah Taala menyebut tentang sembahyang dan zakat seiringan dengan beriman kepada hari akhirat. Firman Allah Taala:

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٣﴾

(Iaitu) orang-orang yang mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan mereka yakin (beriman) dengan hari akhirat.

(Al-Naml: 3)

3. Allah Taala memfardhukan puasa yang membawa kepada ketakwaan dan dikaitkan dengan keimanan. Firman Allah Taala:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa.

(al-Baqarah: 183)

4. Allah Taala menyebutkan sifat-sifat terpuji yang menghiasi orang-orang Islam dan dikaitkan dengan keimanan kepadanya; dengan keimanan tersebut, melayakkanya untuk memasuki syurga. Firman Allah Taala yang bermaksud:

   Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada ***(perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna****. Dan orang-orang yang menunaikan zakat. Dan orang yang* ***menjaga kemaluannya****. Kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau* ***hamba yang mereka miliki****, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini* ***tiada tercela****. Barangsiapa mencari yang di sebalik itu, maka mereka itulah orang-orang yang* ***melampaui batas****. Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah (yang dipikulnya) dan janjinya. Dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi. (Yakni) yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya.*

   (al-Mukminun: 1-11)

Maksud *(perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna* ialah perkara batil dan perkataan atau perbuatan yang tidak berfaedah. Maksud *menjaga kemaluannya* ialah memelihara kemaluan daripada melakukan perkara-perkara haram khususnya perzinaan. Maksud *hamba yang mereka miliki* ialah perempuan yang dimiliki iaitu hamba-hamba perempuan. Maksud *tidak tercela* ialah tidak tercela dengan sebab menyetubuhi mereka (hamba-hamba perempuan). Maksud *melampaui batas* ialah mereka yang zalim dan melampaui batas.

5. Allah memerintahkan agar kaum lelaki berurusan (bermuamalat) secara baik dengan kaum wanita. Firman Allah Taala yang bermaksud:

   Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mempusakai wanita dengan jalan paksa dan janganlah kamu ***menyusahkan mereka****, kerana hendak mengambil kembali sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya, kecuali bila mereka melakukan* ***pekerjaan keji*** *yang nyata. Dan bergaullah dengan mereka secara baik (makruf). Kemudian jika kamu tidak menyukai mereka (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai*

sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikannya yang banyak.

(Al-Nisa': 19)

Maksud *menyusahkan mereka* ialah menghalang mereka daripada berkahwin. Maksud *pekerjaan keji* ialah akhlak yang buruk, derhaka atau zina.

6. Allah Taala memerintahkan agar isteri yang ditalak beriddah dengan 3 kali suci dan tidak menyembunyikan apa yang ada dalam rahimnya jika ia hamil. Perkara tersebut telah dikaitkan dengan beriman kepada Allah serta hari akhirat. Firman Allah Taala yang bermaksud:

   Perempuan-perempuan yang ditalak, hendaklah menunggu tiga kali suci. Tidak boleh mereka menyembunyikan apa yang diciptakan oleh Allah dalam rahim-rahim mereka, jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat.

   (al-Baqarah: 228)

7. Allah memerintahkan supaya menjauhi arak, judi, menyembelih untuk berhala dan tenung nasib dengan anak panah setelah menyeru orang-orang beriman dengan sifat iman, sebagai menandakan bahawa menjauhi perkara-perkara yang dilarang tersebut ada kaitannya dengan kesucian dan kemurnian iman mereka. Firman Allah Taala yang bermaksud:

   Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, meyembelih untuk berhala dan mengundi nasib dengan anak panah adalah perbuatan keji dari perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan tersebut, mudah-mudahan kamu berjaya.

   (al-Maidah: 90)

8. Allah Taala telah mengharamkan riba dan mengaitkan perbuatan meninggalkannya dengan tercapainya ketakwaan dan keimanan kepada Allah. Firman Allah Taala yang bermaksud:

   Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kepada Allah, mudah-mudahan kamu berjaya.

   (Aali-Imran: 130)

   Firman Allah Taala yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah, dan tinggalkan sisa-sisa riba, jika kamu orang-orang yang beriman.

(al-Baqarah: 278)

9. Allah menggesa dan menggalakkan supaya bekerja dan beramal, dalam masa yang sama Dia melengkapkan prasarana agar manusia yang beramal itu sentiasa merasakan pemerhatian Allah dan kerja itu dilakukannya dengan penuh tanggungjawab. Firman Allah yang bermaksud:

   Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang beriman akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang Maha Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, dan Dia akan memberitahui kepada kamu, tentang apa yang kamu lakukan.

   (at-Taubah: 105)

Demikianlah. Jarang sekali anda dapati sesuatu hukum yang terdapat dalam al-Quran, melainkan ia disertakan dengan beriman kepada Allah dan mempunyai kaitan dengan rukun-rukun Aqidah Islam.

Oleh itu fikah Islam merupakan hukum hakam agama yang suci dan mempunyai roh di sebalik ia disyariatkan, kerana ia merupakan hukum-hukum syarak yang datang daripada Allah dan mendapat keredhaan-Nya jika ditaati dan mendapat kemurkaan-Nya jika diingkari.

Hukum-hukum syarak bukanlah seperti hukum-hukum Kanun (Undang-undang Biasa/Manusia) yang mana manusia tidak merasai sedikitpun dalam hati kecil mereka ikatan dan hubungan dengan pencipta-Nya iaitu Allah Taala. Firman Allah Taala:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ
ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟
تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak

merasa keberatan dalam hati mereka terhadap apa yang telah kamu putuskan dan mereka menerima dengan sepenuhnya.
(an-Nisaa': 65)

Fikah Islam Merangkumi Semua Keperluan Manusia

Tidak diragukan lagi bahawa kehidupan manusia terdiri daripada pelbagai aspek dan kebahagiaan mereka diperolehi dengan memelihara semua aspek-aspek tersebut melalui penyusunan dan perundangan yang rapi.

Oleh kerana Fikah Islam merupakan hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah untuk hamba-hamba-Nya bagi menjaga kemaslahatan dan menghindari berlakunya kerosakan, maka Fikah Islam datang dalam keadaan merangkumi aspek tadi, dan menyusun semua keperluan manusia dengan hukum-hukumnya.

Di sini dinyatakan penjelasan lanjut mengenainya. Kalau kita melihat kitab-kitab Fikah yang mengandungi hukum-hukum syarak yang disandarkan kepada kitab Allah, sunnah Rasul-Nya, ijmak ulama' dan ijtihad mereka, kita akan dapati hukum-hukum tersebut terbahagi kepada **tujuh bahagian** dan daripadanya dibentuk perundangan umum bagi menjamin kehidupan manusia sama ada dalam bentuk individu atau masyarakat.

Bahagian Pertama

Hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadat kepada Allah seperti berwudhuk, sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Hukum-hukum ini dinamakan Hukum Ibadat.

Bahagian Kedua

Hukum-hukum yang berkaitan dengan kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian, keturunan, penyusuan, nafkah, perwarisan dan lain-lain. Hukum-hukum ini dikategorikan sebagai Hukum-Hukum Hal Ehwal Kekeluargaan.

Bahagian Ketiga

Hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia, muamalah sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain seperti berjual beli, gadaian, sewaan, pendakwaan, keterangan-keterangan, penunaian dan lain-lain. Ia dinamakan sebagai Hukum-Hukum Muamalat.

Bahagian Keempat

Hukum-hukum yang berkaitan dengan kewajipan pemerintah seperti menegakkan keadilan, menolak kezaliman dan melaksanakan hukum-hukum. Begitu juga kewajipan rakyat mentaati pemimpin dalam perkara yang bukan maksiat dan lain-lain lagi. Ia dikenali dengan Hukum-Hukum Pemerintahan atau Siasah Syar'iyyah (corak pemerintahan yang berasaskan kepada hukum Syarak)

Bahagian Kelima

Hukum-hukum yang berkaitan dengan hukum yang dijatuhkan ke atas orang yang bersalah, menjaga keamanan dan peraturan seperti hukuman kepada pembunuh, pencuri, peminum arak dan seumpamanya. Hukum-hukum ini dikenali dengan *'Uqubah* (hukuman).

Bahagian Keenam

Hukum-hukum yang mengatur hubungan antara negara Islam dengan negara-negara lain ketika peperangan dan damai. Ia dinamakan dengan *as-Siyar.*

Bahagian Ketujuh

Hukum-hukum yang berkaitan dengan akhlak, sifat malu, pekerti yang baik dan buruk dan lain-lain. Bahagian ini dinamakan dengan Hukum Akhlak dan Adab-Adab.

Demikianlah kita dapati Ilmu Fikah merangkumi hukum-hukum yang berkaitan dengan segala keperluan manusia dan mengandungi semua perkara yang sesuai dengan kehidupan mereka sama ada individu atau masyarakat.

Fikah Islam Mementingkan Kemudahan dan Mengelak Kesulitan

Erti Kemudahan

Sesungguhnya Islam adalah agama yang menjaga keperluan dan menjamin kebahagiaan manusia melalui hukum hakam yang disyariatkan.Oleh itu, manusia mampu dan berkuasa untuk melaksanakan semua hukum hakam tersebut, dan tidak ada yang tidak mampu dilaksanakan oleh mereka.

Mana-mana mukallaf yang menghadapi kesulitan dan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut atau dengan melakukannya, ia boleh membawa kepada masyaqqah (bebanan) yang lebih berat disebabkan keadaan-keadaan tertentu, maka Islam membuka pintu kemudahan dan keringanan di hadapannya.

Dalil Menunjukkan Islam Agama yang Memudahkan

Firman Allah Taala:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Dan Allah (sekali-kali) tidak menjadikan ke atas kamu dalam agama suatu kesempitan.

(Al-Haj: 78)

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.

(Al-Baqarah: 185)

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Allah tidak mentaklifkan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya.

(Al-Baqarah: 286)

Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّ الدِّيْنَ يُسْرٌ

Sesungguhnya Agama (Islam) itu adalah mudah.

(Al-Bukhari: 39)

Contoh Kemudahan yang Diberikan oleh Islam

1. Sembahyang dalam keadaan duduk bagi mereka yang tidak mampu berdiri. Sabda Rasulullah s.a.w:

   صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَي جَنْبٍ

   Sembahyanglah kamu dalam keadaan berdiri. Jika kamu tidak mampu, maka dalam keadaan duduk. Dan jika tidak mampu maka sembahyang dalam keadaan mengiring.

   (Al-Bukhari (1066))

2. Memendekkan (menqasarkan) sembahyang empat rakaat menjadi dua rakaat dan menghimpunkan antara dua sembahyang bagi orang yang bermusafir. Firman Allah Taala:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي ٱلْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَقْصُرُوا۟ مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ

Dan apabila kamu bermusafir di bumi Allah, maka tidak mengapa ke atas kamu memendekkan (Qasar) sembahyang.
(An-Nisa': 101)

Al-Bukhari (1056) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. katanya:

يَجْمَعُ بَيْنَ صَلاَةِ الظُّهْرِ وَالعَصْرِ إِذَا كَانَ عَلَي ظَهْرِ سَيْرٍ وَيَجْمَعُ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالعِشَاءِ

Rasulullah s.a.w menghimpunkan antara sembahyang Zohor dan Asar, ketika Baginda bermusafir dan Baginda (juga) menghimpunkan antara Maghrib dan Isyak.

Sumber-sumber Fikah Islam

Sebagaimana yang telah kita jelaskan bahawa Fikah Islam adalah himpunan hukum-hukum syarak yang diperintahkan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya. Semua hukum adalah berdasarkan kepada empat sumber:

1. Al-Quran
2. As-Sunnah
3. Al-Ijma'
4. Al-Qias

1. Al-Quranul Karim

Al-Quran ialah *Kalamullah* yang diturunkan kepada Nabi s.a.w untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya iman. Ia tertulis di lembaran-lembaran kertas.

Al-Quran merupakan sumber rujukan bagi menentukan hukum-hukum Fikah Islam. Oleh itu apabila kita menghadapi sesuatu masalah, kita hendaklah kembali kepada Al-Quran terlebih dahulu untuk mencari hukum. Jika kita dapati hukum tersebut di dalamnya, maka hendaklah berhukum dengannya dan tidak boleh merujuk kepada yang lain daripada Al-Quran.

Apabila kita ditanya berkenaan dengan hukum arak, berjudi, pemujaan berhala, penentuan nasib melalui batang-batang anak panah, kita hendaklah kembali kepada Al-Quran dan kita akan dapati di dalamnya firman Allah yang berbunyi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

(Al-Maidah: 90)

Apabila kita ditanya berkenaan dengan jualbeli dan riba kita akan dapati hukumnya di dalam kitab Allah. Allah s.w.t. berfirman:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ

Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.
(Al-Baqarah: 275)

Apabila ditanya tentang hukum berhijab (memakai hijab) kita akan dapati hukumnya pada firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup ***belahan leher bajunya dengan tudung kepala*** *mereka.*

(Al-Nur: 31)

Maksud *menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala* ialah menutup bahagian atas tubuhnya (dada dan leher) berserta kepala.

Kita juga dapati hukum tersebut pada firman Allah Taala yang bermaksud:

Wahai Nabi, suruhlah isteri-isteri kamu, dan anak-anakmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih sesuai

untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu dan (Ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun lagi Amat Mengasihani.

(Al-Ahzab: 59)

Demikianlah kita dapati bagaimana Al-Quran merupakan sumber pertama bagi hukum-hukum Fikah Islam. Walau bagaimanapun, ayat-ayat Al-Quran tidaklah menjelaskan semua jenis masalah dan menerangkan hukum serta menyatakan nas mengenainya. Sekiranya Al-Quran datang dalam bentuk tersebut, nescaya ia akan lebih banyak berganda-ganda daripada apa yang ada sekarang.

Al-Quran hanya menerangkan secara terperinci perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah dan secara ijmali (umum) berkenaan ibadat dan muamalat. Ia juga menggariskan panduan umum bagi kehidupan orang-orang Islam dan sunnah menghuraikannya secara terperinci.

Sebagai contoh, Al-Quran memerintah supaya didirikan sembahyang tetapi ia tidak menjelaskan cara menunaikannya dan bilangan rakaatnya. Begitu juga dalam masalah mengeluarkan zakat. Ia tidak menerangkan kadar, nisab dan harta yang wajib dikeluarkan. Al-Quran juga memerintahkan agar disempurnakan aqad tetapi ia tidak menjelaskan aqad-aqad sah yang wajib ditunaikan dan disempurnakan. Demikianlah juga dengan banyak lagi masalah yang lain.

Oleh itu, Al-Quran mempunyai hubungan dan kaitan yang rapat dengan As-Sunnah yang menjelaskan garis-garis panduan dan masalah yang umum tersebut secara jelas dan terperinci.

2. As-Sunnah yang Mulia

As-Sunnah ialah semua yang dinaqalkan (dipindahkan atau diambil) daripada Nabi s.a.w.; perkataan, perbuatan dan taqrir (pengakuan).

Contoh perkataan/ucapan Nabi s.a.w ialah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Nabi s.a.w bahawa Baginda bersabda:

سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ وَقِتَالُهُ كُفْرٌ

Mencaci / Mencela orang Islam adalah fasiq dan memeranginya adalah kufur.

Contoh perbuatan ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Aisyah r.ha. apabila dia ditanya tentang apa yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w di rumahnya, Aisyah menjawab:

كَانَ يَكُونُ فِي مِهْنَةِ أَهْلِهِ. فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ خَرَجَ إِلَي الصَّلَاةِ

Rasulullah s.a.w melakukan kerja keluarganya (iaitu membantu mereka) dan apabila tiba (waktu) sembahyang Rasulullah pergi menunaikannya.

Contoh taqrir sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

رَأَي النَّبِيُّ ﷺ رَجُلًا يُصَلِّي بَعْدَ صَلَاةِ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: أَصَلَاةَ الصُّبْحِ مَرَّتَيْنِ؟ فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ: إِنِّي لَمْ أَكُنْ صَلَّيْتُ الرَّكْعَتَيْنِ اللَّتَيْنِ قَبْلَهُمَا فَصَلَّيْتُهُمَا. قَالَ فَسَكَتَ النَّبِيُّ ﷺ

Nabi s.a.w melihat seorang lelaki menunaikan sembahyang dua rakaat setelah menunaikan sembahyang subuh. Lalu Nabi s.a.w menegur dengan sabdanya: Sembahyang subuh (hanya) dua rakaat sahaja. Lelaki itu berkata: Saya belum lagi sembahyang dua rakaat (yang disunatkan) sebelum sembahyang Subuh, maka saya melakukannya sekarang, lalu Rasulullah s.a.w mendiamkan diri.

Diamnya Rasulullah s.a.w ini dianggap satu *iqrar* (pengakuan) daripada Baginda s.a.w bahawa sembahyang sunat *qabliyyah* (sebelum sembahyang subuh) adalah disyariatkan yakni dibenarkan dilakukan selepas sembahyang subuh bagi mereka yang tidak sempat menunaikannya sebelum menunaikan sembahyang subuh.

Kedudukan As-Sunnah

As-Sunnah menduduki martabat kedua sebagai sumber rujukan selepas Al-Quranul Karim. Dengan erti kata yang lain: Kita kembali dahulu kepada Al-Quran, kemudian sekiranya tidak didapati hukum di dalamnya, barulah kembali merujuk kepada As-Sunnah.

Apabila didapati (hukum tersebut) di dalam As-Sunnah, maka hendaklah kita beramal dengannya sebagaimana (beramal dengannya) jika didapati dalam Al-Quran. Disyaratkan hukum tersebut hendaklah thabit daripada Rasulullah s.a.w dengan sandaran (sanad) yang sahih.

Peranan As-Sunnah

Peranan As-Sunnah ialah menjelas dan menerangkan apa yang ada di dalam Al-Quran. Al-Quran sebagaimana yang telah kita jelaskan, menyatakan dalil wajibnya sembahyang dalam bentuk yang umum dan As-Sunnah datang untuk menerangkan dengan terperinci bagaimana cara menunaikannya dari segi perkataan dan perbuatan.

Terdapat hadis sahih daripada Rasulullah s.a.w., sabdanya:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Sembahyanglah kamu, sebagaimana kamu melihat aku sembahyang.

(Al-Bukhari (605))

As-Sunnah juga menerangkan bagaimana melakukan ibadat haji sebagaimana dalam sabda Baginda:

خُذُوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ

Ambillah (contoh) daripada Aku bagaimana melakukan kerja-kerja ibadat haji

(Al-Bukhari)

As-Sunnah juga menerangkan aqad-aqad yang harus dan yang haram dalam muamalat dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, As-Sunnah juga menyatakan beberapa hukum yang tidak terdapat dalam Al-Quran seperti hukum haram memakai cincin emas dan pakaian sutera bagi kaum lelaki.

Kesimpulannya: As-Sunnah merupakan sumber kedua selepas Al-Quran dan wajib beramal dengan hukumnya. Ia amatlah penting bagi memahami Al-Quran dan beramal dengannya.

3. Al-Ijma'

Makna *al-Ijma'* ialah: Persepakatan semua ulama' mujtahid di kalangan umat Nabi Muhammad s.a.w pada satu-satu zaman terhadap sesuatu hukum syarak.

Oleh itu, apabila para ulama' sama ada di zaman sahabat atau selepas itu bersepakat terhadap satu-satu hukum syarak maka persepakatan mereka dianggap sebagai ijma'. Hukum beramal dengannya adalah wajib.

Dalilnya ialah Nabi s.a.w pernah menyatakan bahawa ulama'-ulama' orang Islam sekali-kali tidak akan berhimpun (bersepakat) di dalam perkara kesesatan. Oleh itu apa yang menjadi sepakat di kalangan mereka adalah benar.

Imam Ahmad meriwayatkan dalam musnadnya (6/396) daripada Abu Basrah Al-Ghifari r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

سَأَلْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ لاَ يَجْمَعَ أُمَّتِيْ عَلَي ضَلاَلَةٍ فَأَعْطَانِيْهَا

Aku telah memohon daripada Allah Azzawajalla agar umatku tidak berhimpun (bersepakat) di dalam perkara kesesatan, lalu Allah memperkenankannya.

Contoh Ijma'

Sepakat para sahabat r.a. bahawa datuk (lelaki) mendapat 1/6 bahagian daripada harta warisan apabila simati mempunyai anak lelaki dan tidak ada bapa.

Kedudukan Ijma'

Ijma' merupakan sumber rujukan yang ketiga daripada sumber-sumber hukum (selepas Al-Quran dan As-Sunnah).

Apabila kita tidak dapati sesuatu hukum di dalam Al-Quran dan As-Sunnah maka kita lihat, adakah perkara tersebut telah disepakati oleh ulama' atau tidak. Sekiranya ia merupakan Ijma' ulama', maka hendaklah kita menerima dan beramal dengannya.

4. Al-Qias

Al-Qias ialah menyamakan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan hukumnya dengan perkara yang lain yang dinaskan hukumnya disebabkan ada persamaan antara keduanya dari segi *illah* (sebab yang membawa kepada sesuatu hukum).

Kita hendaklah menggunakan qias, apabila tidak mendapati ayat-ayat al-Quran, hadis dan ijmak ulama' yang menjelaskan hukum terhadap satu-satu masalah.

Kedudukan Al-Qias

Al-Qias merupakan sumber hukum yang ke empat daripada sumber-sumber hukum (selepas Al-Quran, As-Sunnah dan Ijma').

Rukun-rukun Qias

Rukun qias ada empat iaitu:

i. Asal yang menjadi asas untuk diqiaskan ke atasnya.
ii. Furu' (cabang) iaitu perkara yang diqiaskan.
iii. Hukum asal yang dinaskan.
iv. *Illah* yang menyamakan antara asal dan furu'.

Contoh Qias

Allah s.w.t. mengharamkan arak sebagaimana yang telah dinaskan di dalam Al-Quran. *Illah* (sebab) ia diharamkan ialah kerana ia memabukkan yang boleh menghilangkan akal. Oleh itu apabila kita dapati mana-mana minuman yang namanya bukan arak tetapi memabukkan, maka kita hukumkannya sebagai haram, kerana menqiaskannya (menyamakannya) dengan arak. Ini kerana *Illah* (sebab) pengharaman arak (sesuatu yang memabukkan) ada pada minuman tersebut. Oleh itu ia dihukumkan haram sebagaimana hukum meminum arak.

Semua yang disebutkan adalah sumber hukum syarak. Kami menyebutnya di sini supaya kita mendapat sedikit manfaat daripadanya. Penjelasan lanjut lagi terperinci mengenainya, bolehlah kita dapati daripada buku-buku Usul Fiqh.

Keperluan Beriltizam dengan Fikah Islam dan Berpegang dengan Hukumnya

Sesungguhnya Allah mewajibkan ke atas orang-orang Islam supaya berpegang teguh dengan hukum-hukum Fikah Islam dan beriltizam dengannya dalam semua aktiviti kehidupan dan hubungan sesama mereka.

Hukum hakam tersebut semuanya bersandarkan kepada nas-nas Al-Quran dan As-Sunnah. Sementara Ijma' dan Qias (pada hakikatnya) juga bersandarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Oleh itu apabila orang-orang Islam meninggalkan hukum-hukum tersebut, bermakna mereka meninggalkan Al-Quran dan As-Sunnah serta cuai terhadap keseluruhan agama Islam. Ketika itu nama mereka sebagai orang-orang Islam tidak memberi apa-apa manfaat dan makna lagi kepada mereka. Begitu juga dakwaan

mereka sebagai orang-orang beriman. Ini kerana Iman pada hakikatnya ialah membenarkan (di dalam hati) dengan (apa yang diperintahkan) oleh Allah, apa yang terkandung di dalam kitab-Nya dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Dan Islam yang hakiki pula ialah taat dan melakukan segala apa yang dibawa oleh Ar-Rasul s.a.w daripada Tuhannya dengan tunduk dan redha.

Hukum-hukum Fikah adalah tetap, tidak berubah dan tidak bertukar dengan berubahnya masa dan tidak harus meninggalkannya dalam keadaan mana sekalipun.

Dalil-dalil Al-Quran dan As-Sunnah

Terlalu banyak dalil-dalil dalam Al-Quran dan As-Sunnah yang menunjukkan wajibnya beriltizam dengan hukum-hukum fikah dan berpegang teguh dengannya. Antara dalil-dalil daripada Al-Quran ialah:

1. اتَّبِعُوا مَا أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءَ

   Ikutilah apa yang diturunkan kepada kamu daripada Tuhanmu, dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya.

   (Al-A'raf: 3)

2. فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

   Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang kamu perselisihkan, kemudian mereka tidak merasakan keberatan dalam hati mereka terhadap apa yang telah kamu putuskan dan mereka menerima dengan sepenuhnya.

   (An-Nisa': 65)

3. وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانتَهُوا

Apa yang didatangkan kepada kamu oleh Rasul maka ambillah dan apa yang dilarang kepada kamu daripadanya, maka tinggalkanlah.

(Al-Hasyr: 7)

4. إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ بِٱلْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ ۚ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾

Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada engkau (Muhammad) Al-Kitab dengan kebenaran untuk engkau menghukum di antara manusia dengan apa yang ditunjuki Allah. Jangan kamu menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat.

(An-Nisa':105)

Nas-nas di atas memerintahkan supaya mengikut apa yang diturunkan oleh Allah dan menjadikan Rasulullah s.a.w serta sunnahnya sebagai hakim kepada semua yang berkaitan dengan muamalat sesama manusia, dan juga melarang daripada melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya. Oleh itu sesiapa yang memilih hukum-hukum yang lain daripada apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasulnya, bermakna dia telah sesat dengan kesesatan yang jauh. Allah Taala berfirman yang bermaksud:

Dan tidaklah patut bagi laki-laki dan perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan suatu ketetapan akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya maka dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

(Al-Ahzab:36)

Dalil daripada As-Sunnah

Terdapat banyak hadis mengenainya, antaranya:

1. Hadis riwayat Al-Bukhari (2797) dan Muslim (1835) daripada Abu Hurairah katanya, Rasulullah s.a.w bersabda:

   مَنْ أَطَاعَنِيْ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ. وَمَنْ عَصَانِيْ فَقَدْ عَصَى اللَّهَ

   Sesiapa yang mentaati aku, maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah, dan barangsiapa yang menderhakai aku maka sesungguhnya dia telah menderhakai Allah.

2. وَالَّذِي نَفْسِيْ بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُوْنَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ

Demi Tuhan yang diriku berada di tangannya (di bawah kekuasaan-Nya)! Tidak beriman seseorang daripada kamu, sehinggalah hawa nafsunya mengikut apa yang aku bawa.

Hadis ini disebut oleh Al-Imam Nawawi di dalam kitabnya Hadis 40 dan beliau menyatakan hadis ini adalah hadis sahih.

3. Abu Daud (4907) dan Tirmidzi (2678) meriwayatkan hadis:

عَلَيْكُمْ بِسُنَّتِيْ

Hendaklah kamu berpegang dengan Sunnahku.

4. Imam Muslim (1218), Abu Daud (1905) dan Imam Malik (24899) dalam kitabnya Al-Muwatta' meriwayatkan hadis:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ مَا إِنْ أَخَذْتُمْ بِهِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدِيْ: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِيْ

Aku tinggalkan kepada kamu suatu perkara yang mana selagi kamu berpegang dengannya, kamu sekali-kali tidak akan sesat; iaitu Kitab Allah dan Sunnahku.

Dalil-dalil daripada Al-Quran dan As-Sunnah di atas jelas menunjukkan betapa wajibnya mengikut hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah dalam kitab-Nya kepada hamba-hamba-Nya dan juga yang disyariatkan melalui lidah Nabinya s.a.w..

Firman Allah Taala:

فَلْيَحْذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Allah dan Rasul takut akan ditimpa cubaan atau ditimpa azab yang pedih.

(An-Nur: 63)

Pengenalan Beberapa Istilah Fikah

Sebelum memulakan bab-bab fikah dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya, maka mestilah diketahui terlebih dahulu beberapa istilah fikah yang menjadi berkisarnya semua masalah-masalah fikah. Istilah-istilah tersebut ialah:

1. Fardhu

Fardhu ialah apa yang dituntut oleh Allah dengan tuntutan secara putus (*jazim*); pelakunya diberikan pahala dan dikenakan azab kepada yang meninggalkannya. Contohnya: *Ibadat Puasa*

Syariat Islam telah menuntut kita menunaikannya dengan tuntutan secara putus sebagaimana firman Allah Taala:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

Diwajibkan (difardhukan) ke atas kamu berpuasa.

(al-Baqarah: 183)

Oleh itu apabila kita berpuasa, akan diberikan balasan syurga dan sekiranya tidak berpuasa, maka akan dikenakan azab dalam neraka.

2. Wajib

Di sisi Mazhab Syafi'e, wajib dan fardhu adalah sama. Kedua-duanya sama kecuali dalam ibadat haji.

Wajib dalam masalah haji ialah perkara yang apabila ditinggalkan tidak membawa kepada luput dan batalnya ibadat haji.

Contoh: Melontar anak-anak batu di ketiga-tiga Jamrah, berihram di Miqat dan lain-lain lagi daripada perkara-perkara wajib haji. Oleh itu apabila seseorang yang menunaikan haji meninggalkan perkara-perkara wajib di dalam ibadat haji, hajinya tetap sah tetapi ia dianggap sebagai seorang yang berlaku tidak elok dalam ibadat hajinya. Dia wajib membayar fidyah dengan menyembelih binatang ternakan.

Manakala Fardhu di dalam ibadat haji ialah perkara yang apabila ditinggalkan akan menyebabkan luput dan tidak sah ibadat tersebut.

Contohnya: Berwukuf di padang Arafah, Tawaf Wajib, dan lain-lain fardhu. Apabila seseorang meninggalkannya ketika menunaikan haji, maka hajinya batal dan tidak sah.

3. Fardhu 'Ain

Fardhu 'Ain ialah tuntutan wajib ke atas setiap individu mukallaf dengan tuntutan secara putus (*jazim*) seperti sembahyang, puasa dan haji bagi yang berkemampuan. Ibadat-ibadat ini wajib ke atas setiap mukallaf dan tidak memadai dengan hanya didirikan oleh sebahagian mukallaf tanpa sebahagian yang lain.

4. Fardhu Kifayah

Fardhu Kifayah ialah suatu tuntutan ke atas sekumpulan orang Islam, bukan ke atas setiap individu. Dengan kata lain: Apabila sebahagian mereka melakukan tuntutan tersebut (sehingga terlaksana), maka ia memadai dan dosa orang-orang lain (yang tidak melakukannya) akan gugur. Tetapi semuanya dianggap derhaka dan berdosa sekiranya tidak ada seorang pun yang menunaikannya. Contohnya: Menguruskan jenazah dan menyembahyangkannya. Adalah menjadi kewajipan ke atas orang Islam menguruskan jenazah dengan memandikan, mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikannya. Kewajipan ini akan tertunai (mencapai maksudnya) apabila sebahagian orang Islam melakukannya. Sekiranya tidak ada seorang pun yang menguruskannya, maka semua orang Islam berdosa kerana mereka meninggalkan Fardhu Kifayah yang diwajibkan ke atas orang Islam secara berkumpulan.

5. Rukun

Rukun ialah perkara yang wajib kita lakukan dan ia adalah satu juzuk daripada hakikat sesuatu perbuatan seperti membaca Fatihah, rukuk dan sujud dalam sembahyang. Perkara-perkara ini dinamakan sebagai rukun.

6. *Syarat*

Syarat ialah perkara yang wajib kita lakukan. Tetapi ia bukan satu juzuk daripada hakikat sesuatu perbuatan, bahkan ia adalah muqaddimah (permulaan) kepadanya seperti berwudhuk, masuk waktu sembahyang dan mengadap kiblat. Semua perkara tersebut adalah di luar daripada hakikat sembahyang tetapi merupakan muqaddimah kepada menunaikannya yang mesti dilakukan bagi memastikan sembahyang tersebut sah.

7. Sunat (*al-Mandub*)

Sunat ialah perkara yang dituntut oleh ṣyarak supaya melakukannya tetapi dengan tuntutan secara tidak putus; pelakunya diberikan pahala dan tidak berdosa jika ditinggalkan.

Contoh: Sembahyang sunat Dhuha, sembahyang malam, berpuasa enam hari di bulan Syawal dan lain-lain. Ibadat-ibadat ini akan diberikan pahala, apabila dilakukan tetapi tidak berdosa jika ditinggalkan.

Selain perkataan *al-mandub*, perkataan *sunnah, mustahabb, tatowwu'* dan *nafl* memberi makna yang sama.

8. Harus

Harus iaitu suatu perkara yang sama sahaja sama ada melakukannya atau meninggalkannya, kerana syarak tidak memerintahkan kita supaya meninggalkannya dan tidak juga memerintah kita supaya melakukannya. Bahkan diberikan kebebasan kepada kita untuk meninggalkannya atau melakukannya. Oleh itu perbuatan tersebut tidak diberi pahala atau dosa sama ada ia dilakukan atau ditinggalkan.

Contohnya: Firman Allah s.w.t.:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ

Apabila telah ditunaikan sembahyang maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurniaan daripada Allah.
(Jum'ah: 10)

Ayat di atas memberi makna bahawa bekerja selepas sembahyang adalah harus. Oleh itu terpulang kepada individu sama ada ingin melakukannya atau tidak.

9. Haram

Haram ialah perkara yang dituntut oleh syarak supaya ditinggalkan dengan tuntutan secara putus; diberikan pahala jika ditinggalkan kerana menurut perintah Allah dan dikenakan dosa jika dilakukan. Contohnya:

i. Membunuh. Firman Allah Taala :

وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ

Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan (dengan suatu alasan) yang benar.

(Al-Isra': 33)

ii. Makan harta manusia secara batil. Firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan janganlah kamu memakan harta antara kamu dengan cara yang batil.

(Al-Baqarah: 188)

Oleh itu apabila manusia melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Allah, dia akan berdosa dan dikenakan balasan azab. Dia akan diberikan pahala oleh Allah jika meninggalkannya semata-mata kerana mematuhi perintah Allah.

Perkataan haram juga sama maknanya dengan perkataan *mahzur* (perkara yang dilarang), maksiat dan *zunub* (dosa).

10. Makruh

Makruh terbahagi kepada dua bahagian:

i) Makruh *tahrim*

ii) Makruh *tanzih*

i. *Makruh Tahrim*

Makruh *tahrim* ialah apa yang dituntut oleh syarak supaya ditinggalkan dengan suatu tuntutan secara putus. Tetapi tuntutan tersebut tahapnya kurang daripada tuntutan meninggalkan yang haram; diberikan pahala jika ditinggalkan semata-mata kerana mematuhi arahan Allah dan dikenakan balasan jika dilakukan, tetapi tidak sama dengan balasan jika melakukan perkara yang hukumnya haram. (Makruh yang martabatnya hampir sama dengan haram. pent)

Contoh: Sembahyang sunat mutlak ketika terbit atau ketika terbenam matahari. Sembahyang sunat ini dihukum dengan makruh *tahrim*.

ii. *Makruh Tanzih*

Makruh *tanzih* ialah apa yang dituntut oleh syarak supaya ditinggalkan dengan suatu tuntutan secara tidak putus; diberi

pahala apabila ditinggalkan kerana mematuhi arahan Allah, dan tidak dikenakan balasan azab jika dilakukan.

Contoh: Berpuasa pada hari Arafah bagi jemaah haji. Sekiranya puasa ditinggalkan kerana mematuhi arahan Allah, ia akan diberikan pahala, dan tidak akan dikenakan balasan dosa jika ditunaikan puasa tersebut.

11. Tunai

Tunai iaitu ibadat yang dilakukan dalam waktu yang telah ditetapkan oleh syarak

Contoh: Berpuasa Ramadhan pada bulan Ramadhan dan sembahyang Zohor dalam waktunya yang telah ditetapkan.

12. Qada'

Qada' ialah ibadat wajib yang dilakukan di luar waktu yang telah ditentukan oleh syarak.

Contoh: Orang yang berpuasa Ramadhan di luar bulan Ramadhan setelah meninggalkannya atau sembahyang Zohor di luar waktu yang ditentukan kepadanya oleh syarak kerana meninggalkannya.

Qada' adalah wajib, sama ada ibadat tersebut ditinggalkan dengan sebab uzur atau sebaliknya. Cuma perbezaan keduanya ialah ibadat yang ditinggalkan dengan sebab tidak uzur, dikenakan dosa dan yang ditinggalkan dengan sebab uzur tidak dikenakan dosa.

Firman Allah Taala:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ
سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ

Oleh itu, barang siapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu, dan barang siapa yang sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain.

(al-Baqarah: 185)

Maksud ayat ini ialah sesiapa yang berbuka kerana sakit atau bermusafir, maka dia wajib mengqada'kan puasa yang ditnggalkan pada hari yang lain selepas Ramadhan.

13. Mengulang (I'adah)

Mengulang ialah ibadat yang dilakukan dalam waktu yang ditetapkan buat kali yang kedua kerana ingin mendapat kelebihan yang banyak.

Contoh: Seorang yang sembahyang Zohor berseorangan kemudian, datang satu kumpulan orang ramai untuk menunaikan sembahyang secara berjemaah, maka disunatkan kepadanya mengulang sembahyang Zohor tadi untuk mendapat pahala sembahyang secara berjemaah.

Bab 1

BERSUCI

HUKUM BERSUCI

Erti Bersuci

Bersuci pada bahasa ialah bersih dan terhindar daripada segala kekotoran sama ada dalam bentuk *hissiah* iaitu yang boleh dirasa seperti najis atau *ma'nawiyyah* seperti perkara yang mengaibkan, atau sifat-sifat keji.

Bersuci Mengikut Istilah Syarak

Bersuci mengikut istilah syarak ialah perbuatan yang apabila dilakukan akan mengharuskan sembahyang didirikan atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan hukum sembahyang, seperti berwudhuk kepada sesiapa yang tidak berada dalam keadaan berwudhuk, mandi kepada sesiapa yang diwajibkan mandi dan menghilangkan najis daripada pakaian, badan dan tempat.

Islam Mengambil Berat Kebersihan dan Bersuci

Islam sangat mengambil berat terhadap bersuci dan kebersihan. Ia dapat dilihat sebagaimana berikut:

1. Perintah berwudhuk beberapa kali setiap hari untuk mendirikan sembahyang. Firman Allah Taala:

   يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا قُمْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغْسِلُوا۟
   وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى ٱلْمَرَافِقِ وَٱمْسَحُوا۟ بِرُءُوسِكُمْ
   وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى ٱلْكَعْبَيْنِ ۚ

   Wahai orang-orang yang beriman, sekiranya kamu ingin mendirikan sembahyang, maka basuhlah muka-muka kamu

dan tangan-tangan kamu hingga ke siku, dan sapulah kepala-kepala kamu dan kaki-kaki kamu hingga ke dua buku lali.

(al-Maaidah: 6)

2. Dorongan atau gesaan supaya mandi pada keadaan tertentu. Firman Allah Taala:

وَإِن كُنتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

Jika kamu dalam keadaan berjunub maka bersucilah.

(Al-Maaidah: 6)

Al-Bukhari (856) dan Muslim (849) meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w:

لِلَّهِ عَلَي كُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يَغْتَسِلَ فِيْ كُلِّ سَبْعَةِ أَيَّامٍ يَوْمًا يَغْسِلُ فِيْهِ رَأْسَهُ وَجَسَدَهُ

Tanggungjawab setiap Muslim kepada Allah ialah mandi satu hari dalam seminggu dengan membasuh kepala dan badannya sekali.

3. Perintah supaya memotong kuku, membersih gigi dan pakaian. Al-Bukhari (5550) dan Muslim (257) meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w:

خَمْسٌ مِنَ الفِطْرَةِ: الْخِتَانُ وَالإِسْتِحْدَادُ وَنَتْفُ الإِبْطِ وَتَقْلِيمُ الأَظَافِرِ وَقَصُّ الشَّارِبِ

Lima perkara daripada fitrah: Berkhatan (bersunat), mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menggunting misai.

Al-Bukhari (847) dan Muslim (252) meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w:

لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَيْ أُمَّتِي لأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلاَةٍ

Sekiranya tidak membebankan ke atas umatku, nescaya Aku akan perintahkan mereka supaya bersugi setiap kali sembahyang.

Menurut riwayat Imam Ahmad (6/325) di akhir hadis disebut: *ketika setiap kali berwudhuk.*

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan pakaian kamu, maka bersihkanlah

(Muddathir: 4)

Abu Daud (4089) meriwayatkan sabda Nabi s.a.w kepada para sahabatnya:

Sesungguhnya kamu akan berjumpa saudara-saudara kamu, maka perelokkanlah ***bekalan*** *kamu dan pakaian-pakaian kamu sehingga kamu menjadi* ***tahi lalat di kalangan manusia****. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada perkataan dan perbuatan yang keji dan keterlaluan dalam perkataan dan perbuatan.*

Maksud *bekalan* (*rihal*) ialah semua barang yang diperlukan untuk perjalanan seperti bekas-bekas dan lain-lain yang diletakkan di atas belakang unta atau binatang tunggangan.

Maksud menjadi *tahi lalat di kalangan manusia* ialah menonjol dan berbeza dengan orang lain.

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah kasih kepada orang suka bertaubat dan kasih kepada orang yang suka bersuci.

(Al-Baqarah: 222)

Sesungguhnya Islam juga telah menjadikan bersuci itu separuh daripada Iman. Sabda Rasulullah s.a.w.:

Bersuci itu adalah separuh daripada Iman.

(Muslim (223))

Hikmat Disyariatkan Bersuci

Islam mensyariatkan bersuci kerana terdapat hikmat yang banyak, antaranya:

1. Bersuci adalah satu tuntutan fitrah. Fitrah manusia cenderung kepada kebersihan dan secara semulajadi dia tidak suka dan menjauhkan diri daripada kejijikkan dan kekotoran.

Oleh kerana Islam adalah agama fitrah, maka secara semulajadi ia memerintah (manusia) supaya bersuci dan menjaga kebersihan.

2. Menjaga kemuliaan dan *izzah* (kehebatan dan kemegahan). Manusia secara semulajadi cenderung kepada seseorang yang bersih, suka berhimpun dan duduk bersamanya. Pada waktu yang sama mereka bencikan kepada seorang yang pengotor, menghina dan menjauhkan diri serta tidak suka duduk bersamanya.

Oleh kerana Islam adalah agama yang sangat mengambil berat dalam menjaga kemuliaan seseorang yang beriman (mukmin) dan kehebatannya, maka Islam memerintah supaya seseorang mukmin itu menjaga kebersihan agar menjadi orang yang mulia dan disegani di kalangan saudara-saudaranya.

3. Menjaga kesihatan. Kebersihan adalah antara faktor yang amat penting untuk menjaga manusia daripada penyakit. Ini kerana kebanyakan penyakit yang merebak/menular di kalangan manusia adalah disebabkan kekotoran.

Oleh itu membersihkan badan, membasuh muka, dua tangan, hidung dan dua kaki (anggota-anggota yang sentiasa terdedah kepada kekotoran) beberapa kali setiap hari, menjadikan badan sentiasa terpelihara daripada penyakit.

4. Berdiri di hadapan Allah dalam keadaan suci dan bersih. Ini kerana dalam sembahyang, manusia bercakap dengan Tuhannya dan bermunajat kepada-Nya. Oleh itu selayak dan sepatutnya dia berada dalam keadaan suci zahir dan batin, bersih hati dan juga badannya kerana Allah Taala kasih kepada orang yang suka bertaubat dan sentiasa bersih.

Air yang Boleh Dibuat Bersuci

Air yang boleh dibuat bersuci ialah air hujan, air laut, air perigi, air sungai, air mata air dan air salji.

Semua air ini tergolong dalam dua kategori: Air yang turun dari langit dan air yang terbit atau terpancar dari bumi. Firman Allah Taala:

وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾

Dan Kami telah turunkan dari langit air yang suci.

(Al-Furqan: 48)

Firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan Dia (Allah) menurunkan ke atas kamu dari langit, air (hujan) supaya kamu bersuci dengannya.

(Al-Anfal: 11)

Abu Daud, At-Tirmidzi, An-Nasai'e, Ibnu Majah dan Imam Ahmad bin Hambal (At-Tirmidzi berkata: Hadis hasan sahih) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. katanya:

Seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w katanya: Wahai Rasulullah, kami telah belayar di lautan, dan kami membawa bersama-sama kami air yang sedikit; sekiranya kami berwudhuk dengannya, kami akan dahaga, apakah boleh kami berwudhuk dengan air laut? Rasulullah s.a.w menjawab: Airnya suci dan ***halal bangkai di dalamnya.***

Maksud *halal bangkai di dalamnya* ialah semua yang mati di dalamnya seperti ikan dan seumpamanya boleh dimakan tanpa disembelih.

BAHAGIAN-BAHAGIAN AIR

Air terbahagi kepada empat bahagian:

1. Suci lagi menyucikan
2. Suci lagi menyucikan tetapi makruh
3. Suci tetapi tidak menyucikan
4. Bernajis

1. Air yang Suci lagi Menyucikan

Air yang suci lagi menyucikan ialah air mutlak yang kekal dengan sifat kejadiannya yang telah dijadikannya oleh Allah Taala. Air tersebut masih dikatakan air mutlak, walaupun ia sudah berubah dengan sebab lama di tinggal, atau disebabkan tanah, atau *tuhlub* (sejenis benda hijau yang terapung di atas air disebabkan lama tinggal di dalamnya-kiambang), atau bekas atau tempat mengalir seperti ia berada dalam tanah yang mempunyai belerang atau ia mengalir di atas tanah tersebut, semuanya ini tetap dikatakan air mutlak. Ini kerana air tersebut sukar untuk dielakkan daripada perkara-perkara tersebut.

Dalil yang menunjukkan kesucian air mutlak ialah hadis riwayat Al-Bukhari (217) dan lainnya daripada Abi Hurairah r.a. katanya:

قَامَ أَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِي الْمَسْجِدِ. فَقَامَ إِلَيْهِ النَّاسُ لِيَقَعُوْا بِهِ. فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: دَعُوْهُ وَهَرِيْقُوْا عَلَى بَوْلِهِ سَجْلًا مِنْ مَاءٍ - أَوْ ذَنُوبًا مِنْ مَاءٍ - فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُيَسِّرِيْنَ وَلَمْ تُبْعَثُوْا مُعَسِّرِيْنَ

Seorang Badwi telah berdiri lalu kencing dalam masjid. Kemudian para sahabat pergi untuk menghalangnya, lalu

Rasulullah s.a.w bersabda: Biarkan dia, dan tuangkan di atas air kencingnya sebaldi air, sesungguhnya kamu dibangkitkan untuk mempermudahkan dan bukan menyusahkan.

Perintah Rasulullah s.a.w supaya menuangkan air ke tempat air kencing tersebut adalah dalil yang menunjukkan bahawa air tersebut mempunyai ciri atau sifat menyucikan.

2. Air yang Suci dan Menyucikan tetapi Hukumnya Makruh

Air yang suci dan menyucikan tetapi hukumnya makruh ialah *air musyammas*. Ia adalah air yang panas disebabkan cahaya matahari dan dihukum makruh apabila memenuhi tiga syarat:

i. Ia berlaku di negeri yang panas.

ii. Ia diletakkan di dalam bekas yang ditempa daripada selain emas dan perak seperti besi, tembaga dan semua galian yang boleh ditempa (berkarat)

iii. Ia digunakan pada badan manusia walaupun badan mayat, atau pada haiwan yang boleh menyebabkannya ditimpa penyakit sopak seperti kuda.

Imam Syafi'e r.a. meriwayatkan daripada Umar r.a.:

Bahawa beliau (Umar) tidak suka mandi dengan air tersebut dan dia berkata: Aku tidak suka mandi dengan air tersebut disebabkan masalah kesihatan, kemudian Imam Syafi'e meriwayatkan bahawa air tersebut boleh menyebabkan penyakit sopak.

Ini kerana ketajaman cahaya matahari boleh menimbulkan keadaan berlemin (benda yang seperti minyak) busuk yang terapung di atas air. Sekiranya ia terkena pada badan dalam keadaan air tersebut panas, maka ia boleh memudaratkan badan dan menyebabkan penyakit sopak (sejenis penyakit kulit).

3. Air yang Suci tetapi Tidak Menyucikan

Air yang suci tetapi tidak menyucikan terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Air yang sedikit yang telah digunakan untuk taharah yang wajib, seperti mandi wajib dan wudhuk.

Dalil ia suci adalah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (191) dan Muslim (1616) daripada Jabir bin Abdullah r.a. katanya:

جَاءَ رَسُوْلُ اللَّهِ ﷺ يَعُوْدُنِيْ وَأَنَا مَرِيْضٌ لَا أَعْقِلُ فَتَوَضَّأَ وَصَبَّ مِنْ وُضُوْئِهِ عَلَيَّ

Rasulullah s.a.w datang menziarahiku untuk bertanyakan keadaanku. Ketika itu aku sakit dan tidak sedar. Lalu Baginda berwudhuk dan mencurahkan air wudhuknya ke atas aku.

Sekiranya air wudhuk tersebut tidak suci, nescaya Baginda tidak akan mencurahkannya ke atas Jabir.

Dalil ia tidak menyucikan ialah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (283) daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda:

لَا يَغْتَسِلْ أَحَدُكُمْ فِيْ الْمَاءِ الدَّائِمِ - أَيِ الرَّاكِدِ - وَهُوَ جُنُبٌ. فَقَالُوْا: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ كَيْفَ يَفْعَلُ؟ قَالَ: يَتَنَاوَلُهُ تَنَاوُلًا

Janganlah seseorang kamu mandi dalam air yang bertakung iaitu air tenang yang tidak bergerak, sedangkan dia berjunub. Lalu para sahabat bertanya kepada Abi Hurairah: Wahai Abu Hurairah, bagaimana ia hendak dilakukan (mandi dengan air tersebut)? Jawab Abu Hurairah: Ia mencedoknya[1].

Hukum berwudhuk adalah sama dengan hukum mandi kerana kedua-duanya mengandungi makna mengangkat hadas.

Hadis ini menunjukkan bahawa mandi dalam air tersebut menjadikan ia tidak menyucikan lagi. Sekiranya ia tidak memberi makna tersebut, nescaya Rasulullah s.a.w tidak melarang daripada berbuat demikian. Hadis ini difahami untuk air yang sedikit berdasarkan dalil-dalil yang lain.

Kedua: Air mutlak yang bercampur dengan sesuatu yang suci yang kebiasaannya air tersebut tidak berhajat kepadanya dan ia tidak boleh dipisahkan setelah bercampur, kemudian ia berubah dengan suatu perubahan yang tidak lagi dipanggil dengan air mutlak, seperti air teh dan air *'arqasus.*

1. Cara cedok; Cedok menggunakan tangan dengan niat cedok. Jika air sedikit, cedok dengan bekas dan basuh tangan dengan niat mandi junub. Kemudian baru guna tangan untuk mencedok. (pent)

Tetapi jika benda suci yang bercampur dengan air tersebut menyerupai air pada sifat-sifatnya (rasa, bau dan warna) seperti air bunga mawar yang sudah hilang sifat-sifatnya, maka ketika itu ;air bunga mawar itu hendaklah diganti dengan bahan lain yang mempunyai sifat berlainan yang sederhana; iaitu digunakan perahan delima untuk menentukan perubahan rasa, perahan tebu bagi menentukan perubahan warna dan *al-lazan* bagi menentukan perubahan bau. Sekiranya ditakdirkan berlaku perubahan disebabkan percampuran tersebut, maka ia menjadi air yang suci tetapi tidak menyucikan lagi. Ia tidak menyucikan kerana ketika itu ia tidak lagi dinamakan sebagai air mutlak. Sedangkan syarak mensyaratkan supaya air yang dibuat bersuci adalah air mutlak.

4. Air Mutanajjis

Air Mutanajjis ialah air yang terjatuh najis ke dalamnya. Ia terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Air yang sedikit iaitu kurang dari dua kolah.

Air ini menjadi najis dengan hanya terjatuh najis ke dalamnya walaupun sedikit dan tidak berubah sifat-sifatnya dari segi warna, bau dan rasa.

Ukuran dua kolah ialah: 500 kati *Baghdadi* air dan ia menyamai 192.875 kg. Ia juga menyamai 1 1/4 hasta empat persegi tinggi, lebar dan dalam.

Abu Daud, At-Tirmidzi, An-Nasa'ie, Ibnu Majah dan Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abdullah bin Umar r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w ditanya tentang air yang terdapat di padang pasir yang luas dan didatangi oleh binatang buas dan haiwan melata. Baginda s.a.w menjawab:

إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ

Jika air itu sebanyak dua kolah, ia tidak menanggung kotoran.

Menurut lafaz hadis disisi Abu Daud (65):

فَإِنَّهُ لَا يَنْجُسُ

Maka air itu tidak menjadi najis.

Difahami daripada hadis ini, sekiranya air kurang dari dua kolah, maka ia menjadi najis sekalipun tidak berubah sifat-sifatnya.

Kefahaman ini dikuatkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (278) daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda:

Apabila seseorang kamu bangun dari tidurnya, maka janganlah dia menyelamkan (menyelup) tangannya dalam sesuatu bekas, sehinggalah dia membasuh tangannya dahulu sebanyak tiga kali. Sesungguhnya dia tidak mengetahui di manakah tangannya bermalam (diletakkan).

Dalam hadis tersebut Rasulullah s.a.w melarang orang yang bangun dari tidur mencelupkan tangannya ke dalam bekas air kerana dibimbangi tangannya dicemari najis yang tidak kelihatan. Sudah sedia maklum bahawa najis yang tidak kelihatan tidak akan mengubah (keadaan) air. Oleh itu, sekiranya tindakan tersebut tidak menajiskan air disebabkan menyentuhnya, nescaya Rasulullah s.a.w tidak melarang daripada berbuat demikian.

Kedua: Air yang banyak iaitu air yang sampai dua kolah atau lebih. Air ini tidak menjadi najis dengan hanya semata-mata terjatuh atau tersentuh najis tetapi ia menjadi najis apabila berubah salah satu sifatnya iaitu warna, rasa atau bau.

Dalilnya ialah ijmak para ulama'.

Imam Nawawi r.a. menyebut dalam kitabnya Al-Majmuk (1/160):

Ibnu Munzir berkata: Ulama' telah bersepakat bahawa air yang sedikit atau banyak, apabila jatuh ke dalamnya najis dan berubah rasa atau warna atau bau, maka air itu menjadi najis.

Air yang Boleh Digunakan untuk Bersuci

Bukan kesemua jenis air ini boleh dibuat bersuci iaitu mengangkat hadas (kecil atau besar) dan menghilangkan najis. Air yang boleh dibuat bersuci hanyalah dari jenis yang pertama (air mutlak) dan kedua (air musyammas) sahaja. Tetapi air yang kedua ini makruh digunakan pada badan.

Manakala air jenis yang ketiga, ia tidak boleh digunakan untuk bersuci sekalipun ia sendiri adalah suci. Ia hanya boleh digunakan untuk tujuan selain bersuci seperti minum, memasak dan lain-lain.

Air jenis yang keempat pula, ia adalah air yang najis. Ia tidak boleh digunakan untuk apa-apa kegunaanpun.

HUKUM MENGGUNAKAN BEKAS

Maksud bekas di sini ialah peralatan yang digunakan untuk mengisi cecair dan lain-lain. Ia mengandungi beberapa perbincangan.

1. Menggunakan Bekas yang Diperbuat daripada Emas dan Perak

Haram menggunakan bekas yang diperbuat daripada emas dan perak dalam semua bentuk penggunaan seperti berwudhuk dan minum kecuali kerana dharurah (terpaksa) seperti tidak ada bekas lain.

Al-Bukhari (5110) dan Muslim (2067) meriwayatkan daripada Huzaifah bin Al-Yaman r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

وَلَا تَلْبَسُوْا الْحَرِيْرَ وَلَا الدِّيْبَاجَ. وَلَا تَشْرَبُوْا فِيْ آنِيَةِ الذَّهَبِ وَالفِضَّةِ. وَلَا تَأْكُلُوْا فِيْ صِحَافِهَا. فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَنَا فِي الآخِرَةِ

Jangan kamu memakai pakaian sutera dan dibaj (sejenis pakaian yang sangat berharga daripada sutera). Dan jangan kamu minum menggunakan bekas-bekas emas dan perak. Jangan kamu makan menggunakan pinggan-pinggan/ talam-talam yang diperbuat daripadanya. Sesungguhnya semuanya itu untuk mereka (orang-orang kafir) di dunia ini dan untuk kita pada hari Akhirat.

Menggunakannya untuk makan dan minum diqiaskan kepada semua bentuk penggunaan yang lain dari segi pengharamannya. Pengharaman ini meliputi kaum lelaki dan perempuan.

Hukum mengambilnya (sebagai perhiasan dan seumpamanya) juga sama dengan hukum menggunakannya. Oleh itu selagimana menggunakannya tidak diharuskan, maka selagi itu tidak harus mengambilnya.

2. Menggunakan Bekas yang Ditampal dengan Emas atau Perak

Haram menggunakan bekas yang ditampal dengan emas secara mutlak iaitu sama ada sedikit atau banyak. Jika tampalan itu daripada perak hukumnya adalah seperti berikut:

- Jika sedikit dan bukan untuk tujuan perhiasan, maka hukumnya harus.
- Jika banyak dan dengan tujuan perhiasan, maka hukumnya haram.
- Jika banyak kerana keperluan atau sedikit untuk tujuan perhiasan maka hukumnya makruh.

Dalil yang menunjukkan boleh menggunakan bekas yang disadur dengan perak yang banyak kerana keperluan ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5310) daripada 'Asim Al-Ahwal (yang bermata juling) katanya:

رَأَيْتُ قَدَحَ النَّبِيِّ ﷺ عِنْدَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ وَكَانَ قَدِ انْصَدَعَ فَسَلْسَلَهُ بِفِضَّةٍ. قَالَ أَنَسٌ: لَقَدْ سَقَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فِي هٰذَا الْقَدَحِ أَكْثَرَ مِنْ كَذَا وَكَذَا

Aku melihat periuk Nabi s.a.w di sisi Anas bin Malik. Periuk tersebut telah pun pecah. Tampalannya daripada perak. Anas berkata: Aku telah memberi minum kepada Rasulullah s.a.w menggunakan bekas ini lebih daripada sekian... sekian.. kali.

3. Menggunakan Bekas yang Dibuat daripada Bahan Bernilai

Harus menggunakan bekas-bekas yang dibuat daripada bahan-bahan yang bernilai seperti *al-mas* (sejenis batu bernilai, sangat keras dan berkilau), permata lu'lu', marjan dan lainnya. Ini kerana ketiadaan nas yang melarangnya dan hukumnya adalah harus selagi tidak ada dalil yang menunjukkan pengharamannya.

4. Menggunakan Bekas Orang Kafir

Harus menggunakan bekas-bekas kepunyaan orang kafir sebagaimana hadis riwayat Al-Bukhari (516) daripada Abi Tha'alabah, Nabi s.a.w bersabda:

Maka basuhlah dan makanlah dengannya.

Perintah membasuhkannya adalah dengan makna sunat kerana bekas tersebut mungkin telah tercemar disebabkan orang kafir menggunakannya untuk minum arak, makan babi dan seumpamanya. Hukum menggunakan pakaian mereka dan seumpamanya adalah sama dengan hukum menggunakan bekas-bekas mereka.

JENIS-JENIS BERSUCI

Bersuci terbahagi kepada dua jenis:

i) Bersuci daripada najis

ii) Bersuci daripada ḥadas

Suci daripada Najis

Erti najis pada bahasa ialah semua benda yang kotor dan pada syarak ialah benda yang kotor yang menghalang daripada sahnya sembahyang seperti darah dan air kencing.

Benda-benda Najis

Benda-benda najis terlalu banyak. Kita akan nyatakan tujuh perkara yang paling penting:

1. *Arak dan semua cecair yang memabukkan.* Firman Allah Ṭaala:

إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ

Sesungguhnya arak, judi (berkorban untuk) berhala dan mengundi nasib dengan panah adalah najis.

(Al-Maidah: 90)

Muslim (2003) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., Rasulullah s.a.w: bersabda:

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ. وَكُلُّ خَمْرٍ حَرَامٌ

Setiap yang memabukkan adalah arak dan semua arak adalah haram.

2. *Anjing dan babi.* Sabda Rasulullah s.a.w:

طُهُوْرُ إِنَاءِ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيْهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أُوْلاَهُنَّ بِالتُّرَابِ

Apabila bekas seseorang kamu dijilat oleh anjing (seperti meminum air di dalamnya), maka sucikanlah dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali; basuhan pertama hendaklah dengan tanah (air yang dicampurkan dengan tanah).

(Muslim (279))

Menurut riwayat Al-Daruqatni 1/65:

Salah satu daripada air itu ialah dengan air tanah.

3. *Bangkai*: Iaitu semua haiwan yang mati tanpa disembelih dengan cara yang telah ditetapkan oleh syarak.

Firman Allah Taala:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةُ

Diharamkan ke atas kamu bangkai.

(Al-Maidah: 3)

Pengharamannya adalah disebabkan ia najis.

Termasuk juga dalam hukum bangkai, semua yang disembelih untuk berhala dan yang disebut dengan nama selain dari Allah s.w.t.. Firman Allah yang bermaksud:

Dan apa yang disembelih untuk lain daripada Allah (tidak dengan nama Allah).

(Al-Maidah: 3)

Bangkai yang tidak najis

Terdapat 3 jenis bangkai yang tidak dihukumkan sebagai najis;

i. *Bangkai (mayat) manusia.* Firman Allah Taala:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِيٓ ءَادَمَ

Sesungguhnya telah kami muliakan anak Adam.

(Al-Isra': 70)

Maksud kemuliaan yang dikurniakan kepada manusia ialah ia adalah suci sama ada ketika hidup atau mati. Al-Bukhari (279)) meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w.:

سُبْحَانَ اللَّهِ. إِنَّ الْمُسْلِمَ لَا يَنْجُسُ.

Maha Suci Allah, sesungguhnya orang Islam itu tidak najis.

Ibnu Abbas r.a menyatakan: Orang Islam tidak najis sama ada semasa hidup atau mati (riwayat Al-Bukhari ketika melakukan komentar dalam kitab jenazah, bab memandikan mayat dan mengambil wudhu' untuknya)

ii & iii. Ikan dan belalang. Sabda Rasulullah s.a.w.:

أُحِلَّتْ لَكُمْ مَيْتَتَانِ وَدَمَانِ. فَأَمَّا الْمَيْتَتَانِ فَالْحُوْتُ وَالْجَرَادُ. وَأَمَّا الدَّمَانِ فَالْكَبِدُ وَالطِّحَالُ.

Dihalalkan kepada kamu dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Dua bangkai tersebut ialah ikan dan belalang. Dua darah pula ialah hati dan limpa.

(Ibnu Majah)

4. *Darah yang mengalir dan nanah.* Firman Allah Taala:

أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُۥ رِجْسٌ

...atau darah yang mengalir, daging babi, maka ia adalah najis.

(Al-An'am: 145)

Hati dan limpa dikecualikan daripada darah yang dihukum najis berdasarkan kepada hadis yang lalu.

5. *Air kencing manusia dan binatang serta tahi kedua-duanya.* Al-Bukhari (217) dan Muslim (284) meriwayatkan bahawa seorang Badwi telah kencing di dalam masjid lalu Rasulullah s.a.w bersabda:

صُبُّوْا عَلَيْهِ ذَنُوْبًا مِنْ مَاءٍ

Tuangkan ke atasnya satu timba yang penuh airnya.

Perintah supaya dituangkan air ke atasnya menunjukkan bahawa air kencing adalah najis.

6. *Setiap bahagian yang tercerai daripada binatang semasa hidup adalah najis.* Sabda Rasulullah s.a.w:

مَا قُطِعَ مِنْ بَهِيْمَةٍ فَهُوَ مَيْتَةٌ

Apa yang dipotong daripada binatang (ketika ia masih hidup), adalah bangkai. (Al-Hakim, dia mensahihkannya)

Rambut dan bulu haiwan yang dimakan dagingnya dikecualikan daripada hukum tersebut. Ia adalah suci. Firman Allah yang bermaksud:

Dan dari bulu domba, bulu unta dan bulu kambing, alat-alat rumah tangga dan perhiasan mata benda (yang kamu pakai) sampai waktu tertentu. (Al-Nahl:80)

7. *Susu haiwan yang tidak dimakan dagingnya seperti keldai dan seumpamanya.* Ini kerana hukum susu adalah sama dengan hukum dagingnya, dan dagingnya adalah najis.

Najis 'Aini dan Najis Hukmi

Najis *'aini* ialah semua najis yang mempunyai jirim (bentuk) yang dapat dilihat atau yang mempunyai sifat yang zahir seperti warna atau bau seperti tahi, air kencing atau darah.

Najis *hukmi* ialah semua najis yang telah kering dan kesan-kesannya telah hilang. Dengan kata lain, kesan warna atau bau najis tersebut tidak ada lagi. Contohnya: Baju yang terkena air kencing kemudian ia kering dan tidak zahir lagi kesannya.

Najis Mughallazah, Najis Mutawassitah dan Najis Mukhaffafah

1. *Najis mughallazah (berat)* ialah najis anjing dan babi.

Dalil menunjukkan bahawa najis anjing dan babi adalah najis berat ialah kerana tidak memadai membasuhnya sebanyak satu kali air seperti mana najis-najis yang lain. Bahkan mestilah dibasuh dengan tujuh kali. Salah satu basuhannya ialah dengan air tanah. Sebagaimana dalam hadis yang lalu iaitu hadis berkenaan dengan anjing menjilat bekas air.

Babi diqiaskan kepada anjing (dari segi najisnya) kerana babi lebih buruk keadaannya daripada anjing.

2. *Najis mukhaffafah (ringan)* ialah air kencing kanak-kanak lelaki yang yang belum berumur 2 tahun dan tidak makan kecuali susu (manusia) sahaja.

Dalil menunjukkan bahawa air kencing tersebut adalah najis ringan ialah ia memadai untuk membersihkannya dengan hanya merenjiskan air ke atasnya. Renjisan air tersebut hendaklah meratai semua tempat najis walaupun tanpa mengalirkannya.

Al-Bukhari (2021) dan Muslim (287) serta lainnya meriwayatkan daripada Ummu Qis binti Mihsan r.a.:

أَنَّهَا أَتَتْ بِابْنٍ لَهَا صَغِيْرٍ لَمْ يَأْكُلِ الطَّعَامَ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. فَبَالَ عَلَي ثَوْبِهِ فَدَعَا بِمَاءٍ فَنَضَحَهُ وَلَمْ يَغْسِلْهُ

Beliau menemui Rasulullah s.a.w. dengan membawa anak lelaki kecil yang tidak makan apa-apa makanan. Lalu anak tersebut kencing di atas baju Baginda. Baginda menyuruh supaya didatangkan air lalu merenjis-renjiskannya tanpa membasuhnya (mengalirkan airnya).

3. *Najis mutawassitah (pertengahan)* iaitu najis selain anjing dan babi serta air kencing kanak-kanak lelaki yang tidak makan kecuali susu manusia.

Contoh: Air kencing manusia, tahi haiwan dan darah. Dinamakan najis pertengahan kerana ia tidak suci dengan hanya direnjiskan air ke atasnya dan tidak wajib dibasuh berulang-ulang kali sekiranya najis tersebut boleh dihilangkan hanya dengan sekali basuhan.

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Anas r.a. katanya:

إِذَا تَبَرَّزَ لِحَاجَتِهِ أَتَيْتُهُ بِمَاءٍ فَيَغْسِلُ بِهِ

Apabila Nabi s.a.w. keluar (ke kawasan lapang) untuk menunaikan hajatnya (membuang air), aku datangkan kepadanya air. Lalu Baginda membasuh dengannya.

Al-Bukhari (176) dan Muslim (303) meriwayatkan daripada Ali r.a. katanya:

Aku adalah seorang yang selalu keluar air mazi dan aku merasa malu untuk bertanya kepada Rasulullah s.a.w.. Aku menyuruh

Miqdad bin Al-Aswad (menanyakannya) lalu ia bertanya. Baginda s.a.w. menjawab: Padanya (dikenakan) wudhuk.

Menurut riwayat Muslim:

Dia hendaklah membasuh kemaluannya dan berwudhuk.

Air mazi ialah cecair berwarna kuning kejernihan. Biasanya ia keluar ketika syahwat sedang memuncak.

Al-Bukhari (155) meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. katanya:

Nabi s.a.w. pergi ke tanah yang rendah untuk membuang air. Kemudian Baginda menyuruh aku memberinya 3 biji batu. Aku mendapati dua biji batu sahaja dan aku mencari yang ketiga tetapi tidak mendapatinya. Lalu aku mengambil tahi binatang (yang kering) dan aku bawa kepada Baginda. Baginda telah mengambil dua batu tersebut dan mencampakkan tahi binatang itu seraya berkata: Ini adalah najis.

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa semua perkara yang disebutkan adalah najis dan begitulah juga benda-benda lain yang tidak disebutkan. Ia diqiaskan kepada perkara-perkara tersebut.

Cara Mensucikan Najis

Cara mensucikan najis *mughallazah* (najis anjing dan babi) ialah dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya (dicampur) dengan tanah, sama ada najis tersebut najis *aini* atau *hukmi*, dan sama ada ia terkena pada pakaian, badan atau tempat.

Dalilnya ialah sebagaimana hadis yang lalu berkenaan dengan anjing menjilat air dalam bekas.

Cara menyucikan najis *mukhaffafah* (air kencing kanak-kanak lelaki yang tidak makan selain daripada susu manusia) ialah dengan direnjiskan air secara rata ke tempat najis tersebut sama ada dalam keadaan najis *aini* atau *hukmi* dan sama ada ia terkena pada badan, pakaian atau tempat.

Cara menyucikan najis *mutawassitah* (najis selain daripada anjing dan babi serta air kencing kanak-kanak lelaki yang tidak makan selain susu) ialah dengan dialirkan air ke atasnya dan dihilangkan kesan-kesannya sehingga hilang 'ain najis tersebut dan juga sifat-sifatnya; warna, rasa atau bau, sama ada najis *aini* atau *hukmi* dan sama ada ia terkena pada pakaian, badan atau tempat.

Tetapi tidak mengapa jika warna masih kekal disebabkan susah untuk dihilangkan seperti darah.

Menyucikan Kulit Bangkai Selain Anjing dan Babi

Cara menyucikannya ialah dengan disamak.

Erti *samak* ialah membuang segala lendir-lendir yang boleh merosakkanya yang ada pada kulit jika ia terus kekal padanya, dengan benda/bahan yang panas dan tajam, di mana sekiranya kita meletakkan kulit tersebut ke dalam air ia tidak lagi akan berbau busuk dan rosak. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا دُبِغَ الإِهَابُ فَقَدْ طَهُرَ

Apabila kulit disamak maka sesungguhnya ia telah suci.

(Muslim (366))

Kulit yang telah disamak wajib dibasuh semula dengan air disebabkan ubat-ubat yang najis yang digunakan untuk menyamaknya. Atau disebabkan ubat-ubat yang menjadi najis disebabkan terkena kulit sebelum ia menjadi suci.

Najis yang Dimaafkan

Islam adalah agama kebersihan. Oleh itu Islam mewajibkan supaya menghilangkan najis di mana sahaja ia berada dan menyuruh supaya memelihara diri daripadanya. Islam juga telah menjadikan bersuci daripada najis sebagai syarat sah sembahyang sama ada suci pada pakaian, tubuh badan atau tempat.

Walau bagaimanapun (pada waktu yang sama) Islam adalah agama yang memudahkan dan tidak menyusahkan. Oleh itu Islam memaafkan sesetengah najis yang susah untuk dihilangkan dan juga sukar untuk dipelihara diri daripada terkena padanya bagi memudahkan manusia dan mengelak sebarang kesulitan daripada mereka. Di antara najis-najis yang dimaafkan ialah:

1. Percikan air kencing yang terlalu sedikit yang tidak dapat dilihat oleh mata yang sihat penglihatannya (apabila ia mengenai pakaian atau badan), sama ada najis tersebut *mughallazah, mukhaffafah* atau *mutawassitah.*

2. Darah, nanah, darah kutu anjing dan najis yang sedikit yang dibawa oleh lalat, selagi ia bukan perbuatan manusia dan bukan dengan sengaja.

3. Darah atau nanah luka walaupun banyak dengan syarat ia terjadi pada diri manusia itu sendiri, bukan hasil daripada perbuatannya dan bukan dengan sengaja. Disyaratkan supaya darah atau nanah tersebut tidak mengalir ke tempat lain.
4. Tahi binatang yang mengenai biji-bijian ketika ia memijaknya. Begitu juga tahi binatang ternakan yang mengenai susu ketika diperah dengan syarat najis tersebut tidak banyak hingga mengubah keadaan susu tersebut.
5. Tahi ikan di dalam air selagi air tersebut tidak berubah. Begitu juga tahi burung pada tempat-tempat yang selalu ia berulang alik padanya seperti kawasan tanah suci Makkah, kawasan tanah suci Madinah dan Jamek Umawi. Ini adalah disebabkan *'umum al-balwa* (musibah yang umum) dan sukar untuk dipelihara daripadanya.
6. Darah yang mengenai baju tukang daging sekiranya tidak banyak.
7. Darah yang ada pada daging.
8. Mulut kanak-kanak yang terdapat najis muntah padanya apabila ia menghisap susu ibunya.
9. Tanah jalan yang mengenai manusia.
10. Bangkai yang tidak mengalir darahnya atau yang tidak berdarah apabila terjatuh ke dalam sesuatu cecair seperti lalat, lebah dan semut dengan syarat ia terjatuh dengan sendirinya (bukan dicampak) dan ia tidak mengubah keadaan cecair tersebut.

Al-Bukhari (5445) dan lain-lainnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

> *Apabila lalat terjatuh ke dalam bekas seseorang kamu, maka hendaklah diselamkan semuanya, kemudian dibuangkannya, (kerana) sesungguhnya pada salah satu sayapnya itu ada penawar dan satu lagi mempunyai (kuman) penyakit.*

Hadis ini menunjukkan bahawa sekiranya lalat tersebut menajiskan airnya, maka Baginda tidak memerintahkan supaya diselamkan ke dalamnya.

Begitulah juga hukum bangkai binatang lain yang darahnya tidak mengalir. Ia diqiaskan kepada hukum lalat sebagaimana yang jelas nasnya dalam hadis di atas.

ISTINJA' DAN ADAB-ADABNYA

Erti *istinja'* ialah menghilangkan najis atau mengurangkannya daripada tempat keluar kencing atau air besar.

Perkataan *istinja'* diambil daripada perkataan *an-naja'* iaitu selamat dan terhindar daripada penyakit atau diambil daripada perkataan *an-najwah* iaitu tanah yang tinggi atau daripada perkataan *an-najw* iaitu sesuatu yang keluar daripada dubur. Ia dinamakan dengan *istinja'* di sisi syarak kerana orang yang beristinja' berusaha untuk melepaskan dirinya daripada sesuatu yang menyakitkan. Pada kebiasaannya ia dilakukan di tempat yang tertutup seperti di belakang tanah yang tinggi dan seumpamanya.

Hukumnya adalah wajib. Dalilnya dapat dilihat melalui hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dalam perbahasan dan huraiannya nanti.

Benda yang Boleh Dibuat Istinja'

Harus beristinja' dengan air mutlak. Ia merupakan hukum asal dalam menyucikan najis dan harus juga beristinjak menggunakan semua benda yang keras lagi kesat yang boleh menghilangkan najis seperti batu, daun dan seumpamanya.

Cara yang paling afdal ialah beristinjak dengan batu dan seumpamanya terlebih dahulu kemudian menggunakan air. Ini kerana batu boleh mnghilangkan zat atau ain najis tersebut dan air yang digunakan selepasnya pula akan menghilangkan kesan-kesannya tanpa bercampur dengan zat najis tersebut.

Sekiranya ia hanya ingin menggunakan salah satu daripada keduanya, maka menggunakan air sahaja adalah lebih afdal (utama) kerana ia menghilangkan zat dan kesan najis, berlainan dengan yang selain daripadanya (hanya menghilangkan zatnya).

Sekiranya ia hanya menggunakan batu atau seumpamanya maka diisyaratkan benda yang digunakan itu adalah kering dan ia digunakan sebelum najis yang keluar daripada qubul dan dubur itu menjadi kering. Dan diisyaratkan juga najis yang keluar itu tidak melewati/mengalir keluar daripada papan punggung atau kepala zakar dan tempat keluar kencing orang perempuan. Juga disyaratkan najis tersebut tidak berpindah daripada tempat terkenanya najis ketika ia keluar.

Begitu juga disyaratkan bilangan batu atau benda-benda lain yang boleh dibuat istinjak tidak kurang daripada tiga biji dan sekiranya masih belum bersih maka ditambah bilangannya dan disunatkan menggunakannya dengan bilangan yang ganjil seperti lima, tujuh dan seumpamanya.

Al-Bukhari (149) dan Muslim (271) telah meriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa dia berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَدْخُلُ الْخَلَاءَ، فَأَحْمِلُ أَنَا وَغُلَامٌ نَحْوِي إِدَاوَةً مِنْ مَاءٍ وَعَنَزَةً، فَيَسْتَنْجِي بِالْمَاءِ

Rasulullah s.a.w. masuk ke tandas dan aku bersama seorang budak yang sebaya denganku membawa sebekas kecil air dan sejenis besi yang pendek lalu Baginda s.a.w. beristinjak dengan air.

Al-Bukhari dan lainnya telah meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa dia berkata:

أَتَى النَّبِيُّ ﷺ الْغَائِطَ فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ

Nabi s.a.w. telah datang ke tempat yang rendah (untuk Qada' Hajat) lalu Baginda menyuruh aku mendatangkan kepadanya 3 biji batu.

Abu Daud (40) dan lainnya telah meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

Apabila seseorang kamu pergi ke tempat qada hajatnya, maka hendaklah ia membawa bersamanya 3 biji batu untuk ia beristinjak dengannya, sesungguhnya ia telah memadai.

Abu Daud (44), At-Tirmidzi (3099) dan Ibnu Majah (357) telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

Ayat ini diturunkan kepada penduduk Quba' iaitu (firman Allah yang bermaksud): Di dalamnya ada orang yang ingin membersihkan diri, dan Allah menyukai orang yang bersih. Baginda s.a.w. menambah: Mereka itu beristinjak dengan menggunakan air lalu diturunkan kepada mereka ayat ini.

Imam Muslim (2622) telah meriwayatkan daripada Salman r.a. daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

Janganlah seseorang kamu beristinjak kurang daripada 3 biji batu.

Al-Bukhari (160) dan Muslim (237) telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Dan sesiapa yang menyapu menggunakan batu-batu kecil (beristinjak), maka hendaklah ia ganjilkan bilangannya.

Benda-benda yang Tidak Boleh Digunakan untuk Beristinja'

Tidak sah beristinjak dengan benda-benda yang najis atau yang terkena najis kerana boleh jadi ia akan menambahkan lagi kesan najis yang sepatutnya dikurangkan.

Al-Bukhari (155) telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. ia berkata:

أَتَى النَّبِيُّ ﷺ الْغَائِطَ، فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ، فَوَجَدْتُ حَجَرَيْنِ وَالْتَمَسْتُ الثَّالِثَ فَلَمْ أَجِدْهُ، فَأَخَذْتُ رَوْثَةً فَأَتَيْتُهُ بِهَا. فَأَخَذَ الْحَجَرَيْنِ وَأَلْقَى الرَّوْثَةَ وَقَالَ (هٰذَا رِكْسٌ)

Nabi s.a.w. telah datang ke tempat Qada' hajat dan menyuruh aku membawa 3 biji batu kepadanya. Aku hanya dapati dua biji batu dan aku cari yang ketiga tetapi tidak mendapatinya. Kemudian aku mengambil tahi binatang dan bawa kepadanya, lalu Baginda menggunakan dua biji batu tersebut dan membuang najis itu seraya berkata: Ini adalah najis.

Haram beristinjak dengan makanan yang dimakan oleh anak Adam seperti roti dan lainnya, dan juga yang dimakan oleh jin seperti tulang.

Imam Muslim (450) telah meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. dari Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

"Telah datang kepadaku Jin yang memanggil, lalu aku pergi bersamanya dan Aku membacakan Al-Quran kepada mereka." Ibnu Mas'ud menceritakan lagi, dan mereka itupun meminta bekalan. Lalu Baginda menjawab: "Bagi kamu semua tulang yang disebut di atasnya nama Allah, ia berada di tangan-tangan kamu dalam keadaan daging yang lebih banyak, dan juga tahi-tahi binatang menjadi makanan kepada binatang-binatang kamu."

Dan Rasulullah s.a.w. bersabda kepada kami (para sahabat): "Maka janganlah kamu beristinjak dengan kedua-duanya kerana ia adalah makanan saudara-saudara kamu (golongan jin)."

Menurut riwayat At-Tirmidzi (18):

Janganlah kamu beristinjak dengan tahi binatang dan tulang. Sesungguhnya ia adalah bekalan (makanan) saudara-saudara kamu daripada jin.

Apabila makanan jin diharamkan maka makanan manusia adalah lebih utama diharamkan.

Haram beristinjak dengan sesuatu yang dihormati seperti anggota-anggota haiwan yang bersambung dengannya seperti tangan dan kakinya, lebih-lebih lagi anggota manusia kerana perbuatan tersebut berlawanan dengan kemuliaannya.

Sekiranya bahagian haiwan itu tercerai daripada badannya dan ia adalah suci seperti bulu binatang yang dimakan dagingnya dan kulit bangkai yang telah disamak maka harus digunakan untuk beristinjak.

Adab-adab Beristinjak dan Qada Hajat

Di sana terdapat adab-adab yang dituntut ke atas setiap muslim supaya melakukannya ketika qada hajat dan beristinjak. Adab-adab tersebut ialah:

1. Berkaitan dengan tempat menunaikan hajat

Ketika membuang air kecil atau besar dia hendaklah menjauhi tempat-tempat berikut:

i. Jalan orang ramai atau tempat mereka duduk atau berkumpul kerana ia boleh menyakitkan mereka.

Imam Muslim (269) telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

اتَّقُوا اللَّعَّانَيْنِ قَالُوا: وَمَا اللَّعَّانَانِ؟ قَالَ الَّذِي يَتَخَلَّى فِي طَرِيقِ النَّاسِ أَوْ فِي ظِلِّهِمْ

"Takutlah kamu kepada dua perkara yang membawa kepada laknat." Para sahabat bertanya: "Apakah dua perkara tersebut?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Orang yang membuang air besar (menunaikan hajatnya) di tempat laluan orang ramai atau tempat mereka berteduh."

ii. Dalam lubang pada tanah atau pada dinding dan seumpamanya kerana ia akan menghasilkan perkara-perkara yang menyakitkan. Kemungkinan di dalam lubang tersebut terdapat binatang yang berbisa seperti kala jengking atau ular lalu ia keluar dan menyakitkannya. Kadang-kadang terdapat di dalamnya haiwan yang lemah, maka ia boleh menyakitkan binatang tersebut.

Abu Daud (29) telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Sarjis bahawa ia berkata:

نَهَى رَسُوْلُ اللَّهِ ﷺ أَنْ يُبَالَ فِي الْجُحْرِ

Rasulullah s.a.w. melarang daripada kencing di dalam lubang - iaitu lubang pada tanah.

iii. Di bawah pokok yang berbuah bagi memelihara buah tersebut daripada tercemar ketika luruhnya sama ada buah tersebut dimakan atau diambil manfaat dengannya. Ini supaya perasaan seseorang tidak merasa jijik.

iv. Air yang tenang/bertakung. Ini kerana jiwa manusia akan merasa jijik dengan air tersebut sekalipun air itu banyak dan najis tersebut tidak merubah rasa, bau atau warnanya. Atau pun

air itu akan dibuang begitu sahaja jika najis itu mengubahnya. Larangan ini juga termasuk pada air yang kurang dari 2 kolah.

Imam Muslim (281) dan lainnya telah meriwayatkan daripada Jabir r.a. daripada Nabi s.a.w.:

أَنَّهُ نَهَى أَنْ يُبَالَ فِي الْمَاءِ الرَّاكِدِ

Baginda s.a.w. melarang kencing dalam air (bertakung) tenang.

Membuang air besar adalah lebih teruk keadaannya dan lebih utama ia dilarang. Larangan disini adalah dengan makna makruh tetapi Imam Nawawi telah meriwayatkan bahawa ia memberi makna haram. (Syarah Muslim 1/187)

2. *Berkaitan dengan cara masuk ke tempat qada hajat dan keluar daripadanya*

Disunatkan kepada orang yang qada' hajat supaya melangkah dengan kaki kiri ketika masuk dan dengan kaki kanan ketika keluar. Ini kerana itulah yang lebih layak untuk tempat-tempat kotor dan najis. Dan jangan ia membawa perkataan yang menyebut nama Allah dan juga nama-Nya yang lain.

Disunatkan juga membaca zikir dan doa-doa yang telah thabit daripada Rasulullah s.a.w. ketika masuk tandas dan keluar daripadanya.

Doa ketika masuk tandas ialah:

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

Dengan nama Allah, Ya Allah ya Tuhanku, Sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada gangguan syaitan-syaitan jantan dan betina.

(Al-Bukhari (142) dan Muslim (375))

Doa selepas keluar tandas ialah:

غُفْرَانَكَ، اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الأَذَى وَعَافَانِي، اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذَاقَنِي لَذَّتَهُ، وَأَبْقَى فِيَّ قُوَّتَهُ، وَدَفَعَ عَنِّي أَذَاهُ

KeampunanMu (kami pohonkan). Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan daripada aku perkara yang

menyakitkan aku dan Dia telah menyihatkan (tubuhku). Segala puji bagi Allah yang telah merasakan kepadaku kelazatannya dan mengekalkan kekuatannya padaku dan telah menjauhkan daripada aku perkara yang menyakitkan (yang datang daripadanya)

(Abu Daud (30), At-Tirmidzi (7), Ibnu Majah (301) dan At-Tabrani)

3. *Berkaitan dengan arah mengadap*

Haram ke atas orang yang qada hajat mengadap ke arah kiblat atau membelakangkannya sekiranya ia berada di tempat lapang dan tidak ada pendinding yang tinggi yang menutup auratnya ketika qada hajat.

Begitu juga haram (berada dalam keadaan demikian) di dalam binaan yang tidak disediakan sebagai tempat qada hajat dan tidak mencukupi syarat-syarat pendinding seperti di atas (iaitu dinding yang tinggi yang menutupi auratnya).

Dan disyaratkan dinding yang menutupnya itu tidak jauh daripadanya lebih daripada 3 hasta dengan ukuran tangan manusia atau menyamai lebih kurang 150 cm. Sekiranya binaan tersebut disediakan sebagai tempat qada hajat (seperti tandas) maka harus mengadap kiblat atau membelakangkannya.

Al-Bukhari (381) dan Muslim (264) telah meriwayatkan daripada Abi Ayub Al-Ansari r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَائِطَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ وَلَا تَسْتَدْبِرُوهَا بِبَوْلٍ أَوْ غَائِطٍ وَلَكِنْ شَرِّقُوا أَوْ غَرِّبُوا

Apabila kamu datang ke tempat qada hajat maka janganlah kamu mengadap ke arah kiblat dan jangan kamu membelakangnya sama ada ketika buang air kecil atau besar, tetapi mengadaplah ke arah timur atau barat.[1]

Larangan ini dikhususkan pada padang pasir yang luas atau tempat-tempat yang seumpamanya yang tidak ada pendinding.

---

1 Ini adalah arah yang ditunjukkan ketika Nabi s.a.w berada di Madinah. Nisbah kepada negara kita (Malaysia) maka arah yang perlu kita menghadap ialah utara dan selatan. (*Pent.*)

Dalil ia dikhususkan pada tempat tersebut sahaja ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (148) dan Muslim (266) dan lain-lainnya. Daripada Ibnu Umar r.a. dia berkata:

> *Aku telah memanjat di atas belakang rumah Hafsah disebabkan beberapa hajatku (tiba-tiba) aku melihat Rasulullah s.a.w. dalam keadaan mengadap kiblat membelakangkan Al-Syam.*

Oleh kerana itu hadis yang pertama dikaitkan dengan tempat yang tidak disediakan untuk qada hajat dan yang seumpamanya yang tidak terdapat pendinding manakala hadis yang kedua dikaitkan dengan tempat yang disediakan sebagai tempat qada hajat dan yang seumpamanya. Dengan ini maksud kedua-dua hadis tidak bercanggahan.

Dan satu perkara yang perlu dinyatakan bahawa adalah makruh qada hajat pada tempat yang tidak disediakan khas untuknya walaupun ada pendinding.

4. *Berkait dengan keadaan orang yang qada hajat*

Dia hendaklah duduk di atas tumit kaki kiri dan mendirikan lutut kaki kanan serta tidak melihat ke langit, kemaluannya dan najis yang keluar daripadanya. Ini kerana perbuatan tersebut adalah tidak layak dengan keadaannya itu. Dan makruh dia bercakap dan lainnya ketika qada hajat.

Imam Muslim (370) dan lainnya telah meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a.:

أَنَّ رَجُلًا مَرَّ وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَبُولُ فَسَلَّمَ فَلَمْ يَرُدَّ عَلَيْهِ

> *Seorang lelaki lalu berdekatan Rasulullah s.a.w. yang sedang membuang air kecil. Lalu dia memberi salam tetapi Baginda tidak menjawab.*

Abu Daud (15) dan lainnya telah meriwayatkan daripada Abi Said r.a. bahawa dia berkata: Aku mendengar Nabi s.aw. bersabda:

> *Janganlah keluar oleh dua orang menuju ke tempat qada hajat dalam keadan terbuka aurat dan bercakap antara keduanya (ketika qada hajat) (kerana) sesungguhnya Allah murka terhadap perbuatan tersebut.*

Begitulah juga perbuatan-perbuatan yang lain seperti minum, makan dan menyentuh-nyentuh dengan tangan dikiaskan dengan bercakap-cakap.

5. *Beristinjak dengan tangan kiri*

Orang yang qada' hajat hendaklah menggunakan tangan kirinya untuk membersihkan tempat najis sama ada dengan air atau batu dan seumpamanya kerana itulah yang lebih layak dilakukan. Sekiranya ia menggunakan tangan kanan maka hukumnya adalah makruh sebagaimana makruh ia menyentuh zakarnya dengan tangan kanan.

Sekiranya ia perlu kepada memegang zakar untuk membersihkannya dengan batu dan seumpamanya (benda-benda yang beku/pejal), maka ia hendaklah memegang batu tersebut tanpa menggerakkanya dengan tangan kanannya dan tangan kirinya memegang zakar dan mengerak-gerakkanya untuk membersihkan tempat yang najis tersebut.

Al-Bukhari (153) dan Muslim (267) telah meriwayatkan daripada Abi Qatadah r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda telah bersabda:

إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَأْخُذَنَّ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ وَلَا يَسْتَنْجِي بِيَمِينِهِ

Apabila seseorang kamu kencing, maka janganlah ia mengambil (memegang) zakarnya dengan tangan kanannya dan jangan ia beristinjak dengan tangan kanannya.

Suci daripada Hadas

Makna hadas pada bahasa ialah: sesuatu yang berlaku. Manakala pada syarak ialah perkara *i'tibari* (yang hanya wujud atau ada pada anggapan sahaja) pada anggota-anggota manusia yang menghalang daripada sahnya sembahyang dan lain-lain yang termasuk di dalam hukumnya (seperti wudhuk) jika tidak diberikan rukhsah.

Kalimah hadas juga digunakan pada perkara-perkara yang membatalkan wudhuk yang akan kita perkatakan selepas ini dan juga pada perkara-perkara yang mewajibkan mandi.

Bahagian-bahagian Hadas

Ia terbahagi kepada dua iaitu hadas kecil dan hadas besar.

Hadas kecil ialah perkara *iktibari* yang berlaku pada anggota manusia yang empat iaitu muka, kedua tangan, kepala dan kedua kaki, di mana ia menegah daripada sahnya sembahyang dan seumpamanya. Ia boleh dihilangkan dan terangkat dengan berwudhuk. Dengan itu maka jadilah ia orang yang bersedia untuk bersembahyang dan seumpamanya.

Hadas besar ialah perkara *iktibari* yang berlaku pada seluruh badan di mana ia menghalang daripada sahnya sembahyang dan perkara-perkara yang termasuk dalam hukumnya. Hadas ini akan terangkat (berakhir) dengan mandi. Dengan itu maka jadilah ia seorang yang layak untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang melakukannya (yang disebabkan oleh hadas tersebut).

WUDHUK

Makna Wudhuk Pada Bahasa dan Syarak

Perkataan *wudhuk* dari segi bahasa diambil daripada iaitu elok dan berseri. Ertinya pada syarak ialah: Perbuatan menggunakan air pada anggota-anggota tertentu beserta dengan niat.

Manakala ialah air yang digunakan untuk berwudhuk. Ia dinamakan demikian kerana ia mengelok dan menyerikan anggota-anggota dengan membasuh dengan membersihkannya.

Fardhu Wudhuk

Fardhu wudhuk enam perkara iaitu niat, membasuh muka, membasuh kedua-dua tangan hingga ke siku, menyapu kepala, membasuh kedua-dua kaki hingga ke buku lali dan tertib.

Dalil Wudhuk dan Rukunnya

Firman Allah Taala:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا قُمْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغْسِلُوا۟
وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى ٱلْمَرَافِقِ وَٱمْسَحُوا۟ بِرُءُوسِكُمْ
وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى ٱلْكَعْبَيْنِ ۚ

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah muka dan tanganmu hingga ke siku dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu hingga kedua buku lali.

(Al-Ma'idah: 6)

1. *Niat.*

Ini kerana wudhuk adalah ibadat dan niat akan membezakan di antara ibadat dan adat. Sabda Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1) dan Muslim (1907):

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat, dan bagi setiap seseorang itu (berdasarkan) kepada apa yang dia niatkan.

Ini bermakna ibadat tidak sah dan tidak diambil kira oleh syarak melainkan apabila ia diniatkan dan seseorang mukallaf tidak akan mendapat pahala kecuali dia mengikhlaskan niatnya.

Niat pada *bahasa* ialah: Qasad (menuju atau bermaksud mahu melakukan sesuatu). Manakala pada *syarak* ialah: Qasad sesuatu yang disertai dengan melakukannya (apa yang diniatkan).

Tempat niat ialah hati dan disunatkan berlafaz dengan lidah.

Cara berniat ialah dia berkata di dalam hatinya: Aku berniat fardhu wudhuk atau mengangkat hadas atau mengharuskan sembahyang.

Waktu niat ialah ketika membasuh bahagian yang pertama daripada muka, kerana itu adalah permulaan wudhuk.

2. *Membasuh seluruh muka* kerana firman Allah Taala yang bermaksud: *Maka basuhlah muka kamu.*

Sempadan muka dari segi memanjang bermula daripada tempat tumbuh rambut (bahagian atas) hingga bahagian paling bawah dagu dan dari segi lebarnya bermula daripada telinga hingga ke telinga.

Wajib dibasuh kesemua yang ada pada muka iaitu bulu kening, misai, janggut; zahir dan batin. Kerana semua itu adalah sebahagian daripada muka kecuali janggut yang tebal iaitu yang tidak dapat dilihat apa yang ada di bawahnya (pangkalnya) maka ia memadai dengan membasuh apa yang zahir tanpa batinnya (bahagian dalam iaitu dasarnya pada kulit).

3. *Membasuh kedua tangan hingga ke siku* kerana firman Allah Taala yang bermaksud: *Dan basuhlah tangan-tangan kamu hingga ke siku.*

Siku adalah termasuk di antara anggota yang mesti dibasuh.

Perkara tersebut telah disebut dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (246) daripada Abu Hurairah r.a.:

أَنَّهُ تَوَضَّأَ فَغَسَلَ وَجْهَهُ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُمْنَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي الْعَضُدِ، ثُمَّ يَدَهُ الْيُسْرَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي الْعَضُدِ، ثُمَّ مَسَحَ رَأْسَهُ، ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي السَّاقِ، ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى حَتَّى أَشْرَعَ فِي السَّاقِ، ثُمَّ قَالَ: هٰكَذَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَتَوَضَّأُ

Dia telah berwudhuk dengan membasuh mukanya lalu dia menyempurnakan wudhuknya. Kemudian dia membasuh tangan kanannya hingga ke bahagian atas siku, kemudian tangan kirinya hingga ke bahagian atas siku. Kemudian dia menyapu kepalanya. Kemudian dia membasuh kaki kanannya hingga ke betis. Kemudian dia membasuh kaki kirinya hingga ke betis. Kemudian dia berkata: Demikianlah aku melihat Rasulullah s.a.w. berwudhuk.

Wajib meratakan basuhan ke semua bulu dan juga kulit. Sekiranya di bawah kuku terdapat kotoran atau terdapat cincin yang menghalang daripada sampai air maka wudhuk tidak sah.

Ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (161) dan Muslim (241) (lafaz Muslim), daripada Abdullah bin Amru r.a. dia berkata:

Aku kembali bersama Rasulullah s.a.w. dari Makkah ke Madinah hingga apabila kami sampai ke kawasan air di suatu jalan, tiba-tiba satu kaum telah bersegera ketika waktu Asar dan mereka telah berwudhuk dalam keadaan gopoh, kemudian kami berhenti di tempat mereka, sedang buku lali (mata kaki) mereka tidak dibasahi oleh air (wudhuk). Rasulullah s.a.w. bersabda: Celakalah/Binasalah buku-buku lali disebabkan oleh api neraka, sempurnakanlah wudhuk kamu semua.

Imam Muslim (243) telah meriwayatkan;

Seorang lelaki telah berwudhuk dan meninggalkan satu tempat pada kuku kakinya. Perbuatannya dilihat oleh

Rasulullah s.a.w. lalu Baginda bersabda: Kembalilah dan perbaiki wudhuk kamu. Lalu dia kembali menyempurnakan wudhuknya kemudian dia bersembahyang.

Kedua-dua hadis ini menunjukkan bahawa tidak sah wudhuk apabila anggota yang wajib dibasuh, tidak dibasuh walaupun satu bahagian yang paling kecil.

4. *Menyapu sebahagian daripada kepala* walaupun sehelai rambut selama ia berada dalam sempadan kepala. Maksud firman Allah Taala: *Dan sapulah kepala-kepala kamu.*

Al-Mughirah bin Syu'bah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah berwudhuk dan Baginda menyapu ubun-ubunnya dan menyapu di atas kain serban di kepalanya. (Muslim (274))

Sekiranya dia membasuh kepalanya atau sebahagiannya sebagai ganti kepada menyapu maka ia adalah harus.

Ubun-ubun kepala ialah bahagian depan kepala dan ia satu bahagian daripada kepala. Memadai menyapu di atasnya adalah dalil yang menunjukkan bahawa menyapu satu juzuk daripada kepala itulah yang dituntut. Dan maksud menyapu kepala itu akan berhasil (diterima) dengan disapu pada mana-mana bahagian kepala.

5. *Membasuh kedua-dua kaki hingga ke buku lali* kerana firman Allah Taala yang bermaksud: *Dan kaki-kaki kamu hingga ke buku lali.*

Buku lali ialah tulang yang timbul (berbonggol) daripada setiap belah kaki yang merupakan pemisah (sendi) antara kaki dan betis.

Kedua buku lali adalah termasuk dalam anggota yang mesti dibasuh.

Dalilnya ialah sebagaimana hadis Abu Hurairah r.a. sebelum ini. Di dalamnya disebut: *Sehingga sampai ke betisnya.*

Dan wajib meratakan basuhan kedua-dua kaki dan tidak boleh tertinggal sedikitpun walaupun satu tempat di kuku atau di bawah kuku sebagaimana kedua-dua tangan yang telah lalu.

6. *Tertib* dalam melakukan rukun-rukun yang telah disebutkan.

Ini berdasarkan ayat yang menyebut tentang fardhu wudhuk secara tertib dan juga daripada perbuatan Rasulullah s.a.w.. Baginda tidak berwudhuk melainkan secara tertib sebagaimana susunan

yang disebut oleh Al-Quran. Perbuatan Baginda itu adalah thabit dalam hadis-hadis yang sahih.

Di antaranya hadis Abu Hurairah r.a. yang lalu yang disebut dalamnya huruf *thumma* (ertinya kemudian) yang memberi makna tertib sebagaimana yang disepakati oleh ulama.

Imam Nawawi telah menyebut di dalam kitabnya Al-Majmuk 1/484:

Berkenaan dengan sifat wudhuk Nabi s.a.w., para ahli hadis telah berhujah dengan hadis-hadis sahih yang diambil daripada kumpulan-kumpulan para sahabat yang meriwayatkan. Para sahabat telah mensifatkannya secara tertib. Ini dalam keadaan mereka ramai dan berada di tempat yang berlainan ketika meriwayatkannya serta terdapat banyak perbezaan dalam menyebut sifat-sifat wudhuk Baginda pada masalah bilangan Rasulullah s.a.w. membasuh atau menyapu iaitu satu kali, dua kali, tiga kali dan lain-lain lagi. Walaupun terdapat perbezaan dalam periwayatan tersebut, tetapi tidak thabit dalam hadis tersebut sifat tidak tertib.

Perbuatan Rasullah s.a.w. adalah penjelasan kepada bentuk wudhuk yang diperintahkan. Sekiranya hukum meninggalkan tertib adalah harus, sudah tentu Baginda meninggalkannya pada sesetengah keadaan bagi menjelaskan bahawa ia adalah harus. Ini adalah sebagaimana Baginda meninggalkan perbuatan berulang ketika membasuh atau menyapu pada waktu-waktu tertentu bagi menjelaskan bahawa berulang-ulang itu tidak wajib.

Sunat-sunat Wudhuk

Wudhuk mempunyai sunat-sunat yang banyak dan yang paling pentingnya ialah:

1. *Al-Tasmiyah* (iaitu membaca *bismilLah*) pada permulaannya.

Al-Nasai'e (1/61) meriwayatkan dengan sanad yang baik daripada Anas r.a. bahawa dia (Anas) berkata:

Sebahagian sahabat Nabi s.a.w. telah mencari air untuk berwudhuk, tetapi mereka tidak mendapatinya. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: Adakah sesiapa di kalangan kamu yang ada air? Lalu didatangkan kepadanya air dan Baginda meletakkan tangannya ke dalam bekas yang berisi air tersebut seraya bersabda: Berwudhuklah

kamu dengan nama Allah. (Iaitu menyebut bismilLah ketika memulakan wudhuk). Anas menceritakan lagi: Aku melihat air terpancar keluar daripada celah-celah jari Rasulullah s.a.w. sehingga mereka semua dapat berwudhuk dengan air tersebut dan bilangan mereka lebih daripada 70 orang.

2. Membasuh dua tapak tangan sebanyak tiga kali sebelum dimasukkan ke dalam bekas air.

Al-Bukhari (2183) dan Muslim (235) meriwayatkan daripada hadis Abdullah bin Zaid r.a.:

Dia telah ditanya tentang wudhuk Nabi s.a.w., lalu dia meminta satu bekas air yang kecil yang diperbuat daripada tembaga. Kemudian dia berwudhuk untuk menunjukkan kepada mereka cara berwudhuk Nabi s.a.w.. Dia telah menuangkan air daripada bekas tersebut di atas tangannya sebanyak 3 kali (membasuh tangannya) kemudian memasukkannya ke dalam bekas (untuk berwudhuk)...

3. Menggunakan Sugi (siwak)

Ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (847) dan Muslim (252) serta lain-lainnya daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

Kalaulah tidak kerana bimbang akan membebankan umatku, nescaya aku perintahkan mereka supaya bersugi pada setiap kali berwudhuk.

Maksud perintah dalam hadis ialah perintah wajib.

Hadis ini menunjukkan bahawa bersugi adalah sunat maakkad.

4 & 5. Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung dengan tangan kanan dan mengeluarkannya dengan tangan kiri.

Dalam hadis Abdullah bin Zaid r.a. yang lalu disebut:

Lalu ia berkumur-kumur dan memasukkan air ke hidung serta mengeluarkannya dengan tiga cebok.

Hadis ini bermaksud dia berkumur dan memasukkan air ke hidung menggunakan satu cebok air tetapi ia mengulang-ulanginya sebanyak tiga kali.

6. Menyelati janggut yang tebal

   Abu Daud meriwayatkan daripada Anas r.a.:

   Ketika berwudhuk, Rasulullah s.a.w. mengambil secebok air dengan tapak tangan. Lalu Baginda memasukkanya ke bawah tulang rahangnya dan menyelati janggutnya dengan air tersebut seraya bersabda: Demikianlah Tuhan-ku Azzawajalla memerintahkan aku melakukannya.

7. Menyapu semua kepala

   Dalam hadis Abdullah bin Zaid r.a. disebut antaranya:

   Lalu Baginda menyapu kepala dengan kedua tangannya, yang dibawa ke hadapan dan dibalikkan semula ke belakang, iaitu Baginda memulakan sapuan pada kepala pada bahagian hadapan, kemudian Baginda membawa tangannya ke bahagian belakang dan sekali lagi di bawa ke bahagian hadapan di mana Baginda memulakan sapuan.

8. Menyelati antara celah-celah jari kedua-dua tangan dan kaki dengan air. Menyelati jari-jari tangan ialah dengan memasukkan jari kedua-duanya antara satu sama lain. Manakala menyelati jari-jari kaki pula ialah dengan digosok oleh jari kelingking tangan kiri, bermula dari jari kelingking kaki kanan dan berakhir pada jari kelingking kaki kiri.

Abu Daud (142) meriwayatkan dan disahihkan oleh At-Tirmidzi (788) dan selain mereka daripada Laqit bin Sabrah r.a. dengan katanya:

Aku bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w.! Beritahukanlah kepadaku berkenaan dengan wudhuk. Sabda Rasulullah s.a.w.: ***Sempurnakanlah wudhuk****, selatilah antara jari-jari dan berkumurlah dengan banyak (secara bersungguh-sungguh) melainkan jika kamu dalam keadaan berpuasa.*

Maksud *sempurnakanlah wudhuk* ialah dengan melakukan segala rukun dan sunatnya.

Ibnu Majah meriwayatkan daripada Al-Mustaurid katanya:

Aku telah melihat Rasulullah s.a.w. berwudhuk. Baginda telah menyelati antara jari-jari kakinya dengan jari kelingkingnya.

9. Menyapu kedua-dua telinga zahir (bahagian luar) dan batin (bahagian dalam) dengan air yang baru, bukan air yang telah digunakan untuk menyapu kepala.

   Ibnu Abbas r.a. telah meriwayatkan:

   Nabi s.a.w. telah menyapu kepalanya dan kedua telinga; zahir dan batin.

   (At-Tirmizi (36) dan dia telah mensahihkannya)

   Menurut riwayat di sisi Al-Nasai'e (1/74) lafaznya ialah:

   Baginda menyapu kepala dan kedua telinganya; bahagian batin (telinganya) disapu dengan kedua-dua jari telunjuk dan bahagian zahirnya dengan kedua-dua ibu jari.

   Abdullah bin Zaid menyatakan:

   Aku melihat Nabi s.a.w. berwudhuk lalu Baginda mengambil air untuk (menyapu) kedua telinga lain daripada air yang diambil untuk (menyapu) kepala.

   (Al-Hakim (1/151))

   Al-Hafiz Al-Zahabi menyatakan bahawa hadis ini adalah sahih.

10. Membasuh/menyapu semua fardhu wudhuk dan sunat-sunatnya sebanyak tiga kali.

Imam Muslim (230) meriwayatkan bahawa Saidina Othman r.a. berkata:

Mahukah aku tunjukkan kepada kamu semua (cara) wudhuk Rasulullah s.a.w.? Kemudian dia berwudhuk 3 kali, 3 kali.

11. Mendahulukan yang kanan dari yang kiri ketika membasuh tangan dan kaki.

Ibnu Majah (405) telah meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Apabila kamu berwudhuk maka mulakanlah dengan anggota kanan.

Hadis berkenaan fardhu wudhuk yang lalu juga menjadi dalil kepada perkara di atas.

12. Menggosok - iaitu melalukan tangan ke atas anggota ketika membasuhnya.

Imam Ahmad meriwayatkan dalam musnadnya (4/39) daripada Abdullah bin Zaid r.a.:

Nabi s.a.w. telah berwudhuk lalu Baginda melakukan demikian iaitu menggosok.

13. Berturut-turut iaitu membasuh anggota wudhuk secara berturut-turut dengan tidak putus (sekira-kira ia membasuh anggota yang kedua sebelum anggota pertama kering), kerana mengikut perbuatan Nabi s.a.w. sebagaimana yang disebut dalam hadis-hadis yang lalu.

14. Melebihkan membasuh bahagian kepala dan membasuh bahagian atas daripada dua siku dan dua buku lali (mata kaki) di kedua-dua kaki.

    Sabda Rasulullah s.a.w.:

    Sesungguhnya umatku pada hari kiamat akan diseru dalam keadaan kepala, kedua tangan dan kedua kaki mereka bercahaya kerana kesan daripada wudhuk. Oleh kerana itu, sesiapa di kalangan kamu yang boleh membasuh lebih di bahagian kepalanya maka buatlah.

    (Al-Bukhari (136) dan Muslim (246))

    Menurut riwayat di sisi Imam Muslim:

    Maka hendaklah dia membasuh dengan lebih di bahagian kepalanya, dan juga atas daripada siku kedua-dua tangan serta atas daripada buku lali kedua-dua kaki.

15. Bersederhana ketika menggunakan air (tidak terlalu berlebihan dan tidak kedekut (terlalu sedikit))

    Al-Bukhari (198) telah meriwayatkan daripada Anas r.a.:

    Adalah Nabi s.a.w. berwudhuk dengan satu cupak (air).

Cupak di dalam hadis ini ialah bekas empat persegi yang panjang tepinya lebih kurang 10 cm.

16. Mengadap kiblat ketika wudhuk kerana ia adalah arah yang paling mulia.

17. Tidak bercakap-cakap ketika berwudhu kerana mengikut Rasulullah s.aw.

18. *Tasyahhud* setelah selesai berwudhuk dan berdoa, iaitu:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Aku menyaksikan bahawa tiada tuhan selain Allah yang Esa dan tidak ada sekutu bagi-Nya, dan aku menyaksikan bahawa Muhammad adalah hamba dan rasul-Nya.

(Imam Muslim (234))

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

Ya Allah ya Tuhanku jadikanlah aku di kalangan orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang bersuci/bersih.

(At-Tirmidzi (55))

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

Maha suci Engkau Ya Allah, dan segala pujian bagi Engkau, Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Engkau, aku memohon ampun daripada-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu.

(Al-Nasai'e dalam bab: amalan-amalan siang dan malam, Imam Nawawi dalam al-Azkar)

Perkara-perkara Makruh Ketika Wudhuk

Dimakruhkan perkara berikut ketika berwudhuk:

1. Berlebih-lebihan dalam menggunakan air dan tidak terlalu sedikit, kerana ia berlawanan dengan sunnah Nabi s.a.w. dan termasuk dalam larangan secara umum sebagaimana dalam firman Allah yang bermaksud:

   Dan janganlah kamu berlebih-lebihan, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Berlebih-lebihan (*israf*) ialah melebihi batas sederhana yang telah diketahui dan biasa digunakan.

Abu Daud (96) telah meriwayatkan, Nabi s.a.w. bersabda:

Sesungguhnya akan ada di kalangan umatku ini, satu kaum yang melampau ketika bersuci dan berdoa'.

Erti melampau ketika berdoa' ialah meminta sesuatu yang khusus dan dengan sifat yang tertentu.

2. Mendahulukan yang kiri dari yang kanan ketika membasuh tangan dan kaki, kerana ia berlawanan dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

3. Mengelap wudhuknya (air yang melekat pada anggota wudhu') dengan tuala/sapu tangan tanpa apa-apa keuzuran seperti terlalu sejuk atau panas yang boleh menyakitkan anggota jika ia terus kekal di anggota tersebut, atau kerana takut terkena najis atau debu-debunya (najis).

Al-Bukhari (256) dan Muslim (317) meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah didatangkan dengan sapu tangan tetapi Baginda tidak menyentuhnya.

4. Memukul muka dengan air kerana ia berlawanan dengan memuliakannya.

5. Membasuh atau menyapu lebih daripada tiga kali basuhan atau sapuan yang yakin atau kurang daripada itu.

Sabda Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja selesai berwudhuk dengan membasuh atau menyapu tiga kali, tiga kali:

> *Demikianlah wudhuk (yang sempurna dan dituntut). Barangsiapa yang menambah lebih daripada ini, atau kurang (daripadanya), sesungguhnya dia telah berlaku tidak baik dan zalim.*
>
> (Abu Daud (135))

Imam Nawawi r.a. berkata dalam kitab Majmuknya: Hadis ini adalah sahih. Makna hadis tersebut ialah sesiapa yang beriktikad bahawa yang sunnah itu ialah membasuh/menyapu lebih daripada tiga kali atau kurang daripadanya maka dia telah berlaku tidak baik dan zalim. Ini kerana dia telah menyalahi sunnah yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w.

6. Meminta tolong orang lain supaya membasuh anggota-anggota wudhuknya tanpa apa-apa keuzuran. Ini kerana ia adalah satu jenis daripada sifat takabbur yang berlawanan dengan 'ubudiyyah yang akan dilakukan.

7. Berlebih-lebih dan melampau ketika berkumur dan memasukkan air ke hidung serta mengeluarkannya bagi orang yang berpuasa,

kerana dibimbangi air tersebut akan sampai ke halkum lalu membatalkan puasanya.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Bersungguh-sungguhlah / berlebihanlah ketika memasukkan air ke dalam hidung kecuali jika kamu dalam keadaan puasa.

Begitu juga berkumur-kumur yang dikiaskan kepada memasukkan air ke dalam hidung, bahkan ia lebih utama dihukumkan makruh daripada memasukkan air ke dalam hidung.

Perkara yang Membatalkan Wudhuk

Terdapat lima perkara yang membatalkan wudhuk:

1. *Semua yang keluar daripada salah satu dari dua jalan* (qubul dan dubur) sama ada kencing, air besar, darah atau kentut.

   Firman Allah Taala:

   أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ

   Atau seseorang dari kamu datang ke tempat qada' hajat. (dan ia menunaikan hajatnya sama ada buang air besar atau kencing).

   (An-Nisaa': 43)

Al-Bukhari (135) dan Muslim (225) telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

Allah tidak menerima sembahyang seseorang kamu apabila ia berhadas, sehinggalah ia mengambil wudhuk (semula). Lalu seorang lelaki dari penduduk Hadral Maut bertanya: Apakah hadas tersebut wahai Abu Hurairah: Jawab Abu Hurairah r.a.: Kentut tanpa bunyi atau kentut dengan bunyi.

Apa yang disebutkan diqiaskan kepada semua yang keluar daripada qubul dan dubur sekalipun benda tersebut suci.

2. *Tidur yang tidak tetap*. Maksud tetap di sini ialah dia duduk dalam keadaan papan punggungnya bersentuhan (berdempek) dengan lantai dan maksud tidak tetap ialah terdapat di sana rongga/ruang antara papan punggung dan lantai.

   Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ نَامَ فَلْيَتَوَضَّأْ

Sesiapa yang tidur hendaklah dia berwudhuk.

(Abu Daud (203) dan lainnya)

Adapun orang yang tidur dalam keadaan tetap (tidur dalam keadaan duduk) maka wudhuknya tidak batal kerana ia akan sedar/ terasa dengan apa yang keluar daripadanya.

Ini sebagaimana yang telah disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (376) daripada Anas r.a. bahawa dia berkata:

> *Sembahyang telah hampir hendak didirikan, sedang Nabi s.a.w. bercakap dengan seorang lelaki (tanpa didengari oleh orang lain) dan Baginda terus bercakap sehingga para sahabat tertidur kemudian Nabi datang dan bersembahyang bersama-sama mereka.*

Daripada Anas juga bahawa dia berkata:

> *Para sahabat Rasulullah s.a.w. tidur, kemudian mereka sembahyang dan mereka tidak berwudhuk.*
>
> (Al-Bukhari 541, 544 dan 545)

Di sini jelas bahawa para sahabat tidur dalam keadaan duduk dan tetap papan punggung mereka. Ini kerana mereka berada dalam masjid sedang menunggu untuk bersembahyang dan berharap supaya Nabi s.a.w. segera menghentikan perbualannya dan bersembahyang bersama-sama mereka.

3. *Hilang akal dengan sebab mabuk, pitam, sakit atau gila* kerana apabila salah satu perkara tersebut berlaku kepada seseorang, maka dibimbangi keluar sesuatu daripada qubul atau duburnya tanpa disedari. Ini juga dihukum batal wudhuk kerana dikiaskan kepada tidur kerana ia lebih kuat maknanya daripada tidur.

4. *Lelaki/Suami menyentuh isterinya atau perempuan Ajnabiyyah tanpa berlapik.* Ketika itu batal wudhuk keduanya. Ajnabiyyah ialah perempuan yang halal kahwin dengannya.

Firman Allah Taala ketika menjelaskan perkara-perkara yang mewajibkan wudhuk:

Atau kamu menyentuh perempuan-perempuan.

(Al-Nisa': 43)

Laamastum dengan makna *Lamastum* iaitu kamu menyentuh adalah sebagaimana yang terdapat pada qira'at yang mutawatir.

5. *Menyentuh kemaluan diri sendiri atau orang lain* sama ada qubul atau dubur, dengan tapak tangan dan perut-perut jari tanpa berlapik.

Perkara-perkara yang Disyaratkan Berwudhuk Ketika Hendak Melakukannya

1. Sembahyang

   Firman Allah Taala:

   يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغْسِلُواْ وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى ٱلْمَرَافِقِ وَٱمْسَحُواْ بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى ٱلْكَعْبَيْنِ ۚ

   Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan tanganmu hingga ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu hingga kedua buku lali. (Al-Maidah: 6)

   Sabda Rasulullah s.a.w.:

   Allah tidak menerima sembahyang seseorang kamu, bila dia berhadas sehinggalah dia berwudhuk.
   (Al-Bukhari (135) dan Muslim (225))

   Menurut riwayat disisi Imam Muslim (224)

   Tidak diterima sembahyang dengan tidak bersuci.

2. Tawaf mengelilingi kaabah kerana tawaf juga seperti sembahyang yang diwajibkan bersuci sebelum melakukannya.

   Sabda Rasulullah s.a.w.:

   الطَّوَافُ حَوْلَ البَيْتِ مِثْلُ الصَّلَاةِ، إِلَّا أَنَّكُمْ تَتَكَلَّمُوْنَ فِيْهِ. فَمَنْ تَكَلَّمَ فِيْهِ، فَلَا يَتَكَلَّمَنَّ إِلَّا بِخَيْرٍ

   Tawaf mengeliling Baitullah itu sama seperti sembahyang melainkan kamu boleh bercakap-cakap ketika melakukannya.

Oleh itu sesiapa yang bercakap-cakap ketika itu, maka janganlah dia bercakap kecuali yang baik-baik.

(At-Tirmidzi (960) dan Al-Hakim (1/459) dan beliau telah mensahihkannya)

3. Menyentuh Al-Quran dan menanggung/membawanya.

   Firman Allah Taala:

   لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا ٱلْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾

   Tidaklah menyentuhnya melainkan orang yang suci.

   (Al-Waaqiah: 79)

   Sabda Rasulullah s.a.w.:

   لَا يَمَسُّ الْقُرْآنَ إِلَّا طَاهِرٌ

   Tidaklah menyentuh Al-Quran melainkan orang yang suci.

   (Al-Daruqotni (1/459))

Cara Wudhuk Rasulullah s.a.w. yang Sempurna Dengan Fardhu dan Sunat Muakadnya, Penjelasan Berkenaan Kelebihannya dan Kelebihan Sembahyang Selepasnya.

Al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sahihnya (162) daripada Othman bin Affan r.a.:

Beliau meminta air untuk berwudhuk, lalu menuangkan dari bekas air tersebut untuk membasuh kedua tangannya 3 kali, kemudian beliau berkumur, memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya, kemudian membasuh mukanya 3 kali dan kedua-dua tangannya hingga ke siku 3 kali (menurut satu riwayat yang lain: kemudian beliau membasuh tangan kanannya 3 kali kemudian membasuh tangan kirinya 3 kali) kemudian beliau menyapu kepalanya, kemudian membasuh kaki 3 kali (menurut riwayat yang lain - beliau membasuh kaki kanannya 3 kali kemudian membasuh kaki kirinya 3 kali) kemudian berkata: Aku telah melihat Rasulullah s.a.w. berwudhuk seperti wudhukku ini dan Baginda s.a.w. bersabda: Barangsiapa mengambil wudhuk seperti wudhuk ini kemudian dia sembahyang dua rakaat dalam keadaan dia tidak bercakap mengenai perkara duniawi di antara kedua-duanya (berwudhuk dan bersembahyang), maka Allah mengampunkan dosanya yang telah lalu.

MENYAPU DUA KHUF

Erti Dua Khuf

Erti dua khuf ialah dua kasut yang diperbuat daripada kulit yang menutupi buku lali kedua-dua kaki.

Erti dua buku lali ialah dua tulang yang timbul yang merupakan pemisah (sendi) antara kaki dan betis.

Hukum Menyapu Khuf

Menyapu khuf merupakan rukhsah (keringanan) yang harus dilakukan oleh golongan lelaki dan perempuan dalam semua keadaan, sama ada musim panas atau sejuk ketika musafir atau mukim dan ketika sihat atau sakit. Ia adalah ganti kepada membasuh kedua-dua kaki ketika berwudhuk.

Dalil Harus Menyapu Khuf

Dalil harus menyapu khuf ialah perbuatan Nabi s.a.w.. Jarir bin Abdullah Al-Bajali r.a. menceritakan:

> *Aku telah melihat Nabi s.a.w. (pergi) buang air kecil, kemudian Baginda berwudhuk dan menyapu di atas kedua-dua khufnya.*
>
> (Al-Bukhari (1478) dan Muslim (272))

Syarat-syarat Menyapu Khuf

Diisyaratkan menyapu kedua-dua khuf dengan 5 syarat.

1. Kedua-duanya dipakai setelah wudhuk yang sempurna (iaitu dipakai dalam keadaan berwudhuk).

Al-Bukhari (203) dan Muslim (274) meriwayatkan daripada Al-Mughirah bin Syu'bah r.a. bahawa dia berkata:

Aku bermusafir bersama-sama Nabi s.a.w.. Aku telah tunduk untuk mencabut kedua-dua khufnya, lalu Baginda bersabda: biarkan kedua-duanya itu, sesungguhnya aku memakainya dalam keadaan suci. Lalu Baginda s.a.w. menyapu di atas kedua-duanya.

2. Hendaklah kedua-duanya menutupi semua tempat kaki yang wajib dibasuh (ketika berwudhuk), kerana kedua-duanya tidak dinamakan khuf kecuali dalam keadaan demikian.
3. Hendaklah keduanya tahan daripada dimasuk air ke dalam kaki, kecuali di bahagian jahitan.
4. Hendaklah keduanya kuat dan lasak sehingga boleh berjalan berturut-turut sehari semalam bagi orang bermukim dan 3 hari 3 malam bagi yang bermusafir.
5. Kedua-duanya adalah suci. Sekiranya ia diperbuat daripada kulit bangkai, maka ia hendaklah kulit bagkai yang telah disamak, sebagaimana dalam perbincangan lalu bahawa kulit bangkai yang disamak adalah suci.

Tempoh Menyapu Khuf

Tempoh bagi orang yang bermukim ialah sehari semalam. Bagi yang bermusafir ialah 3 hari 3 malam.

Imam Muslim (276) dan lainnya meriwayatkan daripada Syuraih bin Hani' katanya:

Aku telah datang menemui Aisyah r.ha. kerana bertanya tentang menyapu di atas kedua-dua khuf. Aisyah menjawab: Kamu pergilah berjumpa dengan Saidina Ali r.a. kerana dia lebih mengetahui daripada aku (dalam masalah ini) kerana dia telah bermusafir bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w., lalu aku bertanya kepadanya dan dia berkata: Rasulullah s.a.w. telah menjadikan 3 hari 3 malam (untuk menyapu khuf) bagi orang yang bermusafir dan sehari semalam bagi orang yang bermukim.

Sesiapa yang memulakan sapu ketika bermukim kemudian dia musafir maka dia hanya menyapu sehari semalam sahaja. Dan sesiapa yang memulakan sapu ketika musafir kemudian dia bermukim maka dia hendaklah menyempurnakan sapu sebagai orang yang bermukim (iaitu sehari semalam juga), kerana hukum

asal bagi seseorang itu adalah bermukim dan sapu khuf itu adalah satu rukhsah. Oleh itu jalan ber*ihtiyat* (mengambil sikap berjaga-jaga) adalah perlu dan diutamakan.

Bilakah Tempohnya Bermula

Tempoh menyapu khuf bermula apabila berlaku hadas selepas memakai kedua-dua khuf. Oleh itu sekiranya seseorang berwudhu' untuk sembahyang subuh, kemudian dia memakai khuf, selepas itu dia berhadas ketika matahari terbit, maka tempoh bermula adalah dikira daripada terbitnya matahari.

Cara Menyapu Khuf

Sapu yang dituntut (difardhukan) ialah menyapu air walaupun sedikit di bahagian atas khuf dan tidak memadai jika disapu di bahagian bawah kedua-dua khuf.[1]

Disunatkan menyapu bahagian atas dan bawahnya dalam bentuk garisan iaitu dengan meletakkan jari-jari tangan kanannya dalam keadaan terbuka (bercerai) di bahagian hadapan atas kaki dan jari-jari tangan kirinya di bahagian belakang bawah kakinya kemudian dia menarik tangan kanannya ke belakang dan menolak tangan kirinya ke hadapan.

Perkara-perkara yang Membatalkan Sapu

Terdapat tiga perkara yang membatalkannya:

1. Mencabut kedua-dua khuf atau salah satu daripada keduanya atau kedua-duanya tercabut atau salah satu daripadanya.
2. Tamat tempoh sapu. Apabila tempohnya tamat dan dia masih dalam keadaan berwudhuk maka dia hendaklah mencabut kedua-dua khufnya dan membasuh kedua-dua kakinya kemudian dia boleh memakainya kembali. Sekiranya tempoh tamat dalam keadan dia tidak berwudhuk, maka dia hendaklah berwudhuk kemudian memakai kedua-duanya kembali jika ingin berbuat demikian.

1 Abu Daud (162) telah meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Ali bin Abi Talib r.a. bahawa dia berkata: *Kalaulah agama itu (hanya) dengan pendapat akal (semata-mata) nescaya di bahagian bawah khuf adalah lebih layak untuk disapu daripada di atasnya dan sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah s.a.w. menyapu di bahagian atas kedua-dua khufnya.*

3. Berlaku perkara-perkara yang mewajibkan mandi. Apabila dia diwajibkan mandi, maka hendaklah dia menanggalkan kedua-dua khufnya dan membasuh kedua-dua kakinya kerana menyapu di atas khuf adalah ganti kepada membasuh kaki ketika wudhuk sahaja tidak pada mandi wajib.

At-Tirmidzi (96) dan Al-Nasai'e (1/83) telah meriwayatkan - lafaz hadis oleh Al-Nasai'e - daripada Safwan bin 'Asal r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami ketika kami bermusafir supaya menyapu di atas khuf dan tidak menanggalkannya selama 3 hari jika batal wudhuk disebabkan oleh buang air besar, kencing dan tidur kecuali jika disebabkan janabah (maka wajib ditanggalkan kedua-dua khuf)

- Janabah merupakan di antara perkara yang mewajibkan mandi sebagaimana yang akan dijelaskan nanti.

AL-JABAAIR (الجبائر) DAN AL-'ASAA'IB (العصائب)

Al-Jabaair jamak kepada *jabiirah* yang bermakna: ikatan yang diletakkan di atas anggota yang patah bagi mengikat atau membalutnya.

Dan *al-'asaa'ib* jamak kepada *'isaabah* yang bermakna: ikatan yang diletakkan di atas anggota yang luka bagi menjaganya daripada kotoran-kotoran sehingga ia sembuh.

Oleh kerana Islam adalah agama yang memudahkan maka ia telah mengambil berat dalam masalah ini di mana Islam telah mensyariatkan beberapa hukum yang menggabungkan antara menunaikan ibadat dan menjaga keselamatan manusia.

Hukum Al-Jabaair dan Al-'Asaa'ib

Pesakit yang ditimpa luka atau patah, kadang-kadang berhajat kepada meletakkan ikatan (balutan) dan ubat di atas tempat luka atau patah dan kadang-kadang tidak memerlukannya.

Sekiranya perlu meletakkan balutan, maka ketika itu dia wajib melakukan tiga perkara:

1. Membasuh bahagian yang selamat (tidak sakit) pada anggota yang luka atau patah.
2. Menyapu seluruh balutan atau ikatannya.
3. Bertayamum sebagai ganti membasuh bahagian yang sakit apabila sampai kepada anggota tersebut ketika berwudhuk.

Sekiranya balutan di atas anggota yang luka atau patah tidak diperlukan, maka dia wajib membasuh bahagian anggota yang sihat dan bertayamum bagi menggantikan bahagian yang luka sekiranya

dia tidak boleh membasuh tempat sakit (luka) tersebut. Dia wajib mengulangi tayamum pada setiap kali sembahyang fardhu sekalipun dia tidak berhadas. Manakala anggota-anggota lain, ia tidak wajib dibasuh (semula) melainkan sekiranya dia berhadas.

Dalil Menyapu Di atas Al-Jabaair

Dalil ia disyariatkan ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud (336) daripada Jabir r.a. bahawa dia berkata:

Kami telah keluar bermusafir, tiba-tiba salah seorang daripada kami, kepalanya terkena batu lalu melukakannya. Kemudian (ketika tidur) ia bermimpi (yang menyebabkannya berhadas besar) dan (apabila bangun) dia bertanya kepada para sahabatnya: Adakah kamu dapati keringanan (keizinan) bagiku untuk bertayamum? Mereka menjawab: Kami tidak mendapati keringanan untuk kamu berbuat demikian kerana kamu mampu menggunakan air. Lalu diapun mandi kemudian mati. Apabila kami sampai kepada Rasulullah s.a.w., kami menceritakan apa yang berlaku. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Mereka telah membunuhnya dan semoga Allah membunuh mereka. Kenapa mereka tidak bertanya apabila mereka tidak tahu? Sesungguhnya ubat kepada kesamaran atau kekeliruan itu ialah bertanya. Sesungguhnya memadai dengan dia bertayamum dan membalut lukanya dengan perca kain, kemudian dia menyapu di atasnya dan membasuh seluruh badannya.

Tempoh Menyapu Di atas Al-Jabiirah dan Al-Isaabah

Menyapu di atas *al-jabiirah* dan *al-isaabah* (balutan), tidak mempunyai tempoh yang tertentu, bahkan ia berterusan selama mana sakit (keuzuran) itu masih ada. Apabila sakit (seperti luka dan patah) telah sembuh maka batallah sapu dan ia wajib dibasuh.

Sekiranya tempoh sapu telah tamat, sedangkan dia dalam keadaan berwudhuk, maka dia wajib sama ada menyapu atau membasuh anggota yang terlibat (anggota yang dibuang balutannya) dan juga anggota wudhuk selepas anggota tersebut mengikut sebagaimana yang diwajibkan (disapu seperti kepala atau basuh seperti kedua tangan).

Hukum pada *al-jabaair* (balutan) sama sahaja sama ada yang berkaitan dengan hadas kecil atau hadas besar. Kecuali dalam

masalah hadas besar, sekiranya tempoh sapu telah tamat, seperti ia mandi wajib dalam keadaan berbalut, kemudian setelah beberapa hari, luka atau patahnya sembuh, maka ketika itu dia hanya wajib membasuh di tempat yang dibalut sahaja dan tidak wajib membasuh seluruh badannya (Berlainan dengan wudhuk; wajib dibasuh atau disapu anggota yang dibuka balutannya dan anggota wudhuk yang selepasnya).

Orang yang memakai balut, wajib mengqadakan sembah-yang sekiranya balut tersebut berada dalam salah satu keadaan berikut.

1. Apabila dia meletakkan balutan itu dalam keadaan tidak suci (berhadas) dan dia uzur (tidak dibenarkan) membukanya.

2. Balutan itu berlaku pada anggota tayamum iaitu muka dan kedua tangan.

3. Apabila kawasan yang sihat dibalut melebihi kadar balutan pada tempat sakit.

MANDI; HUKUM DAN JENISNYA

Makna Mandi

Dari segi **bahasa**: Mengalirkan air ke atas apa sahaja benda. Dari segi **syarak**: Mengalirkan air ke atas badan dengan niat yang tertentu.

Disyariatkan

Mandi adalah disyariatkan sama ada dengan tujuan membersih, atau mengangkat hadas, sama ada ia menjadi syarat untuk ibadat ataupun tidak. Dalil disyariatkan ialah Al-Quran, As-Sunnah dan Ijmak.

Dalil daripada Al-Quran

Terdapat beberapa ayat mengenainya, di antaranya;

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Sesungguhnya Allah kasih kepada orang-orang yang suka bertaubat dan bersih.

(Al-Baqarah: 222)

Iaitu bersih daripada hadas dan kotoran sama ada zahir atau batin.

Dalil daripada As-Sunnah

Di sana terdapat banyak hadis yang menyentuh mengenainya di antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (85) dan Muslim (849) daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia berkata, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يَغْتَسِلَ فِي كُلِّ سَبْعَةِ أَيَّامٍ يَوْمًا، يَغْسِلُ فِيهِ رَأْسَهُ وَجَسَدَهُ

*Menjadi **tanggungjawab** ke atas setiap orang Islam untuk mandi sehari dalam tujuh hari; dia membasuh kepala dan tubuh badannya.*

Menurut riwayat di sisi Imam Muslim disebut sebagai Hak Allah iaitu tanggungjawab yang perlu ditunaikan kepada Allah.

Yang dimaksudkan dengan *tanggungjawab* di sini ialah ia tidak layak ditinggalkan oleh orang Islam dan ulamak telah menafsirkan mandi yang dimaksudkan ialah mandi pada hari Jumaat.

Dalil-dalil daripada hadis yang lain akan disebut dalam perbincangan yang akan datang. Insya-Allah.

Dalil daripada Ijmak

Sesungguhnya para ulamak mujtahid telah bersepakat bahawa mandi untuk membersihkan tubuh badan adalah disunatkan dan mandi yang menjadi syarat sah ibadat adalah wajib. Setakat yang diketahui tidak ada perselisihan ulamak dalam masalah ini.

Hikmat Disyariatkan

Mandi mempunyai beberapa hikmah dan faedah, antaranya:

1. Mendapat pahala

Ini kerana, mandi dengan makna syarak merupakan suatu ibadat, kerana ia terkandung erti kepatuhan kepada perintah syarak dan beramal dengan hukumnya. Ini bermakna ia mengandungi ganjaran yang besar daripada Allah Taala. Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w. bersabda:

Bersuci itu separuh daripada iman.

(Imam Muslim (222))

Bersuci mengandungi makna wudhuk dan mandi.

2. Menghasilkan kebersihan

Apabila seseorang Muslim mandi, maka dia telah membersihkan tubuhnya daripada kekotoran dan peluh yang keluar. Kebersihan ini akan menjadi benteng atau pemelihara daripada kuman-kuman yang menyebabkan penyakit. Ia juga akan menimbulkan kemesraan dan kasih sayang antara manusia.

Al-Bukhari (861) dan Muslim (847) - lafaz hadih adalah daripadanya - telah meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata:

Orang ramai banyak melakukan kerja dan mereka tidak mempunyai pembantu dan keluar dari mereka bau yang busuk, lalu dikatakan kepada mereka. Sekiranya kamu mandi pada hari Jumaat maka itu adalah lebih baik.

Dalam riwayat Al-Bukhari dan Muslim yang lain disebut:

Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Sekiranya kamu bersuci - (mandi) pada hari ini, maka itu adalah lebih baik.

3. Menghasilkan kecergasan

Tubuh badan yang dimandikan akan dapat merasakan kekuatan dan kecergasan dan akan hilang daripadanya rasa lemah, lesu dan malas, terutama selepas melakukan perkara-perkara yang mewajibkan mandi seperti persetubuhan sebagaimana dalam huraian yang akan datang.

Bahagian-bahagian Mandi

Mandi terbahagi kepada dua bahagian:

1. Mandi yang diwajibkan
2. Mandi yang disunatkan

Pertama: Mandi yang Diwajibkan

Mandi yang diwajibkan ialah apabila berlaku perkara-perkara yang mewajibkan mandi, maka ibadat yang memerlukan kepada bersuci tidak sah dilakukan tanpanya (mandi).

Sebab-sebab yang mewajibkan mandi ialah janabah, haid, melahirkan anak (wiladah) dan mati.

1. Janabah

Asal makna *janabah* ialah jauh sebagaimana firman Allah:

فَبَصُرَتْ بِهِۦ عَن جُنُبٍ

Maka kelihatanlah olehnya akan Musa dari jauh

(Al-Qasas: 11)

Perkataan *janabah* dalam penggunaan biasa adalah dengan makna mani yang memancut. Ia juga digunakan dengan makna jimak (persetubuhan).

Oleh itu, orang yang berjunub iaitu orang yang tidak suci yang disebabkan oleh keluar mani atau persetubuhan. Dia dinamakan demikian kerana disebabkan *janabah* seseorang itu jauh daripada (iaitu tidak boleh) menunaikan sembahyang selagimana dia berada dalam keadaan tersebut.

Sebab-sebab janabah

i. Keluar mani daripada lelaki atau perempuan dengan apa sebab sekalipun; bermimpi, berseronok, melihat atau berfikir.

Al-Bukhari (278) dan Muslim (313) telah meriwayatkan daripada Ummu Salamah r.ha. bahawa dia berkata:

Ummu Sulaim telah datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu daripada perkara yang benar. Adakah perempuan wajib mandi apabila dia bermimpi (melihat dalam mimpinya bahawa ia bersetubuh). Jawab Rasulullah s.a.w.: Ya, apabila dia melihat air (mani).

Abu Daud (236) dan lainnya meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. telah ditanya tentang seorang lelaki yang mendapati basah (pada kainnya) dan ia tidak ingat akan mimpinya? Jawab Rasulullah: Dia hendaklah mandi. Baginda juga ditanya tentang seorang lelaki yang percaya bahawa dia telah bermimpi tetapi tidak mendapati basahan (pada kainnya/tempat tidurnya). Rasulullah s.a.w. menjawab: Dia tidak wajib mandi. Kemudian Ummu Sulaim pula berkata: Jika perempuan melihat basahan itu adakah dia wajib mandi? Jawab Rasulullah s.a.w.: Ya, (kerana) perempuan adalah ***saudara mara lelaki.***

Maksud *saudara-mara lelaki* ialah kejadian dan naluri mereka adalah sama. Seolah-olah mereka adalah saudara mara lelaki.

ii. Bersetubuh walaupun tanpa keluar mani

Al-Bukhari (287) dan Muslim (348) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الأَرْبَعِ، ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْغُسْلُ

Apabila dia duduk antara dua paha dan betisnya (perempuan), kemudian digerakkannya dengan bersungguh-sungguh, maka wajib ke atasnya mandi.

Dalam riwayat Muslim disebut:

وَإِنْ لَمْ يُنْزِلْ

Sekalipun tidak keluar mani.

Dan menurut satu riwayat disisi Muslim (349) daripada Aisyah r.ha.:

Dan (apabila) khitan (kemaluan) menyentuh khitan. Maka wajib mandi.

Iaitu lelaki dan perempuan wajib mandi kerana keduanya bersama-sama melakukan sebab yang mewajibkan mandi. Sabda Rasulullah: khitan menyentuh khitan ialah *kinayah* (simbolik) kepada persetubuhan.

Perkara yang diharamkan disebabkan janabah

i. Sembahyang fardhu atau sunat, kerana firman Allah Taala:

لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا۟ مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِى سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا۟ۚ

Jangan kamu sembahyang sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu memahami apa yang kamu ucapkan (jangan pula menghampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub, kecuali sekadar melaluinya sahaja, sehingga kamu mandi.

(An-Nisa':43)

Dalam ayat di atas terdapat larangan daripada menghampiri tempat sembahyang (masjid) disebabkan *janabah* (junub). Oleh itu, melarang daripada menunaikan sembahyang disebabkan junub adalah lebih *aula* dan utama.

Imam Muslim (224) dan lainnya meriwayatkan daripada Ibn Umar r.a. katanya:Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُوْرٍ

Tidak diterima sembahyang dengan tidak bersuci.

Bersuci itu meliputi suci daripada hadas dan junub. Ini menunjukkan bahawa haram mendirikan sembahyang disebabkan oleh keduanya.

ii. Tinggal dan duduk dalam masjid.

Adapun melalui/melintasinya dengan tidak tinggal atau berulang alik di dalamnya adalah tidak haram. Firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan tidak dalam keadaan junub kecuali melaluinya sahaja.

Maksudnya: Jangan kamu menghampiri sembahyang dan tempatnya (iaitu masjid) jika kamu dalam keadaan berjunub melainkan laluan yang dekat dan melintasinya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا أُحِلُّ الْمَسْجِدَ لِحَائِضٍ وَلَا لِجُنُبٍ

Aku tidak menghalalkan masjid bagi perempuan yang haid dan bagi orang yang berjunub.

(Abu Daud (232))

Hadis ini ditafsirkan dalam masalah tinggal dalam masjid sebagaimana yang difahami daripada ayat di atas dan juga dalam masalah haid yang akan datang.

iii. Tawaf mengelilingi Kaabah, sama ada fardhu atau sunat. Ini kerana tawaf sama kedudukannya dengan sembahyang. Oleh itu ia diisyaratkan bersuci sebagaimana sembahyang. Sabda Rasulullah s.a.w.:

Tawaf di Baitullah (seumpama) sembahyang melainkan Allah menghalalkan kepada kamu bercakap padanya. Oleh itu sesiapa yang bercakap, maka janganlah dia bercakap kecuali dengan yang baik.

(Al-Hakim (1/459) dan dia berkata sanadnya sahih.)

iv. Membaca Al-Quran. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا تَقْرَأُ الْحَائِضُ وَلَا الْجُنُبُ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ

Janganlah orang yang berhaid dan berjunub itu membaca sesuatu daripada Al-Quran.

(At-Tirmidzi (131) dan lainnya.)

Perhatian

Orang yang berjunub diharuskan membaca Al-Quran di dalam hatinya tanpa berkata-kata dengannya, sebagaimana juga harus baginya melihat kepada Al-Quran.

Harus baginya membaca zikir-zikir daripada ayat-ayat Al-Quran dengan tujuan zikir, bukan membacanya seperti ia berkata:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

(Al-Baqarah: 201)

Ia dibenarkan apabila dibaca dengan tujuan berdoa. Contoh yang lain ialah dia berkata ketika menaiki kenderaan:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا هَٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾

Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya.

(Az-Zukhruf: 13)

Dia menyebutnya dengan niat berzikir, bukan dengan tujuan membaca Al-Quran.

v. Menyentuh Al-Quran, menanggungnya atau menyentuh kertas dan kulitnya atau membawanya dalam bekas plastik atau peti. Firman Allah Taala:

لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا ٱلْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾

Tidaklah menyentuhnya melainkan orang-orang yang suci.

(Al-Waaqiah: 79)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Tidaklah menyentuh Al-Quran melainkan orang yang suci.
(Al-Daruqotni (1/121) dan Imam Malik dalam kitab Muwatta' yang diriwayatkan secara Mursal (1/199))

Perhatian

Harus bagi orang yang berjunub membawa Al-Quran apabila ia dibawa bersama dengan barang-barang atau pakaian dan dia tidak berniat membawa Al-Quran tersebut semata-mata. Bahkan dia membawanya adalah ekoran daripada barang-barang dan pakaian yang dibawa.

Begitu juga harus baginya membawa kitab-kitab tafsir Al-Quran yang mana tafsirannya itu lebih banyak daripada ayat-ayat Al-Quran. Ini kerana orang yang berbuat demikian tidak dianggap sebagai pembawa Al-Quran di sisi pandangan umum (uruf).

2. *Haid*

Erti haid pada bahasa ialah mengalir.

Erti haid pada syarak ialah darah tabi'e (semulajadi) yang disebabkan oleh sifat-sifat atau tabiat yang selamat (normal) yang keluar dari pangkal rahim perempuan selepas ia baligh dengan cara yang betul dan pada waktu tertentu.

Dalil yang menjelaskan bahawa haid adalah antara sebab yang mewajibkan mandi ialah:

i. Firman Allah Taala:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟ ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ

Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: Haid itu adalah kotoran, oleh itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita (tidak menyetubuhinya) ketika haid, dan jangan kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka di tempat yang diperintah oleh Allah kepada kamu.

(Al-Baqarah: 222)

ii. Sabda Rasulullah s.a.w. kepada Fatimah binti Abi Hubaisy r.ha.:

فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِي الصَّلاَةَ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْسِلِي عَنْكِ الدَّمَ وَصَلِّي

Apabila haid datang maka tinggallah sembahyang dan jika ia pergi (berhenti) maka (bersihkanlah dirimu) dengan mandi daripada darah tersebut dan sembahyanglah.

(Al-Bukhari (226) dan Muslim (333))

Umur baligh

Maksud baligh ialah apabila seseorang lelaki atau perempuan sampai pada tahap umur tertentu, maka dia menjadi orang yang layak menerima taklif yang ditentukan oleh syarak seperti sembahyang, puasa, haji dan lain-lain.

Tahap baligh seseorang dapat diketahui dengan beberapa perkara:

i. Mimpi keluarnya mani, sama ada lelaki atau perempuan.

ii. Melihat darah haid. Ini khusus untuk perempuan. Waktu yang menjadikannya baligh disebabkan mimpi atau keluar haid ialah apabila dia mencapai umur sembilan tahun Qamariah. (menurut bulan Islam). Kelewatan atau tidak daripada umur tersebut adalah bergantung kepada keadaan sesebuah negeri dan suasana kehidupan.

iii. Berumur 15 tahun berdasarkan tahun Qamariah. Keadaan ini diambil kira apabila tidak berlaku mimpi atau keluar haid.

Tempoh haid

Ia terdiri daripada tiga iaitu tempoh paling pendek, tempoh paling panjang dan tempoh yang *ghalib* (yang menjadi kebiasaan kebanyakan perempuan).

Tempoh haid paling pendek ialah satu hari satu malam, dan tempoh yang paling panjang ialah 15 hari 15 malam. Manakala tempoh *ghalib* (kebiasaan) ialah 6 atau 7 hari.

Sekurang-kurang waktu suci ialah 15 hari dan tidak ada had tertentu bagi tempoh panjangnya. Ini kerana kadang-kadang seseorang perempuan tidak didatangi haid dalam tempoh setahun atau dua tahun bahkan beberapa tahun.

Penentuan tempoh ini adalah berasaskan kepada *istiqra'* iaitu pemerhatian terperinci kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku kerana ia boleh dijadikan sandaran dalam menentukan tempoh tersebut.

Apabila seseorang perempuan melihat darah yang keluar itu kurang daripada tempoh haid paling pendek (kurang daripada sehari semalam) atau melebihi daripada tempoh haid paling panjang (melebihi 15 hari 15 malam) maka darah tersebut dianggap sebagai darah *istihadhah* (penyakit) bukannya darah haid.

Darah haid dan istihadhah boleh dibezakan antara keduanya berasaskan kepada warna dan kekuatannya (kepekatannya).

Darah istihadhah (penyakit)

Darah *istihadhah* ialah darah yang keluar dari satu urat yang terletak di bawah rahim yang dikenali dengan *al-'aazil.*

Darah ini membatalkan wudhuk tetapi tidak mewajibkan perempuan tersebut mandi dan tidak wajib meninggalkan sembahyang serta puasa. Oleh itu perempuan yang keluar darah tersebut hendaklah membasuhnya, mengikat/membalut tempat keluarnya dan hendaklah berwudhuk setiap kali hendak sembahyang fardhu.

Abu Daud (286) dan lainnya telah meriwayatkan daripada Fatimah binti Hubaisy:

> *Dia telah keluar darah istihadhah, lalu Nabi s.a.w. bersabda kepadanya: Sekiranya ia darah haid, maka ia akan berwarna hitam yang biasa dikenali oleh orang perempuan. Jika ia bersifat demikian maka jangan kamu bersembahyang dan jika tidak bersifat begitu, maka berwudhuk dan sembahyanglah, sesungguhnya ia adalah darah penyakit.*

Al-Bukhari (236) dan Muslim (333) meriwayatkan dari Aisyah r.ha. katanya:

> *Fatimah binti Abi Hubaisy telah datang menemui Nabi s.a.w. dan berkata: Wahai Rasulullah, aku telah beristihadhah, oleh itu aku tidak suci, maka adakah aku perlu meninggalkan sembahyang? Sabda Rasulullah s.a.w.: Tidak, itu hanyalah darah penyakit dan bukan darah haid. Ketika kedatangan haidh hendaklah engkau meninggalkan sembahyang, dan*

apabila kadarnya telah berlalu, maka hendaklah engkau mambasuh darah yang berada pada diri engkau dan hendaklah engkau bersembahyang.

Perkara-perkara yang diharamkan ketika haid

i. Sembahyang. Ini berdasarkan hadis Fatimah binti Abi Hubaisy r.a. yang lalu dalam bab *Istihadhah.*

ii. Membaca Al-Quran, menyentuh dan menanggungnya sebagaimana yang telah lalu dalam tajuk perkara-perkara yang diharamkan ketika berjunub (No. 4 dan 5)

iii. Tinggal dalam masjid dan tidak haram melintasinya sebagaimana disebut dalam tajuk perkara-perkara yang diharamkan ketika berjunub (No. 2).

Dalil-dalil yang menunjukkan bahawa dengan hanya melintasi masjid adalah tidak haram (tambahan kepada dalil-dalil daripada bab yang lalu): ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim (298) dan lainnya daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepadaku:

Ambilkan untukku sejadah di masjid, lalu aku berkata: Sesungguhnya aku dalam keadaan haid. Sabda Rasulullah: Sesungguhnya haidmu itu bukannya di tangan kamu.

Al-Nasai'e (1/147) meriwayatkan daripada Maimunah r.ha. bahawa ia berkata:

Salah seorang daripada kami bangun membawa sejadah ke masjid, lalu dia menghamparkannya sedangkan dia dalam keadaan haid.

iv. Tawaf.

Dalilnya telah disebut dalam perbahasan lalu dalam bab Junub.

Dalil lain ialah seperti yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim dari Aisyah r.ha. bahawa ia berkata:

Kami telah keluar dalam keadaan berihram kerana menunaikan haji. Apabila kami sampai ke satu tempat yang bernama Saraf - tempat berhampiran dengan Makkah -, tiba-tiba aku didatangi haid. Dan Rasulullah s.a.w. masuk menemui aku dalam keadaan aku sedang menangis.

Rasulullah bertanya: Apa masalah kamu, adakah kamu didatangi haid? Jawabku: Ya. Sabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya ini adalah perkara yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas anak cucu perempuan Nabi Adam. Maka buatlah sebagaimana orang menunaikan haji, lakukanlah kecuali kamu jangan tawaf di Kaabah.

Menurut satu riwayat disebut: *sehingga kamu bersuci.*

Di sana terdapat perkara-perkara lain yang diharamkan ke atas perempuan haid di antaranya:

i. Melintasi masjid dan melaluinya apabila dibimbangi mencemarkan masjid. Ini kerana darah adalah najis dan haram mencemarkannya dengan najis dan lain-lain kekotoran. Sekiranya ia selamat daripada mengotorinya maka halal baginya melintasi masjid sebagaimana yang telah anda ketahui.

ii. Berpuasa. Tidak harus bagi perempuan yang berhaid menunaikan puasa sama ada fardhu atau sunat. Dalilnya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (298) dan Muslim (80) daripada Abi Said r.a.:

Rasulullah s.a.w. bersabda mengenai perempuan dan Baginda ditanya tentang makna kekurangan agama orang perempuan. Baginda bersabda: Tidakkah apabila dia berhaid, ia tidak bersembahyang dan tidak berpuasa.

Hukum ini telah menjadi Ijmak Para Ulamak. Perempuan yang haid hendaklah mengqadak kembali puasanya setelah suci dan dia tidak wajib mengqadak sembahyang. Apabila ia suci iaitu apabila haidnya telah berhenti maka wajib ke atasnya berpuasa walaupun dia belum mandi.

Al-Bukhari (315) dan Muslim (335) telah meriwayatkan dan lafaz hadis oleh Imam Muslim daripada Mua'zah bahawa dia berkata:

Aku bertanya Aisyah r.ha.: Mengapa perempuan yang haid dikehendaki mengqadak puasa dan tidak perlu mengqadak sembahyang? Aisyah menjawab: Kami telah didatangi haid ketika bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w., lalu Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami mengqadak puasa dan tidak menyuruh kami mengqadak sembahyang.

Mudah-mudahan antara hikmatnya ialah kerana sembahyang itu banyak (berulang-ulang 5 kali sehari) maka ia akan membeban dan menyusahkan jika diperintah supaya mengqadakannya. Berlainan dengan puasa (hanya sebulan dalam setahun).

iii. Melakukan persetubuhan, berseronok dan bergaul dengan isteri pada kawasan antara pusat dan lutut. Firman Allah:

فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ

Maka hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid (tidak menyetubuhinya) dan jangan kamu menghampiri mereka sehingga mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka setubuhilah mereka pada tempat yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.

(Al-Baqarah: 222)

Abu Daud (212) telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Saad r.a.:

Dia telah bertanya Rasulullah s.a.w.: Apakah yang dibenarkan aku lakukan terhadap isteriku ketika dia dalam keadaan haid. Jawab Rasulullah s.a.w.: Bagi kamu yang di atas daripada kain sarung.

Kain sarung ialah pakaian yang menutup pertengahan badan dan di bawahnya iaitu kebiasaannya antara pusat dan lutut.

3. Beranak

Beranak ialah melahirkan apa yang ada dalam kandungan. Kadang-kadang ia berlaku dalam keadaan darah tidak keluar sebaik sahaja keluarnya anak. Oleh itu ketika itu ia dihukum sebagai orang yang berjunub kerana anak itu adalah hasil daripada air mani perempuan dan lelaki. Hukum tetap tidak berbeza walaupun cara kandungan itu dilahirkan adalah berbeza.

Apabila darah keluar selepas keluarnya anak - kebiasaannya itulah yang berlaku - maka darah itu dikenali sebagai darah nifas. Nifas mempunyai beberapa hukum yang berkaitan dengannya sebagaimana yang akan dijelaskan.

Nifas

Maknanya pada bahasa ialah beranak.

Manakala pada syarak ialah darah yang keluar selepas beranak. Ia dinamakan *nifas* kerana ia keluar selepas keluarnya *nafs* (iaitu jiwa) dan perempuan tersebut dipanggil *nufasa'*.

Darah yang keluar ketika sakit hendak bersalin atau bersama dengan keluarnya anak tidak dianggap sebagai darah nifas kerana ia mendahului anak ketika keluar, bahkan darah tersebut dianggap sebagai darah yang rosak/kotor.

Oleh kerana itu wajib keatasnya bersembahyang ketika sakit hendak bersalin walaupun ia melihat darah keluar. Sekiranya dia tidak mampu untuk bersembahyang maka dia wajib mengqadakkannya.

Tempoh nifas

Sekurang-kurangnya tempoh nifas ialah satu *lahzoh* iaitu seketika sahaja dan kadang-kadang ia berterusan beberapa hari. Pada kebiasaannya 40 hari dan paling maksimum ialah 60 hari. Oleh itu darah yang keluar selepas tempoh tersebut dianggap sebagai darah *istihadhoh* (penyakit). Kaedah yang digunakan dalam menentukan tempoh ini ialah *al-istiqra'* sebagaimana yang telah anda ketahui ketika menentukan tempoh haid.

Perkara-perkara yang diharamkan ketika nifas

Para Ulamak telah bersepakat bahawa nifas adalah sama dengan haid dalam semua hukum-hukum yang berkaitan dengannya.

Melihat darah ketika mengandung

Apabila seorang perempuan yang hamil melihat darah keluar dan tempoh keluarnya telah sampai tempoh sekurang-kurangnya haid iaitu sehari semalam dan tidak melebihi had tempoh haid paling lama iaitu 15 hari 15 malam, maka darah itu dianggap darah haid disisi pendapat yang *azhar*. Dengan itu dia hendaklah meninggalkan sembahyang, puasa dan semua perkara yang diharamkan ke atas perempuan yang haid.

Sekiranya darah yang dilihat itu kurang daripada sekurang-kurang tempoh haid atau melebihi tempoh haid yang paling lama, maka darah yang kurang dan yang lebih tempoh itu dianggap

darah *istihadhoh.* Maka hukumnya dipakai sebagai hukum darah *istihadhoh* dari segi sembahyang dan lain-lain.

Menurut sebahagian ulamak, darah yang dilihat oleh perempuan ketika hamil itu dianggap darah *istihadhoh* secara mutlak walaubagaimana sekalipun keadaannya dan bukan darah haid. Ini kerana lubang tempat keluar haid akan tertutup ketika hamil dan inilah kebiasaan dan kebanyakan yang berlaku. Sekiranya perempuan hamil keluar darah haid, maka ia adalah perkara yang sangat jarang berlaku.

Tempoh mengandung

Sekurang-kurang tempoh mengandung ialah enam bulan. Ini diambil daripada dua ayat Al-Quran:

وَحَمْلُهُۥ وَفِصَٰلُهُۥ ثَلَٰثُونَ شَهْرًا

Dan tempoh hamil serta menyusunya selama 30 bulan.

(Al-Ahkaf: 15)

وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ

Dan tempoh menyusunya ialah 2 tahun.

(Luqman: 14)

Maksudnya ialah waktu atau tempoh ia dilepaskan daripada susuan.

Apabila tempoh masa mengandung dan menyusu ialah 30 bulan dan tempoh masa menyusu ditentukan selama 2 tahun, maka tempoh bagi mengandung ialah 6 bulan. (Kerana 2 tahun bersamaan 24 bulan, maka bakinya adalah 6 bulan).

Enam bulan adalah sekurang-kurang tempoh mengandung. Oleh itu, apabila seseorang perempuan melahirkan anak sebelum umur perkahwinannya mencapai enam bulan, maka anak itu tidak thabit nasabnya (tidak boleh dibinkan) dengan ayahnya itu (suami perempuan tersebut).

Tempoh kebiasaan mengandung ialah 9 bulan berdasarkan waqie (relaliti) yang berlaku pada kebanyakan perempuan. Mereka melahirkan anak setelah umur kandungannya mencapai 9 bulan, atau lebih dan kurang beberapa hari.

Tempoh mengandung paling lama di sisi Imam Syafi'e r.a. ialah 4 tahun. Tempoh tersebut sekiranya berlaku maka ia adalah perkara yang terlalu dan sangat jarang berlaku. Tetapi oleh kerana ia berlaku dan memang telah benar-benar berlaku, maka Imam Syafi'e mengasaskan pendapatnya itu berdasarkan kepada apa yang berlaku.

4. Mati

Apabila seseorang Muslim mati, maka orang-orang Islam yang lain wajib memandikannya. Kewajipan ini adalah fardhu kifayah iaitu apabila sebahagian kaum kerabat mereka atau orang lain melakukannya, maka gugurlah tuntutan wajib tersebut ke atas orang lain dan sekiranya ia tidak dilakukan oleh seorangpun di kalangan mereka, maka semuanya berdosa.

Orang yang memandikan wajib berniat memandikannya. Ini adalah hukum berkaitan orang yang bukan mati syahid. Manakala orang yang mati syahid tidak boleh dimandikan. Penjelasan lanjut berkenaan dengan perkara ini akan dibahaskan dalam bab jenazah yang akan datang.

Dalil wajib memandikan orang yang mati ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a:

> *Rasulullah s.a.w. bersabda tentang seorang yang mati dalam keadaan ihram kerana dicampak dan dipijak tengkoknya oleh untanya: Mandikannya dengan air dan air bidara.*
>
> (Al-Bukhari (1208) dan Muslim (1206))

Kedua: Mandi yang Disunatkan

Mandi yang disunatkan ialah mandi yang sembahyang tetap sah walaupun tanpanya, tetapi syarak menghukumnya sunat kerana mengambilkira banyak perkara sebagaimana yang akan dijelaskan.

1. Mandi Pada Hari Jumaat

Disunatkan mandi pada hari Jumaat bagi orang yang ingin menghadiri sembahyang Jumaat sekalipun sembahyang Jumaat tersebut tidak diwajibkan keatasnya seperti orang bermusafir atau perempuan dan kanak-kanak.

Sesetengah ulama berpendapat: Disunatkan mandi kepada setiap orang, sama ada ia menghadiri sembahyang Jumaat atau tidak (lihat tajuk disyariatkan yang dibincangkan sebelum ini)

Dalil bagi perkara ini (disunatkan mandi Jumaat) ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا أَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْتِيَ الْجُمُعَةَ فَلْيَغْتَسِلْ

Apabila seseorang kamu ingin menghadiri (sembahyang) Jumaat maka hendak dia mandi.

(Al-Bukhari (837), Muslim (844)
dan lafaz hadis ini adalah oleh Muslim)

Perintah dalam hadis tersebut adalah dengan makna sunat, berdasarkan kepada dalil yang lain iaitu sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَبِهَا وَنِعْمَتْ، وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ

Sesiapa yang berwudhuk pada hari Jumaat maka ia telah beramal dengan sunnah yang merupakan sebaik-baik perkara dan sesiapa yang mandi, maka mandi itu lebih baik.

(At-Tirmidzi (497))

Waktu mandi

Waktu mandi pada hari Jumaat bermula ketika terbit fajar sadiq (masuk waktu subuh). Waktu yang lebih afdal (baik) ialah ketika hampir dengan pemergiannya untuk sembahyang Jumaat kerana ia lebih membawa kepada maksud mandi itu sendiri, iaitu mewangikan tubuhnya dan menghilangkan peluh serta bau yang busuk. Ini kerana Islam menghukumkan sunat mandi pada hari Jumaat adalah disebabkan perhimpunan orang ramai yang akan berlaku pada hari itu. Ia bertujuan supaya sebahagian daripada mereka tidak menyakitkan yang lain dengan bau busuk. Oleh itu Nabi s.a.w. melarang mereka yang ingin bersembahyang di masjid daripada memakan bawang putih dan besar.

2. Mandi Pada Dua Hari Raya

Disunatkan mandi pada hari raya fitrah (puasa) dan hari raya korban. Hukum tersebut meliputi mereka yang ingin menghadiri sembahyang atau tidak. Ini kerana hari raya adalah hari untuk berhias, maka disunatkan mandi kerananya.

Dalilnya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Malik r.a. dalam kitabnya Al-Muwatta' (1/177):

Abdullah bin Umar r.a. mandi pada hari raya fitrah sebelum beliau pergi ke tempat sembahyang.

Diqiaskan hari raya korban dengan hari raya fitrah (dari segi hukum sunat mandi pada hari tersebut).

Amalan sahabat Nabi ini dikuatkan lagi dengan diqiaskan mandi dua hari raya dengan mandi pada hari Jumaat. Ini kerana makna yang terkandung pada keduanya adalah sama iaitu membersihkan diri bagi menghadiri satu perhimpunan orang ramai (kerana mendirikan sembahyang).

Ibnu Majah (1315) meriwayatkan dengan sanad yang terdapat kelemahan padanya, daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. mandi pada hari raya fitrah dan hari raya korban.

Hadis ini menguatkan lagi dalil yang lalu (amalan sahabat dan qias).

Waktu mandi

Waktu mandi pada kedua-dua hari raya bermula daripada pertengahan malam hari raya.

3. Mandi Gerhana Matahari dan Bulan

Disunatkan mandi ketika hendak mendirikan sembahyang gerhana matahari dan bulan.

Dalilnya ialah qias kepada sembahyang Jumaat. Ini kerana kedua-duanya mempunyai maksud yang sama dari segi disyariatkan berjemaah dan perhimpunan orang ramai untuk melaksanakannya.

Waktunya

Waktu mandi untuk sembahyang gerhana matahari dan bulan ialah apabila mula berlaku gerhana dan tamat apabila hilangnya gerhana.

4. Mandi untuk Sembahyang Istisqa' (Sembahyang Minta Hujan)

Disunatkan mandi sebelum keluar bagi mendirikan sembahyang *istisqa'* qias kepada mandi untuk sembahyang gerhana matahari dan bulan.

5. Mandi Selepas Memandikan Mayat

Disunatkan mandi kepada sesiapa yang memandikan mayat.

Dalilnya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَالْيَغْتَسِلْ

Sesiapa yang memandikan mayat maka hendaklah dia mandi.
(Imam Ahmad dan para pengarang kitab-kitab Sunan. At-Tirmidzi (993) menghukumnya sebagai hadis hasan)

Perintah mandi dalam hadis di atas bukan dengan makna wajib bahkan sunat berdasarkan hadis lain:

Tidak wajib ke atas kamu mandi dalam masalah memandikan mayat di kalangan kamu, apabila kamu memandikannya.
(Al-Hakim (1/386))

6. Mandi yang Berkaitan dengan Ibadat Haji

i. Mandi untuk memakai ihram haji atau umrah.

Dalilnya sebagaimana yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi (830) daripada Zaid bin Thabit Al-Ansari r.a. bahawa dia menceritakan:

Dia telah melihat Nabi s.a.w. menanggalkan pakaian untuk berihram kemudian Baginda mandi.

ii. Mandi ketika hendak masuk Makkah

Dalilnya ialah:

Ibnu Umar r.a. tidak datang ke Makkah melainkan bermalam di Zi Tuwa sehingga waktu pagi. Kemudian dia mandi dan masuk ke Makkah pada siang hari. Dia pernah menyebutkan bahawa Rasulullah saw berbuat demikian.
(Al-Bukhari (1478) dan Muslim (1259) dan lafaznya daripada Muslim)

iii. Mandi ketika hendak wukuf di Arafah selepas gelincir matahari

Yang afdhalnya ialah mandi di Namirah yang berhampiran dengan padang Arafah. Dalilnya:

Saidina Ali r.a. mandi pada kedua-dua hari raya, hari Jumaat, hari Arafah dan ketika hendak berihram.
(Imam Syafi'e dalam Musnadnya sebagaimana disebut dalam kitab Al-Umm (6/107))

Imam Malik dalam Muwatta (1/322) telah meriwayatkan daripada Nafi':

Abdullah bin Umar r.a. mandi kerana ihramnya sebelum dia memakai ihram, ketika masuk ke Makkah, dan ketika wukuf di padang Arafah.

iv. Mandi untuk melontar batu di tiga-tiga Jamrah pada setiap hari Tasyrik yang tiga selepas gelincir matahari.

Ini berdasarkan kepada hadis-hadis yang menyebut berkenaan dengannya. Juga kerana ia merupakan tempat orang ramai berhimpun. Oleh itu hukumnya sama dengan mandi pada hari Jumaat.

Jamrah ialah tempat dilontarkan anak-anak batu padanya. Ia terletak di Mina. Ia juga digunakan dengan makna anak-anak batu yang digunakan untuk melontar pada tempat-tempat tersebut.

v. Mandi kerana memasuki Madinah Munawarah

Ini sekiranya mudah dilakukan. Ia disunatkan berdasarkan qias kepada sunat mandi ketika masuk ke Makkah. Ini kerana kedua-duanya adalah tanah haram. Sekiranya tidak dapat dilakukan, maka disunatkan mandi sebelum masuk ke masjid Nabi s.a.w..

Cara Mandi

Ia terdiri daripada dua cara iaitu:

1. Cara yang wajib
2. Cara yang disunatkan

1. Cara yang wajib

Ia terdiri daripada dua perkara. Ilmu fikah mengistilahkannya sebagai fardhu mandi.

i. Niat ketika mula membasuh tubuh berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w.:

Sesungguhnya segala amalan itu dengan niat.

Cara berniat ialah terlintas dalam hati - sekiranya ia berkata-kata dengan lidah terlebih dahulu maka itu lebih afdhal:

Sahaja aku mandi wajib, atau sahaja aku mengangkat janabah, atau sahaja aku mandi untuk mengharuskan

sembahyang, atau sahaja aku mandi kerana untuk melakukan sesuatu yang pengharusannya memerlukan kepada mandi.

ii. Membasuh seluruh badan yang zahir dengan air termasuk kulit atau rambut. Air juga hendaklah disampaikan kebahagian dalam rambut dan pangkalnya.

Al-Bukhari (253) telah meriwayatkan daripada Jabir r.a.:

Dia telah ditanya tentang mandi, lalu dijawab: Nabi s.a.w. mengambil tiga cebok air dengan dua tapak tangannya kemudian Baginda mencurahkannya di atas kepalanya kemudian ke seluruh jasadnya.

Imam Muslim (330) meriwayatkan daripada Ummu Salamah r.ha.:

Dia bertanya Rasulullah s.a.w. tentang mandi. Rasulullah s.a.w. menjawab: Sesungguhnya memadailah kamu mencurahkan (air) di atas kepala kamu dengan 3 cebok kemudian kamu mencurahkan air ke atas (jasad) kamu, maka kamu akan menjadi suci.

Abu Daud (249) dan lainnya meriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa dia berkata: Aku telah mendengar Rasullah s.a.w. bersabda:

Sesiapa yang meninggalkan satu tempat sehelai rambut (yang tidak suci) disebabkan janabah di mana air tidak mengenainya, maka Allah akan melakukan demikian-demikian dengannya daripada api neraka.

Kemudian Saidina Ali menceritakan: Sebab itu aku memusuhi rambutku. Beliau sentiasa mencukur rambutnya.

2. *Cara yang disunatkan*

Maksudnya ialah sunat mandi sebagaimana istilah yang digunakan dalam ilmu fikah. Di antaranya ialah:

i. Membasuh kedua tangan di luar daripada bekas air. Kemudian membasuh kemaluannya dengan tangan kiri dan juga segala kotoran yang ada pada badannya. Selepas itu menggosoknya dengan pembersih/penggosok.

Al-Bukhari (254) dan Muslim (317) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. katanya:

Maimunah menceritakan: Aku telah meletakkan air untuk Rasulullah s.a.w. bagi tujuan mandi, lalu Baginda membasuh kedua tangannya dua atau tiga kali. Kemudian Baginda meletakkan air pada tangan kirinya dan membasuh kemaluannya, kemudian Baginda menyapu tangannya ke lantai.

ii. Berwudhuk dengan wudhuk yang sempurna tetapi tidak mengapa sekiranya melewatkan membasuh kedua kaki ketika akhir mandi.

iii. Menyelati rambut kepala dengan air kemudian membasuh kepala 3 kali.

iv. Membasuh bahagian kanan dahulu kemudian bahagian kiri.

Kesemua sunat-sunat ini disebut di dalam hadis-hadis antaranya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (245) dan Muslim (316) daripada Aisyah r.ha.:

Apabila Nabi s.a.w. mandi daripada Janabah. Baginda mulakan dengan membasuh kedua tangannya.

Menurut riwayat Muslim:

Kemudian Baginda mencurahkan air dengan tangan kanannya ke atas tangan kirinya, lalu membasuh kemaluannya.

Menurut hadis di sisi Al-Bukhari (246) yang diriwayatkan daripada Maimunah r.ha. :

Baginda membasuh kemaluan dan kekotoran yang mengenainya. Kemudian Baginda berwudhuk sebagaimana wudhuk sembahyang. Kemudian Baginda memasukkan jari-jarinya ke dalam air lalu menyelati dengannya pangkal-pangkal rambutnya. Kemudian Baginda mencurahkan air di atas kepala sebanyak 3 cebok tangannya kemudian ke seluruh kulitnya (badannya).

Manakala hadis yang menunjukkan sunat memulakan basuh di sebelah kanan ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (166) dan Muslim (268) daripada Aisyah r.ha. katanya:

Nabi s.a.w. sangat terlalu suka memulakan bahagian kanan ketika memakai sepatu, menyikat rambut kepalanya, ketika bersuci (berwudhuk dan mandi) dan seluruh urusannya.

v. Menggosok tubuhnya dan berturut-turut dalam membasuh anggota. Ini dilakukan untuk mengelak daripada perbezaan pendapat dengan ulamak mazhab Maliki yang mewajibkannya.

vi. Bersungguh-sungguh membasuh bahagian lipatan pada tubuh. Dia hendaklah mengambil air dan membasuh ke semua tubuhnya yang berlipat seperti kedua-dua telinga, lipatan-lipatan perut, di dalam pusat dan ketiak. Sekiranya dia yakin bahawa air tidak akan sampai ke tempat tersebut melainkan dengan berbuat demikian, maka perbuatan tersebut menjadi wajib (bukan disunatkan lagi).

vii. Membasuh sebanyak tiga kali sebagai qias kepada wudhuk.

Perkara-perkara Makruh Ketika Mandi

1. Berlebih-lebihan dalam menggunakan air sebagaimana yang telah lalu ketika membicarakan perkara-perkara makruh ketika berwudhuk. Ini kerana perkara tersebut berlawanan dengan perbuatan Rasulullah s.a.w.

Al-Bukhari (188) dan Muslim (325) meriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa dia berkata:

Adalah Nabi s.a.w. mandi dengan menggunakan air antara satu gantang hingga lima cupak dan berwudhuk dengan satu cupak.

Al-Bukhari (249) dan Muslim (327) meriwayatkan daripada Jabir r.a.:

Dia telah ditanya tentang mandi, lalu dia berkata: Memadai bagi kamu menggunakan satu gantang air. Kata lelaki yang bertanya: Ia tidak mencukupi. Jawab Jabir: (Segantang air itu) adalah mencukupi untuk orang yang lebih banyak rambut daripada kamu dan lebih baik daripadamu (iaitu Nabi s.a.w.).

2. Mandi di air yang bertakung

Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh Muslim (283) dan lainnya daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

Janganlah seseorang kamu mandi pada air yang bertakung sedangkan ia dalam keadaan junub.

Kemudian mereka bertanya: Wahai Abu Hurairah r.a. bagaimana ia harus dilakukan. Jawab Abu Hurairah: Hendaklah dia mengambil air tersebut dengan tangannya atau dengan bekas yang kecil dan ia berniat menjadikan (kedua tangan tadi) sebagai cebok jika air itu sedikit, supaya air tersebut tidak menjadi air *musta'mal* dengan sebab ia menyentuh air dengan kedua tangan. Ataupun dia mengambil sedikit air daripada satu bekas sebelum dia berniat mengangkat janabah. Kemudian dia berniat dan basuh tangannya, kemudian ia mencebok air tersebut dengan tangannya.

Hikmat larangan ini ialah jiwa manusia akan terasa jijik untuk menggunakan air yang telah digunakan untuk mandi di dalamnya dengan apa cara sekalipun. Di samping perbuatan tersebut menyebabkan air itu menjadi sia-sia kerana tidak sesuai lagi untuk dibuat bersuci sekiranya ia kurang daripada dua kolah. Ini kerana ia telah menjadi air *musta'mal* dengan semata mandi di dalamnya sedangkan orang ramai pada kebiasaannya sangat perlu kepada air yang bertakung itu. Oleh itu syarak telah melarang daripada mandi di dalamnya.

TAYAMMUM

Kemudahan yang Diberikan oleh Islam

Kita mengetahui bahawa wudhuk adalah syarat sah sembahyang, tawaf, menyentuh Al-Quran dan menanggungnya. Berwudhuk hanyalah boleh dilakukan dengan air. Tetapi kadang-kadang manusia tidak boleh menggunakan air disebabkan ketiadaan air, terlalu jauh daripadanya atau sakit yang menghalangnya daripada menggunakan air.

Oleh itu di antara kemudahan dan keizinan yang diberikan oleh Islam ialah bertayammum dengan tanah yang suci sebagai ganti berwudhuk atau mandi (dengan air) sehingga manusia tidak terhalang daripada mendapat keberkatan dari ibadat yang dilakukan.

Erti Tayammum

Tayammun pada bahasa ialah *qasad* atau tuju. Manakala pada syarak ialah menyampaikan tanah yang suci ke muka dan ke dua tangan dengan niat dan cara yang tertentu.

Dalil daripada Al-Quran dan Al-Sunnah

Firman Allah Taala:

وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ تَجِدُوا۟ مَآءً فَتَيَمَّمُوا۟ صَعِيدًا طَيِّبًا فَٱمْسَحُوا۟ بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُم مِّنْهُ ۚ

Dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air atau menyentuh perempuan lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan tanah

yang baik (bersih) dan sapulah muka dan tanganmu dengan tanah itu.

(Al-Maidah: 6)

Manakala dalil daripada hadis, sabda Rasulullah s.a.w.:

وَجُعِلَتْ لَنَا الأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدًا، وَجُعِلَتْ تُرْبَتُهَا لَنَا طَهُورًا إِذَا لَمْ نَجِدِ المَاءَ

Dan dijadikan kepada kita bumi keseluruhannya sebagai masjid, dan dijadikan tanahnya untuk kita, suci lagi menyucikan jika kita tidak mendapati air.

(Muslim (522))

Sebab-sebab Tayammum

1. Ketiadaan air sama ada secara *hissi* (iaitu zat air itu sendiri tidak kelihatan dan tidak dapat dirasa) seperti ketika di dalam musafir dan dia tidak mendapati air, atau ketiadaannya secara *syari'e* iaitu zat air itu ada kelihatan dan dapat dirasa tetapi disebabkan oleh perkara-perkara tertentu ia tidak boleh digunakan untuk bersuci seperti dia mempunyai air tetapi dia sangat berhajat untuk meminumnya. Firman Allah Taala:

فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا

Lalu kamu tidak mendapati air, maka bertayammumlah.

(An-Nisa':43)

Air yang ada hanya cukup untuk diminum dan seumpamanya, hukumnya adalah seperti dia tidak mempunyai air untuk dibuat bersuci.

2. Air terlalu jauh daripadanya. Apabila dia berada di suatu tempat yang tidak ada air dan jarak antaranya dengan air lebih daripada separuh *farsakh* menyamai lebih 2 1/2 km, maka dia boleh bertayammum dan dia tidak wajib berusaha untuk pergi mendapatkan air tersebut kerana yang demikian itu adalah membebankan.

3. Tidak boleh menggunakan air sama ada secara *hissi*, seperti air itu berada dekat dengannya tetapi ia dikawal oleh musuh yang ditakutinya, atau tidak boleh menggunakannya secara *syari'e* seperti dia merasa bimbang dan takut berlaku penyakit, atau bertambah lagi sakitnya atau lambat sembuh jika

dia menggunakan air. Apabila dia berada dalam keadaan sedemikian maka dia boleh bertayammum dan dia tidak wajib menggunakan air sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. tentang seorang sahabat mendapat luka parah pada kepala, kemudian dia mandi, kemudian mati;

Sesungguhnya memadai kepadanya bertayammum dan membalut lukanya dengan kain kemudian dia sapu di atasnya dan basuh seluruh badannya.

(Lihat dalil ini pada bab menyapu di atas balutan)

4. Cuaca yang terlalu sejuk. Keadaan tersebut menyebabkan seseorang merasa bimbang dan khuatir untuk menggunakan air dan ia tidak mampu untuk memanaskan air.

   Amru bin Al-As r.a. telah bertayammum daripada junub kerana takut binasa disebabkan cuaca yang terlalu sejuk. Nabi s.a.w. memperakuinya.

   (Abu Daud. Al-Hakim dan Ibnu Hibban mensahihkannya)

Walau bagaimanapun, dia dikehendaki mengqadak kembali sembahyang dalam keadaan tersebut ketika ada air.

Syarat Tayammum

1. Mengetahui masuk waktu
2. Mencari air selepas masuk waktu
3. Tanah yang berdebu yang suci dan menyucikan dan tidak bercampur dengan tepung (bersagu) atau simen.
4. Menghilangkan najis terlebih dahulu
5. Berijtihad menentukan arah kiblat sebelum bertayammum

Rukun-rukun Tayammum

Tayammum mempunyai tiga rukun;

1. Niat. Tempatnya dalam hati sebagaimana yang telah anda ketahui. Oleh itu dia hendaklah berniat di dalam hatinya melakukan tayammum. Disunatkan menyebut dengan lidah: Sahaja aku bertayammum kerana mengharuskan sembah-yang, atau fardhu sembahyang atau sunat sembahyang dan seumpamanya yang ingin dilakukan. Apabila dia berniat mengharuskan fardhu sembahyang maka harus baginya melakukan sembahyang-sembahyang sunat bersamanya.

2. Menyapu muka dan kedua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepuk. Iaitu meletakkan dua tapak tangan ke atas tanah yang suci yang mempunyai debu, kemudian menyapu ke seluruh bahagian mukanya. Selepas itu meletakkan dua tangan buat kali ke dua ke atas tanah, kemudian menyapu kedua tangan hingga ke siku; tangan kiri menyapu tangan kanan dan tangan kanan menyapu tangan kiri.

Al-Daruqotni (1/256) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

اَلتَّيَمُّمُ ضَرْبَتَانِ: ضَرْبَةٌ لِلْوَجْهِ وَضَرْبَةٌ لِلْيَدَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ

Tayammum itu (dilakukan) dengan dua kali tepuk (ke atas tanah). Satu tepukan untuk muka dan satu tepukan lagi untuk ke dua tangan hingga ke siku.

Sapu yang dilakukan hendaklah meliputi (atau meratai) seluruh anggota yang disapu. Sekiranya di tangannya ada cincin maka wajib ditanggalkannya ketika tepukan yang kedua supaya tanah tersebut sampai ke tempat itu ketika disapu.

3. Tertib sebagaimana cara yang telah disebutkan di atas. Ini kerana tayammum adalah ganti kepada wudhuk dan tertib adalah satu rukun daripadanya sebagaimana yang telah anda ketahui. Oleh itu tertib pada penggantinya adalah lebih aula dan utama disyariatkan (diwajibkan).

Sunat-sunat Tayammum

1. Semua perkara yang disunatkan ketika berwudhuk adalah disunatkan ketika bertayammum seperti membaca Basmalah di awalnya, memulakan bahagian atas muka ketika disapu, mendahulukan tangan kanan daripada tangan kiri, menyapu sebahagian daripada kepala ketika menyapu muka (melebihi sedikit daripada had muka) dan sebahagian daripada lengan (melebihi daripada had siku) ketika menyapu tangan, berturut-turut (*muwalat*) antara menyapu muka dan ke dua tangan, dan membaca tasyahhud serta doa yang ma'thur yang dibaca selepas berwudhuk.

   Abu Daud (318) meriwayatkan daripada Ammar bin Yasir r.a.:

   Mereka (para sahabat) telah bertayammum dengan tanah untuk sembahyang subuh. Ketika itu Rasulullah s.a.w. berada

bersama-sama mereka. Mereka menepuk tanah dengan kedua-dua tapak tangan, kemudian menyapu muka dengan sekali sapu. Kemudian mereka ulangi kali kedua dengan menepuk tanah menggunakan tapak tangan dan menyapu tangan-tangan mereka hingga ke kepala bahu dan ketiak dengan tapak-tapak tangan.

2. Membuka atau menceraikan jari-jari tangan ketika menepuk tanah supaya debu melekat secara menyeluruh dan boleh menyapu muka kesemuanya dengan sekali tepukan. Begitu juga ketika menyapu kedua-dua tangan.

3. Menipis atau mengurangkan ketebalan tanah dengan menepuk kedua-dua tapak tangan atau meniup kedua-duanya. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada hadis Ammar bin Yasir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepadanya:

   Sesungguhnya memadailah kamu melakukan demikian. Lalu Baginda menepuk dengan dua tapak tangannya ke atas tanah dengan sekali tepuk kemudian Baginda menghilangkan debu tersebut dengan disapu.

   Dan pada riwayat yang lain:

   Baginda meniup kedua-dua tapak tangannya kemudian menyapu dengan kedua-duanya.

Bertayammum Selepas Masuk Waktu

Orang yang telah cukup sebab-sebab yang bertayammum tidak boleh melakukannya untuk menunaikan sembahyang fardhu kecuali setelah masuk waktu. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ

Sesiapa sahaja dari kalangan umatku yang mendapati sembahyang (masuk waktu) maka hendaklah dia bersembahyang.

(Al-Bukhari (328))

Menurut riwayat di sisi Imam Ahmad (2/222)

أَيْنَمَا أَدْرَكَتْنِي الصَّلَاةُ تَمَسَّحْتُ وَصَلَّيْتُ

Di mana sahaja aku mendapati sembahyang (masuk waktu), aku bertayammum dan sembahyang.

Kedua-dua hadis di atas menunjukkan bahawa tayammum itu berlaku ketika didapati sembahyang dan sembahyang tidak didapati melainkan setelah masuk waktunya.

Tayammum Untuk Setiap Kali Sembahyang Fardhu

Satu tayammum hanya untuk satu sembahyang fardhu sahaja. Ia boleh digunakan untuk sebanyak mana sembahyang sunat yang dikehendaki termasuk sembahyang jenazah.

Oleh itu apabila dia hendak menunaikan sembahyang fardhu yang lain, dia hendaklah bertayammum semula sekalipun dia belum berhadas selepas tayammum pertama, sama ada sembahyang tersebut tunai atau qadak.

Al-Baihaqi (1/221) telah meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Ibnu Umar r.a. bahawa dia berkata:

Hendaklah seseorang itu bertayammum untuk setiap kali sembahyang, sekalipun tidak berhadas.

Tayammum Adalah Ganti Kepada Mandi Wajib

Apabila cukup sebab-sebab bertayammun, maka ia merupakan ganti kepada mandi bagi sesiapa yang berhajat melakukannya, sebagaimana ia menjadi pengganti kepada wudhuk. Firman Allah Taala:

وَإِن كُنتُمْ جُنُبًا فَٱطَّهَّرُوا۟ ۚ وَإِن كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَآءَ أَحَدٌ مِّنكُم مِّنَ ٱلْغَآئِطِ أَوْ لَٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَلَمْ تَجِدُوا۟ مَآءً فَتَيَمَّمُوا۟

Dan jika kamu berjunub maka bersucilah dan jika kamu sakit atau dalam perjalan atau seseorang kamu datang dari tempat buang air atau menyentuh perempuan lalu kamu tidak mendapati air, maka bertayammumlah.

(Al-Maaidah: 6)

Al-Bukhari (341) dan Muslim (682) telah meriwayatkan daripada Imran bin Husain r.a. katanya:

Kami bermusafir bersama-sama Rasulullah s.a.w.. Lalu Baginda sembahyang bersama-sama orang ramai. Tiba-tiba terdapat seorang lelaki yang memencilkan dirinya (kerana

tidak mendirikan sembahyang). Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya: Apakah yang menghalang kamu daripada sembahyang. Jawab lelaki tersebut: Aku telah berjunub dan aku tidak ada air. Sabda Rasulullah s.a.w.: Hendaklah kamu menggunakan tanah, sesungguhnya ia memadai untuk kamu.

Perkara-perkara yang Membatalkan Tayammum

1. Semua perkara yang membatalkan wudhuk sebagaimana yang telah disebut dengan masalah wudhuk.

2. Ada air selepas ketiadaannya, kerana tayammum adalah ganti kepada air. Apabila asal (air) sudah ada maka batallah penggantinya (tanah).

Abu Daud (332) dan lainnya meriwayatkan daripada Abu Zar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ الصَّعِيْدَ الطَّيِّبَ طَهُوْرُ الْمُسْلِمِ، وَإِنْ لَمْ يَجِدِ الْمَاءَ عَشْرَ سِنِينَ، فَإِذَا وَجَدَ الْمَاءَ فَلْيُمِسَّهُ بَشَرَتَهُ، فَإِنَّ ذٰلِكَ خَيْرٌ

Sesungguhnya tanah yang baik (suci) adalah alat bersuci bagi orang Islam, sekalipun dia tidak mendapat air selama 10 tahun. Apabila air didapati, maka hendaklah dia ***membasuh kulitnya****. Sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik.*

Maksud *membasuh kulitnya* ialah bersuci dengannya (air). Ini menunjukkan bahawa tayammum akan batal apabila ada air.

Sekiranya air didapati selepas selesai sembahyang, maka sembahyangnya sah dan tidak wajib diqadak. Begitu juga apabila sembahyang telah dimulakan, ia hendaklah disempurnakan dan hukumnya sah. Walau bagaimanapun adalah lebih afdhal sekiranya sembahyang dihentikan untuk berwudhuk dengan air yang didapatinya.

3. Mampu untuk menggunakan air, seperti orang yang telah sembuh daripada sakitnya.

4. Murtad (kita minta perlindungan daripadanya). Ini kerana tujuan tayammum ialah untuk mengharuskan sembahyang dan ini bertentangan dengan murtad. Berlainan dengan wudhuk dan mandi; kedua-duanya adalah untuk mengangkat hadas.

Bab 2

SOLAT

SOLAT (SEMBAHYANG)

Dalam bahasa Arab, *solat* (sembahyang) digunakan dengan makna berdoa untuk kebaikan. Firman Allah s.w.t.:

وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ

Dan berdoalah untuk mereka, sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka.

(At-Taubah: 103)

Maksudnya: Berdoalah memohon keampunan daripada Allah untuk mereka.

Dari segi istilah fuqahak, ia adalah satu kalimah yang digunakan dengan makna: Perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam. Ia dinamakan sebagai solat kerana ia mengandungi pengertian kalimah tersebut dan doa merupakan sebahagian besar perkara yang terdapat dalam sembahyang. Oleh itu kalimah yang menunjukkan sebahagian kandungannya digunakan untuk menggambarkan perkara yang menyeluruh.

Hikmat Sembahyang

Sembahyang mempunyai hikmah dan rahsia yang banyak. Secara ringkasnya kita sebutkan sebagaimana berikut:

1. Mengingatkan manusia kepada identitinya yang sebenar iaitu hamba kepada Allah s.w.t.. Dengan sembahyang manusia akan sentiasa ingat akan kedudukannya itu. Apabila seseorang itu terlupa hakikat tersebut disebabkan kesibukan duniawi dan hubungannya dengan orang lain, maka dengan datangnya waktu sembahyang akan memperbaharui ingatannya bahawa dia adalah hamba yang dimiliki oleh Allah.

2. Jiwa manusia dan tetap (sentiasa) merasakan bahawa tidak ada yang memberi bantuan dan nikmat yang sebenarnya melainkan Allah Azzawajalla. Sekalipun dia melihat di dunia ini pada zahirnya terdapat sebab-sebab yang membantu dan memberikan nikmat kepadanya, tetapi pada hakikatnya ialah Allah telah mempermudahkan sebab-sebab tersebut kepada manusia. Apabila manusia lalai, maka apabila datang sembahyang, ia akan mengingatkan manusia bahawa yang menjadi penyebab kepada sesuatu ialah Allah yang Maha Esa, yang Memberi Bantuan dan Nikmat, Tuhan yang Memberi Kesan Mudarat dan Manfaat serta yang Menghidupkan dan Mematikan.

3. Manusia dapat menggunakan sebahagian daripada masa sembahyang untuk bertaubat kepada Allah daripada dosa-dosa yang telah dilakukan. Ini kerana manusia dalam masa sehari semalam sentiasa terdedah kepada melakukan maksiat sama ada secara sedar ataupun tidak. Oleh itu sembahyang yang dilakukan berulang-ulang kali dari semasa ke semasa akan menyucikan dirinya daripada segala maksiat dan dosa-dosa yang telah dilakukan. Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan perkara tersebut di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim (668) daripada Jabir bin Abdullah r.a. dia berkata, Rasulullah s.aw. telah bersabda:

   Sembahyang lima waktu seumpama sungai yang mengalir dengan air yang begitu banyak di pintu rumah seseorang kamu. Setiap hari dia mandi sebanyak lima kali. Jabir menceritakan, Al-Hasan telah berkata: "Dan yang demikian itu tidaklah meninggalkan ***kotoran*** *sedikitpun."*

   Maksud *kotoran* disini ialah kotoran maknawi iaitu dosa-dosa.

   Terdapat juga hadis lain yang memberi makna yang sama iaitu hadis di sisi Imam Muslim (667) yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., sabda Rasulullah s.a.w.:

   Maka yang demikian itu (iaitu mandi lima kali sehari di sungai yang mengalir) umpama sembahyang lima waktu. Allah menghapuskan kesalahan-kesalahan (dosa) dengan menunaikannya.

4. Sembahyang akan menjadi makanan/pengisian yang berterusan kepada akidah keyakinan kepada Allah di dalam hati. Sesungguhnya kelalaian-kelalaian dunia dan gangguan syaitan

berperanan menjadikan manusia lupa kepada akidah tersebut sekalipun ia telahpun tertanam di dalam hati.

Apabila kelupaan itu berterusan disebabkan kecenderungan dan ketundukan kepada gangguan nafsu dan syahwat serta sahabat-sahabat, maka lupa tersebut akan bertukar kepada menentang dan ingkar. Keadaannya samalah seperti sepohon pokok yang terputus bekalan air, yang menyebabkan ia menjadi layu buat seketika. Kemudian ia akan mati sehingggalah pokok tersebut akan bertukar menjadi sebatang kayu api yang kering.

Tetapi seseorang Muslim, apabila sentiasa menunaikan sembahyang, ia akan menjadi makanan kepada imannya dan akan menyebabkan dunia dan segala bentuk kelalaiannya tidak mampu melemahkan atau mematikan iman di dalam hatinya.

Sejarah Sembahyang Disyariatkan

Sembahyang merupakan ibadat yang telah disyariatkan oleh Allah semenjak zaman dahulu lagi. Allah s.w.t. telah berfirman dengan Nabi Ismail a.s.:

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُۥ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ وَكَانَ عِندَ رَبِّهِۦ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

Dan dia menyuruh ahlinya bersembahyang dan menunaikan zakat dan dia adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya.

(Maryam: 55)

Agama Nabi Ibrahim dan pengikut Nabi Musa a.s. juga telah mengenali ibadat sembahyang. Allah telah berfirman di atas lisan (lidah) Nabi Isa a.s.:

وَأَوْصَٰنِى بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱلزَّكَوٰةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

Dan Allah telah memerintahkan kepadaku dengan sembahyang dan zakat selama aku hidup.

(Maryam: 31)

Ketika Nabi Muhammad s.a.w. dibangkitkan, Baginda s.a.w. bersembahyang dua rakaat setiap pagi dan dua rakaat di setiap petang. Setengah ulamak berpendapat bahawa kedua-dua sembahyang inilah yang dimaksudkan di dalam firman Allah s.w.t. yang ditujukan kepada Nabi s.a.w.

Dan bertasbihlah seraya memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi.

(Mukmin: 55)

Sembahyang yang Diwajibkan

Sembahyang yang diwajibkan ke atas setiap muslim yang mukallaf ialah sembahyang Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Kelima-lima sembahyang ini disyariatkan oleh Allah ketika Nabi s.a.w. diisrakkan ke Baitul Makdis kemudian diangkat ke langit. Allah s.w.t. telah mewajibkan ke atas Nabinya s.a.w. dan seluruh orang-orang Islam dengan lima puluh waktu sembahyang sehari semalam. Kemudian Allah s.w.t. meringankannya kepada lima waktu. Lima waktu ini hanya dari segi menunaikannya, tetapi pahalanya tetap seolah-olah 50 waktu.

Terdapat di dalam hadis Israk dan Mikraj sebagai yang diriwayatkan oleh Bukhari (342) dan Muslim (163) bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

فُرِجَ عَنْ سَقْفِ بَيْتِيْ وَأَنَا بِمَكَّةَ، فَنزَلَ جِبْرِيْلُ.... ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِى فَعَرَجَ بِي إِلَى السَّمَاءِ.... فَفَرَضَ اللَّهُ عَلَى أُمَّتِيْ خَمْسِيْنَ صَلاَةً.... فَرَاجَعْتُهُ فَقَالَ: هِيَ خَمْسٌ وَهِيَ خَمْسُوْنَ، لَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ

Telah dibuka atap rumahku, sedangkan aku ketika itu di Makkah. Lalu Jibril turun... kemudian ia memegang tanganku dan mengangkatku ke langit.... Kemudian Allah telah mewajibkan ke atas umatku dengan 50 waktu sembahyang... Lalu aku berulang alik kepadanya. Kemudian Allah berfirman: Ia hanya lima waktu (dari segi kewajipan menunaikannya) dan 50 waktu (dari segi pahala), tidak ditukar ganti lagi kata-kata di sisi-Ku.

Menurut pendapat yang sahih, peristiwa Israk berlaku 18 bulan sebelum hijrah Nabi s.a.w. ke Madinah. Dengan demikian sembahyang lima waktu yang diwajibkan itu telah memansuhkan sembahyang dua rakaat pada waktu pagi dan petang.

Dalil Sembahyang Disyariatkan

Telah Thabit dalam banyak ayat al-Quran dan hadis yang menyebut tentang kewajipan sembahyang.

Di antara dalil-dalil daripada Al-Quran ialah:

1. Firman Allah Taala dalam surah Rum ayat 17-18:

فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧﴾ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ ﴿١٨﴾

Maka bertasbihlah kepada Allah di waktu kamu berada di petang hari dan waktu Subuh. Dan bagi-Nya segala puji di langit dan di bumi dan di waktu kamu berada pada petang hari dan waktu Zohor.

Ibn Abbas berkata: Maksud di petang hari ialah sembahyang Maghrib dan Isyak, waktu Subuh ialah sembahyang Subuh, petang hari ialah sembahyang Asar, dan waktu Zohur ialah sembahyang Zohur.

2. Firman Allah Taala dalam surah An-Nisa' ayat 103:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَٰبًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Sesungguhnya sembahyang itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.

Di antara dalil-dalil daripada hadis ialah:

1. Hadis berkenaan dengan peristiwa Israk dan Mikraj sebagaimana yang telah disebut.
2. Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah mengutuskan Muaz bin Jabal ke Yaman lalu bersabda kepadanya:

أُدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَأَنِّيْ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللّٰهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوْا لِذٰلِكَ فَأَعْلِمْهُمْ أَنَّ اللّٰهَ قَدِ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ...

Serulah mereka kepada pengakuan bahawa tiada Tuhan (yang wajib disembah) melainkan Allah dan bahawasanya aku adalah Muhammad Utusan Allah. Sekiranya mereka mentaati perkara tersebut, maka ajarkanlah kepada

mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam.

3. Jawapan Rasulullah s.a.w. kepada seorang Arab Badwi yang bertanya Baginda mengenai kewajipan menunaikan sembahyang dengan sabdanya:

خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ، قَالَ الأَعْرَابِيْ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ: لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ

Lima waktu sembahyang sehari semalam. Si badwi itu bertanya lagi: Adakah diwajibkan ke atasku selain itu? Jawab Baginda: Tidak! kecuali jika kamu ingin melakukan yang disunatkan.
(Bukhari (46) dan Muslim (11))

Kedudukan Sembahyang

Secara umumnya, sembahyang merupakan ibadat *badaniah* (yang dilakukan oleh anggota badan) yang paling afdhal.

Seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w., apakah amalan yang paling afdhal? Jawab Rasulullah s.a.w.: Sembahyang. Dia bertanya lagi: Kemudian apa? Baginda menjawab: Sembahyang. Dia bertanya lagi: Kemudian apa? Baginda menjawab: Sembahyang.
(Ibnu Hibban (258))

Telah thabit di dalam Sahih Bukhari dan Muslim bahawa dua sembahyang yang ditunaikan dengan sempurna, boleh menghapuskan dosa yang telah dilakukan antara dua waktu tersebut. Al-Bukhari (505) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

اَلصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ يَمْحُوْ اللّٰهُ بِهَا الْخَطَايَا

Allah akan menghapuskan dosa-dosa dengan menunaikan sembahyang lima waktu.

Muslim (231) meriwayatkan daripada Othman r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْ أَتَمَّ الْوُضُوْءَ كَمَا أَمَرَهُ اللّٰهُ تَعَالَى فَالصَّلَوَاتُ الْمَكْتُوْبَاتُ كَفَّارَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ

Barangsiapa yang menyempurnakan wudhuk sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah, maka sembahyang lima waktu yang diwajibkan itu akan menghapuskan dosa yang dilakukan antara waktu-waktu sembahyang tersebut.

Sikap mengambil ringan terhadap sembahyang seperti sembahyang di akhir waktu atau meninggalkannya boleh membawa seseorang itu kepada kekufuran (sekiranya dia berterusan di dalam keadaan begitu).

Oleh itu, sembahyang merupakan makanan yang pertama kepada iman sebagaimana yang telah anda ketahui.

Imam Ahmad (6/421) meriwayatkan daripada Ummi Aiman bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

Jangan kamu meninggalkan sembahyang dengan sengaja, sesungguhnya barangsiapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja, maka tanggungjawab (penjagaan) Allah dan Rasul-Nya terlepas daripadanya.

Imam Ahmad (5/238) meriwayatkan hadis yang sama daripada Muaz bin Jabal r.a.

Hukum Orang yang Meninggalkan Sembahyang

Orang meninggalkan sembahyang adalah disebabkan rasa malas dan mengambil mudah dengannya atau kerana ingkar kepadanya atau kerana memandang kecil (ringan) terhadapnya.

Orang yang meninggalkan sembahyang kerana mengingkari kewajipannya atau mempersendakannya, dia dihukum kafir dan murtad. Pemerintah Islam wajib menyuruhnya supaya bertaubat. Sekiranya dia bertaubat dan mendirikan sembahyang maka itulah yang sepatutnya. Dan sekiranya dia enggan, dia hendaklah dibunuh disebabkan kemurtadannya dan tidak harus memandikan, mengkafankan dan menyembahyangkannya. Dia juga tidak harus dikebumikan di perkuburan Islam kerana dia bukan daripada golongan mereka.

Sekiranya seseorang meninggalkan sembahyang kerana malas, dan dia masih beriktikad bahawa sembahyang itu wajib, maka menjadi tanggungjawab pemerintah untuk memerintahnya supaya mengqadakkan semula sembahyang yang telah ditinggalkan dan bertaubat daripada dosa meninggalkan sembahyang. Sekiranya dia enggan, maka wajib dibunuh sebagai melaksanakan hukuman hudud.

Dengan erti kata lain hukuman bunuh yang dikenakan dikira sebagai hukum hudud kerana dia dianggap sebagai penderhaka di kalangan orang Islam. Tambahan pula hukuman orang yang meninggalkan perkara yang difardhukan ialah diperangi. Walau bagaimanapun setelah dibunuh, dia tetap dianggap sebagai seorang Islam dan diuruskan jenazah dan harta pusakanya sebagaimana orang Islam yang lain. Ini kerana dia masih termasuk di kalangan orang-orang Islam.

Imam Bukhari (25) dan Muslim (22) meriwayatkan hadis daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوْا أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللّٰهِ وَيُقِيْمُوْا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوْا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوْا ذٰلِكَ عَصَمُوْا مِنِّيْ دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الإِسْلَامِ، وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللّٰهِ

Aku diperintah supaya memerangi manusia sehingga mereka mengakui bahawa tiada tuhan (yang wajib disembah) melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah dan mereka mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat. Apabila mereka melakukan yang demikian, maka darah dan harta mereka terpelihara melainkan dengan cara yang hak yang dibenarkan oleh Islam dan perhitungan mereka terserahlah kepada Allah.

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah tetap akan diperangi sekiranya dia tidak mendirikan sembahyang tetapi dia tidak dihukum kafir, berdalilkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud (1420) dan lain-lainnya daripada Ubadah bin Al-Shomit r.a. dia berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

Sembahyang lima waktu telah diwajibkan oleh Allah keatas hamba-hamba-Nya. Barangsiapa yang menunaikannya, bermakna dia tidak mensia-siakan sesuatupun daripada kewajipan tersebut lantaran memandang ringan terhadapnya, maka dia memiliki perjanjian di sisi Allah s.w.t. bahawa dia akan dimasukkan ke Syurga. Dan sesiapa yang tidak menunaikannya maka dia tidak ada apa-apa perjanjian di sisi Allah. Sekiranya Allah menghendaki Dia akan mengazabkannya dan jika Dia kehendaki, Dia akan memasukkannya ke dalam Syurga.

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang meninggalkan sembahyang tidak dihukum kafir, kerana sekiranya dihukum kafir, ia tidak akan termasuk di dalam sabda Nabi s.a.w.: *Sekiranya Dia kehendaki Dia akan memasukkannya ke dalam Syurga.* Ini kerana orang-orang kafir tidak sekali-kali akan dimasukkan ke Syurga. Oleh itu hadis ini adalah berkenaan dengan orang yang meninggalkan sembahyang kerana malas. Dengan ini hadis ini dapat diseragamkan dengan dalil-dalil sebelum ini.

Imam Muslim (82) dan lain-lain meriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa dia berkata: Aku mendengar Nabi s.aw. bersabda:

إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكَ الصَّلَاةِ

Sesungguhnya sempadan seseorang itu dengan syirik dan kafir ialah meninggalkan sembahyang.

Hadis ini ditujukan kepada orang yang meninggalkan sembahyang dalam keadaan mengingkari kewajipannya atau mempersenda-sendakannya atau meremeh-remehkan kedudukkannya.

Waktu Sembahyang yang Wajib

Sembahyang lima waktu mempunyai waktunya yang tertentu. Ia mempunyai permulaan yang tidak sah jika dilakukan lebih awal daripadanya, dan ada penghujungnya yang tidak harus dilakukan lewat daripadanya. Firman Allah s.w.t.yang bermaksud:

Sesungguhnya sembahyang itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.
(An-Nisa: 103)

Thabit dalam hadis-hadis sahih bahawa malaikat Jibril a.s. telah datang menemui Nabi sa.w. sebaik sahaja sembahyang lima waktu difardhukan. Kedatangannya untuk mengajar Baginda waktu-waktu sembahyang dan menggariskan kepada Baginda waktu permulaan dan penghujung bagi setiap waktu sembahyang. Waktu-waktu tersebut juga telah dijelaskan oleh Rasulullah kepada orang-orang Islam melalui ucapan dan perbuatan.

Perkara ini boleh dilihat dalam Sunan Abi Daud dalam kitab sembahyang bab waktu-waktu sembahyang (393) dan juga Sunan At-Tirmidzi di awal kitab sembahyang (149).

Hadis yang membicarakan tentang kelima-lima waktu sembahyang tersebut adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim (614) dan lain-lain daripada Abu Musa Al-Asy'ari daripada Nabi s.a.w.:

Seorang sahabat telah datang bertanya Rasulullah s.a.w. tentang waktu-waktu sembahyang. Rasulullah sa.w. tidak menjawab apa-apa. Dalam riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Datanglah bersembahyang bersama-sama kami." Abu Musa menceritakan lagi: Kemudian Nabi s.a.w. bangun mendirikan sembahyang Subuh ketika terbit cahaya fajar. Di waktu itu manusia hampir tidak mengenali sesama mereka (kerana masih gelap). Kemudian Baginda memerintahkan mendirikan sembahyang Subuh. Kemudian Baginda mendirikàn sembahyang Zohor ketika gelincir matahari. Seorang sahabat telah berkata: "Sesungguhnya siang hari telahpun sampai di pertengahannya sedangkan Baginda s.a.w. lebih mengetahui daripada mereka, lalu menyuruh mereka menunaikannya. Kemudian Baginda s.a.w. mendirikan sembahyang Asar ketika matahari masih tinggi, lalu dia menyuruh melakukannya (sembahyang Asar). Kemudian Baginda s.a.w. mendirikan sembahyang Maghrib ketika terbenam matahari lalu dia menyuruh menunaikannya. Kemudian Baginda s.a.w. mendirikan sembahyang Isyak ketika hilang cahaya merah di kaki langit.

Pada keesokannya, Rasulullah s.a.w. melewatkan sembahyang Subuh sehingga ketika Baginda s.a.w. beredar daripadanya, sahabat tersebut berkata: Matahari telah atau hampir terbit. Kemudian Baginda s.a.w. melewatkan sembahyang Zohor hinga hampir waktu Asar sebagaimana yang telah ditunjukkan waktunya semalam. Kemudian Baginda s.a.w. melewatkan sembahyang Asar sehingga ketika selesai daripadanya, sahabat tersebut berkata: Matahari telah kemerah-merahan. Kemudian Baginda s.a.w. melewatkan sembahyang Maghrib sehingga ketika hampir hilangnya syafak (cahaya merah di kaki langit), kemudian Baginda melewatkan sembahyang Isyak sehingga satu pertiga daripada malam. Apabila tibanya pagi, Baginda memanggil orang yang bertanya dan bersabda: Waktu sembahyang adalah di antara dua waktu yang telah aku tunjukkan.

Di sana terdapat hadis-hadis yang menjelaskan perkara yang disebut secara umum dalam hadis di atas. Atau tambahan kepada apa yang disebutkan dalam hadis di atas. Perkara ini akan kita lihat apabila kita membincangkan waktu setiap sembahyang secara terperinci selepas ini.

1. Subuh

Waktu Subuh bermula dengan zahirnya *fajar sadiq* dan ia berterusan sehingga terbit matahari. Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَقْتُ الصَّلَاةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوْعِ الْفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعِ الشَّمْسُ

Waktu sembahyang Subuh bermula daripada terbit fajar (sadiq) sehingga selama mana matahari belum terbit.

(Muslim (612))

2. Zohor

Waktu Zohor bermula dengan tergelincirnya matahari ke arah Barat. Ketika itu setiap objek yang berjisim akan mempunyai sedikit bayang yang mula menjadi panjang dan bayang tersebut menuju ke arah Timur. Bayang ini dinamakan sebagai bayang gelincir. Waktunya berpanjangan sehingga bayang sesuatu objek itu menjadi sama panjang dengan objek tersebut di samping bayang gelincir yang menandakan mula masuk waktu Zuhur. Imam Muslim (612) meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَقْتُ الظُّهْرِ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ، وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُوْلِهِ، مَالَمْ يَحْضُرِ الْعَصْرُ

Waktu Zohor ialah apabila matahari tergelincir dan bayang seseorang akan menjadi sama panjang dengannya, selama mana Asar belum datang.

3. Asar

Waktu Asar bermula apabila berakhirnya waktu Zohor dan ia berlanjutan sehingga terbenamnya matahari. Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ

Sesiapa yang mendapat satu rakaat daripada sembahyang Asar sebelum terbenamnya matahari, maka sesungguhnya dia telah mendapat sembahyang Asar (keseluruhannya).

(Al-Bukhari (554) dan Muslim (608))

Walau bagaimanapun, seseorang yang bersembahyang hendaklah tidak melewatkannya hingga terjadi bayang sesuatu itu dua kali ganda panjangnya di samping bayang gelincir, berdasarkan hadis berkenaan dengan waktu-waktu sembahyang yang telah disebutkan sebelum ini. Juga berdasarkan sabda Nabi s.a.w.:

وَوَقْتُ الْعَصْرِ مَا لَمْ تَصْفَرَّ الشَّمْسُ

Waktu Asar ialah selama mana matahari belum kekuning-kuningan.

(Muslim (612))

Hadis ini bermaksud bahawa waktu *ikhtiar* bagi sembahyang Asar adalah sehingga matahari menjadi kekuning-kuningan.

4. Maghrib

Waktu Maghrib bermula dengan terbenamnya matahari dan berterusan sehingga hilang cahaya merah dan tidak ada lagi kesannya di sebelah barat.

Cahaya merah ialah saki baki daripada kesan cahaya matahari yang timbul ketika terbenam. Kemudian cahaya tersebut akan hilang sedikit demi sedikit ditelan oleh kegelapan malam. Apabila kegelapan semakin tebal dan menular ke arah ufuk Barat serta kesan cahaya merah hilang, maka itu bermakna, berakhirlah waktu Maghrib dan bermulalah masuk waktu Isyak.

Perkara ini telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis yang menerangkan waktu-waktu sembahyang. Antara lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَقْتُ الْمَغْرِبِ مَا لَمْ يَغِبِ الشَّفَقُ

Waktu Maghrib berterusan selama mana cahaya merah belum hilang.

5. Isyak

Waktu Isyak bermula apabila berakhirnya waktu maghrib. Ia berterusan sehingga terbit *fajar sadiq*. Tetapi waktu *ikhtiyar* bagi

sembahyang Isyak ialah anda tidak melewatkannya lebih daripada 1/3 pertama daripada malam.

Yang dimaksudkan dengan *fajar sadiq* ialah cahaya yang berselerak memanjang dan mendatar di sebelah Timur. Ia merupakan pantulan cahaya matahari yang diterima dari jarak yang jauh. Kemudian cahaya ini meninggi ke arah langit sedikit demi sedikit sehinggalah terbit matahari.

Dalil yang menunjukkan permulaan, penghujung dan *waktu ikhtiyar* bagi waktu Isyak ialah hadis yang membicarakan waktu-waktu sembahyang yang diriwayatkan oleh Muslim (681) dan lainnya daripada Abi Qatadah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

> *Sesungguhnya tidur itu bukanlah satu kecuaian. Tetapi kecuaian ialah orang yang tidak mendirikan sembahyang sehinggalah datang waktu sembahyang yang lain.*

Hadis ini menunjukkan bahawa waktu sembahyang tidak akan berakhir kecuali setelah masuk waktu sembahyang yang lain kecuali waktu Subuh. Ia tidak termasuk dalam kaedah yang umum ini.

Inilah waktu-waktu sembahyang yang lima. Sesesorang Muslim tidak seharusnya melewatkan sembahyang ke akhir waktunya dengan sengaja dengan alasan waktu masih panjang. Ini kerana perbuatan tersebut mungkin boleh menyebabkan sembahyang terkeluar daripada waktunya bahkan mungkin dia akan meninggalkan terus disebabkan sikap pandang ringan dalam menunaikannya.

Oleh itu sunat mendirikan sembahyang dengan segera di awal waktu sebagaimana yang pernah ditanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang amalan-amalan yagn paling afdhal. Baginda s.a.w. menjelaskan:

> *Sembahyang pada waktunya (di awal waktu).*
>
> (Al-Bukhari (504) dan Muslim (85))

Ketahuilah bahawa jika sembahyang seseorang, sebahagiannya berada dalam waktu dan sebahagian lagi di luar waktu, jika dia mendapat satu rakaat ketika dalam waktu sembahyangnya, maka dianggap tunai dan jika tidak, sembahyangnya dikira qadak.

Dalilnya sebagaimana riwayata Al-Bukhari (554) dan Muslim (608) daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ

Sesiapa yang mendapat satu rakaat dari sembahyang Subuh, sebelum terbit matahari, maka dia telah mendapat sembahyang Subuh tersebut (sembahyangnya sah dan dianggap tunai). Dan sesiapa yang mendapat satu rakaat dari sembahyang Asar sebelum terbenam matahari, maka dia mendapat sembahyang Asar tersebut.

Dan sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةِ

Sesiapa yang mendapat satu rakaat daripada sembahyang maka sesungguhnya dia telah mendapat sembahyang tersebut (sembahyangnya sah dan tunai, bukan qadak).

(Al-Bukhari (555) dan Muslim (607))

Waktu-waktu yang Dimakruhkan Sembahyang

Dimakruhkan sembahyang dengan *makruh tahrim* (iaitu makruh yang hampir ketahap haram) pada waktu-waktu berikut.

1. Ketika matahari berada di tengah-tengah langit - kecuali pada hari Jumaat - dan selepas sembahyang Subuh sehingga matahari naik setinggi tombak (setinggi satu galah).
2. Selepas sembahyang Asar hingga jatuh matahari.

Dalilnya ialah sebagaimana dalam riwayat Muslim (831) daripada Uqbah bin Amir r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. melarang kami menunaikan sembahyang dan menguburkan orang-orang yang mati di kalangan kami pada tiga waktu iaitu: Ketika matahari mula terbit sehingga naik setinggi (galah), ketika matahari panas terik (di tengah-tengah langit) hingga gelincir, dan ketika matahari condong kelihatan kekuning-kuningan untuk tenggelam sehingga ia jatuh dan tengggelam.

Hukum makruh ini digunapakai sekiranya sembahyang tersebut tidak berkaitan dengan sebab-sebab yang terdahulu ataupun sengaja melakukan pengkebumian pada waktu tersebut.

Jika pengkebumian dilakukan pada waktu tersebut bukan dengan sengaja atau kebetulan saja, atau sembahyang yang dilakukan pada waktu itu mempunyai sebab-sebab yang terdahulu seperti sembahyang sunat wudhuk (sebabnya ialah berwudhuk), sunat tahiyyatul masjid (sebabnya ialah masuk masjid) dan mengqadak sembahyang, maka semuanya itu tidak dimakruhkan pada waktu-waktu yang telah disebutkan tadi.

Dalilnya ialah hadis riwayat Al-Bukhari (572) dan Muslim (684) daripada Anas r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

> *Sesiapa yang terlupa (mendirikan sembahyang) maka dia hendaklah sembahyang apabila dia mengingatinya dan dia tidak dikenakan kaffarah melainkan mendirikan sembahyang tersebut. Baginda membaca firman Allah yang bermaksud: Dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati-Ku.*
>
> (Thaha: 14)

Sabda Rasulullah s.a.w.: *Apabila dia mengingatinya*, menunjukkan bahawa waktu yang disyariat dan dituntut menunaikan sembahyang ialah ketika waktu ingat dan waktu ingat ini kadang-kadang berlaku pada waktu-waktu yang dilarang atau dimakruhkan sembahyang. Oleh itu ia dikecualikan daripada larangan mendirikan sembahyang pada waktu tersebut.

Al-Bukhari (1176) dan Muslim (834) meriwayatkan daripada Ummu Salamah r.ha. bahawa Nabi s.a.w. telah bersembahyang 2 rakaat selepas Asar, lalu dia bertanya mengenainya. Rasulullah s.a.w. menjawab:

> *Wahai Binti Abi Umaiyyah, kamu telah bertanya tentang dua rakaat selepas Asar, (ketahuilah) sesungguhnya satu rombongan daripada kaum Abdul Qis telah datang menemuiku, menyebabkan aku menjadi sibuk (melayani mereka dan tidak sempat) menunaikan dua rakaat selepas Zohor. Dan dua rakaat selepas Asar ini adalah sebagai ganti daripadanya (mengqadakannya).*

Dengan ini semua sembahyang yang mempunyai sebab terdahulu diqiaskan kepada dua rakaat yang diqadakkan oleh

Rasulullah s.a.w. selepas sembahyang Asar. (iaitu dari segi hukum harus menunaikannya pada waktu-waktu yang dimakruhkan).

Menunaikan sembahyang di kawasan tanah haram Makkah adalah dikecualikan daripada larangan-larangan tersebut secara mutlak (iaitu boleh ditunaikan sembahyang pada bila-bila masa yang dikehendaki tanpa ada waktu-waktu yang dimakruhkan). Sabda Rasulullah s.a.w.:

Wahai Bani Abd. Manaf! jangan kamu menghalang seorangpun bertawaf di Baitullah ini dan bersembahyang pada mana-mana waktu yang ia kehendaki sama ada malam atau siang.

(At-Tirimidzi (868) dan Abu Daud (1894))

Mengulangi Sembahyang yang Diwajibkan dan Mengqadakkannya

Mengulangi sembahyang ialah seseorang melakukan sembahyang yang diwajibkan. Kemudian dia mendapati kekurangan atau kecacatan dalam melakukan adab-adab dan semua perkara yang menyempurnakan sembahyang dalam sembahyang yang telah dilakukannya. Dengan itu dia mendirikan semula sembahyang tersebut dengan menyempurnakan kekurangan atau kecacatan yang dilakukan di dalam sembahyang sebelum ini.

Hukumnya adalah sunat. Contohnya: Seseorang Muslim telah bersembahyang Zuhur secara individu, kemudian dia dapati satu kumpulan menunaikannya secara berjamaah, ketika itu dia disunatkan mengulangi semula sembahyang tersebut bersama-sama mereka. Sembahyang pertama baginya adalah fardhu dan sembahyang kedua dikira sebagai sunat.

At-Tirmidzi (219) telah meriwayatkan:

Nabi s.a.w. telah bersembahyang Subuh kemudian Baginda melihat dua orang sahabat tidak sembahyang bersama-samanya lalu Baginda bertanya: Apakah yang menghalang kamu berdua daripada bersembahyang bersama-sama kami? Jawab mereka: Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami telah bersembahyang di rumah kami. Sabda Rasulullah s.a.w.: Jangan kamu berdua melakukan demikian, apabila kamu telah bersembahyang di rumah, kemudian kamu datang ke masjid yang didirikan dalamnya sembahyang berjemaah,

maka sembahyanglah bersama-sama mereka, sesungguhnya sembahyang tersebut adalah sunat kepada kamu berdua.

Jika sembahyang yang pertama tidak mempunyai kekurangan atau kecacatan dan sembahyang kedua tidak akan menjadikannya lebih sempurna daripada yang pertama, maka tidak disunatkan mengulangi sembahyang tersebut.

Qadak pula ialah mendirikan sembahyang selepas waktunya atau selepas waktu berbaki tidak sempat ditunaikan satu rakaat atau lebih. Jika dalam waktu yang masih berbaki sempat ditunaikan sekurang-kurangnya satu rakaat maka sembahyang tersebut adalah tunai sebagaimana yang telah dijelaskan dahulu.

Jumhur ulama pelbagai mazhab bersepakat bahawa orang yang meninggalkan sembahyang diwajibkan mengqadakkannya sama ada dia terlupa atau sengaja meninggalkannya.

Walau bagaimanapun kedua-duanya (iaitu lupa dan sengaja) mempunyai sedikit perbezaan. Orang yang meninggalkan sembahyang kerana sesuatu keuzuran seperti lupa, tertidur, maka dia tidak berdosa dan tidak wajib mengqadakkannya dengan segera.

Manakala yang meninggalkannya tanpa apa-apa keuzuran dengan sengaja, dia mendapat dosa dan wajib mengqadakkannya dengan segera sebaik sahaja mendapat peluang untuk melakukannya (tanpa tangguh atau menunggu peluang yang lain).

Dalil yang menunjukkan wajib mengqadak sembahyang yang ditinggalkan ialah Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ نَامَ عَنْ صَلَاةٍ أَوْ نَسِيَهَا فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا، لَا كَفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذٰلِكَ

Barangsiapa yang tertidur atau terlupa mendirikan sembahyang, maka hendaklah dia sembahyang apabila mengingatinya dan tidak dikenakan kaffarah melainkan dengan melaksanakan perkara tersebut.

(Al-Bukhari (572), Muslim (684) dan lainnya)

Ayat "*tidak dikenakan kaffarah melainkan dengan melaksanakan perkara tersebut*" menunjukkan bahawa sembahyang fardhu yang ditinggalkan wajib diqadak walaupun sebanyak mana bilangannya dan telah berlalu masa yang lama.

Siapakah yang Diwajibkan Sembahyang?

Sembahyang diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang baligh, berakal dan suci sama ada lelaki atau perempuan. Oleh itu ia tidak diwajibkan ke atas orang-orang kafir iaitu kewajipan yang dituntut di dunia ini. Ini kerana ia tidak sah ditunaikan oleh mereka. Walau bagaimanapun ia tetap wajib ke atas mereka dengan suatu kewajipan yang menyebabkan mereka menerima balasan di akhirat. Ini kerana mereka mampu dan boleh mendirikannya dengan memeluk Islam. Firman Allah Taala yang bermaksud:

Apakah yang memasukkan kamu ke dalam (neraka) Saqar? Mereka menjawab: Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan sembahyang dan kami pula tidak memberi makan kepada orang-orang miskin dan adalah kami membicarakan perkara-perkara yang batil, bersama-sama dengan orang yang membicarakannya dan adalah kami mendustakan hari pembalasan, hingga datang kepada kami kematian.

(Al-Muddasthir: 42-47)

Sembahyang juga tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak yang kecil kerana mereka bukannya di kalangan orang-orang mukallaf. Juga tidak diwajibkan ke atas orang gila kerana tidak berakal. Begitu juga perempuan yang haid dan nifas kerana sembahyang tidak sah didirikan oleh mereka disebabkan wujud penghalang iaitu hadas.

Apabila orang kafir memeluk Islam, dia tidak diwajibkan mengqadak sembahyang-sembahyang yang lalu (yang tidak didirikan ketika masih kafir) bagi menggalakkannya memeluk Islam sebagaimana firman Allah Taala yang bermaksud:

Katakanlah kepada orang-orang kafir. Jika mereka berhenti (dari kekafirannya) nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosa mereka yang lalu.

(Al-Anfal: 38)

Manakala orang murtad yang memeluk Islam semula, dia diwajibkan mengqadak sembahyang yang ditinggalkan selama tempoh murtadnya sebagai balasan ke atasnya dan ancaman supaya tidak dilakukan perbuatan murtad.

Sembahyang juga tidak wajib diqadak oleh perempuan-perempuan yang meninggalkannya disebabkan haid atau nifas,

kerana kewajipan mengqadakkannya membawa kesusahan dan bebanan kepada mereka.

Begitu juga tidak diwajibkan qadhak ke atas orang gila dan pitam apabila sembuh dari penyakit gila dan sedar kembali. Dalilnya ialah Sabda Rasulullah s.a.w.:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلاَثَةٍ: عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ، وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الْمَجْنُوْنِ حَتَّى يَعْقِلَ

Diangkat kalam (tidak ditaklifkan) dari tiga golongan: kanak-kanak sehingga dia baligh, orang yang tidur sehingga dia bangun (jaga) dan orang gila sehingga dia berakal.

(Abu Daud (4403) dan lainnya)

Hadis di atas menyebut tentang orang gila. Oleh itu ia diqiaskan kepada semua orang yang hilang akal (tidak wajib menqadak sembahyang disebabkan keuzuran yang berlaku padanya).

Walau bagaimanapun, orang yang tidur diwajibkan menqadak sembahyang kerana terdapat hadis yang menyebut mengenainya iaitu hadis yang bermaksud: *Barangsiapa yang tertidur atau terlupa mendirikan sembahyang, maka hendaklah dia sembahyang apabila mengingatinya.*

Bagi kanak-kanak, mereka wajib disuruh mendirikan sembahyang apabila sampai umur 7 tahun dan dipukul apabila meninggalkannya ketika umur 10 tahun. Semua ini, bertujuan membiasakan mereka dengan sembahyang. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مُرُوْا الصَّبِيَّ بِالصَّلاَةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِيْنَ وَإِذَا بَلَغَ عَشْرًا فَاضْرِبُوْهُ عَلَيْهَا

Suruhlah kanak-kanak supaya sembahyang apabila sampai umur 7 tahun dan apabila berumur 10 tahun maka pukullah mereka (jika mereka meninggalkannya).

(Abu Daud (494))

Dalam lafaz hadis disisi At-Tirmidzi (407) ialah: *Ajarlah kanak-kanak...* At-Tirmidzi berkata hadis ini adalah Hasan Sahih.

AZAN DAN IQAMAH

Azan

Azan merupakan lafaz khusus yang disyariatkan oleh Islam untuk menyatakan masuknya waktu sembahyang fardhu dan untuk menyeru orang-orang Islam supaya berkumpul mengerjakannya.

Hukum Azan

Azan disunatkan ketika hendak mendirikan sembahyang sama ada sembahyang tunai atau qadak. Ia adalah *sunat muakkad 'alal kifayah* bagi sesuatu kumpulan (tuntutan sunatnya terlaksana walaupun tidak dilakukan oleh semua ahli kumpulan tersebut). Bagi individu pula, ia merupakan *sunat aini* (pahala sunat diperolehi apabila dia melakukannya). Azan juga merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam menzahirkan syiar-syiar Islam.

Dalil Disyariatkan

Dalil disyariatkan azan berasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah.

Dalil Al-Quran, firman Allah Taala:

إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوْمِ ٱلْجُمُعَةِ فَٱسْعَوْا۟ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ وَذَرُوا۟ ٱلْبَيْعَ

Apabila kamu diseru untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat maka bersegeralah mengingati Allah dan tinggalkan jual beli.

(Al-Jumuah: 9)

Dalil As-Sunnah. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ

Apabila tiba waktu sembahyang maka salah seorang daripada kamu hendaklah melaungkan azan dan orang yang paling tua di kalangan kamu hendaklah menjadi Imam kepada kamu.

(Al-Bukhari (602) dan Muslim (674))

Permulaan Disyariatkan Azan

Azan telah disyariatkan pada tahun pertama Hijrah. Al-Bukhari (579) dan Muslim (377) telah meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

Ketika orang-orang Islam datang ke Madinah, mereka berkumpul dan menunggu untuk mengerjakan sembahyang. Ketika itu tidak ada orang yang menyeru (melaungkan azan) untuk menunaikannya. Pada suatu hari mereka berbincang mengenainya. Berkata sebahagian dari mereka: Gunakan loceng seperti loceng orang Nasrani. Sebahagian yang lain berkata: Gunakan ceropong seperti tanduk yang digunakan oleh orang Yahudi. Lalu Umar r.a. berkata: Mengapa kamu tidak menyuruh seseorang bangun menyeru untuk menyeru sembahyang. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai Bilal, bangun dan serulah untuk sembahyang.

Lafaz Azan

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللَّهِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ
عَلَى الْفَلَاحِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ ، لَا إِلٰهَ إِلَّا اللَّهُ

Allah Maha Besar (4X), Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah (2X). Aku juga bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah (2X). Marilah bersembahyang (2X). Marilah menuju kejayaan (2X). Allah Maha Besar (2X). Tidak ada tuhan selain Allah.

Dan ditambah pada azan waktu Subuh:

اَلصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ، اَلصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ

Sembahyang lebih baik daripada tidur (2X)

Lafaz ini disebut selepas menyebut حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ yang kedua.

Sesungguhnya lafaz azan ini, telah thabit dengan hadis-hadis sahih di sisi Al-Bukhari, Muslim dan lainnya.

Syarat-syarat Sah Azan

1. *Islam* - Tidak sah azan oleh orang-orang kafir kerana mereka tidak ada kelayakan untuk melakukan ibadah.
2. *Mumayyiz* -Tidak sah azan oleh kanak-kanak yang belum *mumayyiz* kerana mereka tidak ada kelayakan untuk melakukan ibadah, dan juga tidak boleh memastikan waktu-waktu sembahyang dengan betul.
3. *Lelaki* - Tidak sah azan seorang perempuan untuk jamaah lelaki, sebagaimana tidak sah dia menjadi Imam kepada kaum lelaki.
4. *Melafazkan kalimah-kalimah azan dengan tertib* kerana mengikut apa yang telah disebut oleh Rasulullah s.a.w.. Juga kerana melafazkan lafaz azan secara tidak tertib boleh dianggap mempermainkan ibadah azan dan boleh mencacatkan seruan azan ketika dilaungkan.
5. *Berturut-turut antara kalimah-kalimahnya.* Ini bermakna tidak boleh terpisah lama antara satu kalimah dengan kalimah berikutnya.
6. *Meninggikan suara sekiranya azan tersebut untuk jemaah.* Sekiranya untuk individu, maka sunat ditinggikan suara di masjid yang tidak ada jemaah di dalamnya, dan direndahkan suara sekiranya azan tersebut dalam masjid yang ada jemaah agar mereka yang mendengarnya tidak menyangka bahawa telah masuk waktu sembahyang yang berikutnya.

Al-Bukhari (584) telah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah berkata kepada Abi Said Al-Khudri r.a.:

Sesungguhnya aku melihat kamu suka mengembala kambing dan suka pada kawasan padang belantara (tempat yang jauh). Oleh itu bila kamu berada di tempat pemeliharaan

kambing atau di padang pasir yang luas maka laungkanlah azan untuk sembahyang. Angkatlah suara kamu ketika seruan tersebut. Sesungguhnya jin, manusia dan segala benda yang mendengar sesayup suara orang yang azan akan menjadi saksi kepadanya pada hari kiamat.

Manakala bagi jemaah perempuan, mereka tidak sunat melakukan azan, kerana dibimbangi berlaku fitnah. Mereka hanya disunatkan iqamah untuk menyedarkan mereka yang hadir supaya bangkit bagi mendirikan sembahyang, kerana pada iqamah, tidak ditinggikan suara seperti azan.

7. Masuk waktu. Sabda Rasulullah s.a.w.:

   Apabila tiba waktu sembahyang, maka azanlah salah seorang daripada kamu.

Sembahyang tidak berlaku kecuali dengan masuk waktunya, dan azan dilaungkan untuk mengumumkan masuknya waktu. Oleh itu ulama bersepakat mengatakan tidak sah azan sebelum masuk waktunya, kecuali pada sembahyang Subuh. Ia harus diazankan pada separuh malam sebagaimana yang akan dinyatakan dalam tajuk sunat-sunat azan.

Sunat-sunat Azan

Sunat-sunat azan adalah seperti berikut:

1. Orang yang azan berada dalam keadaan menghadap mukanya ke kiblat, kerana kiblat merupakan arah yang paling mulia, sebagaimana yang dinaqalkan daripada ulama salaf dan khalaf.

2. Suci daripada hadas kecil dan hadas besar. Oleh itu makruh azan oleh orang yang berhadas. Manakala orang yang berjunub lebih makruh lagi melaungkan azan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

   Aku tidak suka mengingati dan menyebut Allah Azza-wajalla melainkan dalam keadaan suci.

   (Abu Daud (17) dan lainnya.)

3. Azan dalam keadaan berdiri. Sabda Rasulullah s.a.w.:

   Wahai Bilal, bangun dan serulah untuk sembahyang.

4. Memalingkan muka (bukan dada) ke kanan pada lafaz حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ dan ke kiri pada lafaz حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ

Al-Bukhari (608) meriwayatkan bahawa Abu Juhaifah r.a. berkata:

Aku telah melihat Bilal melaungkan azan, lalu aku perhatikan mulutnya ke sini dan ke sini disebabkan azan iaitu memalingkan mukanya ke kiri dan ke kanan ketika menyebut حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ

5. Menyebut kalimah-kalimah azan dengan *tartil* (tenang, jelas dan betul). Ini kerana azan merupakan pengumuman kepada orang ramai yang tidak ada di tempat tersebut. Oleh itu, azan secara *tartil* lebih menyampaikan maksud dalam pengumuman tersebut.

6. *At-Tarji'* semasa azan, iaitu orang yang azan melafazkan dua kalimah syahadah secara perlahan sebelum melafazkan kedua-duanya dengan kuat. Ini berdasarkan kepada hadis Abu Mahzurah r.a. yang diriwayatkan oleh Muslim (379) di mana antara kandungan lafaz hadis tersebut ialah:

   Kemudian dia mengulanginya (dengan perlahan) dan berkata: أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ *(Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah)*

7. *At-Tathwib* (التَّثْوِيب) ketika azan Subuh iaitu menyebut اَلصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ sebanyak dua kali selepas menyebut حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Abu Daud (500).

8. Bilal hendaklah mempunyai suara yang elok dan merdu supaya hati pendengar menjadi lembut dan cenderung untuk menyahut seruan azan tersebut. Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Abdullah bin Zaid r.a. yang bermimpi azan dalam tidurnya.

   Bangunlah bersama Bilal dan ajarkan kepadanya apa yang kamu lihat (dalam mimpi) dan hendaklah dia (Bilal) melaungkan azan (dengan lafaz tersebut). Sesungguhnya suaranya lebih kuat dan merdu daripadamu.

   (Abu Daud (499) dan lainnya)

9. Bilal merupakan orang yang terkenal di kalangan orang ramai sebagai seorang yang berakhlak dan adil. Ini kerana pemberitahuan mengenai masuknya waktu sembahyang lebih mudah diterima daripada orang yang memiliki sifat-sifat tersebut. Juga kerana perkhabaran atau berita orang fasik tidak diterima.

10. Tidak meleret-leret ketika menyebut lafaz-lafaz azan serta tidak berlagu, bahkan perbuatan tersebut adalah makruh.

11. Untuk azan Subuh di masjid, disunatkan dilaungkan oleh dua orang bilal. Seorang melaungkan azan sebelum masuk waktu Subuh dan seorang lagi azan setelah masuk waktunya. Dalilnya ialah hadis Al-Bukhari (596) dan Muslim (1092):

    Sesungguhnya Bilal azan pada waktu malam. Makan dan minumlah kamu sehingga kamu mendengar azan Ibnu Ummi Maktum.

12. Pendengar azan disunatkan diam dan menelitinya serta mengucapkan apa yang dilafazkan oleh bilal. Dalilnya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

    Apabila kamu mendengar (seruan) azan, maka ucapkanlah seperti apa yang dilafazkan oleh orang yang azan (bilal).
    (Al-Bukhari (586) dan Muslim (383))

Tetapi ketika muazzin (bilal) menyebut حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ, hendaklah dijawab لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ (*Tidak ada upaya dan kekuatan kecuali milik Allah*).

Dalilnya ialah hadis Bukhari (588) dan Muslim (385). Lafaz hadis oleh Muslim iaitu:

Apabila muazzin berkata: Marilah bersembahyang, dia hendaklah menjawab: Tidak ada upaya dan kekuatan kecuali milik Allah. Dan bila disebut: Marilah menuju kejayaan, dia hendaklah menjawab: Tidak ada upaya dan kekuatan kecuali milik Allah.

Di akhir hadis disebut:

Sesiapa yang berkata demikian (yang lahir) dari hatinya (dengan ikhlas dan khusyuk) maka dia akan masuk syurga.

Dan disunatkan ketika *at-tathwib* dijawab dengan (Maksudnya: Kamu telah berkata benar [melalui seruan kamu kepada ketaatan dan ia lebih baik daripada tidur] dan kamu juga menjadi seorang yang berbuat kebaikan).

13. Berdoa dan berselawat ke atas Nabi s.a.w. selepas azan.

Apabila azan selesai dilaungkan, bilal (muazzin) dan orang

yang mendengarnya disunatkan berselawat ke atas Nabi s.a.w. dan berdoa untuk Baginda dengan doa yang diajar dan diambil dari Rasulullah s.a.w..

Imam Muslim (384) dan lainnya meriwayatkan daripada Abdullah bin Amru r.a. bahawa dia mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

Apabila kamu mendengar muazzin (bilal) melaungkan azan maka sebutlah sebagaimana yang diucapkan. Kemudian berselawatlah ke atasku, sesungguhnya barangsiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, nescaya Allah akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh kali. Kemudian mintalah kepada Allah supaya aku ditempatkan di suatu tempat yang bernama al-wasilah iaitu suatu tempat dan kedudukan dalam syurga. Ia tidak layak (untuk diduduki) melainkan untuk seorang hamba daripada hamba-hamba Allah. Dan aku berharap, akulah hamba (yang mendapat kelebihan) tersebut. Oleh itu sesiapa yang memohon kepada Allah supaya aku ditempatkan di tempat tersebut nescaya dia berhak dan wajib mendapat syafaatku.

Al-Bukhari (579) dan lainnya meriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Barangsiapa berdoa ketika mendengar seruan azan:

اللَّهُمَّ رَبَّ هٰذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ

(Ya Allah Ya Tuhanku, inilah **seruan (azan) yang sempurna** dan sembahyang yang akan didirikan. Kurniakanlah kepada penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. al-wasilah dan **kelebihan**. Dan bangkitkanlah Baginda di tempat yang terpuji, sebagaimana **yang telah engkau janjikan**),

nescaya dia mendapat syafaatku pada hari kiamat.

Maksud *seruan (azan) yang sempurna* ialah seruan kepada mengesakan Allah, yang tidak ada penyelewengan padanya. Maksud *kelebihan* ialah martabat dan kelebihan mengatasi sekalian makhluk. Maksud *yang telah engkau janjikan* ialah sebagaimana dalam firman-Nya yang bermaksud:

Semoga dibangkitkan kamu oleh Tuhanmu di tempat yang terpuji

(Al-Israk: 22)

Muazzin (bilal) hendaklah mengucapkan selawat ke atas Nabi s.a.w. dan berdoa untuknya dengan suara yang rendah berbanding dengan suara azan serta berasingan daripadanya. Ini dilakukan supaya selawat dan doa tersebut tidak disangka daripada lafaz-lafaz azan.

Iqamah

Iqamah juga seperti azan tetapi mempunyai sedikit perbezaan:

1. Lafaz azan diulang dua kali sedangkan iqamah hanya disebut sekali. Dalilnya ialah hadis Anas r.a. disisi Al-Bukhari (580) dan Muslim (378) katanya:

   Bilal telah diperintahkan supaya menggenapkan azan (menyebut dua kali) dan mengganjilkan Iqomah (menyebut sekali) kecuali lafaz: قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ *(sembahyang akan didirikan). Ia disebut dua kali.*

   Lafaz iqamah yang sempurna ialah:

   اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللَّهِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ، قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

   Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Aku bersaksi tiada tuhan selain Allah. Aku juga bersaksi Muhammad adalah utusan Allah. Marilah bersembahyang. Marilah menuju kejayaan. Sembahyang akan didirikan (2X). Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Tiada tuhan selain Allah.

   Lafaz ini telah thabit dalam hadis-hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dan lainnya.

2. Azan dilaungkan dengan perlahan-lahan sementara iqamah disebut dengan cepat. Ini kerana azan adalah untuk orang yang tidak ada di tempat tersebut. Oleh itu sebutan secara *tartil* adalah lebih baik. Manakala iqamah dilafazkan setelah orang yang ingin sembahyang hadir berkumpul di tempat azan. Oleh itu sebutan dengan cepat adalah lebih sesuai.

3. Sesiapa yang meninggalkan banyak sembahyang dan ingin mengqadakkannya, maka dia hanya perlu azan untuk sembahyang pertama sahaja, kemudian didirikan semua sembahyang qadak yang lain (tanpa diazankan pada setiap kali hendak didirikan). Manakala iqamah dilakukan setiap kali sembahyang didirikan. Dalilnya ialah:

   Nabi s.a.w. telah menghimpunkan antara Maghrib dan Isyak di Muzdalifah dengan satu azan dan dua kali iqamah.

   (Muslim (1218))

Syarat-syarat Iqamah

Syarat-syarat iqamah sama sepertimana syarat-syarat azan.

Sunat-sunat Iqomah

Sunat-sunat iqomah juga sama dengan sunat-sunat azan. Selain daripada apa yang telah disebutkan, disunatkan orang yang azan dan iqomah adalah orang yang sama.

Dan sunat bagi pendengar menyebut أَقَامَهَا اللّٰهُ وَأَدَامَهَا *(semoga Allah tetap menjadikan sembahyang ini dididirikan, dan mengekalkannya selama-lamanya) (Abu Daud 528)*

Seruan Untuk Bukan Sembahyang Fardhu

Hukum azan dan iqamah ialah sunat muakkad ketika hendak didirikan sembahyang fardhu. Manakala sembahyang yang disunatkan berjemaah selain sembahyang fardhu seperti sembahyang dua hari raya, sembahyang gerhana matahari dan bulan, dan sembahyang jenazah tidak disunatkan azan dan iqamah tetapi ketika hendak mendirikannya disebut: الصَّلَاةَ جَامِعَةً *(Sembahyang yang menghimpunkan)*

Al-Bukhari (1003) dan Muslim (910) telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Amru bin Al-As r.a. katanya:

Apabila berlaku gerhana matahari di zaman Rasulullah s.a.w. lalu diseru dengan lafaz: الصَّلَاةَ جَامِعَةً *(sembahyang yang menghimpunkan)*

Berdasarkan hadis di atas, maka semua sembahyang sunat yang disunatkan mendirikannya secara berjemaah diqiaskan kepada sembahyang gerhana matahari (iaitu menyeru dengan lafaz ketika hendak mendirikannya).

SYARAT SAH SEMBAHYANG

Makna Syarat

Syarat ialah kewujudan sesuatu perkara adalah bergantung kepada kewujudannya (tanpanya sesuatu itu tidak akan wujud) dan ia bukan satu bahagian/juzuk daripada perkara tersebut.

Seperti tumbuh-tumbuhan. Ia tidak akan wujud di muka bumi melainkan apabila ada air hujan. Tetapi hujan tersebut bukan sebahagian daripada tumbuh-tumbuhan. Oleh itu hujan adalah syarat kepada wujudnya tumbuh-tumbuhan.

Apakah Syarat-syarat Sah Sembahyang?

Kesimpulannya, terdapat empat syarat di sisi Imam Syafi'e r.a.:

1. Bersuci

Dalam perbincangan yang lalu, anda telah mengetahui makna bersuci dan ia terbahagi kepada beberapa bahagian yang mesti disempurnakan supaya sembahyang menjadi sah, iaitu:

i. Suci tubuh badan daripada hadas

Oleh itu orang yang berhadas sama ada hadas kecil (tidak berwudhuk) atau hadas besar seperti berjunub, sembahyangnya tidak sah. Rasulullah s.a.w. telah bersabda dalam hadis sahih:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُوْرٍ

Tidak diterima (mana-mana) sembahyang (yang didirikan dalam keadaan) tidak bersuci. (Muslim (224))

ii. Suci tubuh badan daripada najis

Anda juga telah mengetahui makna najis dan bahagiannya dalam bab bersuci yang lalu. Dalilnya ialah hadis Rasulullah s.a.w.

yang menceritakan tentang dua orang yang diazab dalam kuburnya. Baginda s.a.w. bersabda:

أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَبْرِئُ مِنَ الْبَوْلِ

Adapun salah seorang daripada mereka, dia tidak bersih (tidak berjaga-jaga) daripada kencingnya.

(Al-Bukhari (215) dan Muslim (292))

Dalam riwayat yang lain disebut: لا يستتر . Dalam riwayat lain disebut: لا يستنزه. Semua riwayat tersebut adalah sahih dan ia membawa maksud dia tidak menjauhi dan berjaga-jaga daripada air kencingnya.

Begitu juga semua jenis najis yang lain, hukumnya sama dengan air kencing. Rasulullah s.a.w. pernah memberitahu kepada Fatimah binti Abu Hubaish r.a. dengan sabdanya:

فَإِذَا أَقْبَلَتِ الحَيْضَةُ فَاتْرُكِي الصَّلَاةَ، فَإِذَا ذَهَبَ قَدْرُهَا فَاغْسِلِي عَنْكِ الدَّمَ وَصَلِّي

Apabila haid datang, maka tinggalkanlah sembahyang dan jika tempohnya telah tamat, maka mandilah disebabkan darah tersebut dan dirikanlah sembahyang.

iii. Suci pakaian daripada najis

Bersuci daripada najis tidak memadai pada tubuh badan sahaja, bahkan pakaian yang dipakai untuk sembahyang juga wajib suci daripada semua jenis najis. Dalilnya ialah firman Allah Taala:

Dan pakaian kamu, hendaklah kamu sucikan.

(Al-Muddathir: 4)

Abu Daud (365) telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa: Khaulah bin Yasar telah datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya tidak mempunyai pakaian melainkan satu helai sahaja dan saya telah didatangi haid ketika memakainya. Bagaimanakah yang seharusnya saya lakukan? Sabda Rasulullah s.a.w.:

Apabila kamu telah suci, maka basuhlah pakaian tersebut dan sembahyanglah dengan memakainya. Kemudian dia bertanya lagi: Bagaimanakah jika darah tersebut tidak tanggal? Sabda Rasulullah s.a.w.: Memadai kamu membasuh darah tersebut. Manakala kesannya (yang tidak tanggal itu) ia tidak akan memudaratkan kamu (tidak membatalkan sembahyang kamu dengan menggunakannya dalam keadaan tersebut).

iv. Suci tempat daripada najis

Yang dimaksudkan dengan tempat di sini ialah kawasan yang digunakan oleh orang yang bersembahyang ketika sembahyang. Iaitu tempat yang disentuh dan diletakkan anggota ketika sembahyang, bermula dari kawasan kaki hingga ke tempat sujud. Oleh itu tidak mengapa (tidak membatalkan sembahyang) jika tempat yang tidak diletakkan atau disentuh oleh anggota (ketika sembahyang) berada dalam keadaan bernajis seperti kawasan yang setentang dengan dada ketika rukuk dan sujud.

Dalil kepada syarat ini ialah perintah Rasulullah s.a.w. supaya dicurahkan air ke tempat air kencing Badwi yang kencing dalam masjid. (Al-Bukhari (217))

Dalil lain ialah qias kepada pakaian, kerana tempat sembahyang sama seperti pakaian di mana kedua-duanya tersentuh pada badan.

2. Mengetahui Masuk Waktu Sembahyang

Anda telah mengetahui bahawa setiap sembahyang fardhu mempunyai waktu tertentu yang mesti dipelihara. Walau bagaimanapun, tidak memadai bagi seseorang yang ingin mendirikan sembahyang dengan hanya berada dalam waktu tanpa mengetahui dia berada dalam waktu sembahyang yang ingin dilakukan. Dia hendaklah mengetahui perkara tersebut terlebih dahulu sebelum mendirikan sembahyang. Oleh itu tidak sah sembahyang seseorang yang tidak mengetahui masuk waktunya sekalipun ternyata selepas itu sembahyang yang didirikan berbetulan dengan waktunya yang telah ditetapkan.

Cara Mengetahui Masuk Waktu

Waktu sembahyang dapat diketahui dengan tiga cara:

1. Ilmu yang yakin iaitu berdasarkan dalil yang dapat dilihat seperti melihat matahari terbenam dalam laut.

2. Ijtihad iaitu berdasarkan dalil-dalil yang *zanni* (iaitu yang tidak diyakini tetapi lebih berat kepada betul) yang mempunyai *dalalah* (petunjukan) secara tidak langsung seperti bayang-bayang dan qias kepada sesuatu kerja yang dilakukan dan tempoh masanya.[1]

3. Taqlid. Apabila seseorang tidak mampu mengetahuinya melalui ilmu yang yakin dan ijtihad, seperti mereka yang jahil tentang waktu-waktu sembahyang dan perkara yang menunjukkan kepadanya, maka dia hendaklah bertaqlid sama ada kepada orang yang mengetahuinya melalui dalil-dalil yang dapat dirasa (dilihat) atau kepada mujtahid yang berpegang kepada dalil-dalil *zanni*.

Hukum Sembahyang di Luar Waktu

Apabila orang yang bersembahyang mendapati dia mendirikan sembahyang sebelum masuk waktu, maka sembahyang tersebut batal dan wajib diulangi semula sama ada dia melakukannya berdasarkan kepada ilmu yang yakin, ijtihad atau taqlid.

3. Menutup Aurat

Ia merupakan syarat sah sembahyang yang ketiga. Untuk memahami syarat ini, semestinya difahami perkara berikut:

i. Makna Aurat

Aurat pada pengertian syarak ialah semua perkara yang wajib ditutup dan haram melihatnya.

ii. Sempadan Aurat dalam Sembahyang

Sempadan aurat bagi lelaki ialah antara pusat dan lutut. Oleh itu ia wajib ditutup ketika mendirikan sembahyang.

Manakala bagi perempuan ialah seluruh tubuh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan. Oleh itu wajib ditutup kesemua badannya kecuali kedua-dua anggota tersebut, ketika sembahyang.

Firman Allah Taala:

---

1 Contoh: Untuk mengetahui masuk waktu Isyak, maka dilihat dalam jangka masa waktu maghrib seseorang boleh memasak nasi sebanyak tiga kali misalnya. Oleh itu masuknya waktu Isyak secara ijtihad ialah 40 minit (masa masak nasi sebanyak tiga kali) selepas masuknya waktu maghrib.

خُذُوا زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ

Pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid.
(Al-A'raf: 31)

Ibnu Abbas r.a., telah berkata: Maksudnya ialah memakai pakaian ketika sembahyang. (Mughni Muhtaj 1/184)

At-Tirmidzi (277) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ تُقْبَلُ صَلاَةُ الْحَائِضِ إِلاَّ بِخِمَارٍ

Tidak diterima sembahyang perempuan yang telah baligh melainkan dengan kain yang menutup kepalanya.

Apabila kepala wajib ditutup, maka menutup seluruh badan adalah lebih aula (utama) diwajibkan. At-Tirmidzi mengatakan: Hadis hasan.

iii. Sempadan Aurat di Luar Sembahyang

Sempadan aurat bagi lelaki ialah antara pusat dan lutut di mana sahaja mereka berada. Hukum ini adalah ketika mereka berada sesama mereka atau mahram mereka (perempuan yang diharamkan kahwin dengan mereka).

Manakala ketika berada dengan perempuan-perempuan ajnabi (yang halal kahwin), aurat lelaki dengan mereka menurut pendapat yang *muktamad* ialah selain dari muka dan dua tapak tangan[1]. Maksudnya ialah perempuan ajnabi tidak diharuskan melihat selain daripada muka dan dua tapak tangan lelaki ajnabi. Jika penglihatan tersebut dengan syahwat maka muka juga haram dilihat.[2]

---

1 Dalilnya ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah r.ha. katanya: *Aku dan Maimunah bersama-sama Rasulullah s.a.w , tiba-tiba Ibnu Ummi Maktum datang menemui Baginda. Ketika itu perintah supaya memakai hijab telah disyariatkan. Lalu Rasulullah s.a.w menyuruh kami supaya berhijab daripadanya. Kami berkata: Tidakkah dia seorang yang buta, tidak melihat dan mengenali kami? Sabda Rasulullah s.a.w: Apakah kamu berdua juga buta, tidakkah kamu berdua melihatnya? (Abu Daud (4122) dan Tirmidzi (2778) dan beliau menyatakan: Hasan sahih).*

2 Aurat lelaki ajnabi dinisbahkan kepada wanita ialah dari pusat hingga ke lutut. Ada pendapat yang mengatakan (Qiila) seluruh badan adalah aurat. Dengan ini perempuan tidak harus melihat badan lelaki. Oleh itu sebagaimana lelaki diharamkan melihat kepada perempuan, maka perempuan juga diharamkan melihat kepada lelaki. Pendapat pertama lebih sahih (Ashah) (Lihat tafsir Aayat al-Ahkam oleh Mohammad Ali as-Shobuni juz 2 m.s. 154)

Firman Allah Taala:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

Dan katakanlah kepada mukminaat (perempuan-perempuan beriman) agar menahan (menundukkan) pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka.

(An-Nur: 31)

Manakala sempadan aurat bagi perempuan ialah antara pusat dan lutut jika sesama mereka (perempuan yang Islam - muslimat). Jika bersama dengan perempuan kafir maka auratnya ialah selain daripada anggota yang terpaksa dibuka kerana melakukan sesuatu kerja seperti menguruskan rumah dan seumpamannya.

Aurat perempuan dengan lelaki mahram ialah antara pusat dan lutut. Maksudnya: Dia boleh membuka seluruh anggotanya (kecuali antara pusat dan lutut) dengan syarat tidak menimbulkan fitnah. Jika boleh menimbulkan fitnah maka ia juga diharamkan. Firman Allah Taala yang bermaksud:

Dan janganlah menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka atau ayah kepada suami, atau putera-putera mereka atau anak-anak suami mereka, atau saudara-saudara lelaki atau putera/anak lelaki saudara-saudara dan saudari-saudari mereka atau wanita-wanita Islam.

(An-Nur:31)

Perkataan *perhiasan* telah ditafsirkan dengan makna anggota tubuh yang terletak di bahagian atas pusat dan di bahagian bawah lutut.

Manakala aurat perempuan dengan lelaki ajnabi (bulan mahram) ialah seluruh tubuhnya. Oleh itu tidak harus dia membuka auratnya di hadapan mereka walaupun sedikit, kecuali kerana keuzuran (sebab yang dibenarkan oleh syarak). Begitu juga lelaki tidak diharuskan melihat aurat perempuan jika auratnya terdedah. Firman Allah Taala yang bermaksud:

Katakanlah kepada orang-orang lelaki yang beriman: Hendaklah mereka menahan (merendahkan) pandangan dan memelihara kemaluan mereka. Yang demikian itu adalah lebih suci (bersih) bagi mereka.

(An-Nur: 30)

Al-Bukhari (365) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. katanya:

Rasulullah s.a.w. sedang bersembahyang Subuh. Ia dihadiri bersama oleh perempuan-perempuan yang beriman dalam keadaan ***seluruh badan mereka tertutup*** *dengan pakaian yang dipakai. Kemudian mereka kembali ke rumah masing-masing dan tidak ada seorangpun yang dapat mengenali mereka.*

Maksud *seluruh badan mereka tertutup* ialah mereka menyelubunginya dengan pakaian-pakaian mereka. Ini memberi maksud pakaian tersebut menutupi seluruh tubuh badan.

Beberapa Keadaan yang Diharuskan Membuka dan Melihat Aurat Kerana Keuzuran Tertentu

i. Ketika meminang untuk berkahwin. Oleh itu harus melihat muka dan dua tapak tangan sebagaimana yang akan dijelaskan dalam bab Nikah.

ii. Melihat kerana tujuan penyaksian atau muamalah. Oleh itu harus melihat muka sahaja jika terdapat keperluan untuk mengenali perempuan tersebut dan dia hanya boleh dikenali dengan melihat mukanya.

iii. Melihat kerana merawat atau mengubat. Oleh itu harus membuka dan melihat aurat sekadar yang diperlukan sahaja.

Imam Muslim (2206) meriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a.:

Ummu Salamah r.ha. telah meminta izin daripada Rasulullah s.a.w. untuk berbekam. Baginda s.a.w. menyuruh Abu Toibah melakukannya.

Keadaan yang ketiga ini disyaratkan berada bersama-sama mahram atau suami dan tidak ada perempuan yang boleh mengubatinya. Jika terdapat lelaki muslim atau perempuan muslimah maka tidak harus diubati oleh orang lain.

4. Mengadap Kiblat

Ini ialah syarat syarat sah sembahyang yang keempat. Maksud kiblat ialah bangunan ka'bah. Ini bermakna dia hendaklah mengadap ke arah ka'bah.

Dalil Wajib Mengadap ke Arah Kiblat

Firman Allah Taala yang bermaksud:

> *Maka palingkanlah wajahmu ke arah* ***Masjidil Haram****, dan dimana sahaja kamu sekalian berada, maka palingkanlah (hadapkanlah) wajah kamu ke arahnya.*
>
> (Al-Baqarah: 150)

Al-Bukhari (5897) dan Muslim (397) meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. berkata kepada orang yang diajarkannya cara mendirikan sembahyang dengan sempurna:

> *Apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka sempurnakan wudhuk kemudian hadapkan (dirimu) ke arah* ***kiblat*** *dan bertakbirlah..*

Maksud *Masjidil Haram* yang disebut dalam ayat dan *kiblat* dalam hadis ialah ka'bah.

Tarikh Disyariatkan Mengadap ke Arah Kiblat

Al-Bukhari (390) dan Muslim (525) meriwayatkan daripada Al-Barra' bin Azib r.a. katanya:

> *Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang mengadap ke arah Baitul Maqdis selama 16 atau 17 bulan dan Baginda s.a.w. sangat suka untuk mengadap ke arah ka'bah. Lalu Allah menurunkan ayat yang bermaksud: Sesungguhnya Kami (sering) melihat mukamu berulang-ulang mendongak ke langit... Maka Rasulullah s.a.w. mengadap kearah ka'bah.*

Oleh itu tarikh ia disyariatkan mengadap ka'bah ialah pada awal-awal Hijrah Nabi s.a.w..

Cara Mengetahui Arah Kiblat

Ia terdiri daripada dua keadaan iaitu orang yang bersembahyang berada berdekatan dengan ka'bah dan dapat melihatnya jika dia mahu. Atau berada berjauhan darinya dan tidak dapat melihatnya.

Pada keadaan pertama (berdekatan kaabah), orang yang bersembahyang wajib mengadap ke arah ain (zat) ka'bah dengan yakin. Manakala keadaan kedua (berjauhan dari kaabah), orang yang bersembahyang wajib mengadap ke arah ain (zat) kaabah berasaskan kepada dalil-dalil/tanda yang *zanni* jika tidak boleh berasaskan dalil *qat'ie* (diyakini benar).

Cara Sembahyang dan Bilangan Rakaat Sembahyang

Ketika Allah menfardhukan sembahyang ke atas orang-orang Islam, malaikat Jibril datang menemui Rasulullah s.a.w. - sebagaimana yang telah disebut sebelum ini - untuk menjelaskan kepada Baginda s.a.w. waktu bermula dan berakhir setiap sembahyang dan menjelaskan bilangan rakaat seperti berikut:

Sembahyang *Subuh*: Dua rakaat dengan dua kali berdiri dan sekali *tasyahhud* iaitu *tasyahhud* akhir.

Sembahyang *Zohor*: Empat rakaat dengan dua *tasyahhud. Tasyahhud* pertama selepas dua rakaat dan *tasyahhud* kedua di akhir sembahyang.

Sembahyang *Asar*: Empat rakaat seperti sembahyang Zohor.

Sembahyang *Maghrib:* Tiga rakaat dengan dua *tasyahhud. Tasyahhud* pertama selepas dua rakaat dan *tasyahhud* kedua di akhir sembahyang.

Sembahyang *Isyak*: Empat rakaat seperti sembahyang Zohor dan Asar.

RUKUN SEMBAHYANG

Makna Rukun

Rukun ialah bahagian asasi daripada sesuatu benda, seperti dinding yang merupakan salah satu bahagian asasi bilik. Oleh itu bahagian asasi sembahyang ialah rukun-rukunnya seperti rukuk, sujud dan seumpamanya. Sembahyang tidak akan berlaku dan tidak sah kecuali semua bahagian asasi sembahyang telah sempurna dan dilakukan secara tertib sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. yang diambil daripada Jibril a.s.

Secara kesimpulannya, sembahyang mempunyai 13 rukun;

1. Niat

Niat ialah *qasad* melakukan sesuatu yang disertai di awal perbuatannya. Tempatnya adalah di hati.

Dalilnya; Sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat.

(Bukhari: 1 dan Muslim: 1907).

Niat sembahyang mesti disertakan ketika *takbiratul ihram*. Ini bermaksud, ketika melafazkan *takbiratul ihram*, hatinya dalam keadaan sedar dan tertumpu kepada *qasad* untuk melakukan sembahyang, di samping ingat akan jenis dan fardhu sembahyang yang hendak didirikan. Dan tidak disyaratkan menyebutnya dengan lidah.

2. Berdiri Ketika Sembahyang Fardhu Bagi yang Berkuasa

Dalil: Al-Imam Bukhari (1066) meriwayatkan daripada Imran bin Husain r.a. bahawa dia berkata:

Aku mempunyai penyakit buasir (sejenis penyakit di bahagian dubur). Lalu aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. berkenaan dengan sembahyang. Sabda Rasulullah s.a.w.: Sembahyanglah kamu dalam keadaan berdiri, sekiranya tidak mampu, maka dalam keadaan duduk, sekiranya tidak mampu, maka di atas lambung (kanan) (mengiring di atas tulang rusuk sebelah kanan).

Seseorang dianggap berdiri apabila dia berada dalam keadaan tegak. Sekiranya dia membongkok dengan sekira-kira tapak tangannya boleh menyentuh lututnya tanpa uzur, maka batal sembahyangnya. Ini kerana rukun berdiri sudah tidak ada lagi di dalam sembahyangnya itu.

Sekiranya orang yang bersembahyang hanya mampu berdiri pada beberapa bahagian sahaja di dalam sembahyang dan tidak mampu pada bahagian yang lain, maka dia hendaklah berdiri ketika melakukan bahagian yang mampu dilakukan secara berdiri dan duduk pada bahagian yang tidak mampu dilakukan secara berdiri.

Dengan menyebut perkataan "*sembahyang fardhu*" maka berdiri ketika sembahyang sunat adalah disunatkan secara mutlak. Oleh itu harus baginya sembahyang dalam keadaan duduk sama ada ketika mampu berdiri atau tidak. Al-Imam Al-Bukhari meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ صَلَّى قَائِمًا فَهُوَ أَفْضَلُ وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ
وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَاعِدِ

Sesiapa yang sembahyang dalam keadaan berdiri, maka itu adalah lebih afdhal. Sesiapa yang sembahyang dalam keadaan duduk, maka baginya separuh daripada pahala orang yang berdiri. Dan sesiapa yang sembahyang di dalam keadaan tidur (mengiring), maka baginya separuh daripada pahala orang yang duduk.

3. Takbiratul Ihram

Dalil: Hadis riwayat At-Tirmidzi (3) dan Abu Daud (61), dan lain-lain bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Kunci sembahyang adalah bersuci. Permulaannya ialah takbir dan penghujungnya ialah memberi salam.

Caranya: Takbiratul Ihram mestilah dengan lafaz اللَّهُ أَكَبَرُ. Walau bagaimanapun tidak mengapa sekiranya ada penambahan yang tidak mengubah nama Allah tersebut seperti menyebut اللَّهُ أَكْبَرُ ataupun اللَّهُ الْجَلِيْلُ أَكْبَرُ. Sekiranya ditambah kalimah yang bukan sifat-sifat Allah Táala seperti: اللَّهُ هُوَ الأَكْبَرُ atau mengubah susunan lafaz tersebut seperti: أَكْبَرُ اللَّهُ , maka takbir tersebut tidak sah.

Dalilnya ialah kemestian mengikut apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.. Baginda s.a.w. sentiasa bertakbir menggunakan lafaz-lafaz tersebut ketika *takbiratul ihram*.

Syarat-syarat Takbiratul Ihram

Bagi memastikan *takbiratul ihram* itu sah maka disyaratkan supaya melakukan beberapa perkara berikut:

i. Ketika melafazkannya, hendaklah berada dalam keadaan berdiri. Tidak sah takbir tersebut sekiranya dia melafazkannya ketika hendak berdiri menunaikan sembahyang.

ii. Melafazkannya ketika mengadap ke arah kiblat.

iii. *Takbiratul Ihram* mestilah dengan bahasa Arab. Tetapi sekiranya seseorang itu tidak mampu menyebutnya dalam bahasa tersebut dan dia tidak mampu mempelajarinya pada waktu itu, maka bolehlah diterjemahkan kepada mana-mana bahasa yang dikehendaki yang mempunyai maksud yang sama dengan *takbiratul ihram* tersebut.

Walau bagaimanapun dia tetap wajib belajar melafazkan *takbiratul ihram* menggunakan Bahasa Arab apabila dia mampu berbuat demikian.

iv. Dia hendaklah mendengar kesemua huruf yang dilafazkan sekiranya pendengarannya itu dalam keadaan yang normal.

v. Hendaklah disertakan dengan niat ketika melafazkan *takbiratul ihram* sebagaimana yang telah disebut.

4. Membaca Fatihah

Fatihah merupakan rukun bagi setiap rakáat semua jenis sembahyang.

Dalilnya: Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Tidak sah sembahyang sesiapa yang tidak membaca surah Al-Fatihah.

Basmalah adalah satu ayat daripadanya. Oleh itu tidak sah bacaan Fatihah yang tidak dimulai dengan بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ .

Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh Khuzaimah dengan sanad yang sahih, daripada Ummu Salamah r.ha. bahawa Nabi s.a.w. mengira بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ sebagai satu ayat daripadanya.

Syarat-syarat Sah Bacaan Fatihah

Beberapa syarat yang mesti dipenuhi ketika membaca Fatihah:

i. Pembaca mestilah mendengar bacaannya itu, sekiranya dia mempunyai pendengaran yang normal.

ii. Bacaannya mestilah secara tertib (mengikut susunan ayat yang terdapat di dalam al-Quran) sebagaimana yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. di samping meraikan *makhraj* (tempat keluar) huruf dan menzahirkan bacaan yang *bertashdid* (bersabdu).

iii. Hendaklah dia melafazkan satu-satu kalimah itu dengan lafaz yang tidak mengubah maknanya. Sekiranya dia melafazkannya dengan suatu lafaz yang tidak mempengaruhi kesahihan maknanya maka Fatihahnya tidak batal.

iv. Hendaklah dibaca dalam bahasa Arab, dan tidak sah dibaca terjemahannya kerana terjemahan itu bukan Al-Quran.

v. Bacaannya mesti dibaca dan disempurnakan ketika dalam keadaan berdiri. Sekiranya dia rukuk dalam keadaan bacaan Fatihahnya belum sempurna, maka bacaan Fatihahnya itu batal dan wajib diulangi semula.

Sekiranya orang yang sembahyang itu tidak mampu membaca Al-Fatihah disebabkan dia bukan orang Arab atau sebagainya, maka dia boleh membaca tujuh ayat al-Quran yang lain yang dihafaz sebagai menggantikan bacaan Al-Fatihah tersebut.

Sekiranya dia tidak menghafaz sedikitpun ayat Al-Quran, maka dia hendaklah berzikir kepada Allah sekadar panjang bacaan Al-Fatihah, kemudian dia rukuk.

5. Rukuk

Rukuk dari segi *syarak* ialah seorang yang bersembahyang membongkokkan badannya dengan kadar kedua-dua tapak tangannya sampai di kedua-dua lututnya. Ini adalah sekurang-kurang ukuran rukuk. Manakala yang paling sempurna ialah dia membongkokkan badannya sehingga belakangnya sama rata dalam keadaan menghala ke hadapan.

Dalilnya: Firman Allah Taala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱرْكَعُوا۟ وَٱسْجُدُوا۟

Wahai orang-orang yang beriman, rukuk dan sujudlah kamu.
(Al-Haj: 77)

Perintah Rasulullah s.a.w. kepada sahabat yang diajar sembahyang:

ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا

Kemudian rukuklah kamu sehingga kamu rukuk dalam keadaan yang tenang.
(Al-Bukhari dan Muslim)

Banyak lagi hadis-hadis sahih yang meriwayatkan tentang perbuatan rukuk Rasulullah s.a.w..

Syarat-syarat Rukuk

Orang yang bersembahyang mestilah memastikan beberapa perkara berikut supaya rukuknya sah:

i. Berada dalam keadaan membongkok dengan kadar sebagaimana yang telah disebutkan, iaitu tapak tangan sampai ke lututnya.

Al-Imam Al-Bukhari (794) meriwayatkan daripada Abi Humaid Al-Saa'idi r.a. berkenaan dengan sifat sembahyang Rasulullah s.a.w.:

وَإِذَا رَكَعَ أَمْكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ

Apabila Baginda rukuk, Baginda s.a.w. menekankan kedua tangannya kepada kedua-dua lututnya.

ii. Hendaklah dia tidak berniat ketika membongkokkan tubuhnya itu dengan tujuan yang lain daripada rukuk. Sekiranya dia membongkok kerana mengelak sesuatu kemudian dengan membongkok tersebut (membongkok kerana mengelak sesuatu), dia menjadikannya sebagai rukuk, maka tidak sah rukuknya, bahkan dia wajib berdiri semula kemudian membongkok dengan tujuan rukuk.

iii. *Toma'ninah*

Toma'ninah ialah berada dalam keadaan tetap/tenang ketika rukuk sekadar mengucap satu tasbih *SubhanalLah.* Ini adalah sekurang-kurang *toma'ninah.*

Dalilnya ialah sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis yang lalu:

Sehingga kamu berada dalam keadaan tetap / tenang ketika rukuk.

Imam Ahmad At-Tabrani dan lain-lainnya meriwayatkan dengan sanad yang sahih bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

أَسْوَأُ النَّاسِ سَرِقَةً الَّذِي يَسْرِقُ مِنْ صَلَاتِهِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ يَسْرِقُ مِنْ صَلَاتِهِ قَالَ لَا يُتِمُّ رُكُوعَهَا وَلَا سُجُودَهَا

Seburuk-buruk manusia ialah pencuri yang mencuri daripada sembahyangnya. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana dia mencuri daripada sembahyangnya? Sabda Rasulullah s.a.w.: Dia tidak menyempurnakan rukuk dan sujudnya.

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Huzaifah r.a.:

Dia melihat seorang lelaki tidak menyempurnakan rukuk dan sujud lalu dia berkata: Kamu sebenarnya tidak sembahyang dan kalau kamu mati, nescaya kamu mati bukan di atas fitrah yang Allah telah jadikan Nabi Muhammad s.a.w. di atas fitrah tersebut.

Maksud kata-kata ini ialah: Kamu tidak menunaikan sembahyang sebagaimana yang dituntut dan sekiranya kamu didatangi maut dalam keadaan tersebut, bermakna kamu berada di atas jalan yang lain daripada apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w..

Kata-kata Huzaifah ini bukanlah bermaksud lelaki itu telah terkeluar daripada Islam.

Manakala rukuk yang paling sempurna ialah dengan cara menyamakan belakang dengan tengkuknya dalam keadaan mendatar lurus dan tidak membengkok, serta menegakkan kedua-dua betisnya sambil memegang kedua-dua lutut dengan kedua-dua tangannya dalam keadaan membuka jari dan terus dalam keadaan demikian sambil mengucapkan سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ sebanyak tiga kali.

Imam Muslim dan lainnya meriwayatkan daripada Huzaifah r.a. bahawa dia berkata:

Aku telah bersembahyang bersama-sama dengan Nabi s.a.w. pada suatu malam... Dalam hadis tersebut dinyatakan: Kemudian Baginda s.a.w. rukuk dan mula membaca سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ*. Kemudian Baginda sujud dan membaca:* سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى*.*

Al-Imam At-Tirmidzi, Abu Daud dan lain-lainnya meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. kemudian berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا رَكَعَ أَحَدُكُمْ فَقَالَ فِي رُكُوعِهِ سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ فَقَدْ تَمَّ رُكُوعُهُ وَذٰلِكَ أَدْنَاهُ

Apabila seseorang kamu rukuk lalu membaca dalam rukuknya سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ *sebanyak tiga kali, maka telah sempurnalah rukuknya dan yang demikian itu adalah sekurang-kurangnya (sekurang-kurang sempurna).*

Disebut dalam hadis Abi Humaid yang lalu:

Kemudian Baginda s.a.w. menurunkan belakangnya (menurun dan membengkokkannya ke lantai).

6. I'tidal Selepas Rukuk

I'tidal ialah berdiri yang memisahkan antara rukuk dan sujud.

Dalilnya: Imam Muslim meriwayatkan daripada Asiyah r.ha. bahawa dia telah menyebut sifat sembahyang Rasulullah s.a.w. dengan katanya:

Apabila Rasulullah s.a.w. mengangkat kepalanya daripada rukuk, Baginda tidak sujud sehinggalah Baginda berdiri tegak.

Sabda Rasulullah s.a.w. kepada lelaki yang tidak sempurna sembahyangnya, bertujuan mengajarnya cara yang sempurna.

ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا

Kemudian angkatlah (kepala kamu) sehingga berdiri dalam keadaan tegak.

Syarat-syarat I'tidal

Syarat sah i'tidal ialah:

i. Tidak *qasad* selain daripada ibadat ketika bangun daripada rukuk.

ii. Hendaklah berada dalam keadaan *toma'ninah* (berhenti sebentar) sekadar mengucap tasbih.

iii. Hendaklah tidak terlalu lama ketika berdiri (*i'tidal*) seperti lebih daripada masa membaca Fatihah. Ini kerana ia merupakan rukun yang pendek yang tidak harus dipanjangkan masa berdirinya.

7. Sujud Dua Kali Dalam Setiap Rakaat

Maksud sujud dari segi syarak ialah sentuhan dahi orang yang sembahyang ke tempat sujudnya.

Dalilnya: Firman Allah Taala:

Rukuk dan sujudlah kamu.

(Al-Haj: 77)

Sabda Rasulullah s.a.w. kepada lelaki yang tidak sempurna sembahyangnya dengan tujuan mengajarnya cara sembahyang yang sempurna:

ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا

Kemudian sujudlah hingga kamu sujud dalam keadaan bertoma'ninah, kemudian angkat (kepala kamu) sehingga kamu duduk dalam keadaan bertoma'ninah, kemudian sujud hingga kamu sujud dalam keadaan bertoma'ninah.

Syarat-syarat Sujud

Syarat sah sujud ialah:

i. Terbuka dahi (tidak berlapik / tidak tertutup) ketika meletakkannya ke tempat sujud.

ii. Sujud hendaklah berlaku di atas tujuh anggota sebagaimana yang telah dihitung oleh Nabi s.a.w. dalam sabdanya:

أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَتَيْنِ وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ

Aku diperintahkan supaya sujud di atas tujuh tulang (anggota): di atas dàhi sambil mengisyaratkan dengan tangannya ke arah hidungnya, kedua-dua tangan (tapaknya), kedua-dua lutut dan hujung jari kedua-dua kaki.

Walau bagaimanapun anggota yang lain daripada dahi tidak wajib berada dalam keadaan terbuka (tidak berlapik / tidak tertutup)

iii. Hendaklah terangkat bahagian paling bawah (punggung) melebihi bahagian yang paling atas (kepala), sekadar yang termampu kerana mengikut perbuatan Rasulullah s.a.w..

iv. Hendaklah tidak sujud di atas pakaian yang bersambung dengannya yang mana pakaian tersebut akan bergerak dengan pergerakannya.

v. Hendaklah tidak berniat lain daripada sujud seperti takut dan seumpamanya.

vi. Hendaklah ditekan dahi ke lantai (tempat sujud) dengan tekanan yang nyata. Sekiranya di tempat sujudnya (di bawah dahinya) ada kapas atau seumpamanya, nescaya kapas tersebut akan tertekan dan akan nyata kesan sujud di atasnya.

vii. Hendaklah berada dalam keadaan tenang (ber*toma'ninah*) ketika sujud. Sekurang-kurang kadarnya ialah sekadar mengucap tasbih.

Sujud yang sempurna ialah mengucapkan takbir ketika turun untuk sujud dengan meletakkan kedua-dua lutut terlebih dahulu kemudian kedua-dua tangan, kemudian dahi dan hidung. Kedua-dua tangan diletakkan bersetentangan dengan kepala bahu sambil

jarinya dirapatkan, tidak digenggam dan diarahkan kepada kiblat. Perut diceraikan (dijauhkan) dari kedua-dua paha dan kedua-dua siku diangkat dari lantai dan juga direnggangkan dari kedua-dua pinggang sambil mengucapkan: سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى sebanyak tiga kali.

Al-Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada hadis Abu Hurairah r.a. berkenaan dengan sifat sembahyang Nabi s.a.w.:

Kemudian Baginda s.a.w. berkata: اللَّهُ أَكْبَرُ *ketika turun menuju tempat sujud.*

Imam Muslim meriwayatkan daripada Al-Barra' r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا سَجَدْتَ فَضَعْ كَفَّيْكَ وَارْفَعْ مِرْفَقَيْكَ

Apabila kamu sujud, maka letaklah kedua tapak tangan kamu dan angkatkan kedua siku kamu.

Al-Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abdullah bin Malik bin Buhainah r.a.:

Nabi Muhammad s.a.w. apabila bersembahyang, Baginda membuka antara kedua tangannya sehingga kelihatan putih pada kedua-dua ketiak Baginda.

Mengikut hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan At-Tirmidzi daripada Abi Humaid r.a.:

Nabi s.a.w. menjauhkan/merenggangkan kedua tangannya daripada kedua-dua pinggangnya dan meletakkan kedua tapak tangan bersetentang dengan kedua bahunya.

Abu Daud juga meriwayatkan daripada Abi Humaid r.a. berkenaan dengan sifat sembahyang Rasulullah s.a.w. katanya:

Apabila Baginda s.a.w. sujud, Baginda membuka antara kedua pehanya tanpa menekan perut ke atas kedua-dua pehanya.

Abu Daud, At-Tirmidzi dan lain-lainnya meriwayatkan:

Apabila sujud, Baginda berkata: سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى *di dalam sujudnya sebanyak tiga kali, maka telah sempurnalah sujudnya dan itu adalah sekurang-kurang sujud yang paling sempurna.*

Perempuan berbeza dengan lelaki dalam sesetengah keadaan yang telah disebutkan. Dia hendaklah merapatkan sesetengah anggota kepada anggota yang lain ketika sujud.

Al-Baihaqi meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. lalu berdekatan dengan dua orang perempuan yang sedang sembahyang, lalu Baginda bersabda:

إِذَا سَجَدْتُمَا فَضُمَّا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى الأَرْضِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَيْسَتْ فِيْ ذٰلِكَ كَالرَّجُلِ

Apabila kedua-dua kamu sujud, maka hendaklah dirapatkan sesetengah daging (anggota) ke lantai, sesungguhnya perempuan dalam keadaan tersebut tidak sama dengan lelaki.

8. Duduk antara Dua Sujud

Ia wajib pada setiap rakaat sembahyang.

Dalilnya: Sabda Rasulullah s.a.w. di dalam hadis yang telah disebut sebelum ini [Lihat dalil sujud]:

Kemudian angkatlah (kepala kamu) sehingga kamu duduk dengan tenang (bertoma'ninah).

Syarat-syarat Sah

i. Hendaklah berniat melakukan ibadat ketika duduk dan bukan kerana selainnya seperti takut dan seumpamanya.

ii. Tidak duduk dalam tempoh yang terlalu lama; melebihi daripada masa sekurang-kurang *tasyahhud.*

iii. *Toma'ninah* yang sekurang-kurang kadarnya dengan mengucap tasbih.

9. Duduk Akhir (ketika membaca Tahiyyat Akhir)

Maksudnya ialah duduk yang berlaku di akhir rakaat sembahyang iaitu akan diberi salam selepas daripadanya.

10. Membaca Tasyahhud pada Duduk Akhir Rakaat

Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5906), Muslim (402) dan lainnya daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawa dia menceritakan:

Apabila kami bersembahyang bersama-sama Nabi s.a.w., kami berkata (di sisi Baihaqi (2/138) dan al-Daruqutni (1/350) disebut kami berkata sebelum difardhukan tasyahhud ke atas kami): "Salam sejahtera ke atas Allah sebelum para hamba-Nya, salam sejahtera ke atas Jibr'il, salam sejahtera ke atas Mika'il, salam sejahtera ke atas si fulan." Apabila selesai sembahyang, Rasulullah menghadap mukanya kepada kami lalu bersabda: Sesungguhnya Allah itu adalah Tuhan yang bersifat dengan al-Salam. Apabila seseorang kamu duduk dalam sembahyang maka hendaklah dia membaca: التَّحِيَّاتُ .

(*As-Salam*: ialah salah satu dari nama-nama Allah. Sesetengah ulama menyatakan: Maknanya ialah: Allah selamat/bersih daripada segala keaiban dan kebinasaan yang berlaku kepada makhluk -(rujuk kitab Al-Nihayah))

Sekurang-kurang *Tashayyud* ialah:

التَّحِيَّاتُ لِلهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِيْنَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Segala ucapan penghormatan adalah bagi Allah. Selamat sejahtera, rahmat dan keberkatan Allah ke atas engkau, wahai Nabi. Selamat sejahtera juga ke atas kami dan para hamba Allah yang salih. Aku menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku juga menyaksikan bahawa Muhammad adalah rasul Allah.

Terdapat beberapa riwayat (kesemuanya adalah sahih) yang meriwayatkan lafaz *tasyahhud* ini dan lafaz yang sempurna di sisi al-Imam Syafi'e r.a. adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim (403) dan lainnya daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. mengajar kami membaca tasyahhud sebagaimana Baginda s.a.w. mengajar kami membaca Al-Quran. Baginda membaca:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا

النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللّٰهِ الصَّالِحِيْنَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللّٰهِ

Segala ucapan penghormatan yang membawa keberkatan dan selawat yang baik adalah bagi Allah. Salam sejahtera, rahmat dan keberkatan Allah ke atas engkau wahai Nabi. Salam sejahtera juga ke atas kami dan para hamba Allah yang salih. Aku menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan aku juga menyaksikan bahawa Muhammad adalah rasul Allah.

Beberapa Perkara yang Perlu Diambil Perhatian Ketika Membaca Tasyahhud

i. Hendaklah dia mendengar bacaannya sendiri jika pendengarannya normal.

ii. Membaca secara berturut-turut/bersambung-sambung. Sekiranya antara satu ayat diselangi dengan diam yang panjang atau zikir yang lain, batal bacaan *tasyahhud*nya dan wajib diulangi semula.

iii. Membaca dalam keadaan duduk, kecuali jika keuzuran, maka harus membacanya dalam mana-mana keadaan yang boleh dilakukan.

iv. Membaca menggunakan bahasa Arab. Sekiranya tidak mampu membaca dengannya, maka diterjemahkan ke mana-mana bahasa yang dia kehendaki. Walau bagaimanapun ia tetap diwajibkan mempelajari bacaan dengan bahasa Arab tersebut.

v. Menjaga *makhraj* (tempat keluar huruf) dan segala *syaddah* (sabdu) ketika membacanya. Sekiranya berubah *makhraj* atau tidak mengambil berat dengan bacaan *syaddah* atau salah dalam menyebut kalimah sehingga mengubah maknanya, maka batal bacaan *tasyahhud* dan wajib diulangi bacaannya semula.

vi. Dibaca mengikut susunan sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w..

11. Selawat Ke atas Nabi s.a.w. Selepas Tasyahhud Akhir

Selawat ini diucapkan selepas sempurna lafaz *tasyahhud* sebagaimana yang telah disebut, dan sebelum memberi salam.

Dalilnya: Firman Allah Taala:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦

Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawat dan mengucap salamlah kamu keatasnya dengan sesungguhnya.

(al-Ahzab: 56)

Ulama bersepakat bahawa selawat tidak wajib di luar daripada sembahyang. Oleh itu perintah wajib dalam ayat ini adalah ketika sembahyang.

Ibnu Hibban (515) dan Al-Hakim (1/268) (beliau mensahihkannya) meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. berkenaan *kaifiat* (cara) berselawat ke atas Nabi s.a.w.: Kata Ibnu Mas'ud:

Bagaimana cara kami berselawat ke atas kamu apabila kami berselawat ketika bersembahyang. Sabda Rasulullah s.a.w.: Ucapkanlah oleh kamu sekalian... hingga akhir hadis.

Hadis ini menentukan bahawa tempat berselawat ke atas Nabi s.a.w. ialah dalam sembahyang.

Dan tempat yang sesuai ialah di akhir sembahyang. Oleh itu ia wajib dibaca ketika duduk di akhir rakaat selepas bacaan *tasyahhud* akhir.

Menurut riwayat At-Tirmidzi, Abu Daud dan lain-lainya dengan sanad yang sahih bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ اللَّهِ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ ﷺ ثُمَّ يَدْعُو بَعْدُ بِمَا شَاءَ

Apabila seseorang kamu bersembahyang, maka hendaklah dia mulakan dengan memuji Tuhannya kemudian berselawat ke atas Nabi s.a.w. dan akhirnya dia berdoa kepada Allah dengan apa sahaja yang dikehendaki.

Sekurang-kurang lafaz selawat ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Ya Allah, berselawatlah ke atas Muhammad.

Dan lafaz yang sempurna ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ya Allah, berselawatkan ke atas Muhammad dan ke atas keluarga Muhammad, sebagaimana engkau berselawat ke atas Ibrahim dan ke atas keluarga Ibrahim. Berkatkanlah ke atas Muhammad dan ke atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berkatkan ke atas Ibrahim dan ke atas keluarga Ibrahim, di kalangan sekalian alam (makhluk). Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji Lagi Maha Mulia.

Lafaz selawat ini *thabit* dalam hadis-hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh Bukhari (1390), Muslim (406) dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun pada sesetengah riwayat yang lain terdapat penambahan dan pengurangan.

Syarat Berselawat

i. Hendaklah dibaca hingga dia mendengarnya sendiri jika pendengarannya normal.

ii. Hendaklah dengan lafaz مُحَمَّد atau dengan lafaz رَسُوْل atau النَّبِي . Sekiranya dibaca dengan lafaz أَحْمَد sebagai contohnya, maka ia tidak memadai (tidak sah).

iii. Lafaznya hendaklah dalam Bahasa Arab. Sekiranya tidak mampu membacanya dalam Bahasa Arab, maka boleh diterjemah ke mana-mana bahasa yang dikehendaki dan wajib ke atasnya bersegera mempelajarinya sekiranya mampu berbuat demikian.

iv. Selawat tersebut dibaca dengan tertib (sebagaimana yang tersusun) dan dibaca selepas *tasyahhud*. Tidak sah sekiranya bacaan selawat mendahului bacaan *tasyahhud*.

12. Salam yang Pertama

Iaitu orang yang bersembahyang berkata: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ ketika berpaling ke arah kanannya.

Dalilnya: Hadis Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang disebut dalam rukun ketiga iaitu *takbiratul ihram*.

> *Permulaannya ialah takbir dan penghujungnya ialah memberi salam.*

Sekurang-kurang lafaz salam ialah: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ (Selamat sejahtera ke atas kamu) sebanyak satu kali dan yang lebih sempurna ialah: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ (Selamat sejahtera dan juga rahmat Allah ke atas kamu) sebanyak dua kali iaitu sekali ke kanan dan sekali ke kiri.

Al-Imam Muslim (582) meriwayatkan daripada Saad r.a. bahawa katanya:

> *Aku melihat Rasulullah s.a.w. memberi salam ke arah kanan dan kirinya hingga aku nampak pipinya yang putih.*

Abu Daud (996) dan lainnya meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a.:

> *Nabi s.a.w. memberi salam ke arah kanan dan kirinya hingga kelihatan pipinya yang putih dengan menyatakan:* السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ , *(Selamat sejahtera dan juga rahmat Allah ke atas kamu).*
>
> (At-Tirmidzi menyatakan, hadis Hasan Sahih.)

13. Tertib

Iaitu dimulakan dengan niat *takbiratul ihram*, kemudian membaca Fatihah, kemudian rukuk, iktidal, sujud dan begitulah seterusnya.

Sekiranya sesetengah rukun sembahyang ini didahulukan tidak sebagaimana yang disyarakkan maka batal sembahyangnya jika sengaja dilakukan. Sekiranya dilakukan tanpa sengaja, maka sembahyangnya batal bermula daripada awal rukun yang dilakukan bukan pada tempatnya (tanpa tertib). Oleh itu dia wajib mengulangi semula semua rukun tersebut (rukun-rukun yang batal).

Berasaskan kepada kaedah di atas, sekiranya dia terus melakukan sembahyang selepas mengubah tertib yang telah

ditentukan oleh syarak sehingga sampai kepada rukun yang sama pada rakaat seterusnya, maka rakaat yang sahih yang dilakukan selepas rakaat yang batal dikira menggantikan rakaat yang batal itu. Dengan ini dia wajib menambah satu rakaat untuk sembahyang tersebut. Ini dilakukan sebagai ganti kepada rakaat yang batal disebabkan rukun-rukunnya dilakukan tanpa tertib.

SUNAT-SUNAT SEMBAHYANG

Sunat

Sunat ialah perkara yang dituntut ke atas manusia supaya melakukannya dengan tuntutan yang tidak wajib; melakukannya akan diberi pahala dan meninggalkannya tidak dikenakan seksa (dosa).

Sembahyang mempunyai syarat-syarat dan rukun-rukun yang mesti dan wajib dilakukan supaya sembahyang yang didirikan menjadi sah. Kesemua perkara itu telah disebut sebelum ini.

Sembahyang juga mempunyai perkara-perkara sunat yang dituntut kepada orang yang sembahyang supaya melakukannya. Walau bagaimanapun, tuntutan tersebut bukanlah tuntutan wajib. Dengan itu pahala sembahyangnya ditambah jika dia melakukannya dan tidak dikenakan dosa/diseksa dengan sebab meninggalkannya.

Sunat sembahyang itu banyak dan secara keseluruhannya ia terbahagi kepada tiga bahagian:

A. Perkara sunat yang ditunaikan sebelum sembahyang

B. Perkara sunat yang ditunaikan ketika sembahyang

C. Perkara sunat yang ditunaikan selepas sembahyang

A. Perkara Sunat yang Ditunaikan Sebelum Sembahyang

Ia tidak lebih daripada tiga perkara:

1. Azan. Penjelasan berkenaan dengan erti, dalil, syarat dan semua perkara yang berkaitan telah dijelaskan dalam bab yang lepas.
2. Iqamah. Penjelasan dari segi makna, syarat dan perbezaan antaranya dengan azan telah dijelaskan dalam tajuk yang lalu.

3. Meletakkan sesuatu (pemisah) di hadapannya yang memisahkan antaranya dengan orang-orang yang lalu lalang seperti dinding, tiang, tongkat atau dengan menghampar sajadah dan seumpamanya. Sekiranya perkara-perkara tersebut tidak ada maka dia hendaklah membuat satu garisan di hadapannya.

Al-Imam Bukhari (472) dan Muslim (501) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a.:

Apabila Rasulullah s.a.w. keluar pada hari hari raya, Baginda memerintahkan supaya diambil sebilah lembing yang pendek lalu diletakkan di hadapannya, lalu Baginda bersembahyang dengan berhadapan lembing tersebut sedang orang ramai berada di belakangnya. Perbuatan tersebut dilakukan oleh Baginda s.a.w. ketika bermusafir.

Yang afdhal ialah pemisah tersebut diletakkan berhampiran dengan tempat sujud.

Al-Imam Bukhari (474) dan Muslim (508) meriwayatkan daripada Sahl bin Saad r.a. bahawa dia berkata:

Antara tempat sembahyang Rasulullah s.a.w. dan dinding seluas tempat lalu kambing.

B. Perkara Sunat yang Ditunaikan Ketika Sembahyang

Ia terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sunat *ab'ad* (أَبعاض)
2. Sunat *hai'at* (هَيئات)

Sunat *ab'ad* ialah semua perkara yang kalau ditinggalkan maka ia boleh ditampung semula dengan sujud *sahwi* di akhir sembahyang. Manakala sunat *hai'at* ialah perkara yang kalau ditinggalkan, ia tidak membawa kepada perlunya sujud sahwi.

Kita akan jelaskan berkenaan sujud *sahwi* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di akhir perbahasan mengenai amalan-amalan sembahyang.

Sekarang kita akan mula memperkatakan beberapa sunat *ab'ad* kemudian diikuti dengan sunat *hai'at*.

Sunat Ab'adh

1. *Tasyahhud awal*

Maksud *tasyahhud* awal ialah *tasyahhud* yang dibaca ketika duduk yang tidak disudahi dengan salam. Iaitu duduk di penghujung rakaat kedua bagi sembahyang Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak di mana disunatkan membaca *tasyahhud* ketika itu.

Hadis ada menyebut berkenaan seorang lelaki yang tidak sempurna sembahyangnya sebagaimana riwayat Abi Daud (860). Sabda Rasulullah s.a.w. mengajar lelaki tersebut:

فَإِذَا جَلَسْتَ فِي وَسَطِ الصَّلَاةِ فَاطْمَئِنَّ وَافْتَرِشْ فَخِذَكَ الْيُسْرَى ثُمَّ تَشَهَّدْ

Apabila kamu telah duduk (sampai) di pertengahan sembahyang, maka tetaplah sebentar dan dudukkan peha kamu yang kiri dan bacalah tasyahhud.

Dalil yang menunjukkan bahawa *tasyahhud* awal ini sunat dan bukan fardhu ialah hadis riwayat Al-Bukhari (1173) dan Muslim (570):

Rasulullah s.a.w. mendirikan sembahyang Zohor dan Baginda telah meninggalkan duduk (pada tasyahhud awal). Apabila Baginda menyempurnakan sembahyangnya, Baginda sujud dengan dua kali sujud.

Iaitu sujud *sahwi* sebagai ganti kepada *tasyahhud* awal yang ditinggalkan dengan sebab meninggalkan duduk tersebut. Sekiranya ia merupakan satu rukun, nescaya Baginda s.a.w. pasti akan tetap melakukannya dan ia tidak tertampung dengan melakukan sujud *sahwi*.

2. Selawat ke atas Nabi selepas *tasyahhud* awal.

Ia juga merupakan sunat yang kalau ditinggalkan perlu kepada melakukan sujud *sahwi*.

3. Duduk untuk membaca *tasyahhud* awal.

Ini bermakna ketiga-tiga perbuatan di atas adalah tiga perkara sunat yang berasingan iaitu: sunat duduk, sunat membaca *tasyahhud* padanya dan sunat berselawat ke atas Nabi s.a.w..

4. Selawat ke atas keluarga Nabi s.a.w. selepas *tasyahhud* akhir (yang merupakan rukun dalam sembahyang)

Dengan erti kata lain: Disunatkan berselawat ke atas keluarga Nabi s.a.w. selepas membaca *tasyahhud* ketika duduk untuk *tasyahhud* yang akhir (duduk *tahiyyat* akhir) dan berselawat ke atas Nabi s.a.w.

Lafaz yang sempurna untuk berselawat telah disebut dalam tajuk yang lalu.

5. Membaca qunut ketika *i'ktidal* di rakaat kedua pada sembahyang Subuh, dan di akhir rakaat sembahyang Witir selepas separuh daripada bulan Ramadhan dan juga ketika *i'ktidal* di rakaat yang akhir pada mana-mana sembahyang yang dibaca *Qunut Nazilah.*

Imam Ahmad dan lainnya meriwayatkan daripada Anas r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. sentiasa membaca qunut pada sembahyang Subuh sehingga Baginda meninggal dunia.

Al-Imam Al-Bukhari (956) dan Muslim (677) meriwayatkan daripada Anas r.a.:

Dia telah ditanya adakah Nabi membaca qunut pada sembahyang Subuh? Jawabnya: Ya, kemudian ditanya lagi. Adakah qunut itu sebelum rukuk? Jawabnya: Selepas sedikit daripada rukuk.

(Sila rujuk kepada al-Baihaqi pada bab sembahyang Subuh dan bab qunut pada sembahyang Witir)

Qunut yang disunatkan ini boleh dilakukan bermula dengan memuji Allah Taala dan berdoa kepada-Nya dengan apa sahaja yang dia mahu seperti menyatakan: (اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِيْ يَا غَفُوْرُ) maksudnya: Wahai Tuhanku, ampunilah dosaku, Wahai Tuhan yang Maha Pengampun.

Tetapi yang sempurnanya ialah iltizam dengan doa yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w. sendiri.

Abu Daud (1425) meriwayatkan daripada Hasan bin Ali r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. mengajar aku beberapa kalimah yang aku bacakannya pada sembahyang witir iaitu:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ

Ya Allah, berilah petunjuk kepadaku bersama-sama dengan orang yang telah Engkau berikan petunjuk kepada mereka. Berilah afiat (kesihatan) kepadaku bersama-sama orang yang telah Engkau berikan afiat kepada mereka. Pimpinlah aku bersama-sama orang yang telah Engkau pimpinkan mereka. Berkatkanlah pemberian Engkau kepadaku. Peliharalah diriku daripada keburukan yang telah Engkau tetapkan. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang menentukan, tiada siapa yang boleh menentukan sesuatu ke atas Engkau. Sesungguhnya tidak akan menjadi hina orang yang menjadikan Engkau sebagai wali (pemimpin), dan tidak akan menjadi mulia orang yang memusuhi Engkau. Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Berkat lagi Maha Tinggi.

Imam disunatkan membacanya dengan lafaz *Jamak.*

At-Tirmidzi (464) berkata: Hadis Hasan. Dia berkata lagi: Kami tidak dapati daripada Nabi s.a.w. qunut yang lebih baik daripadanya yang dibaca pada sembahyang witir.

Abu Daud (1428) juga meriwayatkan:

Ubai bin Kaab r.a. telah menjadi Imam kepada mereka iaitu pada bulan Ramadhan dan beliau telah membaca qunut pada separuh akhir daripada bulan Ramadhan.

Al-Hakim meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a.:

Apabila Nabi s.a.w. mengangkat kepalanya dari rukuk pada sembahyang Subuh di rakaat kedua, Baginda mengangkat kedua-dua tangannya sambil berdoa:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ

Ya Allah, berilah aku pertunjuk bersama-sama dengan orang yang telah Engkau berikan petunjuk kepada mereka.

Para ulamak menyatakan bahawa sunat menambahkan pada Qunut itu:

فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، نَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَنَتُوْبُ إِلَيْكَ،
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Bagi-Mu segala puji-pujian di atas segala ketetapan-Mu. Ya Allah, kami memohon keampunan dan bertaubat kepada-Mu. Selawat dan salam Allah ke atas penghulu kami Muhammad, seorang nabi yang ummiy, dan ke atas keluarga serta sahabatnya.

Ini berdasarkan hadis-hadis sahih yang menyebut tentang selawat ke atas Nabi s.a.w. selepas berdoa dan berzikir. (Mughni Muhtaj (1/166-176))

Disunatkan mengangkat kedua tangan ketika membaca qunut dengan menghalakan kedua tapak tangan ke arah langit.

Sunat Hai'at

Sebagaimana yang telah disebut bahawa *hai'at* ialah sunat-sunat sembahyang yang sekiranya ditinggalkan, tidak disunatkan menampungnya kembali dengan sujud *sahwi*, berlainan dengan sunat *ab'ad.*

Kesimpulan daripada sunat-sunat *hai'ah* adalah seperti berikut:

1. Mengangkat kedua tangan ketika *takbiratul ihram*, ketika rukuk dan bangkit daripadanya.

Caranya ialah dengan mengangkat kedua tapak tangan dalam keadaan mengadap kiblat, terbuka jari-jarinya, dan kedua-dua ibu jarinya bersetentangan dengan cuping telinga sambil menjadikan kedua tapak tangannya terbuka, iaitu tidak diletakkan apa-apa kain di atasnya.

Al-Imam Bukhari (705) dan Muslim (390) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa dia berkata:

Aku melihat Nabi s.a.w. memulakan sembahyang dengan takbir. Lalu Baginda mengangkat kedua tangannya ketika bertakbir hingga dia menjadikan kedua tangannya setentang dengan kedua bahunya, dan apabila Baginda bertakbir untuk

rukuk Baginda melakukan seumpama tadi dan apabila Baginda berkata: سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ *, Baginda juga melakukan (takbir) dengan cara yang sama dan Baginda terus berkata:* رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ *. Perbuatan tersebut (mengangkat tangan ketika bertakbir) tidak dilakukan ketika hendak sujud dan juga ketika mengangkat kepalanya daripada sujud.*

2. Meletakkan tangan kanan di atas bahagian belakang tangan kiri ketika berdiri.

Caranya ialah dengan meletakkan tangan kanan di atas belakang tapak dan pergelangan tangan kiri sambil memegangnya dengan jari-jari tangan kanan. Keadaan kedua-dua tangan tersebut diletakkan di bahagian bawah dada dan di atas dari pusat.

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (401) daripada Wail bin Hijr r.a.:

Beliau melihat Nabi s.a.w. mengangkat kedua tangannya ketika mula mendirikan sembahyang kemudian Baginda s.a.w. meletakkan tangan kanannya di atas tangan kiri.

Menurut riwayat Al-Nasai'e (2/126):

Kemudian Baginda s.a.w. meletakkan tangan kanannya di atas tapak tangan kiri (di bahagian belakangnya), pergelangan dan lengan kirinya.

3. Melihat ke tempat sujud.

Makruh meliarkan pandangan ke sekelilingnya, melihat ke atas atau sesuatu yang berada di hadapannya walaupun Ka'bah. Bahkan disunatkan supaya sentiasa mengarahkan pandangannya ke tempat sujud melainkan ketika membaca *tasyahhud*. Ketika itu pandangannya hendaklah ditumpukan kepada jari telunjuknya yang dijadikan isyarat ketika membaca *tasyahhud*.

Dalilnya ialah mengikut apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w..

4. Membaca doa *iftitah* selepas *takbiratul ihram*

Lafaznya ialah sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim (771) daripada Ali r.a. daripada Nabi s.a.w.:

Apabila mendirikan sembahyang, Baginda s.a.w. membaca:

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنْ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنْ الْمُسْلِمِينَ

Aku menghadapkan mukaku kepada Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi, dalam keadaan hanif, dan aku bukanlah terdiri daripada orang-orang musyrik. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah bagi Allah Tuhan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan demikianlah aku diperintahkan, dan aku adalah terdiri daripada orang-orang yang beriman.

Tempat yang disunatkan membaca doa iftitah

Disunatkan membacanya di awal permulaan sembahyang fardhu dan sunat; sama ada bagi yang bersembahyang seorang diri, Imam atau Makmum, dengan syarat dia belum lagi memulakan bacaan Fatihah. Sekiranya bacaan Fatihah telahpun dimulakan (dan sebagaimana yang anda ketahui, bahawa *Basmalah* adalah satu ayat daripadanya) atau *al-isti'azah* telah dibaca (iaitu membaca أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ), maka luputlah sunat membaca doa *iftitah* dan tidak harus dia membacanya kembali sekalipun dia tidak membacanya kerana terlupa.

Tidak disunatkan membaca doa tersebut pada sembahyang jenazah, dan sembahyang fardhu yang telah sempit waktunya di mana sekiranya dia sibuk membaca doa tersebut menyebabkan keluar waktu sembahyangnya.

5. Membaca *al-Isti'azah* selepas doa *Iftitah*

Al-Isti'azah ialah membaca: أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ . Ia dibaca sebelum memulakan bacaan Fatihah. Sekiranya dia telah mula membaca Fatihah sebelum membaca *al-Isti'azah,* maka membacanya tidak disunatkan lagi dan makruh dia kembali membacanya.

Dalil: Firman Allah Taala:

فَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

Apabila kamu membaca Al-Quran maka mohonlah perlindungan dengan Allah daripada syaitan yang direjam.
(Al-Nahl: 98)

6. Membaca dengan kuat dan perlahan di tempat-tempat tertentu

Tempat-tempat yang disunatkan membaca dengan nyata dan kuat ialah pada dua rakaat sembahyang Subuh, dua rakaat pertama sembahyang Maghrib dan Isyak, sembahyang Jumaat, sembahyang kedua-dua Hari Raya, sembahyang Gerhana Bulan, sembahyang Minta Hujan, Tarawih dan Witir di bulan Ramadhan. Kesemuanya itu disunatkan sama ada bagi Imam atau sembahyang seorang diri. Manakala sembahyang yang lain daripada itu disunatkan membaca dengan perlahan.

Hadis-hadis yang menunjukkan perkara di atas ialah:

i. Hadis riwayat Al-Bukhari (735) dan Muslim (463) daripada Jubair bin Mut'im r.a. bahawa dia berkata:

Aku mendengar Rasulullah s.a.w. membaca surah at-Tur ketika sembahyang Maghrib.

ii. Hadis riwayat Al-Bukhari (733) dan Muslim (464) daripada Al-Barra' r.a. bahawa dia berkata:

Aku mendengar Nabi s.a.w. membaca surah at-Tin pada sembahyang Isyak dan aku tidak mendengar suara yang lebih merdu daripadanya atau bacaannya.

iii. Hadis riwayat Al-Bukhari (739) dan Muslim (449) daripada hadis Ibnu Abbas r.a. tentang kisah Jin yang hadir dan mendengar Al-Quran daripada Nabi s.a.w.. Hadis tersebut menceritakan:

Sedang Nabi s.a.w. sembahyang Subuh bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya, mereka (jin) mendengar bacaan Al-Quran, lalu mereka mendengarnya dengan penuh perhatian.

iv. Hadis riwayat Bukhari (745) dan Muslim (451) daripada Abi Qatadah r.a.:

Nabi s.a.w. membaca Ummul Kitab berserta dengan satu surah pada dua rakaat yang pertama sembahyang Zohor dan Asar.

Menurut riwayat yang lain:

Dan demikianlah Baginda lakukannya ketika sembahyang Subuh.

Sebelum ini telah disebutkan hadis-hadis yang menyentuh tentang bacaan secara kuat.

Abu Daud (823 & 824), Al-Nasai'e (2/141) dan lainnya meriwayatkan daripada Ubadah bin Al-Somit katanya:

Kami bersembahyang Subuh di belakang Rasulullah s.aw., lalu Baginda merasa berat di dalam bacaannya. Apabila selesai Baginda berkata: Boleh jadi kamu semua membaca di belakang Imam kamu. Kami menjawab: Wahai Rasulullah, Ya! demi Allah. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Jangan kamu semua berbuat demikian melainkan membaca Ummul Quran (Fatihah). Sesungguhnya tidak sah sembahyang orang yang tidak membacanya.

Menurut riwayat yang lain:

Janganlah kamu membaca sesuatu daripada Al-Quran ketika aku membaca dengan suara yang nyaring kecuali membaca Ummul Quran.

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. menyaringkan bacaannya di mana ia dapat didengari oleh mereka yang hadir.

Manakala hadis-hadis yang menunjukkan bacaan secara perlahan pada tempat yang lain daripada apa yang telah disebut di atas ialah:

i. Hadis riwayat Al-Bukhari (713) daripada Khabbab r.a.:

Seseorang telah bertanya kepadanya: Adakah Rasulullah s.a.w. membaca (Al-Quran) ketika sembahyang Zohor dan Asar? Dia menjawab: Ya, Ditanyanya lagi: Bagaimana kamu dapat mengetahuinya: Dia menjawab: Dengan gerakan janggutnya.

ii. Al-Imam Bukhari (738) dan Muslim (396) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

Pada setiap sembahyang, Baginda membaca (Al-Quran), maka apa yang Rasulullah perdengarkan (bacaannya) kepada kami, kami perdengarkan kepada kamu dan apa yang Baginda sembunyikan (perlahankan) daripada kami, kami perlahan-kannya daripada kamu.

Para sahabat r.a. tidak meriwayatkan bacaan secara nyaring pada tempat-tempat yang lain daripada itu.

Dalam perbincangan akan datang kita akan menyebut dalil-dalil dalam masalah ini untuk sembahyang tertentu.

Bacaan ketika sembahyang sunat mutlak pada waktu malam adalah dibaca secara sederhana antara nyaring dan perlahan. Firman Allah Taala:

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

Dan janganlah kamu mengeraskan suara dalam ***sembahyangmu*** *dan janganlah pula merendahkannya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu.*

(Al-Isra': 110)

Maksud *sembahyang* dalam ayat ini ialah sembahyang pada waktu malam.

7. Menyebut آمِيْنَ ketika selesai Fatihah.

Iaitu selepas menyebut ﴿وَلَا الضَّآلِّينَ﴾ hendaklah disebut آمِيْنَ .

Menyebut آمِيْنَ adalah disunatkan bagi setiap orang yang bersembahyang. Ia diucapkan dengan nyaring pada sembahyang yang dibaca dengan nyaring dan diucap dengan perlahan pada sembahyang yang dibaca dengan perlahan. Makmum mengucapkannya dengan nyaring kerana mengikut Imam. Makna آمِيْنَ ialah perkenankanlah wahai Tuhanku.

Al-Imam Bukhari (748) dan Muslim (410) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا قَالَ أَحَدُكُمْ -وَفِي رِوَايَةٍ عِنْدَ مُسْلِمْ: فِي الصَّلَاةِ- آمِينَ وَقَالَتْ الْمَلَائِكَةُ فِي السَّمَاءِ آمِينَ فَوَافَقَتْ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Apabila seseorang kamu mengucapkan (menurut riwayat di sisi Muslim: dalam sembahyang) kalimah آمِيْنَ dan malaikat di langit menyebut آمِيْنَ lalu bersamaan antara keduanya (menyebut آمِيْنَ), maka diampunkan dosanya yang telah lalu.

Al-Imam Bukhari (747) dan Muslim (410) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمِّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينُهُ تَأْمِينَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Apabila Imam berkata 'آمين' maka hendaklah kamu berkata demikian juga. Sesungguhnya sesiapa yang bersama آمين nya dengan آمين malaikat, dia akan diampunkan dosanya yang telah lalu.'

Abu Daud (934) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a.: Dia berkata:

Apabila Rasulullah s.a.w. membaca ayat ﴿غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ﴾ Baginda berkata: 'آمين', sehingga orang yang di belakangnya yang berada di saf pertama dapat mendengarnya.

Ibnu Majah menambah:

Lalu masjid itu bergegar (bergema) dengan suara ta'min tersebut.

8. Membaca sesuatu daripada ayat Al-Quran selepas Fatihah.

Perkara sunat ini akan terlaksana dengan membaca satu surah daripada Al-Quran sekalipun pendek atau dengan hanya membaca tiga ayat yang berturut-turut.

Ia hanya disunatkan pada dua rakaat pertama sahaja dalam setiap sembahyang dan ia disunatkan kepada Imam atau orang yang sembahyang berseorangan secara mutlak. Ia juga disunatkan kepada Makmum ketika sembahyang yang bacaannya dibaca dengan perlahan atau Makmum itu berada jauh daripada Imam hingga dia tidak mendengar bacaan Imamnya.

Disunatkan membaca pada sembahyang Subuh dan Zohor surah-surah yang agak panjang seperti *al-Hujurat, ar-Rahman*. Manakala sembahyang Asar dan Isyak disunatkan membaca surah-surah yang sederhana panjangnya seperti surah *as-Syams*. Surah-surah yang pendek seperti surah *Al-Ikhlas* disunatkan membacanya pada sembahyang Maghrib.

Semua itu berdasarkan kepada hadis an-Nasai'e daripada Sulaiman bin Yaser, dari Abi Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

Aku tidak pernah sembahyang di belakang seseorang yang menyerupai sembahyang Rasulullah s.a.w. selain daripada si fulan. Kami telah sembahyang di belakang fulan tersebut, dan dia telah memanjangkan (bacaannya) pada dua rakaat pertama sembahyang Zohor dan meringankan bacaan pada dua rakaat yang akhir, dia meringankan bacaan pada sembahyang Asar dan membaca surah-surah yang pendek pada sembahyang Maghrib serta membaca surah as-Syams dan seumpamanya pada sembahyang Isyak. Manakala sembahyang Subuh dia membaca dua surah yang panjang.

Pada sembahyang Subuh di pagi Jumaat, disunatkan membaca surah *as-Sajdah* pada rakaat pertama dan *al-Insan* pada rakaat kedua. Ini berdasarkan hadis riwayat Bukhari (851) dan Muslim (880) daripada Abi Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. membaca surah as-Sajdah dan surah al-Insan ketika sembahyang Subuh pada pagi Jumaat.

Disunatkan membaca pada rakaat pertama ayat yang lebih panjang daripada ayat yang dibaca pada rakaat kedua. Hukum ini meliputi semua jenis sembahyang. Ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari (725) dan Muslim (451):

Nabi s.a.w. memanjangkan (bacaan ayat al-Quran) pada rakaat pertama dan memendekannya pada rakaat kedua.

9. Mengucap takbir ketika berpindah dari satu rukun ke satu rukun.

Kita telah mengetahui bahwa *tàkbiratul ihram* adalah rukun sembahyang. Sembahyang tidak sah tanpanya. Apabila anda mula bersembahyang dan bertakbir dengan *takbiratul ihram*, maka disunatkan mengucap takbir seumpamanya setiap kali berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain, kecuali ketika bangkit daripada rukuk. Ketika itu disunatkan membaca سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ (Allah mendengar mereka yang memuji-Nya. Tuhan kami, dan bagi-Mu segala pujian) sebagai ganti kepada takbir.

Ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari (756) dan Muslim (392) daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

Apabila Rasulullah s.a.w. mendirikan sembahyang, Baginda bertakbir ketika berdiri, bertakbir ketika rukuk kemudian

Baginda berkata: سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ *(Allah mendengar mereka yang memuji-Nya) ketika hendak membetulkan belakangnya daripada rukuk kemudian menyambung* رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ *(Tuhan kami, dan bagi-Mu segala pujian) ketika Baginda dalam keadaan berdiri tegak. Kemudian Baginda bertakbir ketika ingin turun sujud, bertakbir ketika mengangkat kepala, ketika sujud dan angkat kepala semula. Kemudian Baginda melaku-kan perkara yang sama dalam sembahyang yang dilakukan sehingga selesai menunaikannya. Baginda juga bertakbir ketika bangun selepas duduk (duduk tasyahhud awal) pada akhir rakaat kedua.*

10. Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud

Caranya ialah apabila dia telah tetap/tenang dalam keadaan rukuk maka ia berkata: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ (Maha suci Tuhan-ku yang Maha Agong dan segala puji bagi-Nya) sebanyak tiga kali, dan ketika sujud dia membaca: سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ (Maha Suci Tuhan-ku yang Maha Tinggi dan segala puji bagi-Nya) sebanyak tiga kali. Ini adalah sekurang darjat kesempurnaan dan sekiranya dibaca lebih daripada 3 kali, maka ia adalah lebih afdhal. (Sila lihat berkenaan dengan rukuk dalam bab rukun-rukun sembahyang)

11. Meletakkan kedua tangan di atas permulaan kedua peha ketika duduk membaca *tasyahhud* awal dan akhir.

Caranya ialah menghulurkan jari-jari tangan kiri di samping merapatkan (menghimpunkan) jari-jarinya antara satu sama lain di mana hujung jari-jari tersebut berada di hujung kepala lutut. Manakala jari tangan kanan dilipat (digenggam) melainkan jari telunjuk. Ia dihulurkan dalam keadaan direndahkan ketika awal bacaan *tasyahhud*, kemudian diangkat sebagai isyarat kepada keEsaan dan keAgungan Allah ketika sampai kepada bacaan أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰهُ Disunatkan mengekalkannya dalam keadaan begitu tanpa menggerak-gerakkannya hingga selesai sembahyang.

Imam Muslim (580) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. berkenaan dengan sifat duduk Rasulullah s.a.w. ketika sembahyang, dia berkata:

Apabila Rasulullah s.a.w. duduk dalam sembahyang, Baginda meletakkan tapak tangan kanannya ke atas peha kanannya dan mengenggam semua jarinya, dan

mengisyaratkan dengan jari telunjuk. Baginda meletakkan tapak tangan kirinya di atas peha kirinya.

12. Duduk *tawarruk* ketika duduk yang akhir (ketika membaca *tahiyyat* akhir) dan duduk *iftirash* pada tempat selainnya.

Cara duduk *tawarruk* ialah orang yang bersembahyang duduk di atas tulang punggung kirinya sambil mendirikan kaki kanannya dan memasukkan kaki kiri ke bawah kaki kanannya.

Manakala cara duduk *iftirash* ialah dengan dia duduk di atas buku lali kaki kirinya dan dia mendirikan kaki kanannya di atas hujung jari-jarinya.

Al-Imam Bukhari (794) meriwayatkan daripada hadis Abi Humaid Al-Saa'idi r.a. bahawa dia berkata:

Aku merupakan orang yang paling memerhati sembahyang Rasulullah s.a.w.. Dalam hadis tersebut beliau menceritakan: Apabila Baginda s.a.w. duduk pada dua rakaat yang pertama, Baginda duduk di atas kaki kirinya dan mendirikan kaki kanan. Apabila Baginda duduk pada rakaat yang akhir, Baginda menghulurkan kaki kirinya dan mendirikan kaki kanan sambil duduk di atas papan punggungnya.

Hadis Muslim (579) daripada Abdullah bin Az-Zubir r.a.:

Apabila Rasulullah s.a.w. duduk dalam sembahyang, Baginda menjadikan kaki kirinya antara peha dan betisnya, dan menghulur kaki kanannya.

13. Membaca *Selawat Ibrahimiah* dan doa selepas *tasyahhud* akhir

Sebagaimana yang telah diketahui dalam perbahasan lalu bahawa berselawat ke atas Nabi s.a.w. adalah rukun yang mesti dibaca ketika duduk di *tasyahhud* akhir. Dan rukun tersebut sah dengan mana-mana lafaz selawat ke atas Nabi s.a.w..

Manakala hukum *Selawat Ibrahimiah* (nas selawat tersebut telah disebut sebelum ini) adalah sunat.

Setelah selesai membacanya, disunatkan pula berdoa memohon perlindungan dengan Allah daripada azab kubur, azab neraka atau berdoa untuk dirinya dengan apa sahaja doa yang dikehendaki dengan syarat doanya itu tidak panjang melebihi kadar bacaan *tasyahhud* akhir dan selawat ke atas Nabi s.a.w..

Al-Imam Muslim (558) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

> *Apabila seseorang kamu selesai daripada tasyahhud akhir, maka hendaklah dia meminta berlindung dengan Allah daripada empat perkara: Dari azab neraka jahannam, azab kubur, fitnah hidup dan mati dan daripada kejahatan al-Masih Dajjal.*

14. Memberi salam yang kedua (sebelah kiri)

Kita telah nyatakan bahawa salam yang pertama adalah rukun iaitu ketika memalingkan muka ke arah kanan. Apabila seseorang melakukannya, bermakna berakhirlah semua rukun dan perkara-perkara yang wajib dalam sembahyang. Walau bagaimanapun dia disunatkan melakukan penambahan iaitu memberi salam yang kedua dalam keadaan berpaling ke arah kiri.

Al-Imam Muslim (582) meriwayatkan daripada Saad r.a. bahawa dia berkata:

> *Aku melihat Rasulullah s.a.w. memberi salam ke kanan dan ke kirinya hingga aku melihat pipinya yang putih.*

Abu Daud (996) dan lainnya meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a.:

> *Nabi s.a.w. memberi salam ke kanan dan ke kirinya hingga kelihatan putih pipinya.* السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

At-Tirmidzi menyatakan: Hadis Ibnu Mas'ud adalah hadis Hasan Sahih.

15. Sentiasa khusyuk di sepanjang sembahyang

Makna *khusyuk* ialah hati sentiasa dalam keadaan sedar dan ingat akan bacaan-bacaan, zikir-zikir dan doa-doa yang diulangi-ulangi oleh lidah disamping men*tadabbur* maknanya dan merasakan bahawa dirinya sedang bermunajat dengan Tuhannya.

Sebenarnya, khusyuk (dengan makna tersebut) mesti wujud pada satu juzuk daripada juzuk-juzuk sembahyang. Apabila seseorang lalai di sepanjang sembahyang (dari awal hingga akhir), maka sembahyangnya batal.

Manakala berterusan dalam keadaan khusyuk di sepanjang sembahyang, ia adalah sunnah yang menyempurnakan.

Imam Muslim (228) meriwayatkan daripada Othman r.a. dia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَا مِنِ امْرِئٍ مُسْلِمٍ تَحْضُرُهُ صَلَاةٌ مَكْتُوبَةٌ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهَا وَخُشُوعَهَا وَرُكُوعَهَا إِلَّا كَانَتْ كَفَّارَةً لِمَا قَبْلَهَا مِنَ الذُّنُوبِ مَا لَمْ يُؤْتِ كَبِيرَةً وَذٰلِكَ الدَّهْرَ كُلَّهُ

Seseorang Muslim, apabila datang waktu sembahyang fardhu lalu dia mengelokkan (menyempurnakan) wudhu'nya, khusyuknya dan rukuknya (sembahyangnya), nescaya ia menjadi kaffarah kepada dosa-dosanya yang lalu (dosa-dosanya diampunkan) selagi dia tidak melakukan ***dosa besar****.* ***Yang demikian itu adalah sepanjang masa.***

Dosa besar ialah seperti bermuamalah dengan riba', minuman arak dan seumpamanya.

Maksud *Yang demikian itu adalah sepanjang masa* ialah dosa-dosanya yang kecil terhapus sepanjang masa disebabkan sembahyang yang berterusan sepanjang hayat kerana sembahyang dilakukan berulang-ulang kali setiap hari.

Inilah di antara sunat-sunat yang kesemuanya dinamakan *sunat haiah*. Sekiranya orang yang bersembahyang meninggalkannya, maka dia tidak disunatkan menampungnya kembali dengan sujud *sahwi*. Berlainan dengan bahagian yang pertama yang dinamakan *sunat ab'ad*. Di mana apabila seseorang yang bersembahyang meninggalkannnya, maka disunatkan dia menggantikannya dengan melakukan sujud *sahwi*.

C. Perkara Sunat Selepas Selesai Mengerjakan Sembahyang

Disunatkan melakukan perkara-perkara berikut selepas bersembahyang:

1. Istighfar, zikir dan doa

   Imam Muslim (591) meriwayatkan:

   Apabila Nabi s.a.w. selesai dari sembahyangnya, Baginda beristighfar kepada Allah (memohon ampun daripada-Nya) sebanyak tiga kali dan Baginda membaca:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, Engkaulah Tuhan as-Salam, Daripada-Mulah al-salam (kedamaian dan keselamatan), Maha Suci Engkau wahai Tuhan yang memiliki kebesaran dan kemuliaan.

Imam diharuskan mengangkat suara ketika berzikir apabila bertujuan mengajar (kepada Makmum) dan apabila mereka telah mempelajarinya, maka Imam hendaklah merendahkan suaranya.

Al-Imam Bukhari (805) dan Muslim (583) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a..

Beliau memberitahu bahawa mengangkat suara ketika berzikir selepas orang ramai selesai mengerjakan sembahyang adalah dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w..

Imam Muslim (596) meriwayatkan daripada Kaab bin Ujrah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

Zikir-zikir (tasbih) yang dibaca berulang-ulang setiap kali selepas sembahyang wajib, tidak akan menjadi sia-sia (akan diberi ganjaran yang besar di sisi Allah Taala): Zikir-zikir tersebut ialah bertasbih tiga puluh tiga kali, bertahmid tiga puluh tiga kali dan bertakbir tiga puluh tiga kali.

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah r.a. (597) disebut:

Dan bertakbir tiga puluh tiga kali, maka jumlahnya sembilan puluh sembilan kemudian dia membaca supaya cukup seratus:

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

(Tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu baginya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya juga puji-pujian, Dia amat berkuasa di atas segala sesuatu.) Akan diampunkan segala dosa-dosanya (dosa kecil) sekalipun sebanyak buih di lautan.

At-Tirmidzi (3470) meriwayatkan, Nabi s.a.w. bersabda:

Sesiapa yang mengucapkan selepas sembahyang Subuh dalam keadaan dia masih melipatkan kakinya (belum beredar) dan belum bercakap:

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

(Tiada tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu baginya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya juga puji-pujian, Dia-lah yang menghidup dan mematikan, Dia amat berkuasa di atas segala sesuatu.) Sebanyak sepuluh kali, maka ditulis untuknya sepuluh kebajikan, dihapuskan darinya sepuluh kejahatan dan diangkatkan untuknya sepuluh darjat dan dia sepanjang hari itu terpelihara daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan dijaga daripada gangguan syaitan.

Abu Daud (1522) meriwayatkan daripada Mu'az bin Jabal r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. memegang tangannya lalu bersabda:

Wahai Mu'az, Demi Allah! Aku kasih kepadamu. Lalu Baginda bersabda lagi: Wahai Muaz! Aku wasiatkan kepada kamu supaya jangan sekali-kali kamu tinggalkan pada setiap kali selepas sembahyang doa:

اللّٰهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

(Ya Allah, bantulah aku untuk mengingati-Mu, mensyukuri-Mu dan melakukan ibadat yang baik kepada-Mu.)

Di sana banyak lagi doa-doa dan zikir-zikir yang boleh dibaca selepas sembahyang secara umumnya dan selepas setiap sembahyang secara khusus yang mana ia dapat diketahui melalui buku-buku hadis dan buku-buku zikir.

2. Berpindah tempat dari tempat sembahyang fardhu ketika hendak menunaikan sembahyang sunat. Ini dilakukan bagi membanyakkan tempat-tempat sujud kerana kesemuanya itu akan menjadi saksi untuknya.

Yang afdhalnya ialah apabila dia sembahyang (fardhu) di masjid, maka sembahyang sunat dilakukan di rumah.

Al-Imam Bukhari (698) dan Muslim (781) meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

فَصَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلَّا الْمَكْتُوْبَةَ

Sembahyanglah kamu wahai manusia di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya sembahyang yang lebih afdhal ialah sembahyang seseorang itu di rumahnya kecuali sembahyang yang diwajibkan.

Imam Muslim (778) meriwayatkan, Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا قَضَى أَحَدُكُمْ صَلَاتَهُ فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَجْعَلْ لِبَيْتِهِ نَصِيبًا مِنْ صَلَاتِهِ فَإِنَّ اللَّهَ جَاعِلٌ مِنْ صَلَاتِهِ خَيْرًا

Apabila seseorang kamu telah selesai sembahyang di masjid, maka dirikanlah juga sembahyang di rumahnya. Sesungguhnya Allah menjadikan dari sembahyangnya itu kebaikan.

3. Apabila mereka (kaum lelaki) sembahyang di masjid dan di belakang mereka terdapat golongan wanita, maka disunatkan kepada kaum lelaki agar tetap duduk di tempat mereka sehinggalah golongan wanita meninggalkan tempat mereka. Ini kerana bercampur dengan mereka adalah perkara yang boleh membawa kepada kerosakan.

Al-Imam Bukhari (828) meriwayatkan daripada Ummu Salamah r.ha.:

Apabila golongan wanita di zaman Rasulullah s.a.w. selesai melakukan sembahyang yang diwajibkan, mereka bangun (meninggalkan tempat sembahyang) sedangkan Rasulullah s.a.w. bersama dengan para sahabat tetap berada di tempat mereka sehingga ke satu waktu yang dikehendaki Allah s.w.t.. Kemudian apabila Rasulullah s.a.w. bangun, maka sahabat-sahabat pun bangun.

Menurut satu riwayat juga daripada Ummu Salamah, dia berkata:

Apabila Rasulullah s.a.w. memberi salam, maka kaum wanita bangun apabila Baginda selesai memberi salam. Baginda duduk sekejap di tempat duduknya sebelum Baginda berdiri.

Ibnu Shihab al-Zuhri salah seorang perawi menyatakan: Kami berpendapat bahawa ini dilakukan supaya golongan wanita sempat meninggalkan tempat mereka sebelum golongan lelaki dapat bertemu mereka.

PERKARA MAKRUH KETIKA SEMBAHYANG

Kaedah

Setiap perkara yang berlawanan dengan sunnah yang telah disebut dalam perbincangan yang lalu adalah termasuk dalam lingkungan perkara makruh.

Makruh ialah semua perkara yang jika ditinggalkan oleh orang yang bersembahyang kerana patuh kepada perintah Allah akan diberi pahala dan tidak berdosa jika dia melakukannya.

Oleh itu meninggalkan takbir ketika berpindah dari satu rukun kepada rukun yang lain adalah makruh kerana bertakbir ketika itu adalah disunatkan. Begitu juga meninggalkan bacaan doa *Iftitah* hukumnya adalah makruh kerana membacanya adalah sunat. Walau bagaimanapun di sana ada beberapa keadaan tertentu yang disunatkan supaya menjauhinya dan makruh bagi orang yang sembahyang melakukannya. Di antara perkara-perkara tersebut ialah:

1. Memalingkan Tengkok ketika Sembahyang Kecuali Kerana Keperluan

Abu Daud (909) dan lainnya meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

لَا يَزَالُ اللّٰهُ عَزَّ وَجَلَّ مُقْبِلًا عَلَى الْعَبْدِ وَهُوَ فِي صَلَاتِهِ مَا لَمْ يَلْتَفِتْ فَإِذَا الْتَفَتَ انْصَرَفَ اللّٰهُ عَنْهُ

Allah Azzawajalla sentiasa mengadap hamba-Nya secara berdepan ketika sembahyang selagi hamba-Nya tidak berpaling. Sekiranya hamba-Nya berpaling, maka Allah berpaling daripadanya.

Nabi s.a.w. telah menjelaskan hakikat berpaling dalam hadis riwayat Bukhari (718):

هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ

Ia adalah suatu bentuk kecurian yang dilakukan oleh syaitan terhadap sembahyang seseorang hamba.

Ia (berpaling) dihukum makruh kerana berlawan dengan keadaan khusyuk yang dituntut dalam sembahyang. Sekiranya di sana ada faktor yang membawa kepada perlunya berpaling seperti memerhatikan musuh, maka ia tidak makruh. Dalilnya ialah hadis riwayat Abu Daud (916) dengan sanad yang sahih daripada Sahl bin Hanzoliah katanya:

Setelah diiqamah untuk sembahyang Subuh, Rasulullah s.a.w. bersembahyang dalam keadaan Baginda berpaling ke satu lorong.

Abu Daud menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan seorang tentera berkuda ke suatu lorong pada waktu malam bagi tujuan berkawal.

Hukum makruh ini berlaku jika berpaling berlaku dengan tengkok, sekiranya ia berlaku dengan dada lalu berpaling dari arah kiblat, maka sembahyangnya batal kerana meninggalkan rukun mengadap kiblat.

Manakala berkerling dengan mata tanpa berpaling, maka ia tidak mengapa.

Ibnu Hibban (500) menyebut dalam sahihnya tentang hadis Ali bin Syaiban r.a. bahawa dia berkata:

Kami datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu kami bersembahyang bersama Baginda. (Ketika bersembahyang) Baginda telah berkerling dengan hujung matanya kepada seorang lelaki yang tidak membetulkan sulbinya (belakangnya) ketika rukuk dan sujud. Lalu Baginda s.a.w. bersabda: Tidak ada sembahyang bagi orang yang tidak membetulkan belakangnya (tidak bertomakninah ketika rukuk).

2. Mengangkat Pandangan ke Atas

Al-Bukhari (717) meriwayatkan daripada Anas r.a., Nabi s.a.w. bersabda:

مَا بَالُ أَقْوَامٍ يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي صَلَاتِهِمْ؟ ثُمَّ قَالَ لَيَنْتَهُنَّ عَنْ ذٰلِكَ أَوْ لَتُخْطَفَنَّ أَبْصَارُهُمْ

Apakah gerangannya kaum-kaum yang mengangkat pandangan mereka ke atas ketika bersembahyang? Kemudian Baginda menyambung lagi: Sama ada mereka berhenti daripada berbuat demikian atau disambar pandangan-pandangan mereka.

Imam Muslim (428 & 429) juga meriwayatkan hadis seumpama itu daripada Jabir bin Samrah dan Abi Hurairah r.a.

3. Bermain-main dengan Rambut (Mengurai-uraikannya) dan Menyinsing Hujung Baju (seperti lengan) ketika Sembahyang

Al-Bukhari (777) dan Muslim meriwayatkan (lafaz Muslim) daripada Nabi s.a.w. sabdanya:.

أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ وَلَا أَكُفَّ ثَوْبًا وَلَا شَعْرًا

Aku diperintah supaya sujud di atas tujuh anggota dan aku tidak bermain-main pakaian dan mengurai-uraikan rambut.

Menurut As-Sunnah, pakaian yang dipakai hendaklah dilepaskan sebagaimana asalnya.

4. Sembahyang ketika Makanan telah Dihidangkan yang mana Hatinya Teringin Memakannya

Hukumnya makruh kerana hatinya tertumpu kepada makanan tersebut yang menyebabkan hilangnya khusyuk ketika sembahyang.

Al-Bukhari (642) dan Muslim (559) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا وُضِعَ عَشَاءُ أَحَدِكُمْ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَابْدَءُوا بِالْعَشَاءِ وَلَا يَعْجَلْ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهُ

Apabila makanan malam seseorang kamu telah dihidangkan, di waktu yang sama sembahyang hendak didirikan, maka mulakan dengan makan dan janganlah dia gopoh (untuk pergi sembahyang) hingga selesai memakannya.

5. Sembahyang dalam Keadaan Menahan Kencing dan Air Besar

Ini disebabkan dia tidak mungkin dapat khusyuk dan menghadirkan dirinya yang merupakan hak sembahyang yang perlu diberikan.

Imam Muslim (560) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ الأَخْبَثَانِ

Tidak sempurna sembahyang di hadapan makanan dan dalam keadaan dia menahan daripada kencing dan buang air besar.

6. Sembahyang dalam Keadaan Terlalu Mengantuk

Ini kerana keadaan tersebut tidak menjamin bacaan yang betul dan boleh membawa kepada lupa ketika sembahyang.

Al-Bukhari (209) dan Muslim (786) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ يُصَلِّي فَلْيَرْقُدْ حَتَّى يَذْهَبَ عَنْهُ النَّوْمُ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى وَهُوَ نَاعِسٌ لَعَلَّهُ يَذْهَبُ يَسْتَغْفِرُ فَيَسُبُّ نَفْسَهُ

Apabila seseorang kamu rasa mengantuk sedangkan dia ingin sembahyang maka hendaklah dia tidur terlebih dahulu hingga hilang mengantuknya. Sesungguhnya seseorang kamu apabila sembahyang dalam keadaan mengantuk, boleh jadi dia ingin beristighfar tapi dia mencaci dirinya sendiri.

7. Sembahyang di Tempat Berikut

Bilik air, jalan, pasar, kawasan perkuburan, gereja, tempat sampah, tempat unta duduk. Ini kerana sesetengah tempat tersebut dibimbangi terdapat najis dan sesetengahnya pula boleh menyebabkan tidak khusyuk.

Dalil sembahyang dilarang didirikan di tempat-tempat tersebut, At-Tirmidzi (346) meriwayatkan:

Nabi s.a.w. telah melarang daripada bersembahyang di tempat buangan sampah, tempat sembelihan, kawasan

perkuburan dan kawasan laluan di tengah jalan, di bilik air, tempat-tempat unta duduk dan di atas Ka'bah.

At-Tirmidzi menyatakan: Sanad hadis ini tidak terlalu kuat.

Dan telah sahih satu hadis di sisi Ibnu Hibban yang menyebut:

الْأَرْضُ مَسْجِدٌ إِلَّا الْمَقْبَرَةَ وَالْحَمَّامَ

Bumi itu adalah masjid kecuali kawasan perkuburan dan bilik air.

Begitu juga sebuah hadis yang lain yang juga sahih di sisinya (Ibnu Hibban) yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi (348) dan lainnya:

لَا تُصَلُّوا فِي أَعْطَانِ الْإِبِلِ

Jangan kamu bersembahyang di tempat unta berbaring yang berdekatan dengan air.

PERBEZAAN ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN DALAM SEMBAHYANG

Perempuan disunatkan berbeza dengan lelaki dalam lima perkara.

1. Menghimpunkan/merapatkan sesetengah anggota dengan yang lain ketika sujud. Iaitu dengan merapatkan kedua siku kepada dua rusuk ketika sujud dan merapatkan perut dengan kedua peha. Keadaan ini berbeza dengan lelaki yang disunatkan supaya merenggangkan dua sikunya dari dua rusuk dan mengangkat perutnya dari kedua pehanya.

   Al-Baihaqi (2/232) meriwayatkan:

   Nabi s.a.w. telah berjalan di kawasan dua orang perempuan yang sedang bersembahyang, lalu Baginda bersabda: Apabila kamu berdua sujud, maka himpunkan/rapatkan sesetengah daging (anggota) ke bumi, sesungguhnya perempuan dalam masalah tersebut tidak sama dengan lelaki.

2. Perempuan hendaklah merendahkan suaranya di khalayak lelaki yang bukan mahramnya. Oleh itu dia tidak boleh menyaringkan bacaan dalam sembahyang yang dibaca dengan nyaring kerana dibimbangi berlaku fitnah. Firman Allah Taala:

   فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِۦ مَرَضٌ

   Dan janganlah kamu bercakap dengan lemah lembut (lunak) sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya (fasik dan kurang warak).

   (Ahzab: 32)

Ini menunjukkan bahawa suara perempuan itu kadang-kadang boleh membangkitkan fitnah. Oleh itu dia dituntut supaya merendahkan suara ketika di khalayak lelaki yang bukan mahramnya.

Ini berbeza dengan lelaki. Lelaki disunatkan membaca dengan kuat/nyaring ketika sembahyang pada sembahyang yang dibaca dengan nyaring.

3. Apabila berlaku sesuatu kepada seseorang perempuan ketika sembahyang dan dia ingin menyedarkan/memberitahu seseorang di sekelilingnya bagi sesuatu perkara, maka dia hendaklah menepuk dengan memukul belakang tapak tangan kirinya menggunakan tangan kanannya.

Manakala bagi lelaki apabila berlaku sesuatu di dalam sembahyang, dia disunatkan bertasbih dengan suara yang tinggi, bukan dengan niat *tanbih* (memberi ingat).

Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Sahl bin Sa'ad r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

Barangsiapa yang merasa ragu terhadap sesuatu perkara (yang perlu diingatkan) ketika sembahyang, maka hendaklah dia bertasbih, kerana sesungguhnya apabila dia bertasbih, perkara yang diragukan itu akan diberikan perhatian. Manakala menepuk tangan hanyalah bagi golongan perempuan. (Iaitu dengan memukul belakang tapak tangan kiri dengan tapak tangan kanan).

4. Seluruh badan perempuan adalah aurat, kecuali muka dan kedua tapak tangannya sebagaimana yang telah dijelaskan. Firman Allah Taala:

Dan janganlah mereka itu (perempuan-perempuan) menampakkan ***perhiasan*** *mereka kecuali* ***apa yang zahir daripadanya****.*

Yang mahsyur di sisi jumhur ialah yang dimaksudkan dengan *perhiasan* ialah anggota-anggotanya dan yang dimaksudkan dengan *apa yang zahir daripadanya* ialah muka dan dua tapak tangan. Pendapat ini diriwayatkan oleh Ibnu Kathir (3/283).

Abu Daud (640) dan lainnya meriwayatkan daripada Ummu Salamah r.ha. bahawa ia telah bertanya Nabi s.a.w.:

Adakah seseorang perempuan itu boleh sembahyang dalam keadaan memakai baju dan tudung kepala tetapi tidak

memakai kain sarung? Jawab Rasulullah s.a.w.: Boleh, jika pakaiannya (bajunya) itu panjang/labuh hingga menutup zahir (bahagian atas) kedua kakinya.

Jelaslah di sini bahawa apabila pakaian itu menutup zahir (bahagian atas) kedua kakinya ketika berdiri dan rukuk, ia pasti akan tertutup ketika sujud dan juga menutup tapak kakinya disebabkan berhimpunnya/rapatnya setengah anggota dengan setengah yang lain ketika sujud.

(Lihat perbahasan tentang syarat-syarat sembahyang)

Manakala aurat lelaki adalah di antara pusat dan lutut, di mana jika dia sembahyang dalam keadaan hanya menutup antara pusat dan lutut, maka sah sembahyangnya:

Al-Daruqatni (1/231) dan Al-Baihaqi (2/229) meriwayatkan secara *marfu'*:

Apa yang di atas dua lutut adalah aurat dan apa yang di bawah pusat adalah aurat.

Al-Bukhari (346) meriwayatkan daripada Jabir r.a.:

Dia (Jabir) sembahyang dengan memakai satu pakaian/ baju dan dia menyatakan: Aku melihat Rasulullah s.a.w. sembahyang dengan satu baju/pakaian.

Dalam riwayat yang lain (345) disebut:

Jabir telah bersembahyang dengan memakai satu ***kain*** *yang diikat dari arah tengkoknya.*

Kebiasaannya kalimah *kain* (dalam hadis disebut *izar*) adalah bermaksud pakaian yang menutup pertengahan badan iaitu di antara pusat dan lutut dan kawasan yang berhampiran dengannya.

5. Perempuan disunatkan *iqamah* tetapi tidak disunatkan azan. Walau bagaimanapun, sekiranya dia melakukan azan dengan suara yang perlahan, maka tidak makruh, dan azan tersebut dikira sebagai zikir yang diberi pahala kepadanya. Jika diangkat suaranya ketika azan, maka ianya makruh dan menjadi haram sekiranya dibimbangi berlaku fitnah.

Perkara ini berlainan dengan lelaki. Sebagaimana yang telah anda ketahui bahawa azan adalah disunatkan kepada lelaki ketika menunaikan sembahyang fardhu.

PERKARA YANG MEMBATALKAN SEMBAHYANG

Sembahyang menjadi batal apabila seseorang yang sembahyang melakukan salah satu daripada perkara berikut:

1. Bercakap dengan Sengaja

Maksudnya ialah selain daripada Al-Quran, zikir dan doa.

Al-Bukhari (4260) dan Muslim (539) meriwayatkan daripada Zaid bin Arqam r.a. bahawa dia berkata:

> *Kami dahulunya bercakap di dalam sembahyang. Seorang daripada kami bercakap berkenaan dengan hajatnya kepada saudaranya sehinggalah Allah menurunkan ayat yang bermaksud: Peliharalah kamu semua sembahyang-sembahyang (mu) dan sembahyang wusto (menurut setengah ulama' maksudnya ialah sembahyang Asar) dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyangmu) dengan khusyuk. (Al-Baqarah: 238). Dengan turunnya ayat ini, kami diperintahkan supaya diam.*

Imam Muslim (537) meriwayatkan daripada Muawiyah bin Hakim Al-Sulami r.a.:

> *Nabi s.a.w. telah menegurnya setelah dia mendoakan kebaikan untuk orang yang bersin ketika sembahyang, dengan sabdanya: Sesungguhnya sembahyang ini, tidak sesuai dimasuki oleh sesuatupun daripada percakapan manusia, sesungguhnya ia hanyalah untuk tasbih, takbir dan bacaan Al-Quran.*

Percakapan yang dikira membatalkan sembahyang ialah percakapan yang terdiri daripada dua huruf atau lebih sekalipun tidak difahami maknanya dan juga perkataan dari satu huruf yang

difahami maknanya seperti kalimah (قِ) yang memberi makna perintah supaya pelihara atau berjaga-jaga, (عِ) dengan makna sedarlah, dan (فِ) dengan makna tunaikan.

Sekiranya dia bercakap kerana terlupa bahawa dia dalam keadaan bersembahyang atau dia jahil berhubung dengan pengharamanya disebabkan baru mengenali Islam, maka dia dimaafkan dengan syarat percakapan itu adalah sekejap/sedikit yang tidak melebihi enam perkataan.

2. Perbuatan/Pergerakan yang Banyak

Yang dimaksudkan dengannya ialah perbuatan yang berlawanan dengan perbuatan sembahyang dengan syarat perbuatan tersebut banyak dan berturut-turut. Ini kerana ia berlawanan dengan peraturan sembahyang itu sendiri.

Ukuran/had yang dikatakan banyak itu ialah: Tiga pergerakan atau lebih. Dan ukuran yang dikatakan berturut-turut itu adalah berdasarkan *uruf* iaitu pandangan umum. Sekiranya pergerakannya sebanyak 3 kali atau lebih dan *uruf* menganggapnya berturut-turut maka sembahyangnya batal.

3. Baju atau Badan yang Terkena Najis

Yang dimaksudkan dengan terkena najis ialah najis tersebut menimpa/mengenai sedikit dari baju atau badan orang yang sembahyang, kemudian dia tidak membuangnya dengan segera. Ketika itu sembahyangnya batal kerana ia adalah hadas yang berlawanan dengan syarat sah sembahyang iaitu badan dan pakaian yang suci daripada najis.

Sekiranya najis mengenainya melalui tiupan angin atau seumpamanya dan dia boleh membuangnya dengan segera kerana najis tersebut kering, maka sembahyangnya tidak batal.

4. Aurat Terbuka

Anda telah mengetahui aurat lelaki dan perempuan ketika sembahyang. Jika auratnya didedahkan dengan sengaja, maka sembahyangnya batal secara mutlak. Tetapi jika auratnya terbuka tanpa sengaja, maka sembahyangnya tidak batal sekiranya dia segera menutupnya, dan batal sekiranya tidak menutupnya dengan segera. Ini kerana ketiadaan syarat yang menjadi sebahagian daripada sembahyang (iaitu menutup aurat).

5. Makan dan Minum

Ini kerana kedua-duanya berlawanan dengan keadaan dan peraturan sembahyang. Kadar makanan dan minuman yang membatalkan sembahyang bagi yang sengaja melakukannya ialah mana-mana kadar sekalipun, walaupun sedikit. Manakala bagi yang tidak sengaja maka disyaratkan makanan itu adalah banyak menurut pandangan umum.

Para ulama fikah telah menyatakan bahawa kadar banyak ialah apabila keseluruhannya itu sampai kadar sebiji kacang. Sekiranya terdapat saki baki makanan di celah-celah giginya lalu dia tertelan bersama air liurnya tanpa sengaja, maka sembahyangnya tidak batal.

Sekiranya pada mulutnya ada gula dan ia cair serta mengalir sedikit ke dalam mulutnya. Lalu dia menelannya, maka ia termasuk dalam makanan yang membatalkan sembahyang.

6. Berhadas Sebelum Salam yang Pertama

Keadaan ini tidak ada perbezaan sama ada sengaja atau terlupa kerana hilangnya syarat sah sembahyang iaitu suci daripada hadas sebelum sempurna rukun-rukunnya.

Sekiranya dia berhadas selepas salam pertama dan sebelum salam yang kedua, maka sembahyangnya telah sempurna dan sah. Ini merupakan ijmak (sepakat) seluruh ulama.

7. Berdehem, Ketawa, Menangis dan Mengerang Sakit

Semuanya ini membatalkan sembahyang jika jelas dari setiap perbuatan tersebut dua huruf.

Ukuran sama ada batal atau tidak sembahyang hasil daripada perbuatan di atas ialah apabila jelas daripadanya dua huruf, sekalipun tidak difahami.

Semua ini berkaitan dengan perbuatan yang sengaja dilakukan. Sekiranya tidak disengajakan seperti batuk dengan tiba-tiba atau rasa ketawa telah menguasai dirinya maka tidak batal sembahyangnya. Manakala senyum pula, ia tidak membatalkan sembahyang.

Berhubung dengan zikir dan doa, sekiranya ia bertujuan (berniat) menujukan percakapannya itu kepada manusia maka batal

sembahyangnya. Seperti dia mendoakan kepada kawannya yang bersin: *YarhamukalLah* (semoga Allah merahmatimu). Ini kerana ia dianggap sebagai percakapan manusia sedangkan sembahyang tidak layak dimasuki oleh percakapan manusia, sebagaimana yang anda ketahui.

8. Mengubah Niat

Maksudnya ialah orang yang bersembahyang berazam untuk berhenti bersembahyang atau dia mengaitkan berhenti melakukan sembahyang dengan sesuatu perkara seperti kedatangan seseorang atau seumpamanya. Sekiranya berlaku sedemikian maka sembahyangnya batal, sebaik sahaja datangnya qasad tersebut (niat untuk berhenti sembahyang).[1]

Sebab batal sembahyang ialah kerana sembahyang tidak sah melainkan dengan niat yang *jazim* (putus dan muktamad), sedangkan niat atau azam sebagaimana di atas adalah bertentangan dengan niat yang *jazim*.

9. Membelakangkan Kiblat

Ini kerana mengadap kiblat adalah satu syarat utama dan asasi dalam sembahyang. Sembahyang tetap batal sama ada perbuatan tersebut berlaku dengan sengaja atau dia dipusingkan oleh seseorang secara paksaan. Walau bagaimanapun perbuatan yang sengaja akan terus membatalkan sembahyangnya. Manakala ketika dipaksa, sembahyangnya tidak batal kecuali dia berpaling daripada kiblat dalam satu jangka masa. Oleh itu sekiranya dia kembali berpusing ke kiblat dengan segera maka sembahyangnya tidak batal. Dalam menentukan jangka masa berpaling yang menjadikan seseorang masih dianggap mengadap ke arah kiblat atau tidak adalah terserah kepada *uruf* (pandangan umum).

---

1 Contohnya dia berniat ketika *takbiratul ihram* sekiranya si fulan datang ketika aku masih sembahyang maka aku akan berhenti dari sembahyang (Pent.).

SUJUD SAHWI

Makna

Erti *sahwi* dari segi bahasa ialah lupa dan lalai terhadap sesuatu.

Maksud *sahwi* disini ialah: Kecacatan/kekurangan yang berlaku kepada orang yang bersembahyang dalam sembahyangnya sama ada dengan sengaja atau terlupa. Sujud *sahwi* ini dilakukan untuk menampung kekurangan/kecacatan yang telah berlaku. Ia dilakukan di akhir sembahyang.

Hukum Sujud Sahwi

Hukumnya ialah sunat ketika berlakunya sebab-sebab yang akan kita bincangkannya nanti. Sekiranya dia tidak sujud, sembahyangnya tidak batal. Sujud *sahwi* tidak wajib kerana ia tidak diperintah melakukannya disebabkan meninggalkan perkara-perkara wajib sebagaimana yang akan kita lihat nanti.

Dalil ia disyariatkan ialah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1169) daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

> *Nabi telah bersembahyang Zohor atau Asar bersama-sama dengan kami. Lalu tiba-tiba Baginda memberi salam (iaitu setelah dua rakaat). Maka Zul Yadain bertanya: Wahai Rasulullah, adakah sembahyang telah berkurang (rakaatnya)? Nabi s.a.w. pun bertanya: Adakah benar apa yang dia perkatakan? Jawab para sahabat: Ya. Lalu Rasulullah s.a.w. menambah dua rakaat lagi. Kemudian Baginda sujud sebanyak dua kali.*

Dalil-dalil lain akan disebut dalam masalah-masalah berikutnya:

Sebab-sebab Sujud Sahwi

1. Orang yang bersembahyang meninggalkan sebahagian sunat-sunat ab'ad sebagaimana yang telahpun kita sebutkan sebelum ini seperti bacaan *tasyahhud* awal dan qunut.

Al-Bukhari (1166) dan Muslim (570) meriwayatkan daripada Abdullah bin Buhainah r.a. bahawa dia berkata:

> *Kami sembahyang bersama-sama Rasulullah s.a.w. Pada rakaat kedua di sesetengah sembahyang, Baginda terus berdiri dan tidak duduk, lalu orang ramai berdiri bersama-sama Baginda (dalam riwayat lain, Baginda bangun ketika rakaat kedua sembahyang Zohor). Apabila hampir selesai sembahyangnya, kami menunggu-nunggu salamnya, tiba-tiba Baginda bertakbir sebelum memberi salam untuk sujud dengan dua kali sujud, kemudian baru Baginda memberi salam.*

Ibnu Majah (1208) dan Abu Daud (1036) dan lainnya meriwayatkan daripada Al-Mughirah bin Syu'bah, dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ مِنَ الرَّكْعَتَيْنِ فَلَمْ يَسْتَتِمَّ قَائِمًا فَلْيَجْلِسْ فَإِذَا اسْتَتَمَّ قَائِمًا فَلاَ يَجْلِسْ وَيَسْجُدُ سَجْدَتَي السَّهْوِ

> *Apabila seseorang kamu bangun dari rakaat kedua sedangkan dia masih belum berdiri dengan sempurna maka hendaklah dia duduk kembali (untuk baca tasyahhud awal). Dan apabila dia telah berdiri dengan sempurna maka jangan duduk dan hendaklah sujud sahwi dengan dua kali sujud.*

2. Berlaku keraguan pada bilangan rakaat yang telah dilakukan.

Ketika ini, hendaklah mengambilkira bilangan yang sedikit, dan sempurnakan rakaat yang masih berbaki kemudian sujud *sahwi*. Ini dilakukan sebagai tampungan kerana kemungkinan dia telah menambah bilangan rakaat sembahyangnya.

Dengan itu, sekiranya dia syak dalam sembahyang Zohornya; Adakah dia telah sembahyang tiga rakaat atau empat rakaat, sedangkan dia masih dalam sembahyangnya, maka dia hendaklah mengandaikan bahawa dia sembahyang tiga rakaat (pilih yang kurang) dan hendaklah ditambah satu rakaat lagi. Kemudian dia

hendaklah sujud *sahwi* sebagai tampungan, kerana kemungkinan dia telah sembahyang lima rakaat.

Imam Muslim (571) meriwayatkan daripada Abi Said r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

> *Apabila seseorang kamu merasa ragu dalam sembahyangnya dan dia tidak mengetahui berapakah rakaat yang telah dilakukan; tiga atau empat, maka hendaklah dia mencampakkan (menghilangkan) perasaan ragunya dan dia hendaklah mengambil apa yang diyakini (iaitu memilih tiga rakaat kerana itu yang diyakini) kemudian sujud dengan dua kali sujud sebelum memberi salam. Sekiranya dia bersembahyang lima rakaat maka rakaat tambahan itu menjadikan sembahyangnya genap untuknya (sebagaimana sepatutnya). Sekiranya sembahyangnya cukup empat rakaat, maka sujudnya itu adalah tekanan dan penghinaan kepada syaitan.*

Sekiranya keraguan seperti di atas berlaku setelah selesai sembahyang, maka sesungguhnya keraguan tersebut tidak memberi apa-apa kesan kepada kesempurnaan dan sahnya sembahyang yang didirikan. Kecuali jika dia ragu pada rukun niat dan *takbiratul ihram*. Maka keadaan itu mewajibkannya melakukan semula sembahyang tersebut.

Kelupaan Makmum yang mengikut Imam seperti lupa membaca *tasyahhud* awal adalah ditanggung oleh Imam dan dia tidak perlu sujud *sahwi* selepas Imam memberi salam.

Dalilnya: Hadis riwayat Ibnu Hibban dan dia telah mensahihkannya (362):

الإِمَامُ ضَامِنٌ

Imam itu adalah Penjamin

3. Melakukan perbuatan yang dilarang kerana terlupa, di mana perbuatan tersebut akan membatalkan sembahyang jika dilakukan dengan sengaja.

Contohnya: Bercakap dengan beberapa kalimah atau menambah satu rakaat dalam keadaan terlupa, kemudian dia teringat kembali ketika masih dalam sembahyang, maka dia hendaklah sujud *sahwi*.

4. Melakukan perbuatan sembahyang sama ada satu rukun yang sempurna atau sebahagiannya atau membaca surah bukan pada tempatnya ketika ia masih bersembahyang.

Contohnya: Ia membaca Fatihah ketika duduk *tasyahhud* atau membaca Qunut ketika rukuk atau membaca surah yang disunatkan selepas Fatihah ketika I'tidal, ketika itu disunatkan supaya sujud *sahwi* di akhir sembahyangnya.

Cara Melakukan Sujud Sahwi dan Tempatnya

Sujud *Sahwi* adalah dua sujud seperti sujud-sujud yang lain. Orang yang bersembahyang hendaklah berniat sujud *sahwi* ketika melakukannya.

Tempatnya ialah di akhir sembahyang sebelum salam. Sekiranya dia memberi salam sebelum sujud sama ada sengaja atau terlupa dan tempoh pemisahan antara memberi salam dan selepasnya telah lama, maka luputlah tuntutan sujud daripadanya (dia tidak boleh lagi melakukannya semula).

Sekiranya tempoh pemisahan itu masih pendek, maka boleh melakukan semula sujud tersebut dengan sujud dua kali sambil berniat sujud *Sahwi* kemudian dia memberi salam buat kali kedua.

SUJUD TILAWAH

Disunatkan Sujud *Tilawah* bagi orang yang membacanya (ayat al-Quran yang disunatkan sujud *tilawah*) sama ada ketika sembahyang atau di luar sembahyang. Ia juga disunatkan kepada orang yang mendengar di luar sembahyang.

Dalil: Al-Bukhari (1025) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

Nabi s.a.w. membaca kepada kami satu surah yang terdapat padanya ayat Sajadah. Lalu Baginda sujud dan kami turut sujud sehingga seorang dari kami tidak mendapati tempat letak dahinya.

Menurut riwayat Abu Daud (1413), Ibnu Umar menyatakan:

Nabi s.a.w. membaca kepada kami Al-Quran, apabila Baginda membaca ayat Sajadah, Baginda terus bertakbir dan sujud, lalu kami sujud bersama-sama Baginda.

Imam Muslim (81) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. dan Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

إِذَا قَرَأَ ابْنُ آدَمَ السَّجْدَةَ فَسَجَدَ اعْتَزَلَ الشَّيْطَانُ يَبْكِي يَقُولُ يَا وَيْلَهُ أُمِرَ ابْنُ آدَمَ بِالسُّجُودِ فَسَجَدَ فَلَهُ الْجَنَّةُ وَأُمِرْتُ بِالسُّجُودِ فَعَصَيْتُ فَلِيَ النَّارُ

Apabila anak Adam membaca ayat Sajdah, lalu dia sujud, maka syaitan akan menjauhkan diri daripadanya dalam keadaan menangis sambil berkata: Wahai Celaka dan binasalah, anak Adam diperintah supaya sujud, lalu dia sujud maka baginya Syurga dan aku juga diperintah supaya sujud lalu aku mengingkarinya maka bagiku api neraka.

Al-Bukhari (1027) meriwayatkan daripada Umar r.a. katanya:

> *Wahai manusia, sesungguhnya kita akan melalui ayat Sajdah. Oleh itu barangsiapa yang sujud dia mendapat pahala dan sesiapa yang tidak sujud, tidak berdosa.*

Menurut satu riwayat daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

> *Sesungguhnya Allah tidak memfardhukan sujud kepada kita. Melainkan jika kita menghendakinya.*

Bilangan Sujud Tilawah

Bilangan Sujud Tilawah yang terdapat dalam Al-Quran ialah 14 sujud. Ia terdapat dalam surah-surah berikut: Satu ayat dalam surah Al-A'raf, Al-Ra'd, Al-Nahl, Al-Isra', Maryam, Al-Furqan, Al-Naml, Alif Lam Mim Tanzil, Haa Mim Sajdah, Al-Najm, Al-Insyiqaq, Al-Alaq dan dua ayat dalam surah Al-Haj.

Sesiapa yang ingin melakukan Sujud *Tilawah* maka hendaklah ber*takbiratul Ihram* dalam keadaan mengangkat kedua tangannya. Kemudian dia bertakbir sekali lagi untuk turun sujud tanpa mengangkat tangan dan dia sujud sebagaimana sujud-sujud yang lain dalam sembahyang dengan sekali sujud, kemudian memberi salam (setelah bangkit dari sujud).

Takbiratul Ihram dan memberi salam adalah dua syarat yang diisyaratkan ketika sujud. Dan disyaratkan juga semua perkara yang disyaratkan dalam sembahyang seperti bersuci, mengadap ke kiblat dan lain-lain.

SEMBAHYANG BERJEMAAH

Tarikh Sembahyang Berjamaah Didirikan

Nabi s.a.w. mendirikan sembahyang secara berjemaah selepas berhijrah ke Madinah. Baginda tinggal di Makkah selama 13 tahun dalam keadaan sembahyang secara tidak berjemaah kerana para sahabat berada dalam keadaan ditekan. Mereka hanya bersembahyang di rumah-rumah mereka. Apabila Baginda berhijrah ke Madinah, Baginda mendirikannya secara berjamaah dan Baginda melakukannya secara berterusan (tidak meninggalkannya).

Hukum Sembahyang Berjamaah

Pendapat yang sahih berkenaan hukum sembahyang berjemaah (kecuali sembahyang Jumaat) adalah fardhu *kifayah*. Oleh itu kefarduan tersebut tidak akan terlepas daripada penduduk sesebuah pekan (*Ahlul Baldah*) melainkan setelah ia didirikan dengan jelas. Sekiranya ia tidak didirikan sama sekali atau didirikan dalam keadaan bersembunyi, maka semua penduduk tersebut berdosa dan pemerintah wajib memerangi mereka.

Dalil ia disyariatkan ialah Firman Allah Taala:

وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلْتَقُمْ طَآئِفَةٌ مِّنْهُم مَّعَكَ

Dan apabila kamu berada di tengah-tengah mereka (dari kalangan sahabatmu) lalu kamu hendak mendirikan sembahyang bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan dari mereka berdiri (sembahyang) bersamamu.

Ayat ini adalah ayat yang berkenaan dengan sembahyang dalam keadaan takut. Sekiranya terdapat perintah supaya sembahyang secara berjemaah walaupun dalam keadaan takut maka melakukannya dalam keadaan aman adalah lebih *aula* (utama).

Al-Bukhari (618) dan Muslim (650) meriwayatkan hadis:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Sembahyang berjemaah melebihi sembahyang seorang diri dengan dua puluh tujuh darjat.

Abu Daud (547) dan Ibnu Hibban (425) mensahihkannya dan selainnya juga meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمُ الْجَمَاعَةُ إِلَّا قَدِ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَعَلَيْكَ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذِّئْبُ الْقَاصِيَةَ

Tiga orang yang berada dalam suatu kampung atau pedalaman yang tidak didirikan jamaah di kalangan mereka, maka ***syaitan akan menguasai mereka****. Oleh itu hendaklah kamu bersama jemaah, sesungguhnya serigala itu hanya akan memakan kambing yang terpencil.*

Maksud *syaitan akan menguasai mereka* ialah syaitan mengalah dan menguasai mereka serta mengajak mereka kepadanya (syaitan).

Hikmah Disyariatkan

Sesungguhnya panji-panji Islam hanya akan bangkit di atas dasar perkenalan sesama muslim, persaudaraan dan tolong menolong sesama mereka untuk menyatakan kebenaran dan menghapuskan kebatilan. Tidak ada lapangan yang lebih baik yang akan menyempurnakan perkenalan serta persaudaraan mereka, selain daripada lapangan masjid. Iaitu ketika orang-orang Islam dapat bertemu sesama mereka untuk mendirikan sembahyang secara berjemaah sebanyak lima kali setiap hari.

Walaupun kepentingan dan kemaslahatan dunia boleh memecahbelahkan mereka dan boleh mencetuskan perasaan hasad dengki sesama mereka, sesungguhnya pertemuan secara berterusan dalam menunaikan sembahyang secara berjemaah merupakan suatu perkara yang boleh memecahkan tembok yang membeza dan memecahbelahkan mereka serta menghilangkan hasad dengki dan segala penyakit daripada hati mereka. Ini akan berlaku sekiranya mereka benar-benar beriman kepada Allah dan bukannya menjadi orang munafik yang menunjuk-nunjuk dan bermegah dengan sembahyang, ibadat dan pergi ke masjid.

Beberapa Keuzuran yang Dibenarkan Syarak

Keuzuran untuk tidak melakukan sembahyang secara berjamaah yang dibenarkan oleh syarak terbahagi kepada dua bahagian:

i) Keuzuran umum

ii) Keuzuran khusus

Keuzuran Umum

Keuzuran umum seperti hujan, angin yang kuat pada waktu malam dan jalan yang terlalu becak dan berlumpur.

Telah diriwayatkan bahawa Ibnu Umar r.a. telah melaungkan azan pada suatu malam yang sejuk dan berangin (diriwayatkan oleh Al-Bukhari (635) dan Muslim (697)), kemudian beliau berkata: Bersembahyang di rumah kamu. Kemudian beliau menyambung lagi: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menyuruh muazzin supaya berkata (apabila malam menjadi sejuk dan hujan): Bersembahyanglah di rumah kamu.

Anda pasti mengetahui bahawa keuzuran-keuzuran ini jarang sekali berlaku pada hari ini melainkan di kampung-kampung, bahkan di kampung pun hanya sebahagiannya sahaja.

Keuzuran Khusus

Keuzuran yang khusus seperti sakit, keadaan yang terlalu lapar dan dahaga, takut kepada orang yang akan melakukan kezaliman ke atas diri dan hartanya dan ketika menahan diri daripada berlaku hadas (kecil) disebabkan kencing dan buang air besar.

Al-Bukhari (642) dan Muslim (559) meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا وُضِعَ عَشَاءُ أَحَدِكُمْ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَابْدَءُوا بِالْعَشَاءِ وَلَا يَعْجَلَنَّ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهُ

Apabila makan malam seseorang kamu telah disediakan dan sembahyang akan didirikan, maka hendaklah dia mendahulukan makan malam dan jangan sekali-kali gopoh sehingga selesai makan.

Imam Muslim (560) meriwayatkan daripada Nabi s.a.w.:

لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ

Tidak sempurna sembahyang (seseorang) di hadapan makanan dan dalam keadaan dia menahan daripada berlaku hadas kecil dan besar.

Contoh lain ialah seorang yang berhutang takut keluar berjemaah kerana si pemberi hutang akan mengekori dan meminta supaya hutangnya dijelaskan, sedangkan dia ketika itu tidak mempunyai wang, atau seseorang yang makan makanan yang berbau busuk, atau berpakaian dengan pakaian yang kotor yang boleh menyakit/menganggu orang lain dengan sebab kotor dan baunya.

Semua keadaan ini adalah dianggap keuzuran syarak yang diizinkan kepada orang yang berada dalam keadaan demikian untuk tidak menghadiri sembahyang secara berjemaah.

Al-Bukhari (817) dan Muslim (564) meriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ أَكَلَ ثُومًا فَلْيَعْتَزِلَنَّ أَوْ قَالَ فَلْيَعْتَزِلْ مَسْجِدَنَا وَلْيَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ

Sesiapa yang memakan bawang putih, maka dia hendaklah menjauhkan dirinya, atau sabdanya: Maka hendaklah dia menjauhkan diri daripada masjid kami dan hendaklah dia duduk di rumahnya.

Semua keuzuran syarak yang lain diqiaskan kepada keuzuran yang disebutkan dalam hadis di atas.

Syarat-syarat Imam

Sesiapa yang menjadi Imam, dia mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu yang kebanyakkannya bersifat *nisbi* atau relatif bergantung kepada keadaan Makmum. Ia dapat kita simpulkan seperti berikut:

1. Hendaklah Makmum tidak mengetahui batalnya sembahyang Imam atau dia tidak meyakininya.

Contohnya: Dua orang berijtihad dalam menentukan arah kiblat. Setiap seorang meyakini arah kiblat yang berlainan antara

satu sama lain. Oleh itu salah seorang dari keduanya tidak harus menjadi Makmum kepada yang seorang lagi. Ini kerana setiap mereka meyakini bahawa kawannya telah silap dalam menentukan arah kiblat dan sembahyang mengadap ke arah tersebut adalah tidak sah.

2. Imam bukanlah seorang yang *Ummi*, sedangkan Makmum adalah seorang yang *Qari* (tahu membaca Al-Quran dengan bertajwid).

Yang dimaksudkan dengan *Ummi* di sini ialah bacaan Fatihahnya tidak betul; cacat dari sudut sebutan huruf, ketiadaan *syaddah* atau seumpamanya. Sekiranya Makmum sama sepertinya, maka harus salah seorang daripada mereka menjadi Imam dan yang lain menjadi Makmum.

3. Imam bukan dari kàlangan wanita jika Makmumnya lelaki.

Sekiranya Makmum juga dari kalangan perempuan maka harus dia mengikut antara satu sama lain. Ini kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

لَا تَؤُمَّنَّ امْرَأَةٌ رَجُلًا

Janganlah sekali-kali perempuan menjadi Imam kepada lelaki (Riwayat Ibnu Majah).

Beberapa Sifat yang Perlu Dimiliki oleh Imam

Selayaknya Imam kepada sesuatu kaum adalah orang yang paling faqih, yang paling baik bacaan Qurannya, yang paling baik akhlaknya dan yang paling tua.

Apabila didapati sifat-sifat ini pada seseorang Imam, maka bersembahyang di belakangnya adalah lebih afdhal dan lebih diharapkan untuk mendapat pahala.

Imam Muslim (613) meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَؤُمُّ الْقَوْمَ أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِنًّا

Hendaklah menjadi Imam kepada sesuatu kaum itu orang yang paling baik bacaannya. Sekiranya semua mereka sama baik bacaannya, maka orang yang paling alim berkenaan dengan As-Sunnah. Sekiranya mereka itu sama alim, maka orang yang paling dahulu berhijrah dan sekiranya mereka itu sama dalam berhijrah maka orang yang paling tua dari kalangan mereka.

Ketahuilah bahawa orang yang berwudhuk boleh menjadi Makmum kepada orang yang bertayammum dan menyapu khuf. Begitu juga orang yang sembahyang secara berdiri boleh menjadi Makmum kepada orang yang sebahyang secara duduk, yang baligh menjadi Makmum kepada kanak-kanak, orang merdeka menjadi Makmum kepada hamba, orang yang sihat menjadi Makmum kepada orang yang sakit, orang yang sembahyang tunai menjadi Makmum kepada orang yang sembahyang qadha' dan orang yang sembahyang fardhu menjadi Makmum kepada orang yang sembahyang sunat dan begitulah sebaliknya.

Cara Mengikut Imam

Cara mengikut Imam (sebagaimana yang disyariatkan) tidak akan benar-benar terlaksana melainkan dengan beberapa syarat dan cara yang seharusnya diberi perhatian dan dilaksanakan. Ianya banyak dan bolehlah kita simpulkan seperti berikut:

1. Makmum hendaklah tidak berada di hadapan Imam.

Sekiranya dia berada di hadapan Imam maka batal ikutannya, kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari 657) dan Muslim (411).

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ

Sesungguhnya Imam dijadikan untuk ***diikuti.***

Maksud *diikuti* tidak akan berlaku melainkan orang yang mengikut berada di belakang. Walau bagaimanapun sekiranya dia berdiri selari dengan Imam maka ia tidak merosakkan sembahyangnya sekalipun hukumnya adalah makruh.

Disunatkan kepada Makmum supaya berdiri di belakang sedikit daripada Imam dan sekiranya dia berada di hadapan Imam maka batal sembahyangnya. Ukuran yang diambil kira sama ada dia berada di hadapan atau di belakang Imam ialah tumit.

Sekiranya bilangan Makmun ialah dua orang atau lebih, mereka hendaklah membuat saf di belakang Imam. Sekiranya seorang sahaja, maka hendaklah berdiri di sebelah kanan Imam dan jika orang kedua datang, dia hendaklah berdiri di sebelah kiri Imam, kemudian kedua-duanya berundur ke belakang atau Imam melangkah ke hadapan.

Imam Muslim meriwayatakan daripada Jabir r.a. bahawa dia berkata:

> *Aku sembahyang di belakang Rasulullah s.a.w.. Lalu aku berdiri di sebelah kanannya. Kemudian datang Jabir bin Sokhr dan berdiri di sebelah kiri Baginda. Kemudian Baginda mengambil tangan kami sehingga kami diletakkan berdiri di belakang Baginda.*

Disunatkan jarak antara Imam dan Makmum tidak melebihi 3 hasta, dan demikianlah juga jarak antara dua saf.

Apabila Makmum terdiri daripada golongan lelaki dan perempuan, maka golongan lelaki berada di saf pertama di belakang Imam dan perempuan berada di belakang saf lelaki. Sekiranya Makmum hanya terdiri daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, maka lelaki tersebut hendaklah berdiri di sebelah kanan Imam dan perempuan berdiri di belakang lelaki.

Sekiranya Jemaah tersebut hanya golongan perempuan sahaja maka Imam (yang juga seorang perempuan) hendaklah berdiri di pertengahan kerana perkara tersebut *thabit* daripada Aisyah dan Ummu Salamah r.ha. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dengan sanad yang sahih.

Adalah makruh jika Makmum berdiri seorang diri dalam satu saf, bahkan dia hendaklah masuk ke dalam saf sekiranya didapati ada ruang dan jika tiada, disunatkan menarik seorang yang berada di saf hadapan supaya berada di saf belakang bersamanya selepas *takbiratul Ihram*[1]. Orang yang ditarik disunatkan supaya menolongnya dengan undur ke belakang supaya dia mendapat pahala dan kelebihan tolong menolong dalam melakukan kebaikan.

2. Hendaklah Makmum mengikuti Imam dalam semua perpindahan Imam (dari satu rukun kepada satu rukun) dan

1 Ini dilakukan sekiranya dia berpendapat Makmum yang ingin ditariknya bersetuju dengan tindakan-nya. Sekiranya tidak, maka janganlah menariknya. Malah dilarang berbuat demikian kerana takut berlaku sesuatu yang tidak diingini.

semua rukun sembahyang yang berbentuk perbuatan (Rukun *Fi'li*)

Ikutan tersebut ialah dengan maksud bahawa permulaan perbuatan Makmum hendaklah terkemudian daripada perbuatan Imam dan Imam terlebih dahulu selesai daripada Makmum. Sekiranya Makmum terlewat daripada mengikut Imam dengan satu rukun, maka hukumnya adalah makruh. Sekiranya terlewat dengan dua rukun yang panjang seperti Imam sudah melakukan rukuk, iktidal kemudian sujud dan bangkit daripadanya, sedangkan Makmum masih berdiri tanpa apa-apa keuzuran maka batal sembahyangnya.

Sekiranya kelewatannya itu disebabkan keuzuran seperti bacaannya lambat, maka dia boleh tertinggal daripada mengikut Imam dengan 3 rukun (yang panjang). Sekiranya dia masih belum sempat mengikuti Imam selepas itu, maka dia wajib mengikut perbuatan Imam dengan meninggalkan perbuatan yang dia sedang lakukan ketika itu. Kemudian dia hendaklah menambah kembali (rakaat yang tertinggal tadi) selepas Imam memberi salam.

3. Makmun hendaklah mengetahui perpindahan Imam (dari satu rukun ke satu rukun) sama ada dengan melihatnya atau melihat sesetengah daripada saf atau mendengar *mubaligh* (penyampai takbir Imam).

4. Hendaklah jarak tempat antara Makmum dan Imam itu tidak terlalu jauh. Ini sekiranya kedua-duanya sembahyang di luar masjid. Jika sembahyag didirikan dalam masjid, maka ikutan Makmum itu sah walau sejauh mana sekalipun jarak antara kedua-duanya atau dihalang oleh binaan-binaan yang terbuka.

Jika kedua-duanya bersembahyang di luar masjid atau Imam dalam masjid dan Makmum di luarnya, maka disyaratkan jarak antara kedua-duanya tidak terlalu jauh.

Ukuran jarak

i. Sekiranya Imam dan Makmum berada di kawasan lapang seperti padang yang luas, maka disyaratkan jarak antara keduanya itu tidak melebihi 300 hasta *Hashimi* atau lebih kurang 150 meter.

ii. Jika kedua-duanya berada dalam dua binaan yang berasingan seperti dalam dua buah rumah, atau rumah dan satu ruang dalam binaan yang lain maka saf antara salah satu daripada

dua binaan tersebut wajib bersambung dengan yang lain (syarat tambahan kepada syarat yang telah dinyatakan). Ini sekiranya binaan Imam itu membelok ke kanan atau kekiri daripada tempat berdirinya Makmum.

iii. Jika Imam berada dalam masjid dan sesetengah Makmum berada di luarnya, maka disyaratkan jarak antara hujung masjid dengan Makmum pertama yang berdiri di luar masjid (yang berdiri di saf hadapan), tidak boleh melebihi 300 hasta *Hashimi*.

5. Makmum hendaklah berniat sembahyang berjemaah atau mengikut Imam

Niat tersebut disyaratkan ketika *Takbiratul Ihram*. Sekiranya niat mengikut Imam tidak diniatkan, tetapi dia masih mengikut perpindahan dan perbuatan Imam, maka sembahyangnya batal. Ini sekiranya dia menunggu untuk mengikut perpindahan dan perbuatan Iman dalam jarak masa yang lama (antara satu-satu rukun) berdasarkan pandangan umum (*'uruf*).

Jika ikutannya itu bersamaan dengan Imam tanpa berniat begitu ataupun jarak masa dia menunggu Imam adalah singkat, maka sembahyangnya tidak batal.

Manakala Imam pula, dia tidak wajib berniat menjadi Imam. Bahkan disunatkan sahaja untuk mendapat kelebihan berjemaah. Jika dia tidak berniat sedemikian, maka dia tidak mendapat apa-apa kelebihan daripada berjemaah kerana ganjaran amal bagi seseorang itu adalah bergantung kepada niatnya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

> *Sesungguhnya amalan-amalan itu adalah dengan niat dan bagi setiap seseorang itu mengikut apa yang dia niatkan.*
>
> (Riwayat Bukhari (10) dan Muslim (1907))

Makmum akan memperolehi fadhilat sembahyang berjemaah selagi Imam belum memberi salam. Mendapat *takbiratul Ihram* bersama dengan Imam adalah satu kelebihan. Ia berhasil dengan melakukan *takbiratul ihram* sebaik sahaja Imam berbuat demikian.

Makmum akan memperolehi rakaat bersama dengan Imam, jika dia sempat rukuk bersama dengannya. Jika tidak, maka luputlah rakaat tersebut dan dia hendaklah menggantinya.

SEMBAHYANG ORANG YANG BERMUSAFIR
(QASAR DAN JAMAK)

Pendahuluan

Allah s.w.t.. berfirman:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Dan Allah tidak menjadikan dalam urusan agama itu perkara yang menyulitkan ke atas kamu

(al-Haj: 78)

Ini bermakna Allah s.w.t. tidak mensyariatkan sesuatu hukum yang menyebabkan kamu terpaksa berpenat lelah dan menjadikan kamu berada dalam keadaan tidak menentu (tertanya-tanya) dalam sesuatu urusan kamu. (Dengan kata lain hukum agama itu adalah jelas dan mampu dilaksanakan). Oleh itu ketika seseorang Muslim ditimpa kesempitan maka diperluaskan oleh Allah supaya hukum-hukum tersebut terus diterima (diamalkan) dan dipikul tanggungjawabnya.

Bermusafir adalah sebahagian daripada azab (kesusahan dan kesulitan). Disebabkan musafir, manusia akan kehilangan perasaan-perasaan tenang dan kerehatan; walau dengan apa cara atau wasilah yang digunakan untuk bermusafir dan apa jenis kerja pun yang menjadi tujuan musafirnya. Oleh itu Allah telah meringankan kepada orang-orang yang bermusafir dalam banyak perkara yang melibatkan hukum-hukum agamanya, di antaranya ialah sembahyang.

Dalam perbahasan ini, kita hanya akan membahaskan bagaimana cara sembahyang diringankan, syarat-syaratnya dan cara mengambil faedah daripadanya.

Bagaimanakah Sembahyang Orang yang Bermusafir

Allah s.w.t. telah memberikan dua bentuk keringanan dalam sembahyang kepada orang yang bermusafir.

Pertama: Memendekkan bilangan rakaat. Ia dinamakan dengan Qasar.

Kedua: Menghimpunkan dua sembahyang tunai antara satu sama lain, supaya orang yang bermusafir mendapat kekosongan waktu yang seluas-luasnya. Ia dinamakan dengan sembahyang jamak iaitu menghimpunkan antara dua sembahyang.

Sembahyang Qasar

Sembahyang Qasar ialah sembahyang empat rakaat seperti Zohor, Asar dan Isyak yang ditunaikan dengan dua rakaat sebagai ganti kepada empat rakaat. Dalil-dalilnya akan kita lihat sebagaimana berikut:

Dalil Disyariatkan

Allah s.w.t. berfirman:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَقْصُرُوا۟ مِنَ ٱلصَّلَوٰةِ

Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi maka tidak mengapa kamu mengqasar dari sembahyang kamu.

(An-Nisa': 101)

Imam Muslim (686) dan lainnya meriwayatkan daripada Ya'ala bin Umaiyyah dia berkata:

Aku berkata kepada Umar Al-Khattab r.a.: Allah berfirman: Maka tidaklah mengapa kamu mengqasarkan dari sembahyang kamu jika kamu takut berlaku fitnah (diserang) oleh orang-orang kafir. (Maksud an-Nisa': 101), Sedang manusia telah berada dalam keadaan aman? Jawab Saidina Umar: Aku juga merasa hairan sebagaimana yang telah engkau rasai, lalu aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. berkenaan dengannya. Rasulullah s.a.w. menjawab: Ia merupakan satu sedekah yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu, maka terimalah sedekahnya itu.

Hadis ini menunjukkan bahawa sembahyang qasar bukan hanya khusus ketika dalam keadaan takut/tidak aman.

Syarat Sah Sembahyang Qasar

1. Tanggungjawab untuk menunaikan sembahyang berlaku ketika musafir dan hendaklah ditunaikan ketika musafir.

Syarat ini memberi makna sembahyang yang telah masuk waktunya sebelum seseorang itu bermusafir, kemudian dia ber -musafir sebelum menunaikannya, maka sembahyang tersebut tidak harus diqasarkan. Ini kerana dia belum bermusafir ketika sembahyang itu mula menjadi wajib ke atasnya.

Syarat ini juga memberi makna sembahyang yang masuk waktu ketika bermusafir tetapi dia tidak menunaikannya sehinggalah dia sampai ke *balad*nya[1] (pekan), maka sembahyang tersebut juga tidak harus diqasarkan. Ini kerana ketika sembahyang hendak didirikan dia tidak lagi berada dalam keadaan musafir sedangkan sembahyang qasar diharuskan kepada orang yang musafir sahaja.

2. Hendaklah orang yang musafir telah melepasi pagar *balad* (pekan) yang hendak ditinggalkan atau melepasi bangunan-bangunan di *balad* (pekan) tersebut sekiranya tidak ada pagar (sempadan).

Ini kerana orang yang masih berada dalam lingkungan pagar (sempadan) atau bangunan-bangunannya, belum lagi dianggap sebagai orang yang bermusafir. Dengan kata lain musafir bermula setelah melepasi sempadan tersebut sebagaimana ia akan berakhir setelah kembali dan sampai ke kawasan tersebut.

Oleh itu sembahyang tidak boleh diqasarkan melainkan waktunya masuk ketika dalam musafir (keluar bermusafir sebelum masuk waktu sembahyang) dan dia menunaikannya ketika dalam musafir.

Al-Bukhari (1039) dan Muslim (690) meriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa dia berkata:

> *Aku bersembahyang Zohor empat rakaat bersama-sama Nabi s.a.w. di Madinah dan bersembahyang Asar dua rakaat di Zul Hulaifah. Kedudukan Zul Hulaifah adalah di luar bangunan di Madinah.*

---

1 *Al-Baldah @ al-Balad* ialah satu kawasan tertentu yang mempunyai binaan bangunan dan didiami oleh sekumpulan manusia. Untuk diistilahkan sebagai *al-Balad*, kawasan tersebut hendaklah mempunyai mahkamah, atau balai polis, atau pasar perniagaan. Apabila ketiga-tiga perkara tersebut ada di sesuatu kawasan, maka ia dinamakan bandar (*al-Madinah*). Apabila ketiga-tiga perkara tersebut tiada, maka ia dinamakan sebagai kampung (*al-Qaryah*). lihat Mu*'jam Lughah al-Fuqaha'*. Pent.

3. Orang yang bermusafir tidak berniat untuk tinggal di tempat tujunya selama empat hari; tidak termasuk hari masuk (sampai) dan hari pulang.

Apabila dia berniat demikian, maka *balad* (pekan) yang dituju itu dianggap sebagai tempat tinggalnya (dia telah menjadi orang yang bermukim). Oleh itu dia tidak harus mengqasarkan sembahyang apabila sampai ke tempat tersebut dan sembahyang boleh diqasarkan ketika dalam perjalanan sahaja.

Sekiranya dia berniat untuk tinggal kurang daripada empat hari atau dia tidak tahu tempoh tinggalnya, disebabkan kerja yang dilakukan tidak diketahui bila dapat disempurnakan, maka sembahyang qasar boleh dilakukan dalam masalah pertama (tinggal kurang dari empat hari) sehinggalah dia pulang dan sampai ke sempadan *balad*nya (pekan) semula. Dalam masalah kedua (tidak diketahui tempoh tinggalnya) maka dia boleh menunaikan sembahyang qasar di tempat tersebut dalam tempoh 18 hari; tidak termasuk hari sampai dan hari pulang.

Abu Daud (1229) meriwayatkan daripada Imran bin Husain katanya:

> *Aku telah berperang bersama-sama Rasulullah s.a.w.. Aku juga telah berperang bersamanya pada hari pembukaan Makkah. Baginda telah tinggal di sana selama 18 hari dalam keadaan tidak menunaikan sembahyang kecuali dengan dua rakaat (qasar).*

Ini kerana Rasulullah s.a.w. telah mengqasarkan sembahyang selama tempoh tersebut (18 hari) ketika tinggal di Makkah. Kewujudan Rasulullah s.a.w. di Makkah adalah bertujuan memerangi Kabilah Hawazin dan Baginda tidak mengetahui sampai bilakah Baginda terpaksa tinggal di situ.

4. Orang yang musafir tidak menjadi makmum kepada orang yang bermukim

Sekiranya dia mengikut Imam yang bermukim, maka sembahyang wajib ditunaikan dengan bilangan rakaat yang sempurna dan tidak harus diqasarkan. Jika berlaku sebaliknya (orang yang bermusafir menjadi Imam kepada orang yang bermukim), maka sembahyang boleh diqasarkan. Dan dia disunatkan supaya segera memberitahu para Makmum sebaik sahaja selesai sembahyang

qasar dua rakaat dengan berkata: Sempurnakan sembahyang kamu, sesungguhnya aku adalah orang yang bermusafir.

Dalilnya ialah apa yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan sanad yang sahih daripada Ibnu Abbas r.a.:

Ibnu Abbas telah ditanya: Kenapa orang yang bermusafir apabila berseorangan, dia menunaikan sembahyang dengan dua rakaat dan ketika menjadi Makmum kepada orang yang bermukim dia menunaikannya dengan empat rakaat. Jawab Ibnu Abbas: Itulah yang ditunjukkan oleh As-Sunnah.

Terdapat dalam hadis Imran r.a. sambungan daripada hadis yang lalu dimana dia berkata:

Wahai penduduk negeri ini! sembahyanglah kamu dengan empat rakaat. Sesungguhnya kami adalah golongan yang bermusafir.

Sembahyang Jamak

Maknanya telah dijelaskan di awal perbahasan.

Al-Bukhari (1056) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. menghimpunkan antara sembahyang Zohor dan Asar dan juga antara Maghrib dan Isyak ketika musafir.

Imam Muslim (705) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a.

Nabi s.a.w. telah menghimpunkan antara sembahyang ketika kami bermusafir dalam peperangan Tabuk. Baginda telah menghimpunkan antara Zohor dan Asar, serta antara Maghrib dan Isyak.

Said bin Jubair r.a. berkata, Aku bertanya Ibnu Abbas: Apakah yang menyebabkan Baginda s.a.w. berbuat demikian: Ibnu Abbas menjawab: Baginda tidak mahu menyusahkan umatnya.

Sembahyang Jamak Terbahagi kepada Dua Bahagian:

1. Jamak *Taqdim* iatu menunaikan sembahyang yang kedua dalam waktu yang pertama.
2. Jamak *Ta'khir* iaitu melewatkan sembahyang pertama dan ditunaikan dalam waktu yang kedua.

Abu Daud (1208) dan At-Tirmidzi (553) serta lainya meriwayatkan daripada Muaz r.a.:

> *Nabi s.aw. berada dalam peperangan Tabuk. Apabila Baginda berjalan sebelum matahari naik tinggi, Baginda melewatkan sembahyang Zohor hingga ke waktu Asar dan Baginda menunaikan kedua-duanya sekaligus. Apabila Baginda berjalan selepas gelincir matahari, Baginda sembahyang Zohor dan Asar sekaligus kemudian bertolak meneruskan perjalanan. Apabila Baginda berjalan sebelum Maghrib, Baginda melewatkannya hingga mendirikannya bersama dengan Isyak. Apabila Baginda berjalan selepas Maghrib, Baginda menyegerakan sembahyang Isyak dengan menunaikannya bersama sembahyang Maghrib.*

Sembahyang yang Boleh Dijamakkan

Sebagaimana yang telah diketahui dalam perbahasan yang lalu bahawa sembahyang-sembahyang yang boleh dijamakkan ialah sembahyang Zohor bersama Asar dan sembahyang Maghrib dengan Isyak. Oleh itu tidak sah dijamakkan sembahyang Subuh dengan sembahyang sebelum atau selepasnya sebagaimana juga tidak sah dijamakkan antara Asar dan Maghrib.

Sembahyang Jamak *Taqdim* dan *Ta'akhir* mempunyai syarat-syarat yang tersedia yang mesti ditunaikan.

Syarat-syarat Jamak Taqdim

1. Ditunaikan secara tertib antara keduanya. Iaitu dengan menunaikan sembahyang yang pertama (sembahyang yang ditunaikan dalam waktu) terlebih dahulu kemudian diikuti dengan sembahyang yang kedua (seperti mentaqdimkan sembahyang Asar ke dalam waktu Zohor, maka hendaklah ditunaikan sembahyang Zohor terlebih dahulu).
2. Hendaklah berniat *Jamak* untuk menunaikan sembahyang kedua ke dalam waktu yang pertama sebelum selesai sembahyang yang pertama. Disunatkan berniat demikian ketika *Takbiratul Ihram* pada sembahyang pertama.
3. Ditunaikan secara *muwalaat* (berturut-turut) iaitu sembahyang yang kedua ditunaikan segera sebaik sahaja selesai daripada salam sembahyang pertama; antara keduanya tidak dipisahkan oleh sesuatupun sama ada zikir, sembahyang sunat

atau lain-lain. Sekiranya dipisahkan dengan perkara lain dalam jarak masa yang panjang menurut pandangan umum (*uruf*) atau melewatkan sembahyang kedua tanpa menyibukkan dirinya dengan sesuatu, maka batal *jamak*nya dan dia wajib menunaikan sembahyang kedua itu pada waktunya. Ini adalah kerana mengikut apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w..

Al-Bukhari (1041) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. dia berkata:

> *Aku telah melihat Nabi s.a.w., apabila Baginda hendak bermusafir dengan segera, Baginda melewatkan sembahyang Maghrib lalu Baginda menunaikannya dengan tiga rakaat, hingga Baginda memberi salam, kemudian Baginda duduk sebentar lalu bangun mendirikan sembahyang Isyak dua rakaat, kemudian Baginda memberi salam.*

4. Perjalanannya berterusan sehingga dia berada dalam keadaan sembahyang yang kedua. Ini bermakna sembahyang yang kedua tidak batal sekiranya dia sampai di *balad*nya (pekan) dalam keadaan sembahyang sedang didirikan. (Maksudnya: Sembahyang yang kedua didirikan ketika masih dalam keadaan musafir walaupun ketika sampai di *balad*nya (pekan) dia masih dalam keadaan bersembahyang).

Syarat-syarat Jamak Ta'khir

1. Berniat hendak melewatkan sembahyang pertama ketika dalam waktunya. Sekiranya waktu Zohor telah masuk dan dia tidak berniat untuk menjamakkannya dengan Asar, maka dia wajib mendirikannya secara *qada'* dan dia berdosa disebabkan kelewatan tersebut.

2. Orang yang bermusafir itu hendaklah terus berada dalam keadaan musafir sehingga kedua-dua sembahyang selesai didirikan. Sekiranya dia sampai (bermukim) sebelum selesai sembahyang maka sembahyang yang dilewatkan menjadi sembahyang *qada'*.

Di sini tidak disyaratkan tertib antara kedua sembahyang bahkan boleh memulakannya dengan mana-mana sembahyang yang dikehendaki. Juga tidak disyaratkan *muwalaat* (berturut-turut) tetapi ia disunatkan.

Syarat-syarat Perjalanan yang Membolehkan Sembahyang Jamak dan Qasar

1. Jarak jauh perjalanan hendaklah sampai 81 km atau lebih. Sekiranya kurang, maka tidak dinamakan musafir.

Al-Bukhari telah menyebut ketika membuat komentar dalam Kitab "Mengqasarkan sembahyang." Bab "Berapakah jarak yang dibolehkan sembahyang qasar.", katanya:

Ibnu Umar dan Ibnu Abbas r.a. mengqasarkan sembahyang dan berbuka puasa pada jarak empat *burud* iaitu 16 *farsakh* yang menyamai 81 km lebih kurang.

Kedua-duanya (iaitu Ibnu Umar dan Ibnu Abbas) melakukannya secara *tauqifi* iaitu berdasarkan ilmu yang diperolehi daripada Nabi s.a.w.

2. Perjalanan hendaklah menuju ke arah tertentu dan tahu tempat yang dimaksudkan. Seseorang tidak dianggap musafir jika dia dalam keadaan kebingungan dan tidak tahu arah tuju perjalanannya. Seperti seseorang yang mengikut ketuanya bermusafir tetapi dia tidak tahu ke mana ketuanya hendak pergi.

Ini sekiranya berlaku sebelum sampai jarak perjalanan yang jauh. Jika perjalanan yang telah dilaluinya melebihi jarak qasar, maka dia boleh mengqasarkan sembahyangnya disebabkan dia sudah yakin perjalanannya adalah jauh.

3. Perjalanan yang dilakukan bukan dengan tujuan maksiat. Sekiranya dengan tujuan maksiat, maka perjalanan seumpama itu tidak diambil kira. Seperti orang yang bermusafir kerana ingin berniaga arak, mengambil riba' dan menyamun. Ini kerana qasar adalah *rukhsah*/keringanan dan ia disyariatkan kerana amanah. Oleh itu ia tidak boleh dikaitkan dengan segala bentuk maksiat.

Sembahyang Jamak Ketika Hujan

Harus sembahyang *Jamak Taqdim* ketika hujan.

Al-Bukhari (518) dan Muslim (705) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas:

Nabi s.a.w. sembahyang tujuh rakaat dan lapan rakaat ketika di Madinah iaitu Zohor dengan Asar, dan Maghrib dengan Isyak.

Imam Muslim menambah:

Bukan dalam keadaan takut (tidak aman) dan musafir.

Menurut riwayat Al-Bukhari, Ayub (salah seorang perawi hadis) bertanya:

Boleh jadi ketika hujan lebat pada waktu malam? Jawab Ibnu Abbas: Boleh jadi begitu.

Menurut riwayat Muslim, Ibnu Abbas berkata:

Baginda tidak mahu menyusahkan seorangpun dari kalangan umatnya.

Tidak harus menghimpunkan kedua-duanya pada waktu yang kedua (*Jamak Ta'khir*). Ini kerana mungkin hujan akan berhenti dan ini bermakna dia telah melewatkan/mengeluarkan sembahyang daripada waktunya tanpa apa-apa keuzuran dan sebab.

Syarat-syarat Boleh Dijamak

1. Hendaklah sembahyang itu didirikan secara berjemaah di masjid yang jauh menurut pandangan umum (*'uruf*); hujan yang turun boleh menyakitkan seseorang muslim (membasahkannya) ketika dalam perjalanan menuju ke masjid tersebut.

2. Hujan turun berterusan dari awal sembahyang pertama hingga diberi salam dan ketika awal sembahyang kedua.

SEMBAHYANG KHAUF
(KETIKA TAKUT)

Definisi dan Pengsyariatannya

Khauf (takut) adalah lawan kepada aman. Maksud sembahyang *khauf* ialah sembahyang yang didirikan dalam keadaan berlaku peperangan dengan musuh. Ia istimewa daripada sembahyang-sembahyang yang lain disebabkan beberapa *rukhsah* (kemudahan) yang dimilikinya terutamanya ketika berjemaah.

Dalil disyariatkan: Ayat Al-Quran dan hadis yang banyak sebagaimana yang akan disebut ketika menjelaskan keadaan dan cara menunaikannya.

Keadaan Sembahyang Khauf

Sembahyang *khauf* mempunyai dua keadaan berdasarkan kepada keadaan peperangan yang berlaku.

1. Keadaan Pertama

Keadaan berjaga-jaga dan peperangan belum tercetus. Dalam keadaan tersebut ia mempunyai bentuk sembahyang yang tertentu. Dalam sesetengah perbuatan ia berbeza dengan sembahyang yang didirikan dalam keadaan biasa, kerana keinginan kuat orang-orang Islam yang sentiasa mahu melakukan sembahyang secara berjemaah di belakang ketua utama mereka atau naibnya yang menguruskan urusan peperangan.

Keadaan ini telah disebut oleh Allah Taala:

وَإِذَا كُنتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَلْتَقُمْ طَآئِفَةٌ
مِّنْهُم مَّعَكَ وَلْيَأْخُذُوٓا۟ أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا۟ فَلْيَكُونُوا۟ مِن

وَرَآئِكُمْ وَلْتَأْتِ طَآئِفَةٌ أُخْرَىٰ لَمْ يُصَلُّوا۟ فَلْيُصَلُّوا۟
مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا۟ حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ وَدَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْ
تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُم مَّيْلَةً
وَٰحِدَةً ۚ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن كَانَ بِكُمْ أَذًى مِّن مَّطَرٍ أَوْ
كُنتُم مَّرْضَىٰٓ أَن تَضَعُوٓا۟ أَسْلِحَتَكُمْ ۖ وَخُذُوا۟ حِذْرَكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
أَعَدَّ لِلْكَٰفِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٢﴾

Dan apabila kamu berada di tengah-tengah mereka (dari kalangan sahabatmu) lalu kamu hendak mendirikan sembahyang bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan mereka berdiri (sembahyang) bersamamu, dan memegang senjata, kemudian apabila mereka (yang sembahyang bersamamu) telah sujud (telah menyempurnakan sembahyang bersamamu, maka hendaklah beredar dan berjaga mengawasi kamu daripada serangan musuh), maka hendaklah mereka pindah dari belakangmu (untuk menghadapi musuh) dan hendaklah datang golongan yang kedua, yang belum bersembahyang bersama kamu, dan hendaklah mereka berjaga-jaga dan menyandang senjata mereka. Orang-orang kafir ingin supaya kamu lalai terhadap senjatamu dan harta bendamu, lalu mereka menyerbu kamu dengan sekaligus. Dan tidak ada dosa atasmu, dengan sebab meletakkan senjata-senjatamu, jika kamu mendapat sesuatu kesusahan kerana hujan atau kerana kamu memang sakit, dan bersiap sedialah (sentiasa berjaga-jaga) kamu. Sesungguhnya Allah telah menyediakan azab yang menghinakan bagi orang-orang kafir.

(An-Nisa': 102)

Bagi keadaan pertama ini (sebagaimana yang disebutkan oleh ayat di atas) ada dua cara. Kedua-dua cara ini juga telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dengan perbuatan Baginda. Kedua-dua cara ini berbeza dengan sebab perbezaan kedudukan musuh, iaitu sama ada mereka berada pada arah kiblat atau tidak.

Cara Pertama

Iaitu ketika musuh berada dan berkawal pada arah kiblat dan peperangan belum lagi tercetus. Apabila tentera-tentera Islam mahu bersembahyang secara berjemaah dan mereka tidak mahu membahagikannya kepada beberapa jemaah kerana ingin mendapatkan *fadhilah* berjemaah yang dilakukan dalam satu jumlah yang besar, maka Imam mereka hendaklah menyusun tentera kepada dua saf, empat atau lebih dan bersembahyang bersama-sama dengan mereka.

Apabila Imam sujud, saf yang berada di belakang Imam (saf pertama jika hanya terdapat dua saf, atau dua saf yang pertama jika terdapat empat saf, begitulah seterusnya) hendaklah turut sujud bersama, dengan Imam. Manakala yang baki hendaklah menjaga saudara-saudara mereka (yang sedang sujud) daripada gerakan musuh.

Apabila Imam dan saf yang sujud bersamanya bangun maka saf yang berdiri tadi hendaklah sujud sehingga mereka bersama dengan Imam ketika berdiri pada rakaat yang kedua. Apabila Imam sujud pada rakaat kedua, maka saf yang tidak sujud bersama Imam pada rakaat pertama akan sujud bersamanya dan saf yang sujud bersama Imam pada rakaat pertama menunggu sehingga mereka bangun daripada sujud. Kemudian mereka hendaklah sujud sehingga mereka bersama Imam ketika duduk *Tasyahhud.* Selepas itu semuanya memberi salam bersama dengan Imam.

Inilah cara sembahyang yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam salah satu peperangan yang ditempuhinya, iaitu peperangan *'Asfan.* Ia merupakan sunnah kepada semua keadaan yang menyerupainya.

Al-Bukhari (902) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa dia berkata:

> *Nabi s.a.w. dan orang ramai telah bangun berdiri bersama-sama lalu Baginda bertakbir dengan disertai oleh takbir para Makmum. Kemudian sebahagian mereka rukuk dan apabila Nabi sujud, mereka turut sujud bersama-samanya. Kemudian apabila Nabi bangun mereka yang sujud (bersama dengan Nabi tadi) bangun dan mereka mengawal sahabat-sahabat mereka dan saf yang lain melakukan seumpama yang dilakukan oleh Rasulullah (sujud) sehingga mereka*

rukuk dan sujud bersama dengan Nabi s.a.w. pada rakaat kedua. (Saf yang sujud dengan Nabi pada rakaat pertama terus berdiri). Ketika itu tentera semuanya dalam keadaan sembahyang tetapi mereka saling berkawal.

Cara Kedua

Iaitu ketika musuh bertebaran, bukan berada di arah kiblat dan peperangan belum lagi tercetus. Cara sembahyang yang disunatkan dalam keadaan tersebut ialah:

i. Tentera yang bersembahyang dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama berdiri ke arah musuh kerana mengawal dan menjaga orang-orang Islam dan kumpulan kedua pergi menunaikan sembahyang secara berjemaah bersama-sama Imam.

ii. Imam bersembahyang bersama dengan kumpulan kedua hingga selesai satu rakaat. Apabila Imam berdiri pada rakaat kedua, para Makmum hendaklah berniat *mufarakah* (bercerai daripada Imam) dan mereka menyempurnakan rakaat kedua secara sendiri. Kemudian mereka pergi ke tempat kumpulan pertama yang sedang berjaga.

iii. Kumpulan pertama yang berjaga datang pula mengikut Imam (Imam semestinya berdiri lama pada rakaat kedua sekadar kumpulan pertama sempat berdiri bersamanya). Imam bersembahyang dengan mereka pada rakaat kedua yang merupakan rakaat pertama jika dinisbahkan kepada Makmum.

Apabila Imam duduk untuk *tasyahhud*, mereka bangun menyempurnakan rakaat kedua sehingga mereka duduk dalam keadaan Imam masih membaca *Tasyahhud*. Kemudian Imam memberi salam bersama-sama dengan mereka.

Ini adalah cara sembahyang Rasulullah s.a.w. yang dilakukan dalam peperangan *Zaatur Riqa'*.

Al-Bukhari (3900) dan Muslim (842) serta lainnya meriwayatkan daripada Salleh bin Khawwaf daripada sahabat yang telah menyaksikan Rasulullah s.a.w. melakukan sembahyang *khauf* pada hari peperangan *Zaatur Riqa'* katanya:

Satu kumpulan telah berdiri sembahyang bersama Baginda, dan satu kumpulan lagi mengadap ke arah musuh. Lalu

Baginda sembahyang satu rakaat bersama dengan kumpulan yang berdiri dengannya. Kemudian Baginda terus berdiri dalam keadaan kumpulan tersebut meneruskan sembahyang secara sendiri-sendiri. Kemudian mereka beredar dan membuat saf mengadap musuh. Dan kumpulan yang satu lagi (yang berjaga di awal-awal tadi) datang, lalu Baginda sembahyang bersama mereka; menyempurnakan rakaat yang masih berbaki (rakaat kedua). Kemudian Baginda terus berada dalam keadaan duduk. Ketika itu para Makmum menyempurnakan rakaat kedua secara sendiri-sendiri. Kemudian Baginda memberi salam bersama-sama dengan mereka.

Di sini anda melihat bahawa sembahyang yang didirikan dengan dua cara tersebut (sedangkan ketika itu orang-orang Islam berhadapan dengan musuh) merupakan satu gambaran bagaimana sembahyang secara berjemaah terus dipelihara dan dilaksanakan. Dan di waktu yang sama tentera-tentera Islam dikawal keselamatan mereka. Mereka sentiasa dalam keadaan berhati-hati terhadap musuh serta sedar akan tipudaya mereka.

Keistimewaannya yang terbesar ialah dapat mengikut amalan Rasulullah s.a.w. dan memperolehi ganjaran pahala kerana menunaikan sembahyang dalam satu jemaah bersama dengan khalifah, atau Imam besar atau ketua dalam medan peperangan.

2. Keadaan Kedua

Iaitu ketika peperangan sedang tercetus, saf-saf dalam keadaan bertaburan dan suasana menjadi begitu membimbangkan.

Apabila berlaku keadaan tersebut, maka tidak ada cara tertentu untuk ditunaikan sembahyang. Bahkan setiap orang menunaikan sembahyang mengikut keadaan yang mengizinkan mereka mendirikannya sama ada dalam keadaan berdiri, menunggang, berjalan kaki atau berhenti, sama ada mengadap kiblat atau tidak.

Rukuk dan sujud dilakukan dengan isyarat atau dengan menggerakkan kepalanya mengisyaratkan kepada rukuk dan sujud dengan menjadikan isyarat sujud lebih rendah daripada isyarat rukuk. Sekiranya sebahagian mereka dapat mengikut sebahagian yang lain dengan dilakukan secara berjemaah, maka itu adalah lebih afdhal, sekalipun mereka mengadap arah yang berlainan atau Makmum terkehadapan daripada Imam. Firman Allah Taala:

حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُواْ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾ فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَٱذْكُرُواْ ٱللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُواْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾

Peliharalah segala sembahyang (kamu) dan peliharalah sembahyang wustha (Asar) dan berdiri kerana Allah (dalam solatmu) dalam keadaan tunduk khusyuk. Jika kamu takut (bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan kemudian apabila kamu telah aman maka sebutlah Allah sebagaimana Allah telah mengajar kepada kamu (sembahyang) apa yang belum kamu ketahui.

(Al-Baqarah: 238-239)

Al-Bukhari (4261) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. berkenaan dengan sifat sembahyang khauf dan selepas menyebut dua cara yang telah lalu katanya:

Sekiranya keadaan takut berlaku lebih dahsyat daripada itu (apabila tercetusnya peperangan) maka hendaklah didirikan sembahyang sama ada dalam keadaan berdiri atau berkenderaan dan sama ada mengadap kiblat atau tidak.

Imam Malik menyebut bahawa Imam Nafi' berkata:

Aku berpendapat bahawa Abdullah bin Umar tidak berkata demikian melainkan daripada Rasulullah s.a.w.:

Menurut riwayat Imam Muslim (839) Ibn Umar berkata:

Maka dirikanlah sembahyang sama ada ketika berkenderaan atau berdiri atau dengan memberi isyarat.

Semua pergerakan yang berlaku disebabkan oleh keadaan peperangan adalah dimaafkan kecuali bercakap dan berteriak, kerana tidak ada sebab yang memaksa untuk berbuat demikian.

Jika dia ditimpa najis yang tidak dimaafkan seperti darah dan seumpamanya, sembahyangnya tetap sah, tetapi wajib diqada' selepas itu.

Ketahuilah bahawa sembahyang *khauf* diberi *rukhsah* untuk dilakukan ketika berlaku setiap peperangan yang disyariatkan. Dan juga pada setiap keadaan yang sangat menakutkan yang berlaku

kepada mukallaf seperti dalam keadaan melarikan diri daripada musuh atau haiwan yang buas dan seumpamanya.

Perkara yang dapat diperhatikan dalam pensyariatan cara sembahyang tersebut ialah mengambil berat dalam menunaikan sembahyang pada waktunya yang telah ditetapkan kerana mematuhi perintah Allah Taala sebagaimana dalam firman-Nya:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتۡ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ كِتَٰبٗا مَّوۡقُوتٗا ﴿١٠٣﴾

Sesungguhnya sembahyang itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya keatas orang-orang yang beriman.

(An-Nisa': 103)

Hikmat Sembahyang Khauf Disyariatkan

Hikmat cara-cara sembahyang khauf ini disyariatkan ialah memudahkan para mukallaf untuk menunai kewajipan sembahyang yang merupakan perkara yang paling diperlukan olehnya ketika itu untuk menghubungkan diri dengan Allah Azzawajalla, supaya pertolongan dan kemenangan dikurniakan oleh Allah dalam keadaan berhadapan dengan orang-orang kafir di medan-medan peperangan.

Hati juga akan berada dalam keadaan tenang apabila sentiasa mengingati Allah dan menambahkan lagi keyakinannya terhadap kemenangan serta bantuan Allah Taala. Ia juga akan menetapkan kaki-kakinya di medan peperangan (tidak berpaling tadah dan meninggalkan perjuangan) sehingga kebatilan diruntuhkan dan dicatatkan kemenangan serta kejayaan kepada golongan yang benar. Benarlah sebagaimana firman Allah Taala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا لَقِيتُمۡ فِئَةٗ فَٱثۡبُتُواْ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ﴿٤٥﴾

Wahai orang yang beriman, apabila kamu memerangi pasukan (musuh), maka berteguh hatilah dan sebutlah (nama) Allah sebanyak-banyaknya agar kamu beruntung.

(Al-Anfal: 45)

Di antara perkara yang perlu disebut ialah sembahyang *khauf* yang dilakukan dengan cara-cara yang telah disebut di atas, memungkinkan para tentera Islam mendirikan sembahyang dalam keadaan tidak menyusahkan sekalipun bentuk dan cara peperangan

yang berlaku adalah berbeza disebabkan perbezaan masa dan tempat. Terutamanya apabila sifat peperangan itu sendiri tidak menuntut tentera berhadapan secara terus antara satu sama lain sebagaimana yang banyak berlaku dalam peperangan-peperangan moden hari ini.

Sembahyang Tidak Gugur dengan Sebab Apa Jua Keadaan

Sebagaimana yang telah jelas dalam perbahasan lalu, bahawa tuntutan sembahyang tidak gugur dengan apa jua sebab dan keadaan yang berlaku. Sekalipun keuzuran yang berlaku berada di tahap yang sangat dahsyat, selagi *taklif* masih berlaku dan kehidupan masih ada. Walau bagaimanapun, Allah Taala telah memberikan keringanan (*rukhsah*) untuk melewatkan sembahyang dengan cara jamak antara dua sembahyang atau memendekkannya seperti sembahyang orang-orang yang bermusafir atau dengan meringankan cara melakukannya seperti sembahyang *khauf* dan sembahyang orang sakit. Kesemuanya ini adalah berdasarkan kepada keadaan dan sebab-sebab yang berlaku.

SEMBAHYANG JUMAAT

Pensyariatannya

Sembahyang Jumaat merupakan sembahyang yang disyariatkan oleh Allah. Ia adalah antara kelebihan yang diberikan secara khusus oleh Allah Taala kepada umat ini yang akan memberikan kejayaan (khususnya di akhirat) melalui kemuliaan-kemuliaan yang ada pada hari tersebut.

Al-Bukhari (836) dan Muslim (855) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

نَحْنُ الْآخِرُونَ السَّابِقُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بَيْدَ أَنَّهُمْ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِنَا ثُمَّ هٰذَا يَوْمُهُمُ الَّذِي فُرِضَ عَلَيْهِمْ فَاخْتَلَفُوا فِيهِ فَهَدَانَا اللَّهُ فَالنَّاسُ لَنَا فِيهِ تَبَعٌ الْيَهُودُ غَدًا وَالنَّصَارَى بَعْدَ غَدٍ

Kita adalah umat yang akhir yang wujud di dunia ini dan umat yang pertama (mendapat kelebihan, ganjaran dan masuk syurga) pada hari kiamat, sekalipun mereka lebih dahulu diberikan Al-Kitab (syariat samawi) daripada kita. Kemudiannya, hari ini (Jumaat) adalah hari yang ditetapkan (diberi pilihan) kepada mereka (untuk mendekatkan diri kepada Allah), tetapi mereka berselisih padanya (tidak mahu menerimanya) lalu Allah memberi pertunjuk kepada kita (agar menerima hari tersebut). Hari bagi Yahudi ialah esok (Sabtu) dan bagi Nasrani pada hari selepas esok (Ahad).

Sembahyang Jumaat telah difardhukan di Makkah sejurus sebelum Nabi berhijrah ke Madinah. Walau bagaimanapun ia tidak dapat didirikan di Makkah disebabkan orang-orang Islam lemah dan ketidakmampuan mereka untuk berhimpun bagi mendirikannya pada ketika itu.

Orang pertama yang telah menghimpunkan orang ramai untuk menunaikan sembahyang Jumaat di Madinah, sebelum Nabi berhijrah ialah As'ad bin Zurarah r.a. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud (1069) dan lainnya daripada Ka'ab bin Malik.

Dalil Disyariatkan

Di antara dalil yang menunjukkan bahawa sembahyang Jumaat disyariatkan dan diwajibkan ialah firman Allah Taala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوۡمِ ٱلۡجُمُعَةِ فَٱسۡعَوۡاْ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلۡبَيۡعَۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٩

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah dan tinggalkan berjual beli, yang demikian adalah baik bagi kamu jika kamu mengetahui.

(Al-Jum'ah: 9)

Di antara dalil daripada hadis ialah:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud (1068) daripada Tariq bin Syihab r.a. daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

(Sembahyang) Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib ke atas setiap orang Islam.

2. Hadis riwayat Muslim (165) dan lainnya daripada Abu Hurairah r.a. dan Ibnu Umar r.a. bahawa keduanya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda ketika berada di atas tangga-tangga mimbarnya:

لَيَنْتَهِيَنَّ أَقْوَامٌ عَنْ وَدْعِهِمُ الْجُمُعَاتِ أَوْ لَيَخْتِمَنَّ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ ثُمَّ لَيَكُونُنَّ مِنَ الْغَافِلِينَ

Hendaklah sesuatu kaum itu berhenti daripada meninggalkan sembahyang-sembahyang Jumaat atau akan dimeterikan hati-hati mereka oleh Allah kemudian mereka menjadi golongan yang lalai.

Hikmat Disyariatkan

Sembahyang Jumaat mempunyai banyak hikmah dan faedah. Di sini bukanlah ruangan untuk menyebutnya satu persatu. Antara yang terpenting, ia adalah pertemuan mingguan seluruh orang Islam dalam sebuah *balad* (pekan) pada satu tempat iaitu masjid. Di situ mereka berjumpa untuk nasihat menasihati yang akan menguatkan kekuatan mereka, menambahkan lagi perpaduan dan rasa tanggungjawab. Ia juga akan menambah perasaan kasih sayang, berkenal-kenalan dan tolong menolong sesama mereka. Ia juga menjadikan mereka sentiasa peka dan mengambil berat terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka pada setiap minggu. Hubungan mereka dengan pemimpin yang sepatutnya bertindak sebagai *khatib* dan pemberi nasihat kepada mereka dapat diperkuatkan.

Dengan ini sembahyang Jumaat merupakan muktamar mingguan; pada hari tersebut orang Islam bertemu dalam satu saf di belakang pemimpin yang menjadi Imam dan *Khatib* mereka.

Oleh itu Allah Taala sangat menggalakkan orang-orang Islam menghadirinya dan memberi amaran kepada mereka yang meninggalkan dan memandang ringan terhadapnya. Perkara ini telah disebutkan sebelum ini dan kita akan menambahnya lagi. Cukuplah kepada kita dalam masalah ini dengan merenung sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمَعٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Sesiapa yang meninggal Jumaat sebanyak tiga kali disebabkan sikap memandang ringan terhadapnya maka Allah akan memeterikan hatinya.

Syarat-syarat Wajib Sembahyang Jumaat

Sembahyang Jumaat diwajibkan kepada mereka yang mempunyai ketujuh-tujuh syarat berikut:

1. ***Islam***. Oleh itu orang kafir tidak dituntut dan diwajibkan melaksanakannya di dunia ini kerana ia merupakan suatu tuntutan yang dibina atas dasar Islam yang menjadi asas kepada tuntutan kesemua ibadat dan ketaatan kepada Allah Taala. Adapun pada hari akhirat ia dituntut melakukannya iaitu dengan makna, mereka (orang kafir) akan diseksa dan dikenakan azab pada hari tersebut.

2. ***Baligh***. Oleh itu sembahyang Jumaat tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak kerana ia tidak mukallaf.

3. ***Berakal***. Ini kerana orang gila juga bukan terdiri dari kalangan orang *mukallaf*.

4. ***Kemerdekaan yang sempurna***. Dengan itu, sembahyang Jumaat tidak diwajibkan keatas hamba kerana ia sibuk dengan pelbagai tanggungjawab terhadap tuannya. Tanggungjawab ini menjadi penghalang daripada diwajibkan Jumaat ke atasnya.

5. ***Lelaki***. Ia tidak diwajibkan ke atas perempuan kerana mereka sibuk dengan anak-anak dan urusan rumahtangga serta menimbulkan kesulitan kepada mereka untuk hadir pada waktu dan tempat yang telah ditentukan.

6. ***Sihat tubuh badan***. Orang sakit yang akan merasai kesakitannya dengan sebab menghadiri Jumaat atau kerana menunggu sehingga selesai sembahyang atau kesakitannya akan bertambah kuat dan lambat sembuh disebabkan kehadirannya, adalah tidak diwajibkan sembahyang Jumaat.

Masalah di atas diqiaskan (hukumnya sama) kepada orang yang ditugaskan merawat dan berkhidmat kepada orang yang sakit; jika dia tidak mendapati orang lain untuk mengambil alih tugasnya ketika dia pergi ke masjid, sedangkan pesakit tersebut memerlukan khidmatnya dan sama ada dia adalah keluarga terdekat pesakit atau tidak. Keadaan tersebut menyebabkan sembahyang Jumaat tidak diwajibkan ke atasnya.

7. ***Bermukim di tempat Jumaȧt didirikan***. Oleh itu, sembahyang Jumaat tidak diwajibkan ke atas orang yang bermusafir yang diharuskan walaupun jarak perjalanannya dekat dengan syarat dia keluar bermusafir sebelum terbit fajar pada hari tersebut dan dia berada di tempat yang tidak dapat didengari suara azan dari pekan (*baldah/balad*) yang ditinggalkan.

Begitu juga tidak diwajibkan sembahyang Jumaat ke atas orang yang bermastautin di suatu tempat yang tidak sah didirikan sembahyang Jumaat padanya. Seperti sebuah kampung yang tidak cukup bilangan 40 orang ahli yang cukup syarat-syaratnya dengan syarat tidak mendengar suara azan dari *balad* (pekan) sebelahnya yang mendirikan sembahyang Jumaat.

Di antara hadis-hadis yang menyebut perkara di atas ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

الْجُمُعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ إِلَّا أَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوكٌ أَوْ امْرَأَةٌ أَوْ صَبِيٌّ أَوْ مَرِيضٌ

(Sembahyang) Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib ke atas setiap orang Islam dan ditunaikan secara berjemaah melainkan empat golongan: Hamba yang dimiliki, perempuan, kanak-kanak dan orang yang sakit.

Hadis Al-Daruqotni (2/3) dan lainnya daripada Nabi s.a.w.:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَعَلَيْهِ الْجُمُعَةُ إِلَّا امْرَأَةً وَمُسَافِرًا وَعَبْدًا وَمَرِيْضًا

Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka dia wajib mendirikan sembahyang Jumaat kecuali jika dia seorang perempuan, orang yang musafir, hamba dan orang yang sakit.

Dan hadis Abu Daud (1056) Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Sembahyang Jumaat diwajibkan ke atas setiap orang yang mendengar seruan azan.

Syarat Sah Jumaat

Apabila seseorang mencukupi tujuh syarat di atas, maka dia wajib menunaikan sembahyang Jumaat. Walau bagaimanapun, ia tidak sah kecuali mencukupi empat syarat berikut:

1. Hendaklah didirikan dalam sempadan kawasan bangunan dan binaan sama ada di *Baldah* (pekan) atau di *Qaryah* (kampung). Bilangan penduduknya yang bermastautin pula tidak kurang daripada 40 orang lelaki yang cukup syarat wajib sembahyang Jumaat.

Maksud *Baldah* (pekan) ialah kawasan yang mempunyai Kadi dan Hakim dan terdapat pasar-pasar untuk berjual beli. Maksud *qaryah* (kampung) ialah kawasan yang tidak terdapat perkara-perkara tersebut.

Oleh itu tidak sah sembahyang Jumaat yang didirikan di padang pasir dan di antara khemah-khemah dan juga di kampung yang tidak cukup 40 orang lelaki yang diwajibkan sembahyang Jumaat ke atas mereka. Jika mereka mendengar azan dari *balad* (pekan) yang berhampiran, maka mereka wajib pergi ke tempat tersebut untuk sembahyang Jumaat. Jika mereka tidak mendengarnya, maka gugurlah kewajipan sembahyang Jumaat ke atas mereka sebagaimana yang telah kita sebut ketika membahaskan syarat-syarat wajib sembahyang Jumaat.

Dalil kepada syarat ini ialah sembahyang Jumaat tidak didirikan di zaman Rasulullah s.a.w. dan juga di zaman Khulafa' Ar-Rasyidin kecuali dalam keadaan demikian. Kabilah-kabilah Arab Badwi (yang tinggal di padang pasir) tidak mendirikan sembahyang Jumaat dan Rasulullah s.a.w. tidak memerintah mereka supaya mendirikannya.

2. Bilangan ahli Jumaat yang cukup syarat tidak kurang daripada 40 orang. Mereka adalah golongan lelaki yang baligh dan bermastautin.

Ini berdasarkan hadis riwayat Al-Baihaqi (1/177) daripada Jabir bin Abdullah r.a. bahawa dia berkata:

Telah menjadi sunnah bahawa Jumaat itu (didirikan) pada setiap bilangan (yang cukup) 40 orang atau lebih.

Terdapat dalam hadis Ka'ab bin Malik r.a. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud bahawa dia berkata:

Sesungguhnya orang pertama mendirikan Jumaat dengan mereka (orang-orang Islam) ialah As'ad bin Zararah r.a. dan bilangan mereka pada hari itu ialah 40 orang.

3. Didirikan dalam waktu Zohor. Jika waktu Zohor telah sempit; tidak cukup untuk didirikan sembahyang Jumaat, maka mereka wajib mendirikan sembahyang Zohor. Sekiranya sembahyang Jumaat sedang didirikan, tiba-tiba waktu Zohor tamat, maka mereka hendaklah menukarkannya kepada sembahyang Zohor dan sembahyang tersebut disempurnakan dengan empat rakaat.

Perbuatan Nabi s.a.w. mendirikan sembahyang Jumaat dalam waktu Zohor menjadi dalil kepada syarat tersebut.

Al-Bukhari (862) meriwayatkan daripada Anas r.a.:

Nabi s.a.w. mendirikan sembahyang Jumaat ketika matahari condong ke arah barat iaitu ketika gelincirnya.

Al-Bukhari (3935) dan Muslim (860) meriwayatkan daripada Salmah bin Al-Akwa' r.a. bahawa dia berkata:

Kami telah sembahyang Jumaat bersama-sama Nabi s.a.w.. Kemudian kami beredar dalam keadaan dinding-dinding tidak mempunyai bayangan yang boleh kami berteduh di bawahnya.

Al-Bukhari (897) dan Muslim (859) meriwayatkan daripada Sahl bin Saad r.a. bahawa dia berkata:

Kami tidak tidur qailulah dan tidak makan tengahari kecuali selepas Jumaat.

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. tidak mendirikan Jumaat kecuali pada waktu Zohor, bahkan pada awal waktunya.

4. Tidak berbilang-bilang Jumaat pada satu *balad* (pekan) selama ia boleh dibuat dalam satu jemaah, bahkan wajib ke atas penduduk *balad* (pekan) tersebut berhimpun pada satu tempat.

Sekiranya manusia terlalu ramai sedangkan tempat adalah sempit; tidak mampu menampung dan memuatkan mereka, maka harus dibuat dengan berbilang-bilang mengikut kadar yang diperlukan sahaja.

Sekiranya berbilang-bilang Jumaat pada satu *balad* (pekan) tanpa apa-apa sebab/keperluan, maka sembahyang yang didirikan tidak sah kecuali Jumaat yang pertama dimulakan. Yang diambil kira untuk menilai manakah yang lebih dahulu ialah yang paling awal memulakannya dan bukannya paling awal menamatkannya.

Oleh itu sembahyang Jumaat yang sah ialah sembahyang yang dimulakan oleh Imam sebelum sembahyang Jumaat yang lain dimulakan. Anggota Jumaat yang lain dianggap cuai (berdosa) apabila mereka tetap mendirikan sembahyang jumaat yang lain dan tidak berkumpul di tempat sembahyang Jumaat yang pertama dimulakan di *balad* (pekan) tersebut. Dengan itu sembahyang mereka batal dan mereka hendaklah mendirikan sembahyang Zohor di tempat mereka mendirikan sembahyang Jumaat.

Sekiranya tidak diketahui sembahyang Jumaat manakah yang pertama didirikan, maka semuanya menjadi batal. Mereka hendaklah mendirikan semula Jumaat yang baru di satu tempat sahaja jika ia boleh dilakukan dan masa masih panjang. Sekiranya kesuntukan masa, mereka semua hendaklah mendirikan sembahyang Zohor sebagai penampung kecacatan yang berlaku bahkan sebagai ganti sembahyang Jumaat yang batal.

Dalil syarat ini ialah sembahyang Jumaat di zaman Rasulullah s.a.w., Khulafa' Ar-Rasyidin, dan zaman Tabi'in tidak pernah didirikan kecuali hanya di satu tempat dalam sebuah *balad* (pekan); di *balad* (pekan) tersebut terdapat sebuah masjid yang besar yang dinamakan Masjid Jamek iaitu masjid yang didirikan Jumaat padanya. Manakala masjid-masjid lain yang dikenali sebagai *Musalla* digunakan untuk didirikan sembahyang lima waktu sahaja.

Al-Bukhari (860) dan Muslim (847) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata:

Orang ramai datang berkali-kali pada hari Jumaat dari tempat tinggal mereka dan dari 'Awali...

'Awali ialah kawasan-kawasan di timur Madinah dan kawasan yang paling hampir ialah sejauh 3 atau 4 batu dari Madinah.

Al-Bukhari (852) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. katanya:

Sesungguhnya Jumaat pertama yang didirikan selepas Jumaat di masjid Nabi s.a.w. ialah di masjid Abdul Qis di Juwathi dalam negara Bahrain.

Hikmat daripada syarat ini ialah dengan menghadkan satu tempat sahaja untuk didirikan sembahyang Jumaat akan lebih memberi kesan dan makna kepada tujuan ia disyariatkan, iaitu menzahirkan syiar perhimpunan (perpaduan) dan dapat menyatukan pemikiran. Manakala bertaburan di tempat yang berbeza tanpa sebab atau hajat boleh menyebabkan kepada perpecahan sesama sendiri.

Fardhu Jumaat

Ia terdiri daripada dua fardhu. Kedua-duanya merupakan asas kepada rukun Islam yang agung ini:

Fardhu Pertama: Dua Khutbah

Ia mempunyai beberapa syarat:

1. Khatib berdiri ketika berkhutbah, jika ia berkuasa untuk berbuat demikian. Dan kedua-dua khutbah hendaklah dipisahkan dengan duduk.

Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya daripada Jabir bin Sumrah r.a.:

Sesungguhnya Rasulullah saw melakukan dua khutbah dan duduk di antara keduanya. Baginda juga berkhutbah dalam keadaan berdiri.

Bukhari (878) dan Muslim (861) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

Sesungguhnya Nabi s.a.w. berkhutbah dalam keadaan berdiri. Kemudian Baginda duduk dan kemudian Baginda berdiri sebagaimana yang kamu semua lakukan sekarang.

2. Tidak dikemudiankan daripada sembahyang.

Ini berdasarkan hadis yang banyak yang menyebut berkenaan dengan Jumaat dan ia telah menjadi Ijmak Ulama' dalam perkara tersebut.

3. Khatib berada dalam keadaan suci daripada hadas kecil dan besar, serta najis yang tidak dimaafkan sama ada pada baju dan badannya atau tempatnya dan berada dalam keadaan menutup aurat.

Ini kerana, khutbah adalah umpama sembahyang; keduanya merupakan pengganti kepada dua rakaat sembahyang Fardhu Zohor. Oleh itu ia disyaratkan sebagaimana yang disyaratkan pada sembahyang seperti bersuci dan seumpamanya.

4. Rukun-rukun khutbah dibaca dalam Bahasa Arab

Khatib hendaklah membaca rukun-rukun khutbah menggunakan Bahasa Arab sekalipun tidak difahami oleh jemaah yang hadir. Sekiranya tidak terdapat orang yang mengetahui bahasa Arab sedangkan telah berlalu masa yang memungkinkan seseorang untuk mempelajarinya, maka semuanya berdosa dan tidak sah Jumaat bahkan mereka hendaklah mendirikan sembahyang Zohor.

Sekiranya masa yang ada, tidak cukup untuk mempelajarinya, maka hendaklah rukun-rukun khutbah itu dibacakan terjemahannya sahaja di dalam mana-mana bahasa yang dikehendaki oleh *khatib* dan Jumaat tersebut dihukum sah.

5. Berturut-turut di antara rukun-rukun khutbah dan juga antara khutbah pertama dengan khutbah kedua serta antara khutbah kedua dengan sembahyang.

Sekiranya berlaku perpisahan yang lama menurut pandangan umum (*uruf*) antara dua khutbah atau antara dua khutbah dengan sembahyang, maka khutbah tersebut tidak sah. Sekiranya ia boleh diulangi semula, maka wajib diulangi. Jika tidak boleh, sembahyang Jumaat akan bertukar menjadi sembahyang Zohor.

6. Rukun kedua-dua khutbah hendaklah didengari oleh 40 orang yang mencukupi syarat sah sembahyang Jumaat (golongan yang cukup syarat wajib Jumaat).

Rukun khutbah

1. Memuji Allah Taala dengan menggunakan mana-mana lafaz sekalipun.
2. Berselawat ke atas Nabi s.a.w. dengan mana-mana kata-kata yang memberi makna selawat, dengan syarat nama Nabi hendaklah disebut dengan lafaz yang jelas seperti Nabi, Rasul atau Muhammad. Ia tidak memadai jika disebut dengan gantinama sebagai ganti kepada lafaz-lafaz tersebut.
3. Berpesan supaya bertaqwa kepada Allah dengan menggunakan apa jua lafaz dan uslub. Ketiga-tiga syarat di atas adalah rukun bagi kedua-dua khutbah; tidak sah mana-mana khutbah yang tidak dibaca rukun-rukun tersebut.
4. Membaca satu ayat daripada Al-Quran pada salah satu daripada dua khutbah.

Ayat yang dibaca disyaratkan dapat memberi kefahaman dan mempunyai makna yang jelas. Tidak memadai, jika ayat yang dibaca terdiri daripada huruf-huruf sebagaimana di awal surah (seperti Alif, Lam, Mim)

5. Berdoa untuk orang-orang yang beriman pada khutbah yang kedua. Doa tersebut boleh dilakukan dengan mana-mana uslub, asalkan ia di anggap sebagai doa menurut pandangan umum (*'uruf*).

Fardhu Kedua: Sembahyang Dua Rakaat secara Berjemaah

Al-Nasai'e (3/111) meriwayatkan daripada Umar r.a. bahawa dia berkata:

Sembahyang Jumaat adalah dua rakaat... berdasarkan apa yang diberitahu oleh Nabi Muhammad s.a.w..

Abu Daud meriwayatkan hadis sebagaimana riwayat yang lalu.

(Sembahyang) Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib ke atas setiap orang Islam yang dilakukan secara berjemaah.

Berdasarkan dalil-dalil di atas, para ulama' telah berijma'/ bersepakat mengenai perkara tersebut (bilangan rakaat ialah dua dan wajib dilakukan secara jemaah).

Untuk mendapatkan Jemaah dalam sembahyang Jumaat, hanya disyaratkan mendapat satu rakaat yang penuh. Sekiranya ia diperolehi, maka sembahyang Jumaat adalah sah dan jika tidak, ia wajib ditukar kepada Zohor. Juga disyaratkan bilangan Makmum tidak kurang daripada 40 orang yang cukup syarat wajib Jumaat. Sembahyang Jumaat tidak sah jika bilangan tersebut tidak mencukupi.

Oleh itu, jika seorang yang *Masbuk* datang, lalu dia mengikut Imam pada rakaat kedua, maka sah Jumaatnya. Dia hendaklah menyempurnakan sembahyang Jumaatnya dengan menambah satu rakaat lagi selepas Imam memberi salam.

Jika dia datang selepas Imam bangun daripada rukuk rakaat yang kedua, sembahyang Jumaatnya tidak dikira dan dia wajib menyempurnakan sembahyangnya selepas Imam memberi salam dengan sembahyang Zohor (sebanyak empat rakaat).

Begitu juga jika para Makmum yang mengikut Imam telah menyempurnakan sembahyang sebanyak satu rakaat, kemudian tiba-tiba mereka atau sebahagiannya didatangi oleh sebab-sebab yang memaksa mereka berpisah daripada Imam (*mufaraqah*) dan masing-masing menyempurnakan satu rakaat lagi secara bersendiri, maka sembahyang Jumaat mereka adalah sah. Jika sebab-sebab tersebut berlaku sebelum sempurna rakaat pertama, maka Jumaat mereka tidak sah dan ia bertukar kepada Zohor.

Dalilnya ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Nasai'e, Ibnu Majah dan Al-Daruqotni daripada Ibnu Umar r.a. dia berkata: Rasulullah s.aw. bersabda:

مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنْ صَلَاةِ الْجُمُعَةِ وَغَيْرِهَا فَلْيُضِفْ إِلَيْهَا أُخْرَى وَقَدْ تَمَّتْ صَلَاتُهُ

Sesiapa yang mendapat satu rakaat sembahyang Jumaat dan selainnya (selain daripada Jumaat) maka hendaklah ditambah kepadanya rakaat yang lain (yang masih berbaki). Dengan itu, sembahyangnya menjadi sempurna.

Adab-Adab Jumaat dan Perkara yang Berkaitan

Hari Jumaat dan sembahyangnya mempunyai beberapa adab yang disunatkan. Ia seharusnya diambil berat dan diamalkan selalu pada hari tersebut. Di antaranya ialah:

1. Mandi.

Al-Bukhari (387) dan Muslim (844) meriwayatkan hadis yang menyebut:

إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْجُمُعَةِ فَلْيَغْتَسِلْ

Apabila seseorang kamu datang untuk bersembahyang Jumaat, maka hendaklah dia mandi.

Perintah yang terdapat dalam hadis di atas memberi makna sunat bukannya wajib berdasarkan sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi:

مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَبِهَا وَنِعْمَتْ وَمَنِ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ

Sesiapa yang berwudhuk pada hari Jumaat, maka itu adalah amalan sunnah dan ia sebaik-baik ikutan. Dan sesiapa yang mandi maka mandi itu adalah lebih baik (afdhal).

2. Membersihkan tubuh badan daripada segala kekotoran, bau busuk dan seterusnya memakai minyak dan wangi-wangian.

Ini supaya tidak menyakitkan orang lain. Bahkan akan menimbulkan rasa kasih sayang dan rasa gembira untuk bertemu dengan orang yang berada dalam keadaan yang bersih dan berwangi-

wangian. Anda telah mengetahui bahawa di antara mereka yang diberi *rukhsah* untuk meninggalkan Jumaat ialah orang yang memakan sesuatu yang berbau busuk yang boleh menyakitkan/ menganggu orang ramai dengan bau tersebut.

Al-Bukhari (843) meriwayatkan daripada Salman Al-Farisi r.a. bahawa Nabi s.aw. bersabda:

لَا يَغْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَيَتَطَهَّرُ مَا اسْتَطَاعَ مِنْ طُهْرٍ وَيَدَّهِنُ مِنْ دُهْنِهِ أَوْ يَمَسُّ مِنْ طِيبِ بَيْتِهِ ثُمَّ يَخْرُجُ فَلَا يُفَرِّقُ بَيْنَ اثْنَيْنِ ثُمَّ يُصَلِّي مَا كُتِبَ لَهُ ثُمَّ يُنْصِتُ إِذَا تَكَلَّمَ الْإِمَامُ إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى

Seseorang yang mandi pada hari Jumaat, bersuci sekadar termampu, memakai minyak dan menyapu wangi-wangian, kemudian dia keluar dan tidak menceraikan/memisahkan antara dua orang (yang sedang duduk di dalam masjid), kemudian mendirikan sembahyang sebagaimana yang ditentukan kepadanya, kemudian diam ketika Imam berkhutbah, diampunkan dosa-dosanya (yang kecil) yang ada di antara Jumaat dengan Jumaat yang lain.

3. Memakai pakaian yang paling elok

Imam Ahmad (3/81) dan lainnya meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

مَنِ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَلَبِسَ أَحْسَنَ ثِيَابِهُ وَمَسَّ طِيبًا إِنْ كَانَ عِنْدَهُ ثُمَّ مَشَى إِلَى الْجُمُعَةِ وَعَلَيْهِ السَّكِينَةُ وَلَمْ يَتَخَطَّ أَحَدًا وَلَمْ يُؤْذِهِ ثُمَّ رَكَعَ مَا قُضِيَ لَهُ ثُمَّ انْتَظَرَ حَتَّى يَنْصَرِفَ الْإِمَامُ غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ

Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat kemudian memakai pakaian yang paling baik (elok) dan menyapu wangian jika ada, kemudian berjalan menuju ke Jumaat dalam keadaan tenang, ia tidak melangkah (bahu) seseorang (yang sedang duduk) dan tidak menyakitinya kemudian ia rukuk

(sembahyang) sebagaimana yang ditentukan, kemudian menunggu hingga Imam beredar, dosa-dosanya antara dua Jumaat akan diampunkan oleh Allah Taala.

Yang lebih afdhal ialah memakai pakaian yang berwarna putih. At-Tirmidzi (994) dan lainnya meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمْ الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفِّنُوا فِيهَا مَوْتَاكُمْ

Pakailah pakaian kamu yang berwarna putih, sesungguhnya itu adalah sebaik-baik pakaian. Dan kafanilah orang mati di kalangan kamu menggunakannya.

4. Memotong kuku dan memperelokkan rambut

Berdasarkan hadis Al-Bazzar dalam musnadnya, Nabi s.a.w. memotong kuku dan menggunting misainya pada hari Jumaat.

5. Keluar awal ke masjid

Al-Bukhari (841) dan Muslim (850) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنِ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقَرَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ

Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat seperti mandi Janabah (iaitu membasuh seluruh tubuh dan kepala), kemudian dia pergi ke masjid maka seolah-olah dia telah bersedekah (kerana menghampirkan diri kepada Allah) dengan seekor unta. Sesiapa yang pergi pada saat yang kedua, seolah-olah ia bersedekah dengan seekor lembu. Sesiapa yang pergi pada saat yang ketiga, dia seolah-olah bersedekah dengan seekor kambing yang bertanduk. Sesiapa yang pergi pada saat yang keempat, dia seolah-olah bersedekah dengan seekor ayam. Dan sesiapa yang pergi pada saat yang kelima,

dia seolah-olah bersedekah dengan sebiji telur. Kemudian apabila Imam keluar (menaiki Mimbar) para malaikat hadir bersama mendengar nasihat dan peringatan.

6. Sembahyang dua rakaat ketika memasuki masjid

Imam Muslim (875) meriwayatkan daripada Jabir r.a. dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ وَلْيَتَجَوَّزْ فِيهِمَا

Apabila seseorang kamu datang pada hari Jumaat ketika Imam sedang berkhutbah, maka rukuklah (bersembahyang) dua rakaat dan lakukanlah dengan cara yang ringan/ sederhana.

Ini dilakukan apabila *khatib* belum sampai ke penghujung khutbah. Sekiranya khutbah telah sampai ke penghujungnya, maka dia hendaklah menunggu untuk mendirikan sembahyang Jumaat yang diwajibkan.

Dua rakaat sembahyang ini akan luput (tidak disunatkan lagi) apabila seseorang duduk dalam masjid. Oleh itu jika seseorang masuk ke masjid dan duduk, maka sembahyang sunat tidak lagi boleh dilakukan. Malah dia wajib berada dalam keadaan tersebut iaitu duduk dalam keadaan diam mendengar khutbah sehingga sembahyang didirikan.

7. Diam mendengar khutbah

Al-Bukhari dalam sahihnya (892) dan Muslim (851) serta lainnya meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ أَنْصِتْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ

Apabila kamu berkata-kata kepada sahabat kamu pada hari Jumaat (dengan perkataan) diam (sekalipun) ketika Imam sedang membaca Khutbah maka sesungguhnya kamu telah lagha/lalai.

Menurut riwayat Abu Daud (1051) daripada Ali r.a.:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Sesiapa yang ***lalai,*** *maka dia tidak mendapat sesuatupun daripada Jumaatnya (tidak mendapat ganjaran yang diminta dan pahala yang diharapkan).*

Maksud *lalai* ialah percakapan yang tidak baik.

Adab-Adab Umum Pada Hari Jumaat

Hari Jumaat merupakan hari yang paling afdhal/mulia dalam seminggu. Ia mempunyai adab-adab dan perkara-perkara sunat yang seharusnya diketahui oleh seseorang Muslim untuk dilaksanakan sekadar termampu. Di antaranya:

1. Disunnatkan membaca surah al-Kahf pada malam dan hari Jumaat. Al-Nasai'e meriwayatkan daripada Abi Sai'd Al-Khudri r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

   مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ

   Sesiapa yang membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, Allah akan mengurniakan kepadanya cahaya selama antara dua Jumaat.

2. Disunatkan banyak berdoa pada hari dan malamnya.

Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (893) dan Muslim (852) bahawa Nabi s.a.w. telah menyebut mengenai hari Jumaat dengan sabdanya:

فِيهِ سَاعَةٌ لَا يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي يَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهُ

Pada hari tersebut terdapat satu masa apabila seseorang hamba Muslim berada padanya dalam keadaan mendirikan sembahyang, berdoa kepada Allah, maka Allah akan memperkenankan apa yang diminta.

Baginda mengisyaratkan dengan tangannya untuk menunjukkan tempoh masa tersebut adalah pendek.

3. Disunatkan banyak berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. pada hari Jumaat dan malamnya.

Ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Daud (1047) dan lainnya dengan sanad yang sahih:

إِنَّ مِنْ أَفْضَلِ أَيَّامِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَأَكْثِرُوا عَلَيَّ مِنْ الصَّلَاةِ فِيهِ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ مَعْرُوضَةٌ عَلَيَّ

Sesungguhnya hari yang paling afdhal/mulia ialah hari Jumaat. Oleh itu perbanyakkanlah selawat ke atasku pada hari tersebut. Kerana selawat kamu ke atasku dibentangkan kepadaku.

SEMBAHYANG SUNAT (AN-NAFL)

Makna Nafl

Perkataan *Nafl* pada bahasa ialah bermakna tambahan.

Dari segi Istilah ialah: Selain fardhu. Dinamakan demikian kerana ia merupakan tambahan daripada apa yang difardhukan oleh Allah Taala.

Perkataan *al-Nafl* mempunyai makna yang sama dengan *as-Sunnah, al-Mandub* dan *al-Mustahab* iaitu sunat.

Pembahagian Sembahyang Sunat

Sembahyang Sunat terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sembahyang yang tidak sunat dilakukan secara berjemaah.
2. Sembahyang yang sunat dilakukan secara berjemaah.

Pertama: Sembahyang yang Tidak Disunatkan Berjemaah

Sembahyang yang tidak disunatkan dilakukan secara berjemaah juga terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sembahyang yang mengiringi sembahyang fardhu yang telah dijelaskan dalam perbahasan yang lalu.
2. Sembahyang sunat yang tidak mengiringi sembahyang fardhu.

Kedua-dua bahagian tersebut akan dijelaskan sebagaimana berikut:

1. Sembahyang Sunat yang Mengiringi Sembahyang Fardhu

Ia terbahagi kepada dua iaitu sunat *Muakkad* dan sunat *tidak Muakkad*. Sembahyang sunat *Muakkad* ialah dua rakaat sebelum sembahyang Subuh, dua rakaat sebelum sembahyang Zohor dan selepasnya, dua rakaat selepas sembahyang Maghrib dan dua rakaat selepas sembahyang Isyak.

Al-Bukhari (1126) dan Muslim (729) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa dia berkata:

> *Aku telah menghafaz sepuluh rakaat daripada Nabi s.a.w. iaitu dua rakaat sebelum sembahyang Zohor dan selepasnya, dua rakaat selepas sembahyang Maghrib yang didirikan di rumahnya, dua rakaat selepas sembahyang Isyak yang didirikan di rumahnya dan dua rakaat sebelum Subuh. Inilah waktu yang mana Rasulullah saw tidak diganggu (tidak didatangi oleh tamu)*

Sembahyang sunat yang paling *muakkad* ialah dua rakaat sebelum sembahyang Subuh. Ini berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1116) dan Muslim (724) daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata:

> *Tidak ada sembahyang sunat yang sangat diambil berat (sangat menjaganya) oleh Nabi s.a.w. lebih daripada sembahyang dua rakaat fajar.*

Sembahyang yang tidak *muakkad* pula ialah:

i. Dua rakaat sebelum sembahyang Zohor yang merupakan tambahan kepada dua rakaat yang *muakkad*. Al-Bukhari (1127) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha.:

> *Nabi s.a.w. tidak meninggalkan empat rakaat sebelum sembahyang Zohor dan dua rakaat sebelum fajar (sembahyang sunat sebelum sembahyang Subuh).*

Menurut riwayat Muslim (730), Aisyah r.ha. berkata:

> *Rasulullah s.a.w. bersembahyang di rumahku empat rakaat sebelum sembahyang Zohor. Kemudian Baginda keluar dan bersembahyang bersama orang ramai. Kemudian Baginda masuk dan sembahyang dua rakaat.*

ii. Dua Rakaat selepas sembahyang Zohor yang merupakan tambahan kepada dua rakaat yang *muakkad*. Ini berdasarkan hadis riwayat lima perawi (Abu Daud, At-Tirmidzi, Al-Nasai'e, Ibnu Majah dan Ahmad) dan At-Tirmidzi telah mentashihkannya (427, 428) daripada Ummu Habibah r.ha. bahawa dia berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ صَلَّى أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعًا بَعْدَهَا حَرَّمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّارِ

Sesiapa yang bersembahyang empat rakaat sebelum sembahyang Zohor dan empat rakaat selepasnya, Allah akan mengharamkan api neraka ke atasnya (dijauhkan daripada api neraka).

Sembahyang Jumaat sama dengan sembahyang Zohor kerana ia adalah pengganti kepadanya. Oleh itu, disunatkan juga melakukan sembahyang sunat empat rakaat sebelumnya; dua rakaat yang *muakkad* dan dua rakaat yang tidak *muakkad*, begitu juga selepasnya.

Imam Muslim (881) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمُ الْجُمُعَةَ فَلْيُصَلِّ بَعْدَهَا أَرْبَعًا

Apabila seseorang kamu bersembahyang Jumaat maka sembahyanglah empat rakaat selepasnya.

At-Tirmidzi (523) meriwayatkan:

Ibnu Mas'ud r.a. sembahyang empat rakaat sebelum Jumaat dan empat rakaat selepasnya.

Zahirnya ia merupakan perbuatan yang diikut daripada Rasulullah s.a.w..

iii. Empat rakaat sebelum sembahyang Asar

Ini berdasarkan hadis riwayat At-Tirmidzi (4307) dan dia telah menghukumkannya sebagai hadis Hasan, daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

Semoga Allah merahmati seseorang yang bersembahyang empat rakaat sebelum Asar.

Ia ditunaikan dengan dua rakaat, dua rakaat sebagaimana terdapat dalam hadis riwayat At-Tirmidzi (429) dan lainnya daripada Ali r.a.:

Nabi s.a.w. bersembahyang empat rakaat sebelum Asar dengan dipisahkan di antaranya dengan satu salam.

iv. Dua rakaat yang ringan sebelum sembahyang Maghrib.

Al-Bukhari (599) dan Muslim (837) (lafaz hadis oleh Muslim) meriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa dia berkata:

Ketika kami di Madinah, apabila Muazzin (bilal) melaungkan azan untuk sembahyang Maghrib, para sahabat segera berdiri di belakang tiang-tiang (masjid) lalu mereka rukuk (sembahyang) dengan ***dua rakaat, dua rakaat*** *sehingga orang asing yang masuk ke masjid menyangka sembahyang telah didirikan disebabkan terlalu ramai yang melakukannya.*

Maksud *dua rakaat, dua rakaat* ialah setiap orang sembahyang dua rakaat dan tidak lebih daripada itu.

Maksud didirikan dengan cara yang ringan ialah melakukan rukun-rukun sembahyang, sunat-sunat dan adab-adabnya seminimumnya.

v. Dua rakaat yang ringan sebelum sembahyang Isyak.

Al-Bukhari (601) dan Muslim (838) meriwayatkan daripada Abdullah bin Mughaffal r.a., dia berkata: Nabi s.a.w. bersabda:

بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلاَةٌ، ثَلاَثًا لِمَنْ شَاءَ

Di antara Azan dan Iqamah ada sembahyang bagi sesiapa yang ingin melakukannya. Baginda mengulanginya tiga kali.

Menurut riwayat yang lain Nabi s.a.w. bersabda:

بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلاَةٌ بَيْنَ كُلِّ أَذَانَيْنِ صَلاَةٌ ثُمَّ قَالَ فِي الثَّالِثَةِ لِمَنْ شَاءَ

Di antara ***dua azan*** *ada sembahyang. Di antara dua azan ada sembahyang. Kemudian Baginda berkata pada kali ketiga: Bagi sesiapa yang ingin melakukannya.*

Maksud *dua azan* ialah azan dan iqamah.

2. Sembahyang Sunat yang Tidak Mengiringi Sembahyang Fardhu

Ia terbahagi kepada dua bahagian:

i. Sembahyang sunat yang ada nama dan waktu tertentu.

ii. Sembahyang sunat yang tiada nama dan waktu tertentu.

i. Sembahyang sunat yang ada nama dan waktu tertentu.

a. *Tahiyattul Masjid*

Iaitu sembahyang dua rakaat sebelum duduk ketika setiap kali masuk masjid. Al-Bukhari (433) dan Muslim (714) meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. :

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلَا يَجْلِسْ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ

Apabila seseorang kamu masuk masjid, maka janganlah duduk sehingga dia sembahyang dua rakaat.

Tahiyattul Masjid terhasil dengan sembahyang fardhu atau dengan mana-mana sembahyang sunat yang lain kerana maksud daripadanya (*Tahiyyatul masjid*) ialah seseorang itu tidak segera duduk dalam masjid tanpa menunaikan sembahyang.

b. *Sembahyang sunat Witir*

Ia merupakan sunat *muakkad.* Dinamakan *witir* (ganjil) kerana ia disudahi dengan satu rakaat berlainan dengan sembahyang yang lain. At-Tirmidzi (453) dan lainnya meriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa dia berkata:

Sesungguhnya witir tidak wajib sebagaimana sembahyang yang diwajibkan (lima waktu) kepada kamu tetapi Rasulullah s.a.w. telah melakukannya (menjadikannya) sebagai sunat.

Hadis di sisi At-Tirmidzi dan Abi Daud (1416) bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَا أَهْلَ الْقُرْآنِ أَوْتِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ وِتْرٌ يُحِبُّ الْوِتْرَ

Wahai Ahli Al-Quran! Berwitirlah kamu, sesungguhnya Allah itu witir (tunggal) dan Allah suka bilangan yang tunggal.

Waktu sembahyang Witir

Di antara sembahyang Isyak dan terbit fajar. Yang paling afdhal ialah dilewatkan sehingga ke akhir sembahyang malam. Abu Daud (1418) meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ أَمَدَّكُمْ بِصَلَاةٍ وَهِيَ خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ وَهِيَ الْوِتْرُ فَجَعَلَهَا لَكُمْ فِيمَا بَيْنَ الْعِشَاءِ إِلَى طُلُوعِ الْفَجْرِ

Sesungguhnya Allah Azzawajalla mengurniakan kepada kamu sembahyang yang lebih baik untuk kamu daripada binatang ternakan berwarna merah (binatang yang sangat bernilai di kalangan orang Arab) iaitu sembahyang witir. Allah menjadikan (waktunya) untuk kamu antara Isyak hingga terbit fajar.

Al-Bukhari (953) dan Muslim (749) meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

اجْعَلُوا آخِرَ صَلَاتِكُمْ بِاللَّيْلِ وِتْرًا

Akhirilah sembahyang kamu pada waktu malam dengan witir.

Ini sekiranya seseorang itu mengharapkan dapat bangun di akhir malam. Sekiranya dibimbangi tidak dapat bangun maka dirikanlah witir selepas sembahyang Isyak dan sunatnya. Imam Muslim (755) meriwayatkan daripada Jabir r.a. dia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْ خَافَ أَنْ لَا يَقُومَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ فَلْيُوتِرْ أَوَّلَهُ وَمَنْ طَمِعَ أَنْ يَقُومَ آخِرَهُ فَلْيُوتِرْ آخِرَ اللَّيْلِ فَإِنَّ صَلَاةَ آخِرِ اللَّيْلِ مَشْهُودَةٌ وَذٰلِكَ أَفْضَلُ

Sesiapa yang bimbang tidak dapat bangun di akhir malam, maka dirikanlah sembahyang witir di awalnya. Sesiapa yang ingin bangun di akhir malam maka dirikanlah pada waktu tersebut. Sesungguhnya sembahyang di akhir malam dihadiri sama (oleh para malaikat) dan yang demikian itu adalah lebih afdhal.

Al-Bukhari (1880) dan Muslim (821) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. dia berkata:

Rasulullah s.a.w. telah mewasiatkan kepadaku dengan tiga perkara: Berpuasa tiga hari pada setiap bulan, sembahyang dhuha dua rakaat dan sembahyang witir sebelum tidur.

Sekurang-kurang *witir* ialah satu rakaat, tetapi makruh jika hanya melakukan dengan bilangan tersebut dan sekurang-kurang bilangan rakaat yang sempurna ialah 3 rakaat. Didirikan dua rakaat kemudian satu rakaat. Jumlah yang paling sempurna ialah sebelas rakaat dengan memberi salam pada setiap dua rakaat. Kemudian diakhiri dengan satu rakaat.

Imam Muslim (752) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

وَالْوِتْرُ رَكْعَةٌ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ

Sembahyang Witir itu satu rakaat di akhir malam.

Al-Bukhari (1071), Muslim (736) dan selainnya meriwayatkan (lafaz hadis oleh Muslim) daripada Aisyah r.ha. dia berkata:

Rasulullah s.a.w. bersembahyang sebanyak sebelas rakaat di antara Isyak dan Fajar. Baginda memberi salam pada setiap dua rakaat dan melakukan witir dengan satu rakaat. Apabila muazzin telah selesai azan, waktu fajar telah masuk dan muazzin datang kepadanya, Rasulullah bangkit menunaikan ***dua rakaat yang ringan,*** *kemudian Baginda berbaring di atas lambung kanannya, sehingga Baginda didatangi oleh muazzin memberitahunya untuk iqamah.*

Maksud *dua rakaat yang ringan* ialah dua rakaat sunat subuh.

Abu Daud (1422) meriwayatkan) daripada Abu Ayub r.a. dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

Sembahyang witir dituntut ke atas setiap orang Islam. Sesiapa yang mahu berwitir dengan lima rakaat maka lakukanlah. Sesiapa yang mahu berwitir dengan tiga rakaat maka lakukanlah. Dan sesiapa yang suka melakukan witir dengan satu rakaat maka lakukanlah.

c. *Qiamullail*

Dinamakan dengan *tahajjud* jika dilakukan selepas tidur.

Qiamullail merupakan sunat yang tidak mempunyai bilangan rakaat yang tertentu. Ia ditunaikan selepas bangun tidur dan sebelum azan Subuh.

Dalil ia disyariatkan ialah firman Allah Taala:

وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَتَهَجَّدۡ بِهِۦ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰٓ أَن يَبۡعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحۡمُودًا ﴿٧٩﴾

Dan pada sebahagian malam hari, bertahajjudlah kamu sebagai suatu ibadah tambahan bagimu, mudah-mudahan Tuhanmu mengangkat kamu ke tempat terpuji.

(al-Isra': 79)

Ayat ini membawa makna, tinggalkanlah tidur dan bangunlah untuk bersembahyang serta bacalah al-Quran.

Imam Muslim (1163) dan lainnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa ia berkata: Rasulullah s.a.w. ditanya:

أَيُّ الصَّلَاةِ أَفْضَلُ بَعْدَ الْمَكْتُوبَةِ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ

Apakah sembahyang yang paling afdhal selepas sembahyang (lima waktu) yang diwajibkan? Baginda s.a.w. menjawab: Sembahyang di tengah malam.

d. *Sembahyang sunat Dhuha*

Sekurang-kurang sembahyang sunat *Dhuha* ialah dua rakaat dan yang paling banyak dan sempurna ialah lapan rakaat.

Al-Bukhari (1880) dan Muslim (721) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. ia berkata:

Rasulullah s.a.w. telah mewasiatkan kepadaku dengan tiga perkara: Berpuasa tiga hari pada setiap bulan, sembahyang Dhuha dua rakaat dan berwitir sebelum tidur.

Al-Bukhari (350) dan Muslim (336) (lafaz hadis olehnya) meriwayatkan dalam hadis Ummu Hani' r.a.:

Apabila tiba tahun pembukaan Makkah, Ummu Hani' datang menemui Rasulullah s.aw. yang sedang berada di bahagian atas Makkah. Lalu Rasulullah bangun pergi mandi dan Fatimah mendindingi Baginda dengan kain. Kemudian Baginda mengambil pakaian dan memakainya. kemudian Baginda sembahyang sunat Dhuha lapan rakaat.

Yang lebih afdhal ia dipisahkan pada setiap dua rakaat (dengan salam). Abu Daud (1290) meriwayatkan daripada Ummu Hani':

Rasulullah s.a.w. sembahyang Dhuha lapan rakaat pada hari pembukaan Makkah dan Baginda memberi salam pada setiap dua rakaat.

Waktunya bermula daripada naik matahari sehingga gelincir dan yang afdhalnya ialah didirikan setelah berlalu 1/4 siang hari.

Imam Muslim (748) dan lainnya meriwayatkan daripada Zaid bin Arqam r.a. dia berkata:

Nabi s.a.w. telah keluar menemui penduduk Quba'. Ketika itu mereka sedang mendirikan sembahyang Dhuha' lalu Baginda s.a.w. bersabda: (Waktu) sembahyang orang-orang yang kembali kepada Allah (bermula waktunya) apabila anak unta mula merasai panas siang hari (waktu siang mula meninggi).

e. Sembahyang *Istikharah.*

Iaitu sembahyang dua rakaat yang didirikan bukan pada waktu yang dimakruhkan, Ia disunatkan kepada sesiapa yang ingin kepada sesuatu (atau ingin melakukan sesuatu tindakan) yang diharuskan tetapi dia tidak mengetahui kebaikan yang ada padanya. Disunatkan membaca doa yang *Ma'thur* (yang datang daripada Rasulullah s.a.w.) selepas selesai sembahyang. Sekiranya selepas itu Allah membuka hatinya untuk melakukan perkara tersebut, maka dia boleh melakukannya. Sekiranya tidak, dia tidak perlu melakukannya.

Al-Bukhari (1109) dan lainnya meriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah Al-Ansari r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. mengajar kami supaya melakukan sembahyang Istikharah dalam menentukan semua perkara sebagaimana Baginda mengajar kami surah Al-Quran. Baginda bersabda: Apabila seseorang kamu merasa ragu

dalam sesuatu urusan maka rukuklah (sembahyanglah) dengan dua rakaat (tetapi) ia tidaklah diwajibkan. Kemudian hendaklah ia berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هٰذَا الْأَمْرَ خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَاقْدُرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هٰذَا الْأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْنِي عَنْهُ وَاقْدُرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ رَضِّنِي بِهِ قَالَ وَيُسَمِّي حَاجَتَهُ

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kebaikan dengan ilmu-Mu dan memohon kekuatan melalui kekuatan-Mu, aku memohon kelebihan-Mu yang Maha Agung. Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa. Engkau Maha Mengetahui sedangkan aku tidak mengetahui, dan Engkau adalah Tuhan yang Maha Mengetahui perkara ghaib. Ya Allah, jika Engkau tahu bahawa perkara ini merupakan kebaikan bagi agama, kehidupan dan kesudahan hidupku, maka takdirkanlah ia bagiku. Permudahkanlah ia untukku, kemudian berkatkanlah aku di dalamnya. Ya Allah, jika Engkau mengetahui bahawa perkara ini merupakan keburukan bagi agama, kehidupan dan kesudahan hidupku, maka jauhkanlah ia daripadaku dan jauhkanlah aku daripadanya. Takdirkanlah hanya kebaikan untukku di mana sahaja ia berada, kemudian redhakanlah aku dengan kebaikan itu.")

Kemudian Rasulullah berkata lagi: Kemudian dia menyebut apakah hajatnya...

ii. Sembahyang sunat yang tidak ada nama dan waktu

Iaitu sembahyang sunat (sunat *mutlak*) pada mana-mana waktu

kecuali pada waktu tertentu yang dilarang mendirikannya. Waktu tersebut telah kita jelaskan dalam perbahasan yang lalu.

Ibnu Majah telah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda kepada Abi Zar r.a.:

الصَّلَاةُ خَيْرُ مَوْضُوعٍ، اسْتَكْثِرْ أَوْ أَقِلَّ

Sembahyang adalah sebaik-baik perkara; sama ada kamu memperbanyakkannya ataupun kamu menyedikitkannya (melakukan sedikit).

Ketahuilah bahawa sembahyang sunat *mutlak* sunat dilakukan dengan diberi salam pada setiap dua rakaat sama ada waktu malam atau siang.

Dalilnya ialah hadis Bukhari (946) dan Muslim (749) dan telah di*takhrij* (dikeluarkan) oleh Abu Daud (1295) dan lainnya:

صَلَاةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى

Sembahyang pada waktu malam ***dua rakaat, dua rakaat.***

Maksud *dua rakaat, dua rakaat* ialah memberi salam pada setiap dua rakaat.

Kedua: Sembahyang yang Disunatkan Secara Berjemaah

Semua jenis sembahyang sunat yang telah disebutkan tidak disunatkan didirikan secara berjemaah. Manakala sembahyang sunat yang sunat didirikan secara berjemaah ialah sembahyang sunat dua hari raya, sembahyang *tarawih*, sembahyang gerhana matahari atau bulan dan sembahyang minta hujan (*istisqa'*). Kesemua sembahyang ini akan kita jelaskan satu persatu.

SEMBAHYANG DUA HARI RAYA (EID)

Makna Eid (Hari Raya)

Perkataan *eid* bermakna kembali. Dinamakan demikian sama ada disebabkan berulang-ulang kali kembalinya pada setiap tahun atau disebabkan kegembiraan kembali timbul dengan kembalinya hari tersebut. Atau disebabkan terlalu banyak nikmat daripada Allah pada hari tersebut keatas hamba-hamba-Nya.

Tarikh Mula Disyariatkan

Sembahyang hari raya Fitrah (hari raya puasa), dan hari raya Korban (hari raya haji) disyariatkan pada tahun kedua selepas hijrah. Sembahyang hari raya yang pertama didirikan oleh Rasulullah s.a.w. ialah sen itu pada tahun kedua hijrah..

Dalil Disyariatkan

Firman Allah yang ditujukan kepada Nabi s.a.w.:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ﴿٢﴾

Oleh itu kerjakan sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban.

(Al-Kauthar:2)

Para ulama' berkata: Yang dimaksudkan dengan perintah sembahyang dalam ayat di atas ialah sembahyang hari raya haji.

Al-Bukhari (913) dan Muslim (889) meriwayatkan daripada Abi Said Al-Khudri r.a. dengan katanya:

Rasulullah s.a.w. keluar pada hari raya puasa dan hari raya haji menuju ke tempat sembahyang. Perkara pertama yang dilakukan ialah sembahyang. Kemudian Baginda berpaling

mengadap orang ramai yang sedang duduk dalam saf-saf mereka. Lalu Baginda memberi nasihat dan mengeluarkan perintah kepada mereka. Sekiranya Baginda ingin memilih satu kumpulan daripada mereka untuk dicetuskan bagi tujuan berjihad, Baginda akan lakukannya. Atau jika Baginda ingin memerintah supaya melakukan sesuatu, Baginda akan perintah. Kemudian Baginda s.a.w. beredar.

Hukum Sembahyang Hari Raya

Hukum sembahyang sunat hari raya ialah sunat *Muakkad.* Ini kerana Rasulullah s.a.w. tidak pernah meninggalkannya semenjak disyariatkan sehinggalah Baginda s.a.w. diwafatkan. Dan ia dilakukan secara berterusan oleh para sahabat r.a. selepas kewafatan Baginda.

Ia dituntut supaya dilakukan secara berjemaah sebagaimana dalam hadis Abi Said Al-Khudri yang lalu. Walau bagaimanapun, ia tetap sah jika dilakukan secara bersendirian. Tuntutan supaya melakukannya merangkumi semua *mukallaf* sama ada lelaki atau perempuan, orang yang bermukim atau bermusafir, orang merdeka atau hamba, melainkan perempuan yang berperhiasan atau yang boleh menimbulkan fitnah; maka dia hendaklah bersembahyang di rumah.

Dalil yang menunjukkan bahawa sembahyang kedua-dua hari raya ini tidak diwajibkan ialah jawapan Rasulullah s.a.w. kepada seorang sahabat yang bertanya tentang sembahyang yang difardhukan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

> *Lima waktu sembahyang sehari semalam. Kemudian sahabat tersebut bertanya: Adakah diwajibkan ke atasku selain itu. Rasulullah s.a.w. menjawab: Tidak, melainkan kamu melakukan yang sunat.*
>
> (Al-Bukhari (46) dan Muslim (11))

Menurut riwayat Abu Daud (1420) :

خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ مَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يُضَيِّعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا بِحَقِّهِنَّ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ فَلَيْسَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُ وَإِنْ شَاءَ أَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ

Lima waktu sembahyang yang diwajibkan oleh Allah ke atas hamba-hamba-Nya. Sesiapa yang melakukannya dengan tidak mencuaikan sedikitpun daripadanya dan tidak memandang ringan akan kewajipannya, maka baginya perjanjian (janji) disisi Allah bahawa dia pasti akan dimasukkan ke dalam Syurga. Dan sesiapa yang tidak menunaikannya maka tidak ada baginya di sisi Allah sebarang perjanjian; sekiranya Allah menghendaki, Allah akan mengazabnya dan jika Allah menghendaki Allah akan memasukkannya ke Syurga.

Al-Bukhari (928) dan Muslim (890) meriwayatkan daripada Ummu 'Atiyyah Al-Ansariyyah r.ha. bahawa dia menceritakan:

Kami diperintahkan supaya keluar pada hari raya, sehingga kami (disuruh) membawa bersama anak-anak dara dan perempuan-perempuan yang haid lalu mengambil tempat di belakang orang ramai (bukan tempat sembahyang). Mereka bertakbir dan berdoa bersama-sama orang ramai dalam keadaan mengharapkan keberkatan hari tersebut dan kesuciannya (hari dosa-dosa diampunkan).

Menurut riwayat yang lain, seorang perempuan berkata:

*Wahai Rasulullah, salah seorang daripada kami tidak mempunyai **Jilbab**. Sabda Rasulullah: Hendaklah sahabatnya memakaikannya dengan jiblab kepunyaannya (meminjamkannya).*

Menurut satu riwayat; perempuan yang haid tersebut diasingkan daripada tempat sembahyang yang disediakan untuk golongan perempuan.

Maksud *jilbab* ialah kain yang menutup seluruh badan daripada atas hingga paling bawah.

Pada hari tersebut tidak disunatkan azan dan iqamah tetapi diseru dengan ucapan: الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ (sembahyang yang menghimpunkan). Al-Bukhari (916) dan Muslim (886) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a.:

Dia telah mengutuskan utusan kepada Ibnu Zubir di awal-awal beliau dibai'ahkan dengan menyatakan: Sesungguhnya pada hari raya puasa tidak ada azan untuk didirikan sembahyang, tetapi yang disuruh ialah berkhutbah selepas sembahyang.

Menurut riwayat Al-Bukhari (917) dan Muslim (886) daripada Ibnu Abbas dan Jabir bin Abdullah r.a. bahawa kedua-duanya berkata:

Tidak pernah diazankan pada hari raya puasa dan hari raya haji.

Waktu Sembahyang Hari Raya

Waktunya bermula dengan terbitnya matahari hingga gelincirnya. Ini berdasarkan hadis riwayat Al-Bukhari (908) daripada Al-Barra' r.a. bahawa dia berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. berkhutbah dengan sabdanya:

Sesungguhnya perkara pertama yang kita mulakan pada hari kita ini ialah kita mendirikan sembahyang...

Perkara pertama yang berlaku pada setiap hari ialah terbit fajar sedangkan waktu tersebut disibukkan dengan sembahyang Subuh iaitu sebelum terbit matahari dan dengan sembahyang Zohor, selepas gelincir matahari.

Dan waktunya yang lebih baik (afdhal) ialah ketika matahari naik sekadar panjang lembing (tinggi segalah) kerana itulah waktu yang selalu didirikan sembahyang oleh Rasulullah s.a.w..

Cara Sembahyang

Sembahyang Hari Raya mempunyai dua rakaat. Ia dimulakan dengan *takbiratul Ihram* kemudian membaca doa *Iftitah*, kemudian bertakbir sebanyak tujuh kali dalam keadaan mengangkat kedua tangan hingga bersetentang dua bahunya seperti mana *takbiratul Ihram*. Ketujuh-tujuh takbir tadi dipisahkan antara satu sama lain sekadar satu ayat yang sederhana dan disunatkan membaca tasbih:

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ أَكْبَرُ

Maha suci Allah, segala pujian bagi-Nya, tidak ada tuhan (ilah) selain Allah dan Allah Maha Besar.

Kemudian membaca *isti'azah* dan membaca fatihah serta dibaca bersamanya satu surah atau beberapa ayat. Apabila ber-diri untuk rakaat yang kedua, hendaklah bertakbir sebanyak 5 kali, tidak termasuk takbir yang dilafaz ketika bangun sebelum memulakan bacaan. Dan di antara kelima-lima takbir tersebut dipisahkan antara satu sama lain sebagaimana yang telah disebut di atas.

Kesemua takbir tambahan ini adalah sunat; jika terlupa melakukannya dan terus membaca fatihah, maka takbir-takbir tadi luput (tidak perlu diulangi semula) dan sembahyang tetap sah.

Dalilnya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Nasai'e (3/111) dan lainnya daripada hadis Umar r.a. bahawa dia berkata:

Sembahyang hari raya puasa dua rakaat dan sembahyang hari raya haji dua rakaat... Kemudian dia menjelaskan: Itu adalah berdasarkan apa yang diberitahu oleh Nabi Muhammad s.a.w..

Oleh itu perkara tersebut telah menjadi Ijma' pada ulama'. Amru bin Auf Al-Muzri r.a. meriwayatkan:

Nabi s.a.w. telah bertakbir ketika sembahyang kedua-dua hari raya pada rakaat pertama sebanyak 7 kali sebelum bacaan (Fatihah) dan rakaat akhir (kedua) sebanyak 5 kali sebelum bacaan (Fatihah).

Hadis di atas diriwayatkan oleh At-Tirmidzi (536) dan dia berkata: Ini merupakan hadis Nabi s.a.w. yang paling baik dalam bab ini.

Khutbah Hari Raya

Disunatkan berkhutbah dengan dua khutbah selepas selesai sembahyang. Di sini kami sebutkan secara ringkas bagaimana ia dilakukan:

1. Dilakukan selepas sembahyang hari raya. Ini berlawanan dengan khutbah hari Jumaat. Ini kerana, mengikut apa yang dilakukan Nabi s.a.w..

Al-Bukhari (920) dan Muslim (888) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., dia berkata:

Nabi s.a.w., Abu Bakar dan Umar r.a. bersembahyang dua hari raya sebelum berkhutbah.

Al-Bukhari (932) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a., dia berkata:

Aku telah keluar bersama-sama Nabi s.a.w. pada hari raya puasa dan haji, lalu Baginda sembahyang kemudian berkhutbah.

Sekiranya khutbah didahulukan daripada sembahyang maka ia tidak diambil kira.

2. Semua rukun dua khutbah Jumaat dan sunat-sunatnya sebagaimana yang telah disebut sebelum ini adalah juga rukun dan sunat khutbah hari raya.

Al-Syafi'e r.a meriwayatkan daripada Ubaidillah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud r.a., dia berkata:

Menurut Sunnah, Imam hendaklah berkhutbah pada kedua-dua hari raya dengan dua khutbah dan kedua-duanya dipisahkan dengan duduk.

3. Khutbah yang pertama sunat dimulakan dengan 9 kali takbir dan khutbah kedua dengan 7 kali takbir.

Al-Baihaqi meriwayatkan daripada Ubaidillah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud r.a., dia berkata:

Menurut Sunnah khutbah dibuka dengan 9 kali takbir berturut-turut dan khutbah kedua dengan 7 kali takbir berturut-turut.

Tempat Sembahyang Hari Raya

Sembahyang hari raya boleh didirikan di masjid atau padang. Tempat yang paling afdhal ialah tempat yang paling luas dan mampu memuatkan semua orang yang sembahyang.

Jika keduanya sama (boleh berbuat demikian) maka masjid adalah lebih afdhal kerana kemuliaannya lebih daripada tempat yang lain; seseorang muslim (apabila bersembahyang dalam masjid) dia bukan sahaja mendapat pahala beribadat bahkan juga pahala *i'tikaf* dalamnya.

Mengenai Nabi s.a.w. sembahyang di padang pasir, ia disebabkan sempitnya masjid untuk menampung orang ramai ketika itu. Ini disebabkan (sebagaimana yang telah anda ketahui) sembahyang hari raya ini dituntut ke atas semua golongan lelaki, perempuan dan semua orang *Mukallaf.*

Apabila masjid itu luas; boleh menampung semua orang yang bersembahyang dalam keadaan selesa dan tenang (tidak bersesak-sesak) maka ketika itu tidak ada lagi makna pada kelebihan sembahyang di padang (kawasan luas).

Bertakbir Pada Hari Raya

Disunatkan bertakbir (kepada bukan jemaah haji) bermula daripada tenggelam matahari pada malam kedua-dua hari raya di

rumah, di jalanraya, masjid, dan pasar dengan suara yang tinggi sehinggalah Imam ber*takbiratul Ihram* untuk sembahyang hari Raya. Allah berfirman:

وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas pertunjuknya yang diberikan kepada kamu, supaya kamu bersyukur.
(Al-Baqarah: 185)

Ulama' berkata: Ayat ini berkenaan dengan takbir hari raya *fitrah* (puasa) manakala takbir pada hari raya *adha* (korban) diqiaskan hukumnya dengan takbir pada hari raya fitrah.

Disunatkan bertakbir (bagi jemaah haji dan bukan jemaah haji) pada hari raya haji setiap kali selepas berbagai-bagai jenis sembahyang bermula daripada subuh hari Arafah sehingga selepas Asar hari 13 Zulhijjah.

Manakala pada hari raya puasa, takbir tidak disunatkan selepas sembahyang, bahkan hukum sunatnya berakhir apabila Imam mula melakukan *takbiratul Ihram* untuk memulakan sembahyang hari raya sebagaimana yang telah kita nyatakan.

Dalilnya ialah kerana mengikut perbuatan Rasulullah s.a.w. dan apa yang sentiasa dilakukan oleh para sahabat r.a.. Daripada Ali dan Ammar r.a.:

Nabi s.a.w. bertakbir pada hari Arafah; selepas sembahyang Subuh dan menghentikannya selepas sembahyang Asar di akhir hari-hari Tasyrik.
(Riwayat Al-Hakim (1/299) dan beliau berkata, sanad hadis ini adalah sahih dan aku tidak mengetahui terdapat kecacatan pada rawinya)

Al-Bukhari menyebut dalam kitab "Dua hari raya." bab "Bertakbir di hari-hari Mina.":

Ibnu Umar r.a. bertakbir di kubahnya yang terletak di Mina. Lalu didengari oleh ahli masjid dan mereka turut bertakbir dan dituruti bersama oleh takbir mereka yang berada di pasar-pasar sehingga Mina bergegar dengan bunyi takbir. Dan Ibnu Umar r.a. bertakbir di Mina sepanjang hari-hari

tersebut, selepas sembahyang di atas tikar hamparan dalam rumahnya, di tempat duduk dan tempat berjalannya, pada seluruh hari-hari tersebut.

Lafaz Takbir

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Tiada tuhan selain Allah. Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dan bagi Allah segala pujian.

Di antara Adab-adab Pada Hari Raya

1. Mandi dan memakai wangi-wangian serta memakai pakaian yang terbaru sebagaimana dalam bab sembahyang Jumaat yang lalu.
2. Disunatkan kepada orang ramai supaya datang awal ke Masjid pada pagi hari raya.
3. Pada hari raya puasa, disunatkan makan sedikit sebelum keluar untuk sembahyang. Manakala pada hari raya haji, disunatkan menahan diri daripada makan sehingga kembali daripada sembahyang.
4. Disunatkan pergi ke tempat sembahyang (*musolla*) atau masjid melalui satu jalan dan kembali melalui jalan yang lain.

   Al-Bukhari (943) meriwayatkan daripada Jabir r.a., dia berkata:

   Pada hari raya, Nabi s.a.w. melalui jalan yang berlainan.

5. Makruh bagi Imam melakukan sembahyang sunat sebelum sembahyang hari raya dan tidak dimakruhkan kepada orang lain selainnya melakukannya selepas terbit matahari.

Al-Bukhari (945) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a., dia berkata:

Nabi s.a.w. keluar pada hari raya puasa lalu Baginda sembahyang dua rakaat (sembahyang hariraya). Baginda tidak melakukan sembahyang sebelum dan selepas sembahyang hari raya tersebut.

ZAKAT FITRAH

Pengertian

Zakat fitrah ialah harta pada kadar tertentu yang wajib dikeluarkan ketika terbenam matahari pada hari terakhir Ramadhan, dengan syarat-syarat tertentu ke atas setiap *mukallaf* dan orang yang di bawah tanggungannya.

Pensyariatannya

Masyhur dalam As-Sunnah, bahawa zakat difardhukan pada tahun kedua hijrah iaitu pada tahun difardhukan puasa bulan Ramadhan.

Dalil Wajib zakat fitrah ialah hadis riwayat Bukhari (1433) dan Muslim (984). Lafaz hadis oleh Muslim daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

> *Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadhan ke atas setiap orang sama ada orang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan daripada kalangan orang-orang Islam, dengan satu gantang tamar atau satu gantang gandum.*

Syarat-syarat Wajib Zakat Fitrah

Zakat fitrah diwajibkan dengan tiga syarat:

1. Islam. Oleh itu ia tidak wajib ke atas orang kafir dengan suatu kewajipan yang dituntut di dunia ini berdasarkan hadis terdahulu daripada Ibnu Umar r.a.

2. Terbenam matahari pada hari akhir Ramadhan. Oleh itu sesiapa yang meninggal dunia selepas terbenam matahari pada hari tersebut, diwajibkan zakat fitrah ke atasnya sama ada dia mati setelah dia mampu mengeluarkannya ataupun mati sebelum daripada itu.

Ini berlainan dengan sesiapa yang dilahirkan selepas terbenam matahari, dia tidak diwajibkan mengeluarkan zakat. Begitu juga sesiapa yang mati sebelum terbenam matahari, dia tidak diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah. Berlainan pula dengan sesiapa yang dilahirkan sebelum terbenam matahari, dia diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah.

3. Memiliki harta yang melebihi keperluan makan untuk diri dan tanggungannya pada hari raya dan malamnya, serta keperluan untuk tempat tinggal dan khadamnya jika dia memerlukan kepada khadam.

Jika hartanya tidak mencukupi untuk perbelanjaan atau nafkah pada hari raya dan malamnya untuk diri dan orang-orang yang di bawah tanggungannya maka dia tidak dikenakan zakat fitrah.

Jika dia mempunyai harta yang cukup untuk hari raya dan malamnya, tetapi tidak cukup untuk hari-hari selepas itu, dia diwajibkan juga mengeluarkan zakat fitrah dan alasan tidak cukup untuk hari-hari selepas itu tidak diambil kira.

Golongan yang Seseorang Mukallaf Wajib Mengeluarkan Zakat Fitrah untuk Mereka

Sesiapa yang cukup ketiga-tiga syarat di atas wajib mengeluarkan zakat fitrah bagi dirinya, orang yang di bawah tanggungannya seperti kedua ibubapa, datuk, nenek, anak-anak dan isterinya.

Oleh itu tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah kepada anak yang sudah baligh yang mampu berusaha sendiri mencari rezeki, dan juga kepada sesiapa sahaja dari keluarga terdekat yang tidak ditaklifkan kepadanya untuk memberi nafkah (yang bukan dibawah tanggungannya). Malah tidak sah mengeluarkan zakat fitrah bagi pihak mereka kecuali dengan izin dan sebagai wakil mereka.

Jika dia mempunyai sedikit kemampuan yang tidak mencukupi untuk semua kaum keluarga yang berada di bawah tanggungannya, maka dia hendaklah mendahulukan dirinya, kemudian isteri, anaknya yang kecil, ayah kemudian ibunya dan seterusnya anaknya yang telah dewasa yang tidak mampu berusaha sendiri mencari rezeki.

Zakat Fitrah; Jenis dan Kadarnya

Jenis dan kadar zakat fitrah ialah segantang makanan asasi bagi sesebuah negeri yang *mukallaf* bermukin.

Ini berdasarkan hadis Ibnu Umar r.a. yang telah lalu. Dan hadis riwayat Al-Bukhari (1439) daripada Abi Said Al-Khudri r.a. katanya:

Kami telah mengeluarkan zakat di zaman Rasulullah s.a.w. pada hari raya fitrah segantang makanan. Makanan kami ialah gandum, anggur kering, keju dan tamar.

Gantang yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. menyamai 4 cupak. Ia menyamai 3 *altar* ataupun lebih kurang 2,400 gram.

Makanan asasi di negara kita (pengarang) sekarang ialah gandum. Oleh itu zakat fitrah yang wajib ke atas setiap individu ialah sama dengan 3 *Altar*. Dalam mazhab Imam Syafi'e, ia tidak memadai jika dikeluarkan dengan nilaian. Bahkan mesti dikeluarkan makanan asasi bagi sesebuah negeri itu sendiri.

Walau bagaimanapun, di zaman sekarang tidak mengapa mengikut mazhab Abu Hanifah r.a. dalam masalah tersebut iaitu harus mengeluarkannya dengan nilaian. Ini kerana pada hari ini mengeluarkannya dengan nilaian lebih memberi manfaat kepada orang fakir daripada makanan asasi dan lebih dekat untuk mencapai matlamat yang diharapkan.

Waktu Mengeluarkan Zakat Fitrah

Waktu wajib telahpun kita nyatakan iaitu mulai terbenam matahari pada hari akhir bulan Ramadhan.

Waktu harus mengeluarkannya ialah di sepanjang bulan Ramadhan dan hari raya pertama.

Waktu sunat mengeluarkannya ialah pada subuh hari raya sebelum keluar untuk sembahyang hari raya. Ini dinyatakan dalam hadis Ibnu Umar r.a. dan juga dalam hadis riwayat Al-Bukhari (1432):

Dan Baginda memerintahkan supaya kamu menunaikan (zakat fitrah) sebelum orang ramai keluar pergi sembahyang.

Waktu makruh mengeluarkannya ialah selepas sembahyang hari raya hingga akhir hari raya. Sekiranya dia melewatkannya hingga selepas dari itu (selepas terbenam matahari pada hari raya), maka dia berdosa dan wajib mengqada'kanya.

KORBAN

Pengertian

Korban ialah binatang yang disembelih yang terdiri daripada unta, lembu atau kambing untuk mendekatkan diri kepada Allah pada hari raya.

Dalil Disyariatkan

Dalil disyariatkannya ialah firman Allah Azzawajjala:

Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan ***berkorbanlah.***

(Al-Kauthar: 2)

Maksud *berkorbanlah* mengikut pendapat yang paling sahih ialah mengorbankan atau menyembelih binatang korban.

Al-Bukhari (5245) dan Muslim (1966) meriwayatkan:

Nabi s.a.w. telah berkorban dengan menyembelih dua ekor kibasy yang berwarna putih dan bertanduk. Baginda sendiri yang menyembelih kedua-duanya dan Baginda telah menyebut Nama Allah, bertakbir sambil meletakkan kakinya di atas tengkok kibasy tersebut.

Hikmat Disyariatkan

Seharusnya diketahui bahawa korban merupakan satu ibadah kepada Allah Taala, dan hikmah serta faedah bagi sesuatu ibadah (selain dari hikmatnya untuk menyatakan pengabdian diri dan tunduk kepada Allah), merupakan satu perkara yang pasti ada pada setiap ibadat-ibadat yang disyariatkan.

Di antara hikmat yang paling unggul dan jelas yang berkait dengan ibadat korban ialah untuk menghidupkan erti pengorbanan yang besar yang telah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim a.s., ketika Allah mengujinya dengan perintah supaya menyembelih anaknya. Kemudian Allah menebusnya dengan suatu penyembelihan yang agung iaitu seekor kibasy yang diturunkan oleh Allah dan memerintahkan Nabi Ibrahim menyembelihnya (sebagai tebusan kepada anaknya). Semuanya berlaku setelah Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail a.s. berusaha melaksanakan perintah Allah dengan keimanan yang benar dan yakin.

Selain daripada hikmat tersebut, ibadat korban juga mengandungi pengertian pertolongan kepada orang-orang fakir dan orang yang memerlukan pertolongan. Serta dapat menambah rasa gembira kepada mereka, ahli keluarga dan tanggungan pada hari raya. Dengan itu, akan lahirlah ikatan persaudaraan Islam yang kuat antara individu dalam masyarakat Islam dan dapat menanam semangat hidup bermasyarakat dan rasa kasih sayang ke dalam hati mereka.

Hukum Korban

Hukumnya; Sunat *Muakkad* dan boleh menjadi wajib dengan dua sebab:

Pertama: Apabila seseorang mengisyaratkan kepada binatang miliknya yang sesuai untuk korban, seperti dia menyatakan: "Ini korbanku" atau "Aku akan korbankan kambing ini", ketika itu korban menjadi wajib keatasnya.

Kedua: Apabila dia mewajibkan ke atas dirinya untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan korban. Seperti dia berkata: "Wajib ke atasku korban kerana Allah". Ketika itu, korban menjadi wajib ke atasnya sebagaimana jika dia mewajibkan mana-mana ibadah lain ke atas dirinya kerana perbuatan tersebut merupakan *nazar* yang wajib ditunaikan.

Siapakah yang Dituntut Supaya Berkorban

Sesungguhnya korban disunatkan kepada sesiapa yang mempunyai syarat-syarat berikut:

1. ***Islam***: Oleh itu ia tidak ditujukan kepada bukan Islam.

2. ***Baligh*** dan ***berakal***: Oleh itu orang yang belum baligh dan tidak berakal, gugur taklif tersebut daripadanya.

3. ***Berkemampuan***: Dengan memiliki harta yang lebih untuk korban iaitu melebihi daripada nafkah untuk dirinya dan mereka yang di bawah tanggungannya sama ada makanan, pakaian dan tempat tinggal, pada hari raya dan hari-hari Tasyrik.

Binatang yang Disyariatkan Untuk Korban

Tidak sah korban kecuali dengan unta atau lembu (kerbau) atau kambing. Ini berdasarkan firman Allah Taala:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنسَكًا لِّيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّن بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ

*Dan bagi tiap-tiap umat kami syariatkan penyembelihan (korban) supaya mereka menyebut nama Allah terhadap **binatang ternakan** yang telah direzekikan Allah kepada mereka.*

(al-Hajj: 34)

Perkataan *binatang ternakan* (الْأَنْعَامِ) sebagaimana dalam ayat di atas bermaksud tidak terkeluar daripada tiga jenis binatang ternakan iaitu unta, lembu dan kambing.

Juga berdasarkan bahawa tidak dinaqalkan/diriwayatkan daripada Nabi s.a.w.. dan para sahabat bahawa mereka berkorban dengan binatang lain.

Yang paling afdhal ialah unta, kemudian lembu, kemudian kambing.

Harus korban dengan satu bahagian daripada tujuh bahagian unta dan lembu (seekor unta atau lembu boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian). Diriwayatkan daripada Muslim (1318), daripada Jabir r.a. katanya:

Kami melakukan korban bersama Rasulullah s.a.w. pada tahun Hudaibiyah dengan dibahagiakan seekor unta kepada tujuh bahagian dan seekor lembu juga dibahagikan kepada tujuh bahagian.

Kalimah unta di sini adalah termasuk unta jantan dan betina

Syarat-syarat Binatang Korban

1. ***Umur***: Syarat bagi unta mestilah umurnya sudah memasuki tahun keenam dan syarat bagi lembu dan kambing (*al-Maiz*) mestilah umurnya sudah memasuki tahun ketiga.

Manakala syarat bagi kambing biri-biri (*al-Dho'nu*), mestilah umur sudah masuk tahun kedua atau gigi hadapannya telah gugur (kerana bersalin) walaupun belum sampai satu tahun. Ini berdasarkan hadis riwayat Ahmad (2/245) daripada Abu Hurairah r.a. katanya, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

نِعْمَتِ الأُضْحِيَّةُ الْجَذَعُ مِنَ الضَّأْنِ

Sebaik-baik binatang korban ialah kambing biri-biri yang berusia dua tahun.

2. ***Selamat*** (tidak cacat)

Ketiga-tiga jenis binatang ternakan di atas mestilah tidak mempunyai kecacatan yang boleh mengurangkan dagingnya. Oleh itu kambing yang telah tiada otaknya disebabkan terlalu kurus, adalah tidak memadai untuk dikorbankan. Begitu juga binatang yang nyata tempangnya atau yang buta sebelah mata atau sakit atau yang terpotong sebahagian telinganya. Semua keadaan tersebut tidak memadai dan tidak sah untuk dibuat korban.

At-Tirmidzi (1497) dan Abu Daud (2800) meriwayatkan daripada Al-Barra' bin Azib daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

أَرْبَعٌ لَا تُجْزِئُ فِي الأَضَاحِيِّ: الْعَوْرَاءُ الْبَيِّنُ عَوَرُهَا وَالْمَرِيضَةُ الْبَيِّنُ مَرَضُهَا وَالْعَرْجَاءُ الْبَيِّنُ عَرَجُهَا وَالْعَجْفَاءُ الَّتِي لَا تُنْقِي

Empat perkara yang menyebabkan binatang korban tidak memadai (tidak sah) untuk dikorbankan. Yang jelas matanya buta sebelah, yang jelas sakitnya, yang jelas tempangnya dan yang terlalu kurus hingga tidak berotak.

Keaiban yang disebutkan di atas diqiaskan kepada semua jenis keaiban yang seumpamanya yang boleh menyebabkannya kurus dan kurang daging.

Waktu Korban

Wakutnya bermula selepas terbit matahari hari raya haji sekadar sempat ditunaikan dua rakaat sembahyang dan dua khutbah. Kemudian berterusan waktunya hingga terbenam matahari pada akhir hari-hari *tasyrik* iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Waktu Afdhal untuk menyembelih ialah selepas selesai solat hari raya. Disebut dalam hadis riwayat Al-Bukhari (5225) dan Muslim (1961):

> *Perkara pertama yang kami mulakan pada hari ini (hari raya) ialah kami bersembahyang. Kemudian kami pulang dan menyembelih korban. Oleh itu sesiapa yang melakukan perkara tersebut maka dia telah melaksanakan sunnah kami. Dan* ***sesiapa telah menyembelih sebelum itu*** *maka ia adalah daging untuk ahli keluarganya bukan untuk ibadat korban sedikitpun.*

Makna perkataan: *"Sesiapa yang telah menyembelih sebelum itu"* ialah sebelum masuk waktu sembahyang hari raya dan sebelum berlalu waktu sekadar yang sempat didirikan sembahyang.

Ibnu Hibban (1008) meriwayatkan daripada Jabir bin Mut'im r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w. :

وَكُلُّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ

> *Setiap hari Tasyrik adalah sembelihan (waktu untuk menyembelih)*

Apa yang Dibuat dengan Korban Selepas Disembelih

Sekiranya korban itu wajib; sama ada dengan *nazar* atau ditentukan sebagaimana yang telah kita jelaskan, maka tidak harus bagi orang yang melakukan korban dan mereka yang di bawah tanggungannya memakan daging korban tersebut. Sekiranya salah seorang daripada mereka memakan sedikit daripadanya, maka hendaklah diganti dengan daging lain atau dibayar dengan nilaian (sekadar daging yang dimakan).

Sekiranya korban itu sunat, harus baginya makan mengikut kadar yang dikehendaki dengan syarat dia hendaklah bersedekah sedikit daripadanya. Yang paling afdhal ialah makan sedikit untuk keberkatan dan bakinya disedekahkan. Harus baginya makan satu

pertiga, dan satu pertiga disedekahkan kepada fakir dan satu pertiga lagi dihadiahkan kepada sahabat-sahabat dan jiran-jiran sekalipun mereka adalah orang kaya.

Walau bagaimanapun, apa yang diberikan kepada orang kaya adalah hadiah untuk dimakan dan mereka tidak boleh menjualnya. Dan apa yang diberikan kepada orang fakir adalah untuk dimiliki. Oleh itu dia bebas, sama ada hendak memakannya atau menjualnya.

Dalilnya ialah firman Allah Taala:

Dan telah Kami jadikan untuk kamu unta-unta itu sebahagian dari syiar Allah, kamu memperoleh kebaikan yang banyak padanya, maka sebutlah olehmu nama Allah ketika kamu menyembelihnya dalam keadaan berdiri (dan telah terikat). Kemudian apabila ia telah roboh (mati) maka makanlah sebahagiannya dan beri makanlah orang yang rela dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta-minta) dan orang yang meminta. Demikianlah Kami telah menundukkan unta-unta itu kepada kamu, mudah-mudahan kamu bersyukur.

(Al-Haj: 36)

Perkataan unta (*al-Budnu*) yang terdapat di dalam al-Quran iaitu binatang unta yang disembelih oleh orang yang berihram haji untuk dihadiahkan kepada fakir miskin. Dan diqiaskan binatang-binatang korban yang lain dengannya.

Bagi orang yang berkorban, dia boleh sedekahkan kulit binatang korbannya atau dimanfaatkan untuk dirinya. Tetapi tidak boleh dijual atau diberi kepada penyembelih binatang korban sebagai upah kepada penyembelihannya. Ini kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan kekurangan pada binatang korban dan merosakkan ibadah korbannya. Al-Baihaqi (9/294) meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

مَنْ بَاعَ جِلْدَ أُضْحِيَّتِهِ فَلَا أُضْحِيَّةَ لَهُ

Barangsiapa yang menjual kulit binatang korbannya maka tidak ada korban baginya.

Sunat dan Adab-adab Ibadat Korban

Pertama: Apabila masuk 10 Zulhijjah dan dia berazam melakukan ibadah korban, dia disunatkan untuk tidak menghilangkan bulu atau memotong kukunya. Oleh itu, dia hendaklah menjaga kedua-duanya dengan baik. Imam Muslim (1977) meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

إِذَا رَأَيْتُمْ هِلَالَ ذِي الْحِجَّةِ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضَحِّيَ فَلْيُمْسِكْ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ

Apabila kamu melihat anak bulan Zulhijjah dan salah seorang daripada kamu ingin melakukan ibadat korban, maka hendaklah dia menyimpan bulu dan kukunya.

Kedua: Disunatkan kepada orang yang berkorban menyembelih binatang korbannya sendiri. Sekiranya dia tidak boleh melakukannya kerana uzur atau lain-lain, maka dia hendaklah hadir bersama menyaksikan penyembelihan yang dilakukan. Al-Hakim (4/222) meriwayatkan dengan sanad yang sahih bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Fatimah r.ha.:

قُومِي إِلَى أُضْحِيَّتِكِ فَاشْهَدِيهَا فَإِنَّهُ بِأَوَّلِ قَطْرَةٍ مِنْ دَمِهَا يُغْفَرُ لَكِ مَا سَلَفَ مِنْ ذُنُوبِكِ، قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هٰذَا لَنَا أَهْلَ الْبَيْتِ خَاصَّةً أَوْ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَّةً؟ قَالَ: بَلْ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَّةً

Bangunlah kepada korbanmu dan saksikanlah ia kerana sesungguhnya (dengan tertitisnya) titisan darah yang pertama maka akan diampunkan dosamu yang terdahulu. Fatimah bertanya: Wahai Rasulullah, ini adalah untuk kita Ahlil Bait sahaja atau untuk kita dan orang-orang Islam seluruhnya? Rasulullah menjawab: Bahkan untuk kita dan untuk orang-orang Islam seluruhnya.

Ketiga: Sunat bagi hakim (pemerintah) orang-orang Islam atau pemimpin mereka untuk berkorban menggunakan harta *Baitul Mal* bagi pihak orang-orang Islam. Sesungguhnya diriwayatkan daripada Muslim (1967):

Rasulullah s.a.w. telah korbankan seekor kibasy. Dan Baginda mengucapkan semasa sembelih: Dengan nama Allah, Ya Allah terimalah daripada Muhammad dan keluarga Muhammad dan umat Muhammad. Baginda menyembelih di tempat sembahyang, di mana orang ramai berkumpul untuk sembahyang. Dan Baginda menyembelih binatang tersebut dengan tangan Baginda sendiri.

Al-Bukhari meriwayatkan di dalam sahihnya (5232) daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. menyembelih (binatang korbannya) di tempat didirikan sembahyang.

SEMBAHYANG TARAWIH

Pengenalan

Sembahyang *Tarawih* disyariatkan khusus pada bulan Ramadhan dan sunat didirikan secara berjemaah serta sah jika didirikan secara individu.

Dinamakan demikian, kerana mereka yang mendirikannya berehat selepas setiap empat rakaat. Dinamakan juga dengan *Qiyam* Ramadhan (sembahyang menghidupkan Ramadhan).

Ia mempunyai 20 rakaat pada setiap malam Ramadhan. Didirikan setiap dua rakaat dengan satu salam. Waktunya di antara sembahyang Isyak dan sembahyang Subuh dan sebelum sembahyang Witir.

Jika didirikan empat rakaat sekaligus dengan satu salam, ia tidak sah. Kerana bertentangan dengan apa yang disyariatkan.

Oleh itu ketika berniat mestilah ditentukan dua rakaat sembahyang *Tarawih* atau *Qiyam* Ramadhan dan tidak sah jika dengan niat sembahyang sunat *Mutlak*.

Dalil Disyariatkan

Al-Bukhari (37), Muslim (75) dan lainnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Sesiapa yang menghidupkan Ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan kepada Allah akan diampunkan oleh Allah segala dosanya yang telah lalu.

Al-Bukhari (882) dan Muslim (761) meriwayatkan (Lafaz hadis oleh Muslim) daripada Aisyah r.ha.:

Pada suatu malam Nabi s.a.w. bersembahyang di Masjid, lalu orang ramai mengikuti sembahyangnya. Pada keesokannya, Baginda juga keluar sembahyang sekali lagi, dan orang yang mengikut Baginda bersembahyang semakin ramai. Kemudian pada malam ketiga atau keempat mereka berhimpun (kerana menunggu Nabi keluar untuk sembahyang bersama-sama mereka) tetapi Rasulullah s.a.w. tidak keluar. Apabila tiba waktu pagi, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada mereka: Aku melihat apa yang telah kamu lakukan. Tidak ada yang menghalang aku keluar bersembahyang bersama kamu semua, melainkan kerana aku bimbang sembahyang tersebut (tarawih) akan difardhukan ke atas kamu.

Peristiwa di atas berlaku pada bulan Ramadhan.

Al-Bukhari (906) meriwayatkan daripada Abdur Rahman bin Abdul Qari, dia berkata:

Aku keluar bersama-sama Umar bin Al-Khattab ke masjid pada bulan Ramadhan. Tiba-tiba didapati orang ramai bersembahyang dalam keadaan kumpulan yang banyak serta bertaburan; ada yang sembahyang secara individu dan ada yang membentuk Jemaah yang tidak melebihi 10 orang. Lalu Umar berkata: Aku berpendapat adalah baik jika aku himpunkan mereka dalam satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Qari (Imam). Kemudian dia berusaha mengumpulkan mereka dengan dijadikan Ubai bin Ka'ab sebagai Imam.

(Abdul Rahman menceritakan lagi): Kemudian aku keluar bersamanya pada malam yang lain. Ketika itu orang ramai bersembahyang dalam satu jemaah dengan Imam mereka. Umar berkata: "Alangkah eloknya bidaah yang dilakukan ini. Sedangkan sembahyang yang tidak mereka lakukan kerana tidur (iaitu sembahyang pada akhir malam) itu adalah lebih afdhal daripada sembahyang yang mereka lakukan (pada awal malam)." Ketika itu orang ramai mendirikannya di awal malam.

Perkataan *bidaah* ialah melakukan sesuatu yang belum pernah dilakukan sebelumnya. Ia dianggap baik dan disyariatkan jika menepati hukum syarak dan termasuk dalam perkara yang dipandang baik oleh syarak. Dan ia dianggap tercela serta ditolak jika berlawanan dengan syarak dan termasuk dalam perkara yang

dipandang buruk oleh syarak. Sekiranya perkara tersebut tidak berlawanan dengan syarak dan tiada dalil syarak yang menyebut mengenainya, maka hukumnya adalah harus.

Al-Baihaqi dan lainnya meriwayatkan dengan sanad yang sahih (2/496):

Mereka mendirikan (tarawih) di zaman Umar bin Al-Khattab r.a. pada bulan Ramadhan dengan 20 rakaat.

Imam Malik meriwayatkan dalam kitabnya Al-Muwatta' (1/115):

Orang ramai pada zaman Umar mendirikan sembahyang tarawih pada bulan Ramadhan dengan 23 rakaat.

Al-Baihaqi telah mengselaraskan kedua-dua riwayat dengan menyatakan 3 rakaat tambahan (dalam riwayat Imam Malik) adalah sembahyang witir.

SEMBAHYANG GERHANA MATAHARI DAN BULAN

Pengertian

Al-Kusuf (الْكُسُوف - gerhana matahari) pada bahasa digunakan ketika cahaya matahari terlindung sama ada sebahagiannya atau kesemuanya. *Al-Khusuf* (الْخُسُوف - gerhana bulan) digunakan ketika cahaya bulan terlindung sama ada sebahagian atau semuanya. Walau bagaimanapun kedua-dua kalimah ini boleh digunakan dengan makna gerhana matahari atau gerhana bulan.

Sembahyang gerhana matahari dan bulan disyariatkan dengan tujuan supaya orang Islam kembali dan bermunajat kepada Allah Azawajjalla agar dihilangkan bala dan dikembalikan cahaya.

Masa Disyariatkan

Sembahyang gerhana matahari telah disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Manakala sembahyang gerhana bulan pula disyariatkan pada tahun kelima hijrah.

Hukumnya

Hukum sembahyang gerhana ialah sunat *muakkad* kerana sabda Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim (914):

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذٰلِكَ فَصَلُّوا وَادْعُوا حَتَّى يَنْكَشِفَ مَا بِكُمْ

Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda kebesaran Allah Taala: Kedua-duanya tidak gerhana disebabkan kematian seseorang dan kerana hidupnya seseorang. Oleh itu apabila kamu melihat gerhana berlaku, maka bersembahyang dan berdoalah sehingga hilang apa yang berlaku (menimpa) kamu iaitu bala kegelapan.

Juga kerana Rasulullah s.a.w. telah melakukannya sebagaimana yang akan disebutkan.

Perintah sembahyang dalam hadis di atas tidak ditafsirkan dengan makna wajib berdasarkan hadis lain:

Seorang Badwi bertanya Nabi s.a.w. tentang sembahyang lima waktu. Kemudian dia berkata: Adakah lagi sembahyang yang wajib ke atasku selain itu? Rasulullah s.a.w. menjawab: Tidak. Melainkan kamu melakukan yang sunat.

(Al-Bukhari (46) dan Muslim (11))

Sembahyang gerhana matahari dan bulan sunat dilakukan secara berjemaah dan diseru ketika hendak mendirikannya dengan kalimah: (sembahyang yang menghimpunkan)

Cara Mendirikan Sembahyang Gerhana

Sembahyang gerhana matahari dan bulan mempunyai dua rakaat dan orang yang melakukannya hendaklah berniat sembahyang gerhana matahari atau gerhana bulan.

Sembahyang gerhana mempunyai dua cara:

i. Tahap minimum

ii. Tahap yang paling sempurna.

Cara Pertama

Dilakukan pada setiap rakaat dengan dua kali berdiri, dua kali membaca (Fatihah dan ayat) serta dua kali rukuk tanpa memanjangkannya (berdiri, membaca dan rukuk, kemudian berdiri, membaca dan rukuk). Dan sah sembahyang gerhana jika didirikan dua rakaat dengan dua kali berdiri dan dua kali rukuk seperti sembahyang Jumaat. Tetapi dia dianggap telah meninggalkan fadhilat sembahyang tersebut kerana berlawanan dengan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w..

Cara Kedua

Iaitu cara yang lebih sempurna. Dilakukan pada setiap rakaat dengan dua kali berdiri. Pada setiap kali berdiri dibaca bacaan yang panjang. Dibaca selepas Fatihah, surah al-Baqarah atau surah-surah lain yang sama panjangnya pada berdiri kali pertama di rakaat pertama. Untuk berdiri kali kedua di rakaat pertama, dibaca ayat yang menyamai 200 ayat.

Manakala bacaan ketika berdiri kali pertama di rakaat kedua ialah sekadar 150 ayat. Dan bacaan ketika berdiri kali kedua di rakaat kedua ialah bacaan yang menyamai 100 ayat surah al-Baqarah. Kemudian apabila rukuk maka dipanjangkannya sehingga menyamai lebih kurang bacaan dengan 100 ayat, rukuk kedua dipanjangkan sekadar 80 ayat, rukuk ketiga sekadar 70 ayat dan rukuk keempat sekadar 50 ayat.

Apabila sembahyang telah sempurna, maka Imam bangun berkhutbah dengan dua khutbah. Rukun-rukun dan syarat-syaratnya adalah sama dengan dua khutbah Jumaat dengan mendorong orang ramai supaya bertaubat dan melakukan kebaikan serta memberi ingatan agar tidak lalai dan terpedaya.

At-Tirmidzi (562) meriwayatkan daripada Samurah bin Junduh r.a. bahawa dia berkata:

Kami telah sembahyang gerhana matahari (al-Kusuf) bersama-sama Nabi s.a.w.. Kami tidak mendengar suara (bacaan) daripadanya.

Al-Bukhari (1016) dan Muslim (901) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha.:

Nabi s.a.w. menyaringkan bacaannya pada sembahyang gerhana bulan.

Difahami daripada kedua-dua hadis di atas bahawa hadis pertama membawa maksud sembahyang gerhana matahari kerana ia berlaku pada siang hari dan hadis kedua membawa maksud sembahyang gerhana bulan kerana ia berlaku pada waktu malam.

Di antara dalil yang menunjukkan cara yang kedua ialah hadis riwayatkan Al-Bukhari (947) dan Muslim (901) daripada Aisyah r.ha. katanya:

Gerhana matahari telah berlaku pada masa hidup Nabi s.a.w.. Baginda s.a.w. keluar ke masjid. Kemudian Baginda berdiri dan bertakbir dengan diikuti oleh orang ramai di belakangnya. Baginda membaca bacaan yang panjang. Kemudian bertakbir lalu rukuk dengan rukuk yang lama. Kemudian Baginda mengangkat kepalanya sambil berkata: "Allah mendengar mereka yang memuji-Nya. Tuhan kami! Bagi-Mu segala pujian." Kemudian berdiri semula serta membaca bacaan yang panjang tetapi kurang sedikit daripada bacaan ketika berdiri yang pertama.

Kemudian Baginda bertakbir dan rukuk dengan rukuk lebih pendek daripada rukuk pertama, kemudian Baginda berkata: "Allah mendengar mereka yang memuji-Nya. Tuhan kami! Bagi-Mu segala pujian." dan terus sujud (Menurut riwayat yang lain: *Baginda telah memanjangkan sujudnya). Kemudian Baginda lakukan pada rakaat kedua seumpama yang dilakukan pada rakaat pertama sehingga sempurna empat rukuk... (iaitu empat kali rukuk dan empat kali sujud). Dan matahari mula muncul sebelum Baginda selesai sembahyang. Kemudian Baginda bangun berkhutbah kepada orang ramai dengan dimulakan pujian yang selayaknya bagi Allah Taala dan bersabda:*

Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah Taala. Kedua-duanya tidak gerhana disebabkan kematian seorang dan tidak kerana hidupnya seseorang. Oleh itu apabila kamu melihat kedua-duanya (berlaku) maka kembalilah kepada sembahyang (berdoa kepada Allah Taala).

Dalam riwayat yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

Apabila kamu melihat (berlaku) demikian (gerhana matahari atau bulan) maka berdoalah kepada Allah, bertakbir dan bersembahyanglah serta bersedekahlah.

Peristiwa gerhana matahari yang disebut dalam hadis di atas adalah bertepatan dengan hari anak Baginda yang bernama Ibrahim meninggal dunia. Dan orang-orang Islam pada masa jahiliyah (sebelum mereka memeluk Islam) percaya bahawa salah seorang pembesar telah mati apabila berlakunya gerhana bulan atau matahari. Oleh itu sangkaan tersebut masih wujud ketika

melihat gerhana matahari yang berlaku, tepat pada hari anak Baginda iaitu Ibrahim meninggal dunia. Dengan itu Rasulullah s.a.w. membatalkan dakwaan tersebut dengan sabdanya:

> *Kedua-duanya tidak berlaku gerhana disebabkan kematian seseorang atau kerana hidupnya seseorang.*

Kemudian, jika sembahyang gerhana itu adalah untuk matahari, maka bacaan hendaklah diperlahankan, manakala jika untuk gerhana bulan, bacaan hendaklah dinyaring dan dikuatkan. Imam juga hendaklah memberikan amaran kepada orang-orang Islam agar tidak lalai dan tertipu.

Sembahyang Gerhana Tidak Diqadak

Apabila seseorang itu luput waktu sembahyang gerhana matahari dan bulan; matahari atau bulan telah muncul (sepenuhnya) sebelum sembahyang didirikan, maka dia tidak dituntut menqadakkannya. Ini kerana sembahyang gerhana merupakan sembahyang yang disertai dengan sebab-sebabnya yang tertentu. Apabila sebab tersebut hilang maka luputlah tuntutan mendirikannya.

Gerhana matahari atau bulan dikira berakhir apabila matahari atau bulan muncul sepenuhnya

Mandi untuk Sembahyang Gerhana

Disunatkan mandi bagi mendirikan sembahyang gerhana matahari dan bulan. Mandi tersebut dilakukan sebelum menunaikan kedua-duanya sebagaimana mandi untuk sembahyang Jumaat. Ini kerana kedua-dua sembahyang gerhana mempunyai maksud yang sama dengan sembahyang Jumaat dari segi berhimpun dan disunatkan berjemaah.

SEMBAHYANG ISTISQA'
(MINTA HUJAN)

Makna sembahyang *Istisqa'* ialah sembahyang yang disyariatkan ketika hujan tidak turun dan mata air kekeringan.

Ia disunatkan ketika berlaku sebabnya. Tuntutan melakukannya akan luput apabila sebab tersebut hilang seperti turunnya hujan atau mata air mula mengalir.

Cara Melakukannya

Terdapat tiga cara untuk meminta hujan;

Sekurang-kurangnya: Dengan cara semata-mata berdoa kepada Allah pada bila-bila waktu yang disukai.

Cara pertengahan: Berdoa selepas bangun daripada rukuk pada rakaat terakhir sembahyang yang diwajibkan. Atau selepas selesai sembahyang.

Cara yang paling sempurna (cara ini dijadikan bab yang khusus iaitu bab sembahyang minta hujan) ialah dengan melakukan perkara-perkara berikut:

Pertama: Pada permulaannya Imam (ketua pemerintah) atau timbalannya hendaklah menyuruh orang ramai melakukan perkara berikut:

1. Bertaubat dengan taubat yang benar
2. Bersedekah kepada fakir, meninggalkan segala bentuk kezaliman (atau mengembalikan segala benda yang diambil secara zalim) dan mendamaikan orang yang berkelahi.
3. Berpuasa selama empat hari berturut-turut.

Semua perkara di atas sunat dilakukan kerana ia akan menjadi faktor kepada penerimaan doa oleh Allah sebagaimana *thabit* dalam hadis-hadis sahih.

Kedua: Imam (ketua pemerintah) keluar bersama-sama mereka (orang ramai) pada hari keempat dalam keadaan berpuasa, memakai pakaian yang lama (lusuh), dalam keadaan khusyuk, dan hina menuju ke padang yang luas. Kemudian Imam (ketua pemerintah) atau Naibnya sembahyang bersama-sama orang ramai dua rakaat seperti sembahyang dua rakaat hari raya.

Ibnu Majah (1266) dan lainnya meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. katanya:

> *Rasulullah s.a.w. telah keluar dalam keadaan tawadhuk, menghina diri kepada Allah, khusyuk dan* ***merendah diri (Tadhorru').*** *Kemudian Baginda sembahyang dua rakaat sebagaimana sembahyang pada hari raya.*

Kalimah *merendah diri* (*Tadhorru'*) menunjukkan rasa rendah dan hina diri ketika berdoa memohon hajat kepada Allah.

Ketiga: Apabila selesai sembahyang, Imam (ketua pemerintah) hendaklah berkhutbah dengan dua khutbah seperti khutbah hari raya, kecuali kedua-duanya hendaklah dimulai dengan Istighfar sembilan kali pada khutbah pertama dan tujuh kali pada khutbah kedua sebagai ganti kepada takbir. Kerana firman Allah Taala:

ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾

> *Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Tuhan yang Maha Pengampun, nescaya Dia akan menurunkan kepadamu hujan yang lebat.*
>
> (Nuh: 10-11)

Apabila khutbah kedua bermula dan berlalu satu pertiga daripadanya, *khatib* hendaklah berpaling ke arah kiblat dengan membelakangkan orang ramai dan mengubah kedudukan kain lepas (bahagian atas yang membalut tubuhnya) dengan dijadikan bahagian atas ke bawah, bahagian bawah ke atas, bahagian kanan ke kiri dan bahagian kiri ke kanan bagi menyatakan keadaan bertambah hina di hadapan Allah Taala.

Ibnu Majah (1268) meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. katanya:

> *Rasulullah s.a.w. telah keluar pada hari meminta hujan. Lalu Baginda sembahyang bersama-sama kami dengan dua rakaat tanpa azan dan iqamah. Kemudian Baginda berkhutbah kepada kami dan berdoa kepada Allah serta mengubah wajahnya (berpaling) ke arah kiblat dalam keadaan mengangkat kedua tangannya. Kemudian Baginda menukar kedudukan kain dengan dijadikan bahagian kanan ke bahagian kiri dan bahagian kiri ke bahagian kanan.*

Orang ramai juga disunatkan melakukan apa yang dilakukan oleh *khatib*. *Khatib* disunatkan supaya banyak beristighfar, berdoa, bertaubat dan tunduk menghinakan diri serta ber*tawassul* dengan golongan yang saleh dan bertakwa.

Al-Bukhari (746) meriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Umar bin Al-Khattab r.a., apabila rakyat ditimpa kemarau, dia telah berdoa meminta hujan dengan ber*tawassul* dengan Abbas bin Abdul Mutalib dalam doanya:

> *Ya Allah ya Tuhanku! Sesungguhnya kami pernah bertawassul kepada engkau dengan Nabi kami, lalu engkau turunkan hujan kepada kami. Dan sesungguhnya (sekarang) kami bertawassul kepada engkau dengan bapa saudara Nabi kami maka turunkanlah hujan kepada kami.*

Anas berkata: Kemudian hujan diturunkan kepada mereka.

Keempat: Disunatkan membawa kanak-kanak kecil, orang-orang tua, binatang-binatang ternakan ke tempat sembahyang kerana musibah yang berlaku adalah menimpa mereka semua. Dan ahli zimmi, mereka tidak seharusnya dilarang daripada menghadiri majlis tersebut.

Antara Doa Rasulullah s.a.w. Ketika Meminta Hujan

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا سُقْيَا رَحْمَةٍ، وَلَا تَجْعَلْهَا سُقْيَا عَذَابٍ، وَلَا مَحْقٍ وَلَا بَلَاءٍ، وَلَا هَدْمٍ وَلَا غَرَقٍ. اللَّهُمَّ عَلَى الظِّرَابِ وَالْآكَامِ، وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ وَبُطُونِ الْأَوْدِيَةِ. اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا. اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا

مُغِيثًا، هَنِيئًا مَرِيئًا مَرِيعًا، سَحًّا عَامًّا غَدَقًا طَبَقًا مُجَلَّلًا، دَائِمًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اسْقِنَا الْغَيْثَ وَلَا تَجْعَلْنَا مِنَ الْقَانِطِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّ بِالْعِبَادِ وَالْبِلَادِ مِنَ الْجَهْدِ وَالْجُوعِ وَالضَّنْكِ مَا لَا نَشْكُو إِلَّا إِلَيْكَ. اللَّهُمَّ أَنْبِتْ لَنَا الزَّرْعَ وَأَدِرَّ لَنَا الضَّرْعَ، وَأَنْزِلْ عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِ السَّمَاءِ، وَأَنْبِتْ لَنَا مِنْ بَرَكَاتِ الْأَرْضِ، وَاكْشِفْ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ مَا لَا يَكْشِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ، إِنَّكَ كُنْتَ غَفَّارًا، فَأَرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْنَا مِدْرَارًا

Ya Allah! Jadikan ia (iaitu hujan yang akan turun) sebagai rahmat kepada kami. Janganlah Kamu jadikannya sebagai azab, penghapus, bala', kehancuran dan banjir kepada kami. Ya Allah! Turunkan hujan ke atas bukit-bukit kecil, batu-batu besar, tempat tumbuh pepohon, dan di perut-perut perlembahan. Ya Allah, turunkanlah ia di sekitar kami, bukan ke atas kami. Ya Allah, siramkanlah kami dengan hujan yang menyelamatkan kami dari kesusahan, yang menyedapkan kami, yang menyubur dan membesarkan (tanaman), juga hujan yang menembusi tanah, yang banyak dan menyeluruh serta berterusan hingga hari akhirat. Ya Allah, siramkanlah kami dengan hujan dan janganlah Engkau menjadikan kami terdiri daripada golongan yang berputus asa. Ya Allah, sesungguhnya hamba-hamba-Mu dan negeri ini sedang menghadapi kesusahan, kelaparan dan kesempitan yang kami tidak mengadu melainkan kepada-Mu. Ya Allah, tumbuhkanlah bagi kami tanaman dan perbanyakkanlah bagi kami susu, dan turunkanlah ke atas kami keberkatan-keberkatan langit dan tumbuhkanlah bagi kami daripada keberkatan-keberkatan langit. Hindarkanlah kami daripada bala yang mana bala itu tidak dapat dihindarkan melainkan oleh-Mu. Ya Allah, sesungguhnya kami memohon keampunan-Mu, sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Maha Pengampun, maka kirimkanlah kepada kami langit (yang mengandungi) banyak (air).

(Al-Bukhari (967), Muslim (897), Abu Daud (1169), As-Syafie (al-Umm 1/222) dan lain-lain)

HUKUM JENAZAH

Mengingati Mati

Ketahuilah! Semua manusia disunatkan supaya banyak mengingati mati, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَكْثِرُوا مِنْ ذِكْرِ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ

Perbanyakkanlah mengingati perkara yang menghancurkan kelazatan (yang memutuskannya dengan segera iaitu mati).

(Ibnu Hibban (2559) dan lainnya)

Juga disunatkan supaya sentiasa bertaubat dan istiqamah pada jalan Allah Taala; sama ada pemuda, orang dewasa atau orang tua yang telah berumur; sama ada yang sihat atau sakit. Ini kerana ajal berada dalam simpanan ilmu Allah Taala. Dan mati pula tidak semestinya lebih hampir kepada orang tua daripada orang muda, begitu juga orang sakit daripada orang yang sihat. Berapa ramai orang muda yang disambar maut dalam keadaan dia tenggelam dalam mimpi-mimpi mudanya, dan berapa ramai orang tua yang telah berumur, terus hidup dalam keadaan menunggu-nunggu kedatangan maut hari demi hari.

Apabila seseorang insan ditimpa sakit, maka tuntutan supaya mengingati mati adalah lebih kuat. Begitu juga dengan persediaan untuk mati, ia lebih perlu dan sangat penting ketika itu.

Tindakan Terhadap Seseorang Muslim ketika Nazak

Maksud nazak (*al-ihtidhoor*) ialah tanda-tanda mati yang zahir ke atas orang yang sakit dan roh mula dicabut daripada jasadnya.

1. Apabila seseorang pesakit telah sampai ke tahap nazak, maka sunat bagi ahli keluarganya membaringkannya di atas lambung kanan dengan mukanya menghadap kiblat. Sekiranya

susah untuk berbuat demikian, maka dibaringkannya dengan terlentang dan mukanya diangkat sedikit mengadap ke arah kiblat. Begitu juga dengan kedua-dua tapak kakinya (sunat diarahkan ke arah kiblat).

2. Sunat diajarkan kepadanya kalimah *Syahadah* iaitu kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ, dengan cara yang lembut bukan dengan memaksa/mendesak. Ia dilakukan dengan diulang-ulang kalimah tersebut tanpa menyuruhnya supaya melafazkannya, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:

   لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ

   Ajarkanlah orang yang hampri mati dikalangan kamu, dengan kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ .

3. Sunat dibacakan surah *Yasin* di sisinya, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:

   اقْرَءُوا عَلَى مَوْتَاكُمْ يس

   Bacakanlah kepada orang yang hampir mati di kalangan kamu dengan surah Yasin.

   (Abu Daud (3121) dan Ibnu Hibban (720) dan beliau mensahihkannya)

4. Disunatkan kepada pesakit yang merasai tanda-tanda dan kesakitan maut supaya bersangka baik terhadap Allah dan mencampakkan semua bentuk dosa dan maksiat di belakangnya (melupakannya) sambil menggambarkan bahawa dia sedang mengadap Tuhan yang Maha Mulia dan Maha Pengampun yang akan mengampun segala dosanya. Dia disunatkan berbuat demikian selama mana Iman dan Tauhidnya kepada Allah masih dipelihara.

   Ini berdasarkan hadis sahih bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

   أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي

   Aku berada di sisi sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku.

   (Al-Bukhari 7970 dan Muslim 2675)

Tindakan Selepas Kematian Seseorang Muslim

Apabila seseorang itu mati dan rohnya telah keluar, maka sunat melakukan beberapa perkara berikut:

1. Memejamkan kedua-dua matanya dan mengikat kedua-dua rahangnya dengan kain supaya mulutnya tidak terbuka. Ini kerana:

   Ketika Nabi s.a.w. masuk menemui Abi Salamah, dia berada dalam keadaan matanya terbuka, lalu Baginda menutupnya.
   (Muslim 920)

2. Melembutkan tulang-tulang sendi dan dikembalikan setiap sendi ke tempatnya. Ini dilakukan dengan melembutkan lengan bawahnya kemudian dilakukan perkara yang sama kepada lengan atasnya. Begitu juga diperlakukan kepada kaki dan anggota lainnya.

3. Meletakkan sesuatu yang berat di atas perutnya supaya tidak kembung yang akan memburukkan/menghodohkan pemandangan. Juga disunatkan supaya seluruh tubuhnya ditutup dengan kain nipis.

4. Sunat ditanggalkan semua pakaiannya (kecuali kain nipis yang menutup seluruh tubuhnya) dan dia diletakkan di atas katil atau seumpamanya yang lebih tinggi daripada lantai serta dihadapkannya ke arah kiblat sebagaimana yang dilakukan ketika dia didatangi maut. Ini hendaklah dilakukan oleh mahramnya yang paling baik dengannya.

Kewajipan Terhadap Mayat

Disunatkan supaya segera menguruskannya iaitu memandi, mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikannya.

Ulama' Islam telah berijmak bahawa menguruskan keempat perkara tersebut adalah *fardhu kifayah* yang berkait dengan semua orang Islam yang berada di *balad* (pekan) tersebut. Jika tidak ada seorang pun di kalangan mereka yang melakukan kewajipan tersebut, maka semuanya berdosa.

1. Memandikan Mayat

Perkara pertama yang dilakukan ialah mandi. Terdapat dua cara untuk memandikan mayat.

Cara Pertama

Iaitu cara yang paling minimum yang memberi makna/mencapai maksud mandi dan terlepas daripada dosa.

Caranya ialah: dihilangkan semua najis yang mungkin ada pada tubuhnya kemudian diratakan air keseluruh badannya.

Cara Kedua

Iaitu cara yang sempurna dan mengikut as-Sunnah. Orang yang memandikannya hendaklah melakukan perkara berikut:

Pertama: Mayat diletakkan di tempat yang kosong dan tinggi seperti papan atau seumpamanya dan auratnya ditutup dengan baju atau seumpamanya.

Kedua: Orang yang memandikannya hendaklah mendudukkannya di atas tempat mandi dalam keadaan condong ke belakang. Kepalanya disandarkan ke tangan kanannya, manakala tangan kirinya menekan perut mayat dengan kuat supaya keluar (najis) yang mungkin ada di dalamnya.

Kemudian dia memakai sarung tangan dan membasuh kedua-dua kemaluannya. Kemudian mulut dan kedua-dua lubang hidung dibersihkan dengan berhati-hati (supaya air meratainya). Kemudian diambil wudhuk untuknya sebagaimana orang hidup berwudhuk.

Ketiga: Kepala dan mukanya dibasuh dengan sabun atau seumpamanya (sesuatu yang membersihkan). Rambutnya disikat jika dia mempunyai rambut. Sekiranya ada yang tercabut, maka hendaklah dikembalikan untuk dikebumikan bersama-samanya.

Keempat: Dibasuh dengan sempurna semua bahagian kanan bermula dengan anggota selepas mukanya (bahagian hadapan) dan bahagian kiri, juga bermula dengan anggota selepas mukanya. Kemudian bahagian kanan bermula dengan bahagian tengkoknya (bahagian belakang) dan sebelah kiri, juga bermula dengan anggota selepas tengkoknya. Dengan itu semua badanya telah diratai dengan air.

Ini adalah mandi yang pertama. Disunatkan supaya mandi seumpama itu diulangi sehingga cukup 3 kali mandi. Pada mandi yang terakhir (ketiga), hendaklah dicampurkan sedikit dengan air kapur sekiranya mayat tidak berada dalam keadaan berihram.

Dalilnya ialah hadis riwayat Al-Bukhari (165) dan Muslim (939) daripada Ummu 'Atiyyah Al-Anssariyyah r.ha. katanya:

> *Rasullullah s.a.w. masuk menemui kami dalam keadaan kami sedang memandikan mayat anak perempuan Baginda,*

lalu Baginda s.a.w. bersabda: Mandikanlah dia sebanyak 3 atau 5 kali atau lebih daripada itu jika kamu melihat ia perlu dilakukan sebanyak itu, dengan air dan air bidara dan jadikan mandi yang akhir itu dengan (air bercampur) kapur atau sedikit daripada kapur. Dan mulakan dengan bahagian kanannya dan tempat-tempat wudhuk daripadanya.

Sekiranya mayat tersebut berada dalam keadaan berihram, maka dia dimandikan seperti orang lain tanpa dicampur dengan kapur, atau lain-lain bahan yang mempunyai bau yang wangi.

Al-Bukhari (1208) meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a.:

Seorang lelaki dalam keadaan berihram telah dicampak oleh untanya ke bawah, lalu tengkoknya dipijak (lelaki tersebut mati). Ketika itu kami berada bersama-sama Rasulullah s.a.w.. Baginda bersabda: Mandikan dia dengan air bidara dan kafankannya dengan dua pakaian (kain). Jangan sentuhkannya (meletakkan kepadanya) dengan wangian-wangian dan jangan kamu menutup kepalanya. Sesungguhnya Allah akan membangkitkannya pada hari kiamat dalam keadaan rambutnya melekat antara satu sama lain. Dalam riwayat yang lain: *dalam keadaan mengucap talbiah.*

Mayat lelaki wajib dimandi oleh orang lelaki dan mayat perempuan wajib dimandi oleh orang perempuan sebagaimana yang terdapat dalam hadis-hadis yang lalu. Walau bagaimanapun, suami dibolehkan memandikan isterinya, dan sebaliknya. Sekiranya tidak terdapat orang yang akan memandikan mayat perempuan kecuali lelaki ajnabi atau sebaliknya, maka gugur kewajipan memandikannya dan digantikan dengan tayammum.

Ketahuilah! Tujuan memandikan mayat disyariatkan ialah untuk memulia dan membersihkannya. Oleh itu mandi diwajibkan kepada setiap orang Islam yang mati kecuali mereka yang syahid di medan jihad sebagaimana yang akan anda ketahui.

2. Mengkafankan

Sekurang-kurang cara mengkafan yang dituntut ialah mayat dibalut dengan sehelai kain yang menutup seluruh badan dan kepalanya sekiranya dia tidak berada dalam keadaan berihram. Yang diwajibkan ialah pakaian/kain yang menutup aurat menurut pendapat yang lebih sahih (*Ashoh*)

Cara yang sempurna ialah: Sekiranya mayat tersebut lelaki maka dikafan dengan 3 kain putih; setiap satu berukuran dengan kadar panjang mayat, dan lebarnya sekira-kira boleh membalut seluruh badannya. Makruh dikafankan dengan selain kain putih. Juga makruh dikafankan dengan sesuatu yang menyerupai baju kemeja atau menutup kepalanya dengan sesuatu yang menyerupai serban.

Al-Bukhari (1214) dan Muslim (941) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. katanya:

> *Rasulullah s.a.w. telah dikafankan dengan 3 helai **kain kapas** (Suhuliyyah) yang putih; tidak ada padanya baju dan serban.*

Maksud *kain kapas* (*Suhuliyyah*) ialah kain putih dan bersih yang hanya diperbuat daripada kapas. Ada ulama' menyatakan: kalimah *suhuliyyah* adalah dinisbahkan kepada sebuah daerah yang terletak di Yaman.

At-Tirmidzi (994) dan lainnya meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

> الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفِّنُوا فِيهَا مَوْتَاكُمْ
>
> *Pakailah pakaian kamu yang berwarna putih. Sesungguhnya ia adalah antara sebaik-baik pakaian kamu. Dan kafanlah dengannya orang yang mati di kalangan kamu.*

Sekiranya mayat tersebut perempuan, sunat dikafankan dengan 5 helai kain putih. Iaitu sehelai kain sarung yang menutup daripada pusat hingga badannya yang paling bawah, sehelai kain yang menutup kepalanya, sehelai baju yang menutup daripada atas badannya hingga kurang sedikit daripada kain sarung, dan dua helai kain yang dibalut ke seluruh badan.

Ini berdasarkan riwayat Abu Daud (3157) dan lainnya:

> *Nabi s.a.w. telah memerintahkan supaya anak perempuan Baginda Ummu Kalthum dikafankan dengan keadaan yang sedemikian.*

Ini sekiranya mayat tidak berada dalam keadaan berihram. Sekiranya mayat berada dalam keadaan berihram, maka wajib dibuka kepalanya (mayat lelaki). Sebagaimana dalam hadis yang menceritakan tentang seorang lelaki yang mati dalam keadaan

berihram lalu dipijak oleh untanya. Manakala hukum membuka muka mayat perempuan yang berada dalam keadaan berihram samalah hukumnya dengan kepala mayat lelaki.

Wajib menggunakan kain kafan daripada jenis yang diharuskan bagi mayat memakainya sekiranya dia hidup. Oleh itu, tidak harus dikafankan mayat lelaki dengan kain sutera. Sepatutnya kapas yang diatasnya diletakkan sejenis ubat atau kapur diletakkan pada bahagian-bahagian mayat yang berlubang dan anggota-anggota sujudnya. Kain-kain kafan yang membalutnya sepatutnya diikat dengan perca kain kemudian dibuka kembali ketika dalam kubur.

3. Menyembahyangkan

Dalil disyariatkan: Hadis riwayat Al-Bukhari (1188) dan Muslim (901) daripada Abu Hurairah r.a.:

> *Rasulullah s.aw. merasa sedih dengan kematian al-Najasyiyy. Baginda keluar menuju ke tempat sembahyang. Lalu Baginda mengatur saf mereka (para sahabat) dan bertakbir dengan empat takbir.*

Sembahyang tidak sah melainkan selepas mayat dimandikan. Cara mendirikan sembahyang ialah:

i. Bertakbir dengan *Takbiratul Ihram* dalam keadaan berniat sembahyang ke atas mayat. Cara berniat ialah terlintas dalam hati bahawa dia sembahyang dengan empat takbir ke atas mayat sebagai fardhu kifayah.

ii. Selepas bertakbir, kedua-dua' tangannya diletakkan di atas dadanya sebagaimana sembahyang biasa. Kemudian membaca Fatihah.

iii. Apabila Fatihah telah sempurna, dia bertakbir untuk kali kedua dalam keadaan mengangkat kedua tangan hingga ke cuping telinga. Kemudian diletakkan kembali tangannya di atas dada. Seterusnya dia membaca selawat dengan mana-mana lafaz selawat dan yang paling afdhal ialah selawat *Ibrahimiyah* sebagaimana yang telah disebut dalam bab hukum-hukum sembahyang.

iv. Kemudian bertakbir untuk kali ketiga dan berdoa untuk simati selepas takbir tersebut. Ini adalah tujuan paling besar sembahyang mayat.

Al-Bukhari (1270) meriwayatkan daripada Tolhah bin Abdullah bin Auf katanya:

Aku telah sembahyang jenazah di belakang Ibnu Abbas r.a., lalu beliau membaca surah Al-Fatihah. Kemudian dia berkata: Hendaklah mereka mengetahui bahawa itu adalah Sunnah.

Al-Nasai'e (4/75) meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Abi Umamah bin Sahl r.a. bahawa salah seorang sahabat Nabi s.a.w. telah memberitahu kepadanya:

Sesungguhnya cara sembahyang jenazah menurut as-Sunnah ialah Imam bertakbir, kemudian membaca Fatihah selepas takbir pertama secara yang hanya (didengari) oleh dirinya., Kemudian berselawat ke atas Nabi s.a.w. dan mengikhlaskan niat ketika berdoa kepada jenazah di dalam takbir-takbir tersebut, kemudian memberi salam dengan perlahan.

Sekurang-kurang lafaz doa ialah: اللّٰهُمَّ ارْحَمْهُ (Ya Allah! Rahmatilah mayat ini) atau اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ (Ya Allah! Ampunilah mayat ini).

Paling sempurna ialah berdoa dengan doa yang *ma'thur* daripada Nabi s.a.w.:

Pertama-tamanya hendaklah dibaca dengan doa ini:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنْثَانَا. اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الإِسْلَامِ، وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الإِيمَانِ

Ya Allah! Ampunilah orang yang hidup dan orang yang mati di kalangan kami, orang yang ada bersama kami dan orang yang tiada bersama kami, orang muda dan orang tua di kalangan kami serta lelaki dan perempuan di kalangan kami. Ya Allah! Sesiapa yang kamu biarkan hidup di kalangan kami, maka hidupkanlah dia di atas Islam (menghayati ajarannya). Dan sesiapa yang kamu matikan di kalangan kami, maka matikanlah dia dalam keimanan

(At-Tirmizi (1024) dan Abu Daud (3201))

Kemudian membaca doa (doa kedua yang dibaca selepas doa pertama di atas:

اللَّهُمَّ هٰذَا عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدَيْكَ

Ya Allah! Inilah hamba lelaki-Mu dan anak kepada dua hamba-Mu

Jika mayat tersebut adalah perempuan, maka dibaca dengan:

اللَّهُمَّ هٰذِهِ أَمَتُكَ وَابْنَةُ أَمَتِكَ

Ya Allah! Inilah hamba perempuan-Mu dan anak perempuan kepada hamba perempuan-Mu

Kemudian dia hendaklah menyambung doanya:

خَرَجَ مِنْ رَوْحِ الدُّنْيَا وَسَعَتِهَا، وَمَحْبُوْبِهِ وَأَحِبَّائِهِ فِيْهَا، إِلَى ظُلْمَةِ الْقَبْرِ وَمَا هُوَ لَاقِيهِ، كَانَ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ وَحْدَكَ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ وَرَسُوْلُكَ، وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنَّا. اللَّهُمَّ إِنَّهُ نَزَلَ بِكَ وَأَنْتَ خَيْرُ مَنْزُولٍ بِهِ، وَأَصْبَحَ فَقِيرًا إِلَى رَحْمَتِكَ، وَأَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهِ، وَقَدْ جِئْنَاكَ رَاغِبِينَ إِلَيْكَ، شُفَعَاءَ لَهُ. اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ مُحْسِنًا فَزِدْ فِي إِحْسَانِهِ، وَإِنْ كَانَ مُسِيئًا فَتَجَاوَزْ عَنْهُ، وَلَقِّهِ بِرَحْمَتِكَ رِضَاكَ، وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَهُ، وَافْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ، وَجَافِ الْأَرْضَ عَنْ جَنْبَيْهِ، وَلَقِّهِ بِرَحْمَتِكَ الْأَمْنَ مِنْ عَذَابِكَ، حَتَّى تَبْعَثَهُ إِلَى جَنَّتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Dia telah keluar daripada keselesaan dan keluasan dunia, daripada orang yang disayangi dan yang mengasihinya, menuju kegelapan kubur serta segala apa yang akan ditempuhinya. Dia adalah seorang yang menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Engkau yang Maha Esa, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan Engkau, sedangkan Engkau lebih mengetahui tentangnya. Ya Allah, sesungguhnya dia telah menjadi tetamu Engkau dan Engkau adalah tuan rumah yang paling baik. Dia sekarang telah menjadi seorang yang memerlukan kerahmatan Engkau, sedangkan Engkau

tidak perlu untuk mengazabnya. Sesungguhnya kami datang kepada Engkau dalam keadaan cintakan kepada Engkau dan menjadi pemberi syafaat kepadanya. Ya Allah, jika dia adalah seorang yang melakukan kebaikan, maka tambahkanlah kebaikannya, dan sekiranya dia adalah seorang yang melakukan kejahatan, maka ampunkanlah dia. Berikanlah kepadanya keredhaan-Mu dengan sifat rahmat yang ada pada-Mu. Peliharalah dia daripada fitnah kubur serta azabnya, lapangkan kuburnya, ruangkanlah bumi daripada menghimpit tubuhnya, berikanlah kepadanya keamanan daripada menerima azab-Mu dengan sifat rahmat-Mu, sehingga Engkau menghantarnya masuk ke dalam syurga-Mu, wahai Tuhan yang Maha Penyayang.

Sekiranya mayat tersebut adalah kanak-kanak maka doa yang dibaca sebagai ganti kepada doa kedua di atas ialah:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرَطًا لِأَبَوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا، وَثَقِّلْ بِهِ مَوَازِينَهُمَا، وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا، وَلَا تَفْتِنْهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمْهُمَا أَجْرَهُ

Ya Allah! Jadikanlah ia sebagai orang yang mendahului (ibu bapanya ke syurga), khazanah, pengajaran dan pemberi syafaat kepada mereka. Beratkanlah dengannya timbangan amal kebaikan mereka. Limpahkanlah kesabaran ke dalam hati kedua mereka. Janganlah Engkau jadikan fitnah kepada mereka selepas kematiannya dan janganlah Engkau menahan pahalanya daripada dinikmati oleh keduanya."

Doa-doa ini diambil oleh Imam Syafi'e r.a daripada himpunan-himpunan hadis dan kemungkinan dia menyebutnya dengan makna (tidak dengan lafaz yang asal daripada Nabi). Walau bagaimanapun para sahabatnya (ulama'-ulama' mazhab Syafi'e) telah menerimanya sebagai doa yang baik diamalkan.

Hadis yang paling sahih dalam bab doa ini ialah hadis riwayat Muslim (963) daripada Auf bin Malik r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. telah sembahyang ke atas satu jenazah dan aku telah mendengar Baginda berdoa:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وعَذَابَ النَّارِ

(Ya Allah! Ampunilah dan rahmatilah dia. Afiatkanlah dia dan ampunkanlah dia. Muliakanlah tempat persinggahannya dan luaskanlah tempat masuknya. Basuhkanlah dia dengan air, salji dan embun. Sucikanlah dia daripada segala kesalahan sebagaimana disucikan pakaian putih daripada segala kotoran. Gantikanlah rumahnya dengan rumah yang lebih baik, ahli keluarganya dengan ahli keluarga yang lebih baik dan pasangannya dengan pasangan yang lebih baik. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan peliharalah dia daripada fitnah kubur serta azab neraka.)

Auf berkata: Aku bercita-cita supaya mayat tersebut adalah diriku kerana doa Rasulullah s.a.w. kepadanya.

v. Kemudian bertakbir untuk kali keempat dan berdoa selepasnya:

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ

Ya Allah! Janganlah kamu menghalang kami daripada mendapat pahalanya dan janganlah kami terfitnah selepas kematiannya. Ampunilah kami dan ampunilah dia.

(Abu Daud (3201) daripada Nabi s.a.w.)

vi. Kemudian memberi salam dengan dua kali salam. Iaitu ke sebelah kanan dan kiri sebagaimana salam dalam sembahyang-sembahyang yang lain.

Al-Baihaqi (4/430) meriwayatkan dengan sanad yang baik daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. kemudian dia berkata:

Rasulullah s.a.w. melakukan salam (ketika) sembahyang jenazah sebagaimana salam dalam sembahyang biasa.

Berdasarkan kenyataan di atas, anda dapati bahawa sembahyang jenazah dilakukan dalam keadaan berdiri. Oleh itu ia tidak ada rukuk, sujud dan duduk.

4. Mengebumikan mayat

Seminimum cara yang wajib dikebumikan mayat ialah dikebumikan dalam lubang yang boleh menghalang daripada timbulnya bau dan tidak boleh digali oleh binatang-binatang buas serta dalam keadaan mengadap kiblat.

Cara yang paling sempurna ialah:

i. Ditanam dalam kubur yang dalam. Ukurannya ialah setinggi seorang lelaki yang sederhana ditambah dengan panjang kedua tangannya yang diangkat ke atas. Luasnya pula ialah sekadar satu hasta sejengkal.

Abu Daud (3210) dan At-Tirmidzi ((1713) Beliau berkata: Hadis Hasan Sahih) meriwayatkan daripada Hisyam bin Amir r.a. daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda bersabda mengenai para syuhada' Uhud.

احْفِرُوا وَأَوْسِعُوا وَأَحْسِنُوا

Galikanlah kubur dan luaskan serta perelokkannya.

ii. Wajib diletakkan mayat di atas bahagian kanannya dengan mengadap ke arah kiblat. Jika mayat tidak mengadap ke arah kiblat dan tanah telah ditimbus, maka wajib digali semula untuk dihadapkan ke arah kiblat. Ini sekiranya mayat tersebut ditakdirkan belum berubah (berbau busuk). Disunatkan agar pipinya dikenakan pada tanah.

iii. Jika tanah dalam keadaan keras, maka sunat dibuat (liang) lahad dalam kubur tersebut. Ini berdasarkan hadis riwayat Muslim (966) daripada Saad bin Abi Waqqas r.a. bahawa dia berkata ketika sakit yang membawa kepada kematiannya:

Buatkan untuk aku (liang) lahad dan tegakkan dinding batu-bata untukku sebagaimana yang dibuat kepada Rasulullah s.a.w..

Liang lahad ialah rongga yang dibuat pada dinding kubur dengan kadar keluasan boleh ditelusi dan diletakkan mayat di dalamnya. Kemudian mulut lubang tersebut dimuatkan dengan batu-batu yang halus supaya tanah tidak runtuh ke atasnya.

Sekiranya tanah kubur dalam keadaan lembut, maka sunat dibuat lubang kubur secara *syaqq*. Maksud *syaqq* ialah lubang

yang dibuat di tengah-tengah bahagian kubur dengan kadar boleh dimuatkan mayat di dalamnya. Dan dibina di kedua belah lubang tersebut dengan batu-batu atau seumpamanya. Kemudian diletakkan mayat dan ditutup dengan batu-batu halus, kemudian ditimbuskan dengan tanah.

iv. Disunatkan agar mayat ditarik daripada bahagian kepalanya setelah ia diletakkan berhampiran dengan kubur untuk dikebumikan, kemudian dihulurkan dengan perlahan ke dalam liang kubur.

Abu Daud (3211) meriwayatkan dengan sanad yang sahih:

Abdullah bin Yazid Al-Khatomiy Al-Sohabiy r.a. telah memasukkan Al-Haris ke dalam kubur dari arah dua kaki kubur dan menyatakan: Ini adalah Sunnah.

Dan disunatkan kepada orang lelaki yang paling akrab dengan mayat supaya turun ke dalam kubur untuk meratakan tanah di dalamnya dan disunatkan kepada orang yang meletakkannya ke lubang lahad berkata: بِسْمِ اللهِ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللهِ (Dengan nama Allah, berdasarkan sunnah Rasulullah s.a.w.), kerana mengikut perbuatan Rasulullah s.a.w.

Abu Daud (3213) dan At-Tirmidzi (1046) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a.:

Apabila Nabi s.a.w. meletakkan mayat ke dalam kubur Baginda berkata: بِسْمِ اللهِ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُولِ اللهِ *(Dengan nama Allah, berdasarkan sunnah Rasulullah s.a.w.)*

MENGIRINGI JENAZAH (ADAB-ADAB DAN BIDA'AH)

Hukum Mengiringi Jenazah

Sunat bagi golongan lelaki mengikut jenazah dan mengiringinya hingga ke kuburnya. Al-Barra' bin Azib berkata:

> *Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami supaya mengiringi jenazah; menziarahi orang sakit, mendoakan kebaikan untuk orang yang bersin, menyahut/menerima jemputan dan menolong orang-orang yang dizalimi.*
>
> (Al-Bukhari (1182))

Disunatkan supaya tidak pulang kecuali setelah mayat selesai dikebumikan. Al-Bukhari (1261) dan Muslim (945) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ شَهِدَ الْجِنَازَةَ حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهَا فَلَهُ قِيرَاطٌ وَمَنْ شَهِدَهَا حَتَّى تُدْفَنَ فَلَهُ قِيرَاطَانِ. قِيلَ: وَمَا الْقِيرَاطَانِ؟ قَالَ: مِثْلُ الْجَبَلَيْنِ الْعَظِيمَيْنِ

> *Sesiapa yang menyaksikan jenazah sehingga menyembahyangkannya baginya satu Qirat. Sesiapa yang menyaksikannya sehingga dikebumikan, baginya dua Qirat. Sahabat bertanya: Apakah dua Qirat itu? Jawab Rasulullah s.a.w.: Seperti pahala seumpama dua buah bukit yang besar.*

Bagi golongan perempuan pula, mereka tidak disunatkan untuk berbuat demikian (mengiringi jenazah). Bahkan perbuatan tersebut adalah menyalahi sunnah dan wasiat Rasulullah s.a.w.. Al-Bukhari (1219) dan Muslim (938) meriwayatkan daripada Ummu 'Atiyyah r.ha. katanya:

Kami telah dilarang daripada mengikuti (mengiringi) jenazah. Walau bagaimanapun, (larangan tersebut) tidak dikuatkan ke atas kami (tidak sampai ke tahap diharamkan).

Ibnu Majah meriwayatkan daripada Ali r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah s.a.w. telah keluar. Tiba-tiba Baginda dapati segolongan perempuan sedang duduk. Baginda bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu semua duduk di sini? Mereka menjawab: Kami sedang menunggu jenazah. Sabda Baginda: Adakah kamu yang memandikan jenazah? Mereka menjawab: Tidak. Baginda bertanya lagi: Adakah kamu yang akan memikulnya? Jawab mereka: Tidak. Sabda Baginda: Adakah kamu yang akan menurunkannya ke dalam kubur? Mereka menjawab: Tidak. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Pulanglah kamu semua. Kamu akan mendapat dosa dan tidak diberikan pahala jika kamu mengiringinya dan menghadirkan diri semasa pengebumiannya.

Di antara Adab-adab Mengiringi Jenazah

1. Mengiringinya dengan berjalan kaki dan boleh menaiki kenderaan ketika pulang jika mahu berbuat demikian.

   Al-Bukhari (3177) meriwayatkan daripada Thaubah r.a.:

   Seekor binatang tunggangan dibawa kepada Rasulullah s.a.w. ketika Baginda berada di samping jenazah. Baginda enggan menunggangnya. Apabila Baginda beredar (daripada perkuburan), didatangkan semula binatang tunggangan, lalu Baginda menungganginya. Kemudian Baginda ditanya mengenai tindakan Baginda itu. Baginda s.a.w. menjawab: Sesungguhnya para malaikat berjalan kaki. Oleh itu aku tidak mahu menunggangi (binatang) sedang mereka dalam keadaan berjalan kaki. Apabila mereka pergi, barulah aku menungganginya.

Perbuatan Rasulullah s.a.w. ini difahami dengan makna sunat sahaja. Ini kerana *thabit* daripada Nabi s.a.w. bahawa pada sesetengah keadaan Baginda menunggangi binatang ketika mengiringi jenazah.

Imam Muslim (965) meriwayatkan daripada Jabir bin Samrah r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. telah menyembahyang jenazah Ibnu Dahdah. Kemudian Baginda didatangkan seekor kuda yang tidak berpelana, lalu seorang sahabat memegang kuda tersebut untuk ditunggangi oleh Baginda. Kemudian Baginda menungganginya dan kami mengikutinya dengan berjalan cepat di belakangnya.

2. Haram memikul jenazah dalam keadaan sambil lewa atau keadaan yang boleh menyebabkannya jatuh ke tanah. Sunat membawa jenazah dalam peti (keranda), terutamanya jika mayat tersebut adalah perempuan sebagai meraikan kemuliaan yang Allah kurniakan kepada manusia.

3. Makruh membuat bising ketika mengiringi jenazah bahkan disunatkan supaya tidak meninggikan suara dengan membaca al-Quran, berzikir dan lain-lainnya. Dan hendaklah digantikan (perbuatan bising itu) dengan bertafakur mengenai kematian dan memerhatikan kesudahannya. Berdasarkan hadis Abi Daud (317) daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

لَا تُتْبَعُ الْجَنَازَةُ بِصَوْتٍ وَلَا نَارٍ

Jangan diiringi jenazah dengan bersuara dan membawa api.

4. Yang lebih afdhal bagi orang yang mengiringi Jenazah ialah berjalan di bahagian hadapan berdekatan dengan jenazah, kerana mereka semua adalah pemberi syafaat kepada jenazah di sisi Allah Taala. Oleh itu sesuailah mereka berada di hadapannya.

Abu Daud (3179) dan lainnya meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

Aku telah melihat Nabi s.a.w., Abu Bakar dan Umar berjalan di hadapan jenazah.

Abu Daud juga meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

الرَّاكِبُ يَسِيرُ خَلْفَ الْجَنَازَةِ، وَالْمَاشِي خَلْفَهَا وَأَمَامَهَا وَعَنْ يَمِينِهَا وَعَنْ يَسَارِهَا قَرِيبًا مِنْهَا

Orang yang berkenderaan hendaklah berjalan di belakang jenazah. Dan orang yang berjalan kaki hendaklah berada di belakang, di hadapan, di sebelah kanan dan kiri berdekatan dengan jenazah.

5. Seseorang Muslim tidak dilarang untuk mengiringi jenazah kaum kerabatnya yang kafir. Bahkan tindakannya itu tidak dihukum makruh.

6. Sunat mengucapkan *ta'ziah* kepada keluarga simati dalam masa 3 hari daripada tarikh kematian. Berdasarkan hadis riwayat Ibnu Majah (1601) bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُعَزِّي أَخَاهُ بِمُصِيبَةٍ إِلَّا كَسَاهُ اللَّهُ مِنْ حُلَلِ الْكَرَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Tidaklah seseorang Muslim itu mengucap ta'ziah kepada saudaranya yang ditimpa musibah melainkan Allah akan memakaikannya dengan pakaian-pakaian kemuliaan pada hari kiamat.

Mengucap *ta'ziah* ialah dengan mendorongnya supaya bersabar dan menghiburkan hatinya yang sedang kesedihan. Seperti dia berkata: Semuga Allah memberi ganjaran yang besar kepadamu.

Makruh mengucapkan *ta'ziah* selepas tiga hari kecuali bagi yang bermusafir. Ini kerana kebiasaannya, rasa sedih pada waktu tersebut telah pun hilang dan berakhir. Oleh itu adalah tidak elok diingatkannya kembali peristiwa kematian yang telah berlaku.

Begitu juga makruh mengucapkan *ta'ziah* berulang-ulang kali. Yang lebih *aula'* (baik), *ta'ziah* diucapkan selepas pengkebumian. Ini kerana sebelum itu, ahli keluarganya sibuk menyelenggarakannya. Kecuali jika mereka terlalu sedih, maka mendahulukan ucapan *ta'ziah* adalah lebih *aula* sebagai menghiburkan hati mereka yang sedang berada dalam kesedihan.

Lafaz *ta'ziah* yang disunatkan ialah:

أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ، وَأَحْسَنَ عَزَاءَكَ، وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ، وَعَوَّضَكَ اللَّهُ عَنْ مُصِيبَتِكَ خَيْرًا

Semoga Allah memberi ganjaran yang besar kepadamu, mengelokkan kesabaranmu, mengampunkan si mati, dan semoga Allah menggantikan musibah yang berlaku dengan kebaikan untukmu.

Bidaah Dalam Menguruskan Jenazah

1. Semua perkara yang menyalahi adab-adab mengiringi jenazah yang telah kita sebutkan adalah bidaah yang seharusnya dijauhi. Seperti mengiringi jenazah dalam keadaan menunggang (menaiki kenderaan) dan mengangkat suara.

2. Membawa bunga-bungaan/jambak-jambak bunga dan seumpamanya bersama jenazah. Ia adalah bidaah yang diharamkan yang telah menular di kalangan orang-orang Islam kerana mengikuti adat-adat orang kafir dalam upacara-upacara jenazah mereka. Juga kerana perbuatan tersebut boleh mensia-siakan harta tanpa faedah dan memberi makna bermegah-megah dan berbangga.

3. Kubur-kubur yang digali dan dibuat, lain daripada cara yang telah kita sebutkan dari segi ukuran dalam dan luasnya, serta keutamaan membuat lahad kemudian lubang *syaq*.

4. Makruh membina kubur (sama ada bahagian dalam atau luar) dengan setiap benda yang diproses menggunakan api, seperti simen, kapur dan seumpamanya.

   Muslim (970) meriwayatkan daripada Jabir r.a.:

   Rasulullah s.a.w. melarang kubur daripada di simen.

Manakala hukumnya adalah haram jika kubur dibina menggunakan marmar dan seumpamanya, kerana amat berlawanan dengan tegahan Rasulullah s.a.w., juga kerana terdapat pembaziran harta yang ditegah oleh syarak serta terdapat sifat bermegah dan menunjuk yang amat dimurkai oleh agama Allah s.w.t.

5. Meninggikan kubur dan membuat binaan di atasnya adalah dihukumkan *makruh tahrim*, sebagaimana yang banyak dilakukan oleh orang ramai pada hari ini. Mengikut as-Sunnah, kubur tidak ditinggikan daripada tanah lebih daripada sejengkal kerana semua perkara tersebut adalah dilarang.

Imam Muslim (969) dan lainnya meriwayatkan bahawa Ali bin Abi Talib r.a. berkata kepada Abi Hayyaj Al-Asadi:

Tidakkah kamu mahu aku utuskan kamu untuk melakukan perkara yang aku diutuskan oleh Rasulullah untuk melakukannya?. Kamu hendaklah meruntuhkan semua berhala dan ***meratakan*** *semua kubur yang ditinggikan orang.*

Maksud *meratakan* di sini ialah meratakannya dengan meninggalkannya tinggi sedikit daripada aras bumi.

6. Meratapi pemergian si mati dengan menghitung segala sifat-sifatnya seperti berkata: "Wahai penaungku, wahai harapanku" dan sebagainya. Begitu juga dengan *al-niyahah* iaitu setiap perbuatan atau perkataan yang mengandungi makna yang menzahirkan rasa kedukacitaan, seperti memukul dada, mengoyak pakaian dan seumpamanya. Semua perbuatan tersebut adalah haram. Rasulullah s.a.w. telah melarangnya sebagaimana yang terdapat dalam hadis-hadis sahih dan ayat yang digunakan adalah keras. Ini kerana perbuatan tersebut berlawanan dengan konsep tunduk dan menyerah diri kepada segala keputusan Allah dan takdir-Nya.

Imam Muslim (935) meriwayatkan daripada Abi Malik Al-Asyari r.a. Nabi s.a.w. bersabda:

النَّائِحَةُ إِذَا لَمْ تَتُبْ قَبْلَ مَوْتِهَا تُقَامُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَعَلَيْهَا سِرْبَالٌ مِنْ قَطِرَانٍ وَدِرْعٌ مِنْ جَرَبٍ

Perempuan yang meratap (pemergian si mati) jika tidak bertaubat sebelum kematiannya, akan dibangkitkan pada hari kiamat dengan memakai seluar daripada tar dan pakaian daripada kudis gatal.

Iaitu anggota badannya diselaputi dengan kudis dan gatal sebagaimana pakaian yang meliputi badan.

Al-Bukhari (1232) meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَطَمَ الْخُدُودَ وَشَقَّ الْجُيُوبَ وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ

Bukan daripada kalangan kami orang yang menampar (memukul) pipi, mengoyak pakaian dan menyeru dengan seruan Jahiliah

Contoh seruan jahiliah ialah seperti berkata: Wahai tulang lenganku (orang harapanku), wahai sandaran rumahku dan seumpamanya.

Manakala menangis yang lahir daripada sifat semulajadi manusia yang mempunyai perasaan dan hati yang halus adalah tidak mengapa.

Al-Bukhari (1241) dan Muslim (2316, 2310) meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah menangis (merasa sedih) sebelum kematian anaknya Ibrahim. Apabila melihatnya, Baginda memujuk hatinya dengan berkata:

Sesungguhnya mata itu mengeluarkan air mata, hati pula merasa sedih, dan kami tidak berkata melainkan apa yang diredhai oleh Tuhan kami. Sesungguhnya kami merasa sedih berpisah denganmu wahai Ibrahim.

Imam Muslim (976) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. katanya:

Nabi s.a.w. telah menziarahi kubur ibunya lalu Baginda menangis dan orang-orang di sekelilingnya turut menangis.

7. Keluarga simati sibuk membuat makanan dan menjemput orang ramai menikmatinya sebagaimana yang biasa berlaku pada zaman sekarang. Perbuatan tersebut adalah bidaah yang berlawanan sama sekali dengan sunnah Rasulullah s.a.w.:

Menurut as-Sunnah, perkara yang harus dilakukan ialah sebaliknya; sebahagian mereka yang mengiringi jenazah berperanan membawa makanan dan dihantar kepada keluarga simati atau mengumpulkan mereka di sebuah rumah orang yang menjemput. Disunatkan supaya dibuat dengan banyak sekira-kira mencukupi untuk sehari semalam bagi keluarga simati.

Ini berdasarkan peristiwa ketika Rasulullah s.a.w. diberitahu tentang kematian Jaafar bin Abi Talib, Baginda bersabda:

Buatlah makanan untuk keluarga Jaafar. Sesungguhnya telah berlaku kepada mereka perkara yang menyibukkan mereka.

(At-Tirmidzi (998), Abu Daud (31332) dan lain-lainnya)

Haram menyediakan makanan untuk perempuan-perempuan yang meraung sesuatu kematian dan juga orang-orang yang

seumpama mereka, sama ada mereka dari keluarga simati atau lainnya. Ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam membantu melakukan maksiat dan menggalakkan penerusan.

Di antara bidaah yang dilakukan oleh keluarga simati ialah menjemput orang ramai untuk makan, sempena berlalunya 40 hari kematian keluarganya dan seumpamanya. Sekiranya makanan yang disediakan adalah daripada harta ahli waris yang belum baligh, maka ia sangat ditegah dan diharamkan. Ini kerana ia adalah perbuatan memakan harta anak yatim dan mensia-siakan hartanya yang tidak memberi apa-apa *maslahat* (kebaikan) kepadanya. Semua dikira terlibat dalam melakukan perbuatan yang haram itu sama ada keluarga yang menjemput atau mereka yang datang memakannya.

8. Diantara bentuk bidaah juga ialah membaca al-Quran di majlis-majlis rasmi sebagai *ta'ziah* (kepada keluarga simati) sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Sesungguhnya ucapan *ta'ziah* yang disunatkan untuk keluarga simati ialah dalam tempoh tiga hari daripada tarikh kematian sebagaimana sepakat di kalangan ulama'.

Hukum Keguguran dan Orang yang Mati Syahid

Erti *keguguran* ialah: Anak yang lahir sebelum sempurna kejadiannya.

Erti *mati syahid* ialah orang yang dibunuh di medan perang kerana mempertahankan Islam dan mengangkat panji-panjinya.

Hukum Keguguran

Terdapat dua keadaan ketika berlaku keguguran

Keadaan pertama: Anak tersebut tidak menjerit (bersuara) ketika dilahirkan. Jika umurnya belum sampai 4 bulan, maka tidak wajib dimandikan, dikafan dan disembahyangkan. Tetapi sunat dibalut/dikafan dengan kain dan ditanam tanpa disembahyangkan.

Keadaan kedua: Menangis (bersuara) ketika dilahirkan atau diyakini akan hidupnya disebabkan ada pergerakan yang berlaku dan seumpamanya. Ketika itu wajib disembahyangkan dan dilakukan semua perkara yang telah disebutkan; tidak ada beza antaranya dengan orang yang telah dewasa.

At-Tirmidzi (1032) dan lainnya meriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

الطِّفْلُ لَا يُصَلَّى عَلَيْهِ وَلَا يَرِثُ وَلَا يُورَثُ حَتَّى يَسْتَهِلَّ

Kanak-kanak tidak disembahyangkan, tidak mewarisi dan tidak diwarisi sehingga dia (didapati) menjerit (bersuara ketika dilahirkan).

Ibnu Majah (1508) meriwayatkan daripada Jabir r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا اسْتَهَلَّ السِّقْطُ صُلِّيَ عَلَيْهِ وَوَرِثَ

Apabila anak yang gugur ***menjerit*** *(bersuara), maka disembahyangkan dan dia boleh mewarisi.*

Maksud *menjerit* di sini ialah bersuara, bersin atau pergerakan; dengannya dapat diketahui hidupnya.

Hukum Orang yang Mati Syahid

Hukum orang yang mati syahid ialah tidak dimandi dan tidak disembahyangkan, bahkan sunat dikafankan dengan pakaian yang dipakai ketika terbunuh (di medan perang).

Al-Bukhari (1278) meriwayatkan daripada Jabir r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah memerintahkan supaya para syuhada' yang terbunuh dalam peperangan Uhud dikebumikan dengan darah-darah mereka dan mereka tidak dimandi dan tidak disembahyangkan.

Jika (seorang mujahid) luka di medan perang dan masih hidup sehingga selesai peperangan, selepas itu dia mati, maka matinya tidak dianggap mati syahid dari segi hukum menyelenggarakannya di dunia ini; dia mesti dimandi dan disembahyangkan sepertimana biasa. Sekalipun kematiannya disebabkan kesan luka peperangan yang disertainya.

Hikmah tidak dimandi dan tidak disembahyangkan orang yang mati syahid ialah untuk mengekalkan kesan syahid pada diri mereka dan memuliakan mereka lantaran mereka tidak lagi berhajat kepada doa orang ramai (untuk kebahagian di hari akhirat). Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَا مِنْ كَلْمٍ يُكْلَمُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِلَّا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَهَيْئَتِهِ حِينَ كُلِمَ لَوْنُهُ لَوْنُ دَمٍ وَرِيحُهُ رِيحُ مِسْكٍ

Demi jiwa Muhammad yang berada dalam gengaman-Nya! Tidak ada luka yang berlaku pada jalan Allah, melainkan ia akan datang pada hari Kiamat sebagaimana keadaan asalnya (ketika dia luka di dunia): Warnanya adalah warna darah dan baunya adalah bau kasturi.

Menziarahi Kubur

Para ulama' bersepakat bahawa sunat bagi golongan lelaki menziarahi kubur orang Islam sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis sahih:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

(Dahulu) Aku pernah melarang kamu menziarahi kubur, maka (sekarang) ziarahilah ia.

(Muslim (977))

Menurut riwayat At-Tirmidzi (1054)

فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ

Sesungguhnya menziarahi kubur akan mengingatkan (kamu) kepada hari Akhirat.

Dalil lain ialah hadis sebelum ini yang menceritakan Nabi s.a.w. menziarahi kubur ibunya.

Menziarahi kubur tidak disunatkan pada waktu-waktu tertentu sahaja (bahkan pada bila-bila masa).

Bagi golongan perempuan, mereka dimakruhkan menziarahi kubur (orang Islam) kerana dibimbang berlaku *Al-Tabarruj* (bersolek ketika keluar ke sana), menjerit-jerit dan mengangkat suara. Abu Daud (3236) dan lainnya meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. katanya:

Allah melaknat perempuan-perempuan yang menziarahi kubur.

Walau bagaimanapun, disunatkan menziarahi kubur Rasulullah s.a.w.. Dan sayugia diqiaskan kepada menziarahi kubur-kubur Nabi yang lain dan orang-orang yang soleh, dengan syarat, mereka

keluar tidak dalam keadaan bersolek (berhias), tidak bercampur dan bersesak-sesak dengan golongan lelaki serta tidak mengangkat suara kerana semua itu adalah punca berlaku fitnah. Alangkah banyaknya berlaku perkara tersebut ketika mereka menziarahi kubur.

Adab-adab Menziarahi Kubur

Di antara adab-adab menziarahi kubur ialah, apabila seseorang yang menziarahi masuk ke kawasan perkuburan, disunatkan mengucap salam kepada penghuni kubur dengan berkata:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ

Salam sejahtera ke atas kamu; penghuni di rumah (kubur) orang-orang yang beriman. Sesungguhnya kami Insya-Allah (pada masa akan datang) menyusul pula bersama-sama kamu.

(Muslim (249))

Hendaklah dibaca di sisi mereka ayat-ayat Al-Quran. Sesungguhnya rahmat Allah diturunkan ketika al-Quran dibaca. Setelah selesai membaca al-Quran, hendaklah mendoakan kebaikan untuk mereka dan pahala bacaannya dan sebagainya dihadiahkan kepada roh-roh mereka. Sesungguhnya doa yang diterima (dimakbul) adalah diharapkan. Apabila doa dimakbulkan, maka simati akan mendapat manfaat daripada pahala bacaan (yang dihadiahkan kepadanya).

Wallahu A'lam